

**PELAKSANAAN DAKWAH PERSATUAN ISLAM
TIONGHOA INDONESIA (PITI) DI MEDAN
SUMATERA UTARA: KAJIAN TENTANG
MASALAH DAN CABARAN**

ABDI SYAHRIAL HARAHAHAP

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PELAKSANAAN DAKWAH PERSATUAN ISLAM
TIONGHOA INDONESIA (PITI) DI MEDAN
SUMATERA UTARA: KAJIAN TENTANG
MASALAH DAN CABARAN**

ABDI SYAHRIAL HARAHAP

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji organisasi dakwah Muslim Tionghoa Indonesia atau dikenali sebagai Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang terletak di Daerah Medan, Sumatera Utara-Indonesia, terutamanya mengenai kewujudannya sebagai organisasi dakwah, strategi, masalah dan cabaran serta usaha untuk menjadikan dakwah yang lebih berkesan dan cekap. Kajian kes kualitatif telah digunakan sebagai kaedah untuk mendapat kesimpulan dari kajian ini. Adapun soal selidik digunakan sebagai data pendukung daripada sumber lain. Dokumen analisis, pemerhatian dan temubual dengan enam anggota organisasi dan salah seorang pemerhati Muslim Tionghoa telah dijalankan di mana data telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik dan pengkodan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PITI sebagai aset pergerakan Islam telah memberi banyak sumbangan terutama untuk menjembatani muallaf yang masih dalam masa peralihan dimana mereka menghadapi rintangan keluarga dan masyarakat kerana perubahan kepercayaan dengan memeluk agama Islam. Pengajaran Islam adalah satu program khas yang ditawarkan oleh PITI untuk membantu muallaf dalam menerapkan kepercayaan mereka dan untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai Islam. PITI juga membangunkan strategi untuk menubuhkan kewujudan organisasi sama ada melalui rangkaian dan membuat hubungan dengan organisasi Islam yang lain seperti Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan al-Washliyah atau melalui asimilasi (pembauran) dan menjalankan pendekatan budaya di kalangan masyarakat yang pelbagai. PITI juga membangunkan kaedah bersepadu dalam berdakwah bersesuaian dengan permintaan dan keperluan peserta dakwahnya seperti melalui *dakwah fardiyah*, *dakwah bil hal*, *dakwah bil hikmah* (bijaksana), *bil jadal* (debat) dan *qishash* (sejarah). Masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh PITI antara lain

meliputi aspek kepimpinan dan pengurusan, kesediaan infrastruktur dan sumber manusia, sumber kewangan, identiti etnik, kebiasaan lama, serta faktor Kristenisasi. Kerana itu usaha untuk menjadikan dakwah lebih berkesan adalah dengan menyelesaikan masalah tersebut. Oleh itu, PITI merancang untuk merombak struktur pentadbiran dan organisasi, mewujudkan sumber kewangan seperti menubuhkan jawatan kuasa perdagangan dan pelancongan, serta cadangan *dakwah* dengan menggunakan media massa elektronik dan penerbitan..

University of Malaya

ABSTRACT

The research is aimed at investigating the Indonesian *dakwah* organization of Muslim Tionghoa or known as Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) which is located at Medan District, North Sumatera-Indonesia, mainly regarding its existence as organization of *dakwah*, its strategy, problems and challenges as well as its effort to make the *dakwah* more effective and efficient. Qualitative case study was employed as the method to arrive at the conclusions of the study. While, survey was employed to support qualitative data as second sources. Document analyses, observations and interviews with six members of the organization and an observer of Muslim Tionghoa had been conducted upon which data were analyzed by employing thematic analysis and coding. The findings indicate that the PITI as an asset of Islamic movement had contributed to bridge the psychological transition especially for *muallaf* who faced their hindrances among their family and community because of the change of their belief and convert to Islam. Islamic teaching was a special program offered by PITI to help *muallaf* to enforce their belief and to enhance their knowledge regarding Islam. PITI also developed its strategy to establish the existence of the organization whether through networking and making relationship with the other Islamic organization such as *Muhammadiyah*, *Nahdhatul Ulama* (NU) and *al-Washliyah* or through assimilation and developing diverse cultural approach among various communities. PITI also develops integrated method accordingly in the *dakwah* based on demands and needs through combination manners of *dakwah bil hall* (good performance), *hikmah* (wise), *jadal* (debate) and *qishash* (history). The internal and external problems which are faced by PITI include leadership and management, availability of infrastructure and human resources, financial sources, ethnic identity, cultural and habitual old life and Christianization, while an effort to

make *dakwah* more effective is to solve the problems mentioned. Therefore, PITI plans to reshuffle structurally and administratively of the organization, establishing financial sources such as setting up bureaus of trade and travel and employing electronically mass media and publishing as a medium of *dakwah*

University of Malaya

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipersembahkan ke hadrat Allah S.W.T . yang telah memberikan rahmat kepada seluruh hamba-Nya. Selawat dan salam buat junjungan tercinta Nabi Muhammad S.A.W., seluruh keluarga baginda, para sahabat serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda s.a.w. sehinggalah ke hari akhirat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr Syed Abdurrahman Syed Hussin selaku penyelia Tesis ini, yang telah banyak membantu menyiapkan kajian ini. Segala usaha, bantuan, nasihat, serta kesudian beliau menyelia tidak dapat pengkaji lupakan. Hanya doa pengkaji panjatkan agar beliau sentiasa mendapat rahmat daripada Allah S.W.T.

Buat ayah tercinta, Allahyarham Hj Mara Sutan Harahap dan ibu tersayang Hjh Nurmawati Syahmin Siregar yang telah bersusah payah membesarkan dan mendidik pengkaji, dirakamkan jutaan terima kasih yang tidak berpenghujung di atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan. Tidak lupa juga kepada adik beradik serta juga saudara mara pengkaji yang telah menghulurkan bantuan dari pelbagai segi, semenjak pengkaji masih kecil sehinggalah dewasa, diucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas segala bantuan yang telah dihulurkan.

Buat isteri tercinta Hjh Farida Hanim dan anak-anak tersayang Afif, Yasmine dan Ilma.

Pengkaji juga merakamkan ucapan terima kasih kepada para Pensyarah di jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan dan Bapak Muhammad Ihsan Ketua Piti

Medan. serta seluruh ahli jawatan kuasa yang banyak membantu pengkaji untuk menyiapkan kajian ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Yayasan Tun Suffian khasnya kepada Tunku Dato' Dr Hjh. Sofiah Jewa dan Dato' Dr Hj. Yaacob Hussain Merican yang telah memberi biasiswa kepada pengkaji. Akhir sekali, pengkaji menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini.

Kuala Lumpur, 1 September 2015

Abdi Syahrial Harahap

University of Malaya

KANDUNGAN TESIS

PENGAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Masalah Kajian	1
1.2 Soal Kajian	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kajian Lepas	12
1.7 Pengertian Tajuk	16
1.8 Metodologi Penyelidikan	19
1.9 Etika Pengkajian	31
1.10 Sistematika Penulisan	32

BAB II: KONSEP DAN STRATEGI DAKWAH

2.0 Pengenalan	34
2.1 Pengertian Dan Hukum Dakwah	36
2.2 Dasar Dakwah	38
2.3 Unsur-unsur Dakwah	40
2.3.1. Kandungan Dakwah	40
2.3.2. Dai (pendakwah)	42
2.3.3. Metode dakwah	44

2.3.4. Objek Dakwah	50
2.3.5. Media Dakwah	52
2.4 Strategi Dakwah Terhadap Saudara Baru	58

BAB III: PENGENALAN MASYARAKAT TIONGHOA DI MEDAN

3.0 Pengenalan	69
3.1 Pengenalan Bandaraya Medan	69
3.1.1 Geografi dan Demografi Bandaraya Medan	69
3.1.2 Keadaan Multi Etnik Masyarakat Bandaraya Medan	72
3.2 Masyarakat Tionghoa di Bandaraya Medan	85
3.2.1 Sejarah Etnik Tionghoa	85
3.2.2 Pandangan Orang Tionghoa Non Muslim Terhadap Islam	88
3.2.3 Agama Etnik Tionghoa	93
3.2.4 Perekonomian Etnik Tionghoa	95
3.3 Pengenalan Organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI)	103
3.3.1 Sejarah Berdirinya Organisasi PITI	103
3.3.2 Tujuan, Visi dan Misi PITI	108
3.3.3 Struktur Organisasi	110

BAB IV: TEMUAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	112
4.1 Identiti Partisipan	112
4.2 Panaung Saudara Baru	115
4.3 Aktiviti Organisasi Dakwah PITI	118
4.4 Strategi Pendekatan Dakwah PITI	132
4.5 Tantangan Perjuangan Gerakan Dakwah PITI	141
4.6 Ke Arah Efektiviti Dakwah PITI	170

**BAB V: ANALISIS MASALAH DAN CABARAN DAKWAH PITI
TERHADAP MASYARAKAT TIONGHOA DI MEDAN**

5.0	Pengenalan	174
5.1.	Analisis Data Kualitatif	174
5.1.1	Kewujudan Pertubuhan PITI	174
5.1.2	Strategi Pengembangan Dakwah	180
5.1.3	Permasalahan dan Cabaran Dakwah PITI	199
5.1.4	Penyelesaian Efektiviti Dakwah PITI	207
5.2.	Analisis Data Kuantitatif (Survey: Soal Selidik)	214
5.2.1.	Pengenalan	214
5.2.2	Profil Sampel Kajian	214
5.2.2.1	Latar belakang Responden	215
5.2.2.2	Asal dan Latar Belakang Memeluk Islam	224
5.2.2.3	Keberkesanan Metodologi Bagi Saudara Baru	238

BAB VI: PENUTUP

6.1	Kesimpulan	268
6.2	Cadangan dan Saranan	274

RUJUKAN	277
----------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1.	Perbandingan jumlah etnik Kota Medan	75
3.2.	Luas kawasan dan bilangan penduduk tahun 2012.....	77
3.3.	Komposisi Bilangan Penduduk Bandaraya Medan 2010	78
4.1	Pengurus Harian PITI Medan	112
5.1	Jantina Responden	216
5.2	Usia Responden	217
5.3	Status Perkahwinan	218
5.4	Pekerjaan	220
5.5	Pendidikan	221
5.6	Pendapatan	222
5.7	Agama Asal	225
5.8	Memeluk Islam	226
5.9	Perantara Dalam Mengenal Islam	227
5.10	Tempat Mengikuti Pengajian Islam	228
5.11	Program Meningkatkan Pemahaman Islam	229
5.12	Pendorong Meminati Islam	231
5.13	Ahli Keluarga Memeluk Islam	232
5.14	Perasaan Setelah Memeluk Islam	233
5.15	Hubungan Kekeluargaan Selepas Memeluk Islam	234
5.16	Tekanan Setelah Memeluk Islam	236
5.17	Pengetahuan	239
5.18	Silibus	244
5.19	Sistem	247
5.20	Sikap	251
5.21	Tenaga Pengajar	254
5.22	Kebajikan	258
5.23	Bentuk Program atau Aktiviti	263

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
3.1	Struktur organisasi Pengurus PITI di Bandar Raya Medan Priode 2010-2015	111
5.1	Jantina Responden	216
5.2	Usia Responden	217
5.3	Status Perkahwinan	218
5.4	Pekerjaan	220
5.5	Pendidikan	221
5.6	Pendapatan	223
5.7	Agama Asal	225
5.8	Memeluk Islam	226
5.9	Perantara Dalam Mengenali Islam	227
5.10	Tempat Mengikuti Pengajian Islam	228
5.11	Program Meningkatkan Pemahaman Islam	230
5.12	Pendorong Meminati Islam	231
5.13	Ahli Keluarga Memeluk Islam	232
5.14	Perasaan Setelah Memeluk Islam	233
5.15	Hubungan Kekeluargaan Selepas Memeluk Islam	235
5.16	Tekanan Setelah Memeluk Islam	236

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	` (a,i,u)	الفأرة	al-fa`rah
2	ب	b	بعث	ba`atha
3	ت	t	تاب	Tāba
4	ث	th	ثواب	Thawāb
5	ج	j	جعل	ja`ala
6	ح	h	حلب	Ḥalaba
7	خ	kh	خطب	khataba
8	د	d	دفع	dafa`a
9	ذ	dh	ذهب	dhahaba
10	ر	r	رجع	raja`a
11	ز	z	زرع	zara`a
12	س	s	سمع	sami`a
13	ش	sh	شفع	shafa`a
14	ص	ṣ	صعد	ṣa`ada
15	ض	ḍ	ضلل	Ḍalala
16	ط	ṭ	طلع	ṭala`a
17	ظ	ẓ	ظفر	Ẓafara
18	ع	‘ (a,i,u)	عليه	‘alayhi
19	غ	gh	غفر	ghafara
20	ف	f	فلح	Falaḥa
21	ق	q	قلم	qalama
22	ك	k	كتب	kataba
23	ل	l	لعب	la`iba
24	م	m	منع	mana`a
25	ن	n	نال	Nāla
26	و	w	وعد	wa`ada
27	ه	h	هدم	hadama
28	ي	y	يعلم	ya`lamu

Vokal Panjang

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	ā	قال	Qāla
2	أو	ū	موسى	Mūsā
3	إي	ī	إيمان	Īmān

Vokal Pendek

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	فتحة (ـَ)	a	نَصَرَ	naṣara
2	كسرة (ـِ)	i	نَاصِرٌ	nāṣirun
3	ضمة (ـُ)	u	يُنْصِرُ	yanṣuru

Diftong

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	وَ	aw	قَوْلٌ	<i>qawl</i>
2	يَ	ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
3	وَوُ	uww	قُوَّةٌ	<i>quwwah</i>
4	يَ يَ	iy, ī	عَرَبِيٌّ	<i>'arabiy/ī</i>

Sumber: Panduan Penulisan Ilmiah, ed. ketiga. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 2012.

JADUAL KEPENDEKAN

cet.	:	Cetakan
Dr.	:	Doktor
ed.	:	Editor
h.	:	Halaman
H.	:	Hijrah
<i>Ibid</i>	:	<i>Ibidem</i>
j.	:	Juzuk
K.H.	:	Kyai Haji
m.	:	Meninggal
M.	:	Masihi
M.A	:	<i>Master of Arts</i>
No.	:	Nombor
PITI	:	Persatuan Islam Tionghoa Indonesia
Prof.	:	Profesor
r.a	:	<i>Raḍiyallāh ‘Anh</i>
S.A.W	:	<i>Ṣallallāh ‘Alayh Wa Sallam</i>
S.W.T	:	<i>Subḥānahū wa Ta‘ālā</i>
t.p	:	Tanpa penerbit
t.t.	:	Tanpa tarikh
t.tp	:	Tanpa tempat penerbitan
terj.	:	Terjemahan
Vol.	:	Volume

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian.

Dakwah merupakan suatu rangkaian aktiviti atau proses tentang (1) *mengajak* umat manusia yang tersesat dan terpesong dalam akidah (*dalālah*) supaya kembali ke pangkal jalan (*ṣirāṭ al-mustaqīm*) iaitu kepada agama Allah S.W.T (*al-Islām*), tentang (2) *menyeru* iaitu memperjelaskan semula kepada umat manusia kenyataan Allah S.W.T bahawa agama Islam sebagai agama yang benar dan sebenar serta tentang (3) *mengingatkan* umat manusia tentang janji-janji-Nya (*al-Wa'd*) dan ancaman-Nya (*al-Wa'i'd*), yang mana janji Allah itu adalah benar (*al-Ḥaq*) dan ancaman Allah itu pula pasti berlaku bila-bila masa sama ada berlaku di dunia ataupun di akhirat, pantas secara mengejut ataupun lambat.

Melaksanakan dakwah adalah satu tuntutan agama, kerana setiap Muslim pada hakikatnya wajib menjalankan dakwah, sama ada memulakan dakwah daripada dirinya sendiri, *ibda' binafsik* iaitu memulakan dan mencontohkan dari diri sendiri ataupun dengan cara dakwah *bil hal*, iaitu menunjukkan sikap dan akhlak yang baik dan berperilaku sebagai seorang Muslim sejati. Ini ertinya jika dakwah tidak dilakukan, disampaikan atau diteruskan akan menyebabkan Islam semakin terpinggir dan tidak dihayati di kalangan penganutnya. Usaha dakwah perlu dipertingkatkan bagi menghalang penyebaran agama lain mempengaruhi penganut Islam. Selain itu, dakwah yang disebarkan oleh musuh-musuh Islam perlu diperjelaskan bagi mengelak umat Islam diperdaya. Kepentingan usaha dakwah sebagai nadi untuk memperkasakan keimanan dan ketakwaan di kalangan orang Islam sendiri dan sebagai petunjuk untuk

memperkenalkan dan membawa orang bukan Islam mengenal dan berminat terhadap Islam.

Dakwah adalah proses mempengaruhi sama ada melalui lisan, tulisan atau tampilan, dan bukan dengan cara paksaan. Dakwah disampaikan secara arif dan bijaksana, kerana memang kewajiban seseorang penganut Islam adalah untuk menyampaikan *risalah tauhid*, sedangkan bagaimana respon dan kelanjutan peserta atau objek dakwah adalah terpulang kepada Allah yang memberi hidayah. Oleh yang demikian, apakah kemudian objek dakwah itu mengikuti jejak penda'i atau tidak, itu bukan lagi urusannya, yang terpenting ianya telah menyampaikan sesuatu yang hak, dan selebihnya diserahkan kepada ketentuan dan keputusan Allah S.W.T.

Dengan kata lain, dakwah merupakan tugas kekhalifahan daripada Allah S.W.T kepada umat manusia supaya menjadi wakil-Nya di muka bumi ini. Oleh itu, maka tugas utama yang perlu dilakukan ialah menyeru dan mengajak seluruh umat manusia supaya beribadah hanya kepada Allah yang satu, patuh dan taat setia kepada perintah-Nya dan menjauhi apa-apa larangan-Nya. Seruan dakwah seperti itulah yang harus disampaikan secara berterusan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, aktiviti dakwah merupakan satu program yang perlu diberi keutamaan, kerana ianya berdepan dengan pelbagai cabaran semasa. Antara perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan dalam melakukan aktiviti dakwah ialah melakukan perubahan yang berkait dengan strategi dakwah. Perubahan dalam strategi dakwah penting dilakukan kerana ianya menjadi kayu ukur terhadap wujud dan tidak wujudnya keberkesanan dakwah.

Rasulullah SAW melakukan dakwahnya secara berterusan dengan penuh ikhlas, bijaksana dan bersungguh-sungguh sehingga berjaya membawa masyarakat Arab

jahiliah di Makkah untuk menerima, menghayati dan mengamalkan Islam. Sedangkan sebelum itu masyarakat Arab jahiliah begitu berpegang kuat kepada kepercayaan dan adat resam datuk moyang mereka dan sanggup berbunuh-bunuhan demi mempertahankan kepercayaan itu. Kejayaan dakwah Rasulullah bergantung kepada tiga kaedah yang dilakukan iaitu secara lisan (*bi al-lisān*), tulisan (*bi al-kitābah*) dan contoh amal baik (*bi al-ḥāl*). Rasulullah menggunakan kaedah tersebut mengikut keadaan dan kesesuaian sama ada dengan mana-mana satu cara atau gabungan ketiga-tiganya iaitu bersepadu dan integratif.

Bilangan penganut agama Islam terus bertambah adalah bukti bahawa aktiviti dakwah terus berjalan. Akan tetapi, bilangan penganut agama Islam yang ramai tidak dapat dijadikan tolak ukur kejayaan dakwah umat Islam, sekiranya kuantiti atau bilangan penganut agama Islam itu tidak bermutu. Oleh itu, cabaran strategi dakwah pada ketika ini adalah mengajak umat Islam supaya menjadi umat yang mempunyai; *pertama* kualiti dalam amal ibadah hanya kepada Allah yang Satu (*ḥabl min Allāh*), muamalah manusia kepada manusia (*ḥabl min al-nās*) dan perbuatan manusia kepada alam sekitar dan *kedua*; mempunyai kualiti dalam amal perbuatan nyata iaitu amal ibadah manusia untuk menaikkan potensi dirinya menjadi insan yang kamil selari dengan tuntutan agama Islam itu sendiri.

Aktiviti dakwah akan berjalan secara baik dan benar sekiranya ianya mengguna pakai sistem sokongan yang sesuai. Sistem sokongan yang dimaksudkan di sini adalah lembaga atau organisasi dakwah, kerana menerusi lembaga dakwah, praktikal kegiatan (aktiviti) dakwah akan lebih berkesan berbanding praktikal kegiatan dakwah dilakukan secara perseorangan. Dalam kaitan ini Sidi Ghazalba menyatakan bahawa pergerakan dakwah tidak mungkin berjalan secara baik dan benar sekiranya tidak dikelola dalam

bentuk kelembagaan. Kerana ianya penting untuk mencapai suatu objektif yang diinginkan, maka lembaga Islam itulah menjadi sarana untuk mencapai tujuan.¹

Menerusi lembaga dakwah inilah para da'i akan lebih berperanan dalam melakukan aktiviti dakwahnya. Selain itu pula, para da'i akan lebih kreatif mengamati permasalahan yang wujud dan mengambil berat mengenai mana-mana bidang yang menjadi keutamaan dalam melakukan dakwah Islamiah. Berkait dengan hal di atas, agar supaya aktiviti dakwah menepati kepada objektif sebenar dakwah, maka ada empat tema utama yang mesti disampaikan dalam praktikal aktiviti dakwah Islamiah di lapangan iaitu:

- a) Mengingatkan umat manusia mengenai nilai-nilai kebenaran dan keadilan sama ada secara lisan mahupun tulisan.
- b) Membincangkan prinsip-prinsip Islam menerusi karya tulisan.
- c) Memberi contoh-contoh teladan mengenai perilaku akhlak yang mulia.
- d) Bertindak tegas mengikut keupayaan sama ada secara fizikal, harta mahupun jiwa dalam menegakkan prinsip-prinsip Ilahi.²

Kesan perkembangan dakwah Islam tidak hanya berlaku pada masyarakat peribumi, akan tetapi juga berlaku kepada masyarakat Cina (Tionghoa). Kesan dakwah itu telah pun mempengaruhi ramai masyarakat Tionghoa, walaupun sebahagian mereka sememangnya nampak masih menolak Islam. Gejala mengenai kemasukan warga Tionghoa ke dalam agama Islam, mengikut keterangan Charles A.Coppel: "Sesungguhnya merupakan fenomena baru di kalangan warga keturunan Tionghoa masuk agama Islam." Mengenai hal ini, Suryadinata menyatakan bahawa sebelum tahun

¹ Sidi Gazalba, *Islam dan Perubahan Sosiobudaya (Kajian Islam tentang Perubahan Masyarakat)*, (Jakarta: Pustaka Alhusna, 1983), 111.

² DR.Fuad Amsyary, *Islam Kaffah Tantangan Sosial dan Aplikasinya di Indonesia* (Jakarta: Gema Insan Press, 1995), 51.

1970-an tidaklah ramai warga Tionghoa yang masuk agama Islam. Tidak lama kemudian, selepas beberapa tahun tersebut ramai di antara warga keturunan Tionghoa yang memeluk agama Islam. Mereka yang masuk agama Islam selepas era tersebut tidak setakat dari kalangan kelas menengah ke bawah, tetapi juga dari kalangan ahli perniagaan, profesional, mahasiswa dan sebilangan cendekiawan.³

Namun demikian, terdapat andaian dan anggapan berdasarkan telaah pada beberapa kajian mengenai pandangan keagamaan masyarakat Tionghoa Muslim terhadap dakwah Islam, antara lain dinyatakan bahawa keinginan mereka (masyarakat Tionghoa) masuk agama Islam sangat kurang, bahkan mereka tidak lagi meyakini agama Islam sebagai ajaran yang benar. Berikut ini antara faktor-faktor alasan mengapa mereka bersikap demikian adalah:

- 1) Penyebaran dan dakwah Islam di kalangan masyarakat Tionghoa masih sangat kurang dan hanya setakat dilakukan oleh orang-orang Tionghoa.
- 2) Pandangan mereka terhadap ajaran agama Islam yang mereka anggap kurang bertolak ansur dan tertutup (eksklusif).
- 3) Keengganan orang Tionghoa untuk melakukan pengorbanan fizikal tertentu seperti berkhitan, tidak boleh memakan daging babi dan meminum arak dan lain sebagainya.
- 4) Pandangan mereka terhadap sikap tegas agama Islam berkenaan hal percampuran budaya dan keyakinan (singkretik), yang mana sikap tersebut melekat sebagai pembawaan dan budaya orang Tionghoa.
- 5) Prasangka dan keangkuhan budaya kerana orang Tionghoa menganggap budaya orang Islam lebih rendah martabatnya berbanding budaya mereka.

³ Suryadinata, *The Culture of The Chinese Minority in Indonesia* (Selangor: Times Books International, 1997), 11.

Selanjutnya diperkirakan bahawa penghayatan mengenai kefahaman ajaran agama Islam di kalangan masyarakat Tionghoa merupakan hambatan yang sangat membimbangkan, hal ini dapat dilihat dari kurangnya dari kalangan mereka yang memeluk agama Islam. Ada beberapa motif kemasukan mereka ke dalam agama Islam iaitu:

1. Panggilan hati dan kesedaran orang Tionghoa itu sendiri bahawa Agama Islam ialah agama yang benar, yang mana mereka memperolehinya menerusi pelbagai sumber sama ada sumber secara lisan mahupun secara tulisan.
2. Persekitaran di mana mereka bermastautin iaitu di tengah-tengah majoriti masyarakat Muslim menjadi sebab dan sumber inspirasi untuk mengenal dan memeluk agama Islam.
3. Keinginan memeluk agama Islam didorong oleh sebab lain iaitu agar supaya mereka (orang Tionghoa) boleh berkahwin dengan wanita Muslimah tempatan ataupun sebaliknya.

Merujuk kepada fenomena di atas, kiranya menarik untuk dikaji mengenai kewujudan organisasi dakwah Islam di kalangan masyarakat Tionghoa. Perhimpunan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang terletak di Bandar Raya Medan Sumatera misalnya, yang ditubuhkan pada tahun 1961 telah pun mengembangkan dakwah Islamiah. Ianya telah ikut menyumbang kepada kesan positif yang mana dakwah Islam yang disampaikan menerusi lembaga itu telah pun diterima di kalangan masyarakat Tionghoa. Kewujudannya telah membangkitkan kesedaran yang signifikan di kalangan mereka yang telah masuk agama Islam. Di samping itu pula, PITI merupakan media yang diharapkan dapat menambah maklumat bagi kalangan Tionghoa Muslim untuk menyatupadukan mereka dalam satu matlamat.

Selanjutnya, selari dengan keperluan yang wujud semasa melakukan aktiviti berdakwah maka kewujudan Perhimpunan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) sangat diperlukan, yang mana diharapkan akan menjadi sarana yang sangat berkesan untuk mendorong minat mereka dalam mengenal dan memahami serta memeluk agama Islam. Selain itu pula, lembaga tersebut harus merancang dan menyusun langkah-langkah bijaksana dan strategik sehingga boleh mendorong kepada keberkesanan dakwah di kalangan mereka. Mereka akan menilai bahawa agama Islam adalah agama yang benar, lurus dan bertolak ansur.

Kerana itu, dalam kesempatan ini penulis ingin mengkaji lebih lanjut tentang pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh masyarakat Muslim Tionghoa terutama dakwah yang dilakukan di Bandar Raya Medan. Kerana itu pengkaji mengemukakan tajuk kajian sebagai berikut: **“Pelaksanaan Dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Medan Sumatera Utara: Kajian Tentang Masalah dan Cabaran”**. Diharapkan menerusi kajian ini, pengkaji dapat memperoleh pendedahan maklumat penting berkaitan dengan tugas-tugas PITI, sumbangan dan peranannya serta permasalahan dan upaya mengatasi permasalahan tersebut dalam melaksanakan dan mengembangkan dakwah Islam. Dengan demikian kajian akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pengkaji tapi juga kepada masyarakat akademik, organisasi dan pertubuhan PITI itu sendiri dan umat Islam dalam ertian luas.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian ini memaparkan persoalan-persoalan yang dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai kewujudan, pelaksanaan dan permasalahan serta cabaran dakwah

Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan Sumatera Utara.

Adapun beberapa soalan dalam kajian ini dikemukakan seperti berikut:

1. Bagaimana aktiviti organisasi dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan?
2. Bagaimana strategi dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan?
3. Bagaimana masalah dan cabaran yang dihadapi organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) dalam melaksanakan dakwah?
4. Bagaimana perancangan organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) agar dakwah dapat dilaksanakan secara berkesan?

1.3 Objektif Kajian.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang penting dan bermanfaat untuk kalangan masyarakat Muslim Tionghoa khususnya juga untuk umat Islam amnya.

Adapun objektif kajian tesis ini adalah :

- a) Untuk mengenal pasti bentuk aktiviti organisasi dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan
- b) Untuk mengenalpasti strategi organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) Bandaraya Medan dalam melaksanakan dakwahnya di kalangan masyarakat cina muslim di Medan.
- c) Untuk mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) dalam melaksanakan dakwah.
- d) Untuk mengenalpasti bagaimana perancangan organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) agar dakwah yang dilakukan terhadap golongan cina muslim di Medan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

1.4 Kepentingan Kajian

Pembahasan ini diharapkan memiliki erti akademik yang dapat memperkayakan lagi maklumat tentang perkembangan dakwah Islam. Kepentingan kajian dalam penyelidikan ini antara lain:

- 1) Untuk dapat mendedahkan sejauh mana bentuk aktiviti organisasi dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) Bandaraya Medan dalam pergerakan dakwah sama ada di kalangan masyarakat umum mahupun masyarakat Tionghoa.
- 2) Dapat menggambarkan bagaimana pandangan masyarakat Tionghoa Muslim terhadap Islam, dan bagaimana program-program dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) Bandaraya Medan dalam membentuk akhlak dan keperibadian mereka agar lebih baik dari sebelum Islam dan bahkan hilangnya gambaran negatif pada diri mereka.
- 3) Dapat memberikan maklumat mengenai kewujudan dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) dan sumbangnnya di kalangan masyarakat Bandaraya Medan sama ada di kalangan masyarakat umum atau masyarakat Tionghoa.
- 4) Dapat memberikan sumbangan yang bermanfaat bagi Persatuan Islam Tionghoa (PITI) berupa maklumat sebagai bahan kajian dan evaluasi dalam mengembangkan dakwahnya di masa hadapan.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini perlu dibuat untuk mengelak daripada permasalahan yang dikaji tersasar jauh. Terkait dengan “masalah” dan “cabaran” sebagaimana yang tertulis dalam topik

kajian ini, perlu kiranya diperjelas terlebih dahulu. Masalah dan cabaran sememangnya hampir memiliki kesamaan makna. Kerana boleh jadi setiap “masalah” adalah “cabaran”, namun tidak setiap cabaran itu masalah. Sebagai contoh, “masalah” yang dihadapi PITI terkait dengan kekurangan sumber kewangan dalam operasional dakwahnya, maka pada saat yang sama adalah “cabaran” bagi PITI untuk mengupayakan penyediaan sumber kewangan. Contoh lainnya, salah seorang ahli PITI yang sudah memeluk Islam tapi masih berpegang pada budaya dan kepercayaan agama sebelumnya, itu adalah masalah, dan pada saat yang sama adalah cabaran bagi PITI dalam menyelenggarakan dakwahnya agar para pemeluknya sedar terhadap kebenaran agama baru yang dipeluknya serta dapat meninggalkan segala bentuk kesesatan yang tidak sesuai dengan akidah Islam.

Namun ketika proses dakwah menuntut untuk menggunakan teknologi misalnya, hal ini merupakan cabaran, tapi tidak serta merta menjadi masalah. Dengan demikian maksud daripada “masalah” dalam kajian ini adalah suatu keadaan atau fenomena yang tidak sesuai dengan harapan dan menjadi suatu rintangan terhadap suatu pekerjaan atau program yang akan dilaksanakan. Sedangkan cabaran adalah fenomena yang menuntut fokus perhatian dan sikap profesional agar kenyataan yang dihadapi menjadi solusi bagi suatu permasalahan itu agar tidak menjadi masalah di kemudian hari. Kerana itu dalam kajian ini, masalah dan cabaran sentiasa diletakkan dalam satu rangkaian dan waktu yang bersamaan, secara demikian suatu permasalahan yang diketahui maka pada saat yang sama dianggap sebagai cabaran untuk mengantisipasi dan sekaligus mencari solusi mengatasi permasalahan tersebut.

Selanjutnya, dalam penyelidikan ini, fokusnya adalah terhad kepada beberapa masalah dan cabaran berkait dengan kewujudan organisasi PITI dalam melaksanakan

dakwahnya di Medan Sumatera Utara. Maka dengan menjelaskan skop kajian sedemikian, hal ini dimaksudkan untuk mengelak daripada kesalahfahaman dalam penafsiran. Skop kajian selanjutnya adalah seperti berikut:

- 1) Kajian ini terhad kepada lembaga dakwah khas untuk masyarakat Tionghoa Muslim iaitu organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan yang ditubuhkan pada tahun 1961. Penyelidik akan mengkaji kewujudan organisasi dalam melaksanakan aktiviti, program dan strategi dakwahnya terhadap masyarakat secara umum dan kalangan masyarakat Tionghoa secara khusus di Bandaraya Medan Sumatera Utara berikut permasalahan dan upaya mengatasinya agar dakwah dapat dilakukan dengan lebih berkesan.
- 2) Kajian ini memberikan tumpuan kepada perkembangan dakwah Islam yang dilakukan Persatuan Islam Tionghoa (PITI) bermula sejak tahun kejatuhan rejim Suharto iaitu tahun 1998 sehingga sekarang (era reformasi). Pada era inilah mula berlaku banyak perubahan peraturan hal mana ianya telah merubah lanskap politik di Indonesia dengan memberikan hak dan kebebasan yang memberangsangkan di kalangan minoriti masyarakat Indonesia seperti masyarakat China atau Tionghoa.

1.6 Kajian Lepas

Perhimpunan Islam Tionghoa Indonesia adalah sebuah lembaga dakwah yang bergerak dalam bidang dakwah yang bersifat kekal. Kajian ini dilakukan pengkaji kerana belum ada lagi para penyelidik terdahulu yang menjalankan penyelidikan seumpama ini, khususnya kajian tentang Muslim Tionghoa di Medan. Berdasarkan pada hasil kajian pustaka yang dilakukan pengkaji maka didapati beberapa tulisan terdahulu iaitu:

1. **Agustrisno**, tajuk tesis “ *Respon Kultural dan Struktural Masyarakat Tionghoa Terhadap Pembangunan di Kota Medan.*” Tesis ini adalah hasil penyelidikan mahasiswa Pascasiswazah Universiti Sumatera Utara Medan tahun 2007. Tesis ini menumpukan kajiannya pada: 1)- masalah peradaban dan budaya masyarakat Tionghoa, 2)- tanggapan mereka terhadap pembangunan dalam bandar Medan yang mana ianya mencantumkan pengalaman kultural (budaya) dengan struktural masyarakat Tionghoa, 3)- sumbangan masyarakat Tionghoa terhadap pembangunan Kota Medan. Oleh itu, kajian tesis ini nampak berbeza dengan tajuk kajian yang mana pengkaji akan jalankan iaitu mengenai pelaksanaan dakwah PITI, strategi, permasalahan dan upaya keberkesanannya.⁴

2. **Charles A. Coppel** menulis buku yang bertajuk “ *Tionghoa Indonesia Dalam Krisis* “ buku ini mengemukakan beberapa isu penting, iaitu: 1)- warisan masa lampau masyarakat Tionghoa. 2)- bangkitnya sikap anti Tionghoa. 3)- tindak balas pemerintah Indonesia menerusi rank penyusunan beberapa kebijakan pemerintah terhadap masyarakat Tionghoa pada masa Orde Lama dan Orde Baru⁵. Oleh yang demikian, masalah berbangkit dalam tesis itu amatlah jauh dari isu dan masalah sepertimana dalam tajuk tesis pengkaji.⁶

3. **Amen Budiman**, dalam bukunya yang berjudul “ *Masyarakat Islam Tionghoa di Indonesia* “ Dari hasil kajian dilakukan, penyelidik mendapat beberapa poin penting, iaitu; 1)- mengkaji pengembangan agama Islam di kalangan masyarakat Tionghoa. 2)- pokok sejarah kerajaan Demak dengan keturunan Tionghoa dan sebahagian raja-raja

⁴ Agustrisno, "Respon Kultural dan Struktural Masyarakat Tionghoa Terhadap Pembangunan di Kota Medan" Tesis Pasca Sarjana USU Jabatan Antropologi Fakultas Sastra, 2007.

⁵ Orde Lama adalah pemerintahan pada masa presiden Soekarno, dan Orde Baru pada masa pemerintahan presiden Soeharto.

⁶ Charles A. Coppel, "Tionghoa Indonesia Dalam Krisis" (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1994)

yang pernah berkuasa di pulau Jawa adalah asal keturunan Tionghoa. Sedangkan kajian yang akan dibahas oleh penyidik adalah mengenai PITI Medan yang merupakan lembaga dakwah untuk kalangan Tionghoa Muslim⁷.

4. **Sumanto al-Qurtuby**, dalam bukunya yang bertajuk "*Arus Cina-Islam-Jawa: Bongkar Sejarah atas Peranan Tionghoa dalam Penyebaran Agama Islam di Nusantara Abad XV & XVI*" telah mengupas dan mengkaji secara mendalam sejarah persinggungan antara orang Tionghoa, masyarakat peribumi dan orang Islam di Nusantara. Dalam karyanya beliau mengkritik pendapat dominan yang mengatakan bahwa Islam hanya datang daripada India, Persia dan tanah Arab dengan sejumlah variasi abad atau waktu masuknya. Sumanto juga menegaskan bahwa orang Tionghoa telah memainkan peranan yang amat besar dalam proses penyebaran Islam di Nusantara, khususnya pada abad kelima belas dan enam belas. Meskipun mereka mungkin bukan pelopor tersebarnya Islam di Nusantara. Tetapi, jasa-jasa mereka dalam memperkenalkan Islam di wilayah Nusantara tidak dapat dianggap kecil dan remeh. Namun, kajiannya tidak menyentuh tentang program-program dan strategi dakwah yang dijalankan oleh mereka sebagaimana yang didedahkan dalam kajian penulis.⁸

5. **H.J De Graff dkk**, telah menulis perkara yang sama mengenai persinggungan orang Tionghoa dengan Islam dalam karyanya yang bertajuk "*Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI antara Historitas dan Mitos*". Bukunya ini lebih banyak menyoroti masuknya Islam di pulau Jawa Tujuan utama penulisan buku ialah untuk mengkritik tulisan atau naskhah M.O Parlindungan yang bertajuk "*Catatan Tahunan Melayu Semarang dan Cirebon*". Dalam buku ini De Graaf berusaha membongkar dan

⁷ Amin Budiman, "Masyarakat Islam Tiongha Indonesia" (Tanjung Sari, 1974)

⁸ Sumanto al-Qurtuby, *Arus Cina-Islam-Jawa: Bongkar Sejarah atas Peranan Tionghoa dalam Penyebaran Agama Islam di Nusantara Abad XV & XVI* (Jogjakarta: Inspeal Press, 2003).

mengkritik kesimpulan-kesimpulan yang dibuat dalam karya kontroversi tersebut. Beliau turut membongkar kesimpulan-kesimpulan sejarah mengenai orang Cina yang berkaitan dengan Islam dengan cara mengkaji ulang sumber-sumber yang dikutip oleh karya tersebut. Hasilnya, ada banyak data dan informasi yang kurang tepat dikemukakan oleh naskah tersebut. Namun, De Graaf tetap membenarkan kesimpulan yang dibuat dalam naskah tersebut bahawa pada abad XV dan XVI, Islam adalah salah satu agama yang dianut masyarakat Tionghoa yang menetap di pelbagai wilayah di pulau Jawa.⁹

6. **John R. Clammer** dalam kajiannya yang bertajuk: *Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities in Malaysia and Singapore* adalah satu kajian sosiologikal tentang masyarakat peranakan Cina di Malaysia dan Singapura. Dalam kajiannya, Clammer menyentuh berkenaan proses pembauran atau asimilasi peranakan Cina ke dalam masyarakat Melayu. Menurut beliau, walaupun terdapat banyak unsur daripada kebudayaan Melayu yang telah diserap ke dalam budaya mereka, masyarakat peranakan Cina pada keseluruhannya masih kuat berpegang kepada agama Buddha. Dalam soal asimilasi, Clammer berpendapat bahawa kebudayaan masyarakat peranakan Cina buka hasil atau kesan daripada asimilasi perkahwinan tetapi lebih merupakan kesan daripada asimilasi budaya dan penyesuaian ke dalam masyarakat yang menerimanya.¹⁰ Kajian di atas amat berbeza dengan kajian yang akan penulis jalankan, kajian dalam tesis ini memfokuskan pada keberkesanan dakwah yang di jalankan oleh Persatuan Islam Tionghoa Indonesia(PITI) di Bandaraya Medan.

⁹ H.J De Graff et al, *Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI antara Historitas dan Mitos* (Jogjakarta: t.p, 1998).

¹⁰ John R. Clammer, *Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities in Malaysia and Singapore* (Singapura: Singapore University Press, 1980).

7. **Zahirah binti Zainuddin** dalam kajiannya yang bertajuk: *Unsur-unsur Kebudayaan Melayu di Kalangan Masyarakat Baba Peranakan Melaka* adalah sebuah latihan ilmiah, jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya. Dalam kajiannya. Beliau merumuskan bahawa faktor asal-usul yang mendorong masyarakat Peranakan Cina untuk mempraktikkan cara hidup dan budaya Melayu dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan faktor pemisahan dan kehidupan berjauhan dari nenek moyang mereka yang terawal datang ke tanah Melayu daripada masyarakat Cina di Negara Cina dan juga akibat daripada perhubungan erat di antara kaum Cina di Melaka dengan masyarakat Melayu tempatan. Unsur-unsur kebudayaan masyarakat Peranakan Cina yang terdahulu di Melaka mempunyai banyak titik persamaan dengan corak kebudayaan masyarakat Melayu.¹¹ Kajian yang oleh Zahirah ini pun berbeza dengan kajian penulis yang memfokuskan kajian pada masyarakat Cina di Kota Medan.

8. **Suhaila Abdullah** dalam penyelidikannya yang bertajuk: “Pemikiran Keagamaan dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah” adalah sebuah tesis Doktor Falsafah di Universiti Malaya. Dalam kajiannya beliau memfokuskan kajian pada aspek pemikiran keagamaan dan sistem kepercayaan dalam realiti kehidupan masyarakat berketurunan Peranakan Cina di Melaka Tengah. Kajian ini juga turut membahaskan sejarah kedatangan bangsa Cina ke Melaka, sejarah kemunculan komuniti Peranakan Cina di Melaka, gambaran terhadap peranan tempat ibadat dan sebagainya.¹² Kajian yang dijalankan oleh Suhaila tidak menyentuh tentang gerakan dakwah terhadap masyarakat Peranakan Cina, manakala kajian yang dijalankan

¹¹ Zahirah binti Zainuddin, “Unsur-unsur Kebudayaan Melayu di Kalangan Masyarakat Baba Peranakan Melaka” (*Latihan Ilmiah*, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya, 1960).

¹² Suhaila Abdullah, “Pemikiran Keagamaan dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah” (*Tesis PhD*, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

dalam tesis memfokuskan kepada aspek keberkesanan gerakan dakwah Islam terhadap masyarakat Cina di Kota Medan.

9. **Akh. Muzakki**, dalam penyelidikannya yang bertajuk: “Cheng Hoo Mosque: Assimilating Chinese Culture, Distancing it from the State” adalah sebuah artikel/paper dalam Jurnal Crise yang diterbitkan di United Kingdom (UK). Dalam pembahasannya Akh. Muzakki mencuba mengangkat Mesjid Cheng Hoo yang berlokasi di Surabaya, Jawa Timur, dalam hubungannya dengan Negara. Pendirian mesjid tersebut diselidiki untuk mengetahui bagaimana sebenarnya kaum etnik Tionghoa Muslim dapat bernegosiasi dengan kerajaan Indonesia yang justru selama ini hegemoni kerajaan mengawal sepenuhnya kebebasan etnik Tionghoa ini.¹³

Pada pendapat pengkaji, masalah yang dibangkitkan pada beberapa karya kajian terdahulu tidak serupa dengan kajian utama yang akan dibahas, karena kajian ini memfokuskan pada masalah pelaksanaan PITI dalam Pengembangan Dakwah di Medan Sumatera Utara. Ianya sebagai lembaga dakwah Islam yang kekal untuk kalangan masyarakat Muslim Tionghoa. Wujud sedikit titik kesamaan iaitu pada subjek penyelidikan mengenai masyarakat Tionghoa. Perbezaan dengan kajian yang akan dijalankan terletak pada fokus penyelidikan iaitu masyarakat Muslim Tionghoa di Bandaraya Medan.

1.7 Pengertian Tajuk

Untuk menghindari timbulnya penyimpangan makna terhadap topik kajian ini, maka perlulah dibatasi beberapa istilah kunci pada tajuk penelitian ini iaitu:

¹³ Akh. Muzakki, “Cheng Hoo Mosque: Assimilating Chinese Culture, Distancing it from the State” (Kertas Kerja Crise no 71, Januari; Centre for Research on Inequality, Human Security and Ethnicity, Universiti Oxford, Mansfields, 2010).

- 1) **Dakwah:** Pengertian dakwah menurut kesepakatan para ahli terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pengertian secara etimologi (bahasa) dan pengertian secara terminologi (istilah). a) Kata ini berasal dari *fi'il* (kata kerja) *da'a-yad'u*, ertinya memanggil, mengajak, atau menyeru.¹⁴ b) Pengertian Dakwah secara terminologi para ahli dakwah dalam mengungkapkan pengertian dakwah sangat beragam, di antaranya: Menurut Toha Yahya Omar, adalah mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Allah, untuk kemaslahatan dan kebahagiaan mereka dunia dan akhirat.¹⁵ Ada yang mengatakan bahawa dakwah ialah suatu program yang menyeluruh, yang mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia di semua peringkat, bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap garis panduan yang menjadi petunjuk kepada Allah.¹⁶ Jadi dakwah dalam tajuk ini ialah peran PITI dalam pengembangan dakwah di kalangan masyarakat Tionghoa dan kecenderungan mereka untuk memeluk agama Islam.
- 2) **PITI:** adalah singkatan daripada Persatuan Islam Tionghoa Indonesia. Ia merupakan suatu lembaga, yang bergerak di bidang sosial, dakwah dan budaya yang tujuannya ialah menyatukan masyarakat Muslim Tionghoa. Adapun kajian ini akan terfokus pada Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang berada di Bandaraya Medan Sumatera Utara.
- 3) **Masalah:** Bermaksud sesuatu yg memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yg menimbulkan kesukaran atau kesusahan.¹⁷ Ia juga bermaksud kerumitan, kesukaran yang memerlukan penyelesaian.¹⁸ Kamus Besar Bahasa Melayu-Utusan menjelaskan pengertian masalah sebagai perkara rumit, sesuatu

¹⁴ Asmuni Syukir, *Dasar-Dasar Strategi Dakwah Islam*, (Surabaya: al-Ikhlâs, 1983), 17.

¹⁵ Yahya Toha Omar, *Ilmu Dakwah*, (Jakarta: Penerbit Wijaya, 1992), 1.

¹⁶ Abu Urwah, *Risalah al-Ushrah* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1986), 1:150.

¹⁷ *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1001, entri "masalah".

¹⁸ Hasan Hamzah, *Kamus Melayu Global*, cet. ke-2 (Shah Alam, Selangor: Piramid Perdana (M) Sdn Bhd, 1997), 740, entri "masalah".

yang memerlukan penyelesaian, sesuatu hal yang harus dipecahkan, isu, problem, perkara sulit, pertanyaan, persoalan, kemusykilan, kesusahan, keraguan, kebimbangan, kebingungan dan tekanan.¹⁹ Pengertian masalah tersebut di atas telah memberi gambaran bahawa masalah adalah kesukaran atau kesulitan dalaman yang dihadapi oleh mana-mana pihak. Dalam hal ini, kesukaran dan kerumitan yang dihadapi oleh organisasi PITI Medan dalam menjalankan dakwah sama ada dari pihak penggerak dakwah mahupun sasaran dakwah atau peserta yang mengikuti program-program dakwah PITI Medan.

- 4) **Cabaran:** Bermaksud perihal mempersoalkan, mempertikaikan, ajakan untuk berlawan, sesuatu unsur atau faktor yang mencabar atau menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau organisasi.²⁰ Cabaran juga bermaksud gangguan, godaan, usikan, batu ujian, percubaan, tentangan dan ajakan untuk berlawan.²¹ Berdasarkan pengertian ini dapat dikatakan bahawa cabaran adalah perihal menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau organisasi, dapat juga diertikan sebagai suatu keadaan atau kesukaran yang perlu kita tempuhi. Cabaran yang wujud adalah sama ada disebabkan faktor luaran ataupun dalaman dan persekitaran organisasi. Cabaran dalam konteks ini, sesuatu tantangan atau perkara yang menguji kemampuan yang akan dihadapi oleh PITI Bandaraya Medan Sumatera Utara dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah.

Tajuk ini mengkaji Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang berada di Bandaraya Medan Sumatera Utara. Kajian ini khas dijalankan terhadap masyarakat Tionghoa Muslim yang berkaitan dengan pelaksanaan dan kewujudan perhimpunan organisasi dakwah PITI, cabaran dan permasalahannya serta upaya mengatasi

¹⁹ Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu-Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution, Sdn Bhd., 1995), 1132, entri "masalah".

²⁰ *Kamus Dewan*, 232, entri "cabaran".

²¹ Zainal Abidin, *Kamus Besar*, 305, entri "cabaran".

permasalahan dan meningkatkan keberkesanan dakwahnya. Keberadaan organisasi PITI akan sangat berperan dalam pelaksanaan dakwahnya di kalangan mereka *kerana kemungkinan wujud hubungkait antara aktiviti dakwah dengan beberapa sikap positif* berbangkit seperti kesedaran, dorongan, minat, sikap berfikir terbuka, niat baik dan kemahuan masuk ke dalam agama Islam dengan penuh keyakinan (keimanan).

1.8 Metodologi Penyelidikan

Metodologi merupakan cara utama yang dipergunakan untuk mencapai suatu tujuan, misalnya untuk menguji serangkaian hipotesis maka dilakukan dengan menggunakan teknik serta alat-alat dan instrumen tertentu. Cara utama itu dipergunakan setelah penyelidik memperhitungkan kewajarannya ditinjau dari tujuan penyelidikan serta dari situasi penyelidikan. Kerana pengertian metode penyelidikan mempunyai pengertian yang sangat luas, yang biasanya perlu dijelaskan lebih mendalam di dalam setiap penyelidikan²² Secara umumnya metodologi merupakan kaedah memperoleh ilmu pengetahuan dan pendekatan kepada realiti. Metodologi adalah kajian mengenai prinsip-prinsip dan panduan-panduan yang mengatur perolehan ilmu pengetahuan serta merangkumi penerimaan atau penolakan pernyataan-pernyataan tertentu sebagai sebahagian daripada ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang.²³ Menurut Wadi Bachtiar, Metode penelitian bermakna seperangkat pengetahuan tentang langkah-langkah sistematik dan logik tentang pencarian dan perolehan data berkenaan dengan masalah tertentu untuk diolah, dianalisis, diambil kesimpulan dan selanjutnya dicarikan cara pemecahannya.²⁴

²² Winarno Surakhmad, M.Sc.Ed., *Pengantar Penelitian Ilmiah*, (Bandung: Penerbit Tarsito, 1985), 131.

²³ F.R.Faridi, *Islamic Research Methodology; Some Reflection, dalam Muhammed Muqim, (ed) Research Methodology in Islamic Perspective*, (Kuala Lumpur: Syergy Book International, 1999), 4.

²⁴ Dr.Wardi Bachtiar, *Metodologi Penelitian Ilmu Dakwah*, (Jakarta: Logos, 1987), 1.

Pada umumnya metode penyelidikan terbahagi ke dalam dua, iatu metode kualitatif dan kuantitatif. Metode kualitatif cenderung digunakan untuk meneroka (eksplorasi) dan penyelidikan (investigasi) fenomena yang sedang berlaku, sedangkan kuantitatif digunakan untuk menguji suatu teori dan cenderung menggunakan analisis statistik dalam pengolahan data. Kerana itu sesuai dengan sifat dasar kajian, tujuan dan sistem kerja penyelidikan ini yang bersifat penerokaan maka metode kualitatif digunakan dalam kajian ini, sedangkan data kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik juga digunakan dalam penyelidikan ini sebagai data penguat. Dengan kata lain pendekatan kualitatif merupakan major dan utama yang digunakan dalam penyelidikan ini sedangkan pendekatan kuantitatif digunakan sebagai data sokongan.

Metode kualitatif, seperti ditegaskan Creswell adalah suatu pendekatan yang digunakan untuk penerokaan (eksplorasi) dan bertujuan untuk memahami fenomena, *“an inquiry approach useful for exploring and understanding a central phenomena”*²⁵ Selanjutnya, kajian ini juga merupakan kajian kes atau kasus (*case study*) mengenai lembaga organisasi dakwah Islam Tionghoa di Bandaraya Medan, Sumatera Utara. Terkait dengan hal ini, Merriam menjelaskan bahawa kajian kes *“the interest is in process rather than outcomes, in context rather than a specific variable, in discovery rather than confirmation”*²⁶. Dengan kata lain kajian kasus adalah cenderung menekankan pada proses daripada hasil, memahami konteks tertentu daripada perhatian pada pembolehubah (*variable*) yang khas dan bertujuan untuk menemukan sesuatu daripada memastikan atau pengujian suatu teori.

²⁵ John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*, Edisi kedua, (London: Sage, 2007), 596.

²⁶ S.B, Merriam, *Qualitative Research and Case Study application in education*, (San Fransisco: Jossey-Bass, 1998), 19.

Dalam konteks ini, kajian kes yang bersifat penerokaan ini mencakup bahasan tentang kewujudan organisasi, pelaksanaan dakwah, cabaran dan usaha meningkatkan keberkesanan dakwah yang dilakukan oleh Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang berlokasi di Bandaraya Medan, Sumatera Utara. Penyelidik telah pun menjalankan beberapa langkah untuk memulai kajian ini. Pertama, melalui metode kajian kualitatif dan penerokaan eksploratif, iaitu melalui proses mengumpulkan dan menganalisis data. Kedua, melakukan soal selidik sebagai data sokongan kepada data kualitatif.

1.8.1 Penentuan Subjek

Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang berlokasi di Bandaraya Medan, Sumatera Utara telah dipilih sebagai tempat dan lokasi bagi kajian lapangan. Bandaraya Medan, Sumatera Utara dalam hal ini merupakan Bandar dengan jumlah populasi masyarakat Cina Muslim yang terbanyak dan terbesar berbanding di tempat-tempat lain di Sumatera. Dalam kajian ini pengkaji juga memilih beberapa kawasan di beberapa daerah dan kecamatan di Medan dalam melakukan pengamatan dan observasi untuk mendapatkan maklumat yang beragam daripada responden-responden atau partisipan-partisipan dari kawasan yang hanya menempatkan orang-orang Cina Muslim di kawasan-kawasan yang kebanyakannya orang peribumi, dan terutamanya di majelis-majelis taklim (pengajian) dan masjid-masjid untuk melihat bagaimana keikutsertaan Muslim Tionghoa di masyarakat pada umumnya.

Responden atau partisipan bagi kajian ini, terutama untuk memperoleh data kuantitatif adalah terdiri daripada individu-individu Cina Muslim dari pelbagai tahap umur iaitu pertama, golongan usia tua yang berumur 51 tahun ke atas, hal ini dimaksudkan untuk memperoleh data dari generasi warga tua yang dianggap lebih

matang dan berpengalaman serta lebih menghayati kehidupan beragama dan berorganisasi. Kedua, golongan berkahwin berumur 36-50 tahun, iaitu golongan di usia yang produktif menjelang masa tua. Mereka dipilih kerana pertimbangan umur mereka yang biasanya pada usia sedemikian tingkat kemapanan terlihat dan sibuk dengan karir. Itulah sebabnya ingin diketahui sejauh mana perhatian mereka terhadap agama yang justru ditengah kesibukan dan karir mereka.

Ketiga, golongan dewasa yang telah berkahwin berumur di antara 26-35 tahun. Mereka tergolong pada usia yang masih pada tahap upaya mencari kemapanan. Kerana pada usia sedemikian pada umumnya mereka baharu menikah dan mendapatkan pekerjaan yang tetap sehingga saatnya mereka juga lebih terfokus kepada pembinaan rumah tangga dan karir. Mereka dipilih sebagai responden dalam kajian ini untuk dilihat sejauh mana ghirah keberagamaan mereka yang justru masih dalam tahap pembinaan keluarga.

Keempat, golongan remaja berumur 16-25 tahun hal mana status sosial mereka pada umumnya masih dalam tahap pencarian identiti. Mereka juga masih belum mapan untuk mandiri dan keluar dari lingkungan keluarga. Kebanyakannya pada usia seperti ini mereka masih aktif belajar dan mencoba memperoleh pekerjaan. Kajian ini juga ingin melihat bagaimana respon keberagamaan mereka pada tahap pencarian identiti mereka yang sebenar. Kelima, remaja berumur 15 tahun ke bawah. Mereka disertakan juga dalam penyelidikan disini untuk mengetahui pemahaman mereka dan erti kehadiran mereka dalam program dan aktiviti keagamaan di pertubuhan. Mereka pada umumnya adalah anak-anak yang masih tinggal bersama orang tua dan turut serta dalam kegiatan agama bersama orang tua mereka. Demikian partisipan umur yang

berbeza yang dipilih adalah bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan yang berkemungkinan wujud di antara kelima-lima golongan tersebut.

Perbezaan umur responden-responden ini juga dapat membantu dalam memperlihatkan pengalaman-pengalaman mereka yang berbeza, seperti dalam proses sosialisasi dan pengalaman hidup masing-masing. Oleh itu, sikap dan tanggapan serta pendapat golongan yang lebih tua dapat dibandingkan dengan Cina Muslim yang lebih muda, disebabkan perbezaan keadaan, suasana dan faktor-faktor sosial zaman masing-masing. Di samping kepelbagaian pengalaman mereka, kepelbagaian umur responden dalam kajian ini juga adalah berguna, kerana lebih luas ruang lingkup dan kepelbagaian atau variasi maklumat yang dapat dikutip dari mereka.

Adapun responden atau partisipan dalam temu bual (data kualitatif) ini menggunakan pendekatan "*snow ball*", iaitu mendapatkan orang yang akan ditemubual berdasarkan kepada rekomendasi orang yang memang berkepercayaan dan memiliki pengetahuan serta terlibat langsung dalam lembaga organisasi yang dikaji agar data yang diperolehi berkualiti, kaya, luas dan mendalam. Kerananya pengkaji lebih fokus kepada partisipan yang memiliki jawatan tertentu pada pertubuhan PITI. Namun demikian tidak menutup kemungkinan untuk melakukan temu bual dengan orang di luar pertubuhan ini.

Temu bual telah pun dilakukan dengan peserta kajian yang berjumlah 10 orang yang terdiri dari dua orang pengamat Muslim Tionghoa dan 8 orang dari pengurus pertubuhan PITI. Namun dengan beberapa pertimbangan seperti, teknikal transkrip hasil temubual, isi materi temubual dan kesibukan beberapa partisipan yang memiliki waktu yang sempit untuk melakukan sesi ini, maka pengkaji hanya mampu mentranskrip hasil temu bual dengan 6 orang partisipan sahaja, iaitu lima orang dari pengurus dan satu

orang dari pengamat. Sedangkan hasil daripada empat orang partisipan yang tidak ditranskripkan karena alur pembicaraan lebih kepada diskusi, nasihat serta arahan dan pemberian wawasan kepada pengkaji. Hasil temu bual tidak banyak mengena dengan kajian yang diharapkan, namun demikian daripada mereka pengkaji banyak mendapatkan idea dan strategi untuk melaksanakan kajian atau penghimpunan data. Dengan demikian keempat orang partisipan tersebut menjadi bahagian proses pengumpulan data sebagai “key person” atau “informan”. Mereka memberikan arah, langkah serta maklumat-maklumat yang sangat diperlukan dalam koleksi data termasuk memberikan pertimbangan-pertimbangan untuk melibatkan beberapa orang yang akan disertakan dalam sesi temu bual.

1.8.2 Metode Pengumpulan Data

Pengumpulan data untuk kajian penerokaan (eksploratif) mengenai kewujudan lembaga organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) ini dijalankan melalui tiga fasa utama iaitu fasa kajian perpustakaan, fasa kajian lapangan atau observasi yang disertai dengan soal selidik dan fasa temu bual. Kajian ini juga melibatkan penggunaan dua jenis data, iaitu sumber utama dan data sumber kedua. Secara detail kaedah utama yang digunakan dalam mengumpulkan data ialah:

a. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi atau analisis data adalah merupakan penyelidikan dokumen terkait dengan subjek kajian seperti dokumen-dokumen penubuhan organisasi, program-program kegiatan dan sebagainya yang merupakan data utama atau primer. Sedangkan

data sumber kedua atau sekunder diperoleh melalui kajian perpustakaan di mana teknik mendapatkan data dijalankan melalui kajian ke atas dokumen dan rekod²⁷. Penyelidikan perpustakaan merupakan bahagian yang tidak kurang pentingnya dalam kajian ini dan ianya merupakan data sumber kedua.²⁸ Ianya merangkumi aktiviti pengumpulan data berkaitan dengan subjek kajian, dokumen-dokumen persejaraan yang diperoleh dapat membantu menyediakan maklumat serta fakta-fakta sejarah yang diperlukan dalam kajian ini. Ini amat penting dalam proses penganalisan terhadap latar belakang sejarah pembentukan masyarakat Cina Muslim di Medan. Penyelidikan perpustakaan dilakukan secara mendalam berkenaan tajuk yang dipilih untuk tujuan kajian. Dalam masa itu, pengkaji berusaha meneliti, memahami dan mengumpulkan fakta dan maklumat yang diperlukan.

Bahan tertulis yang dirujuk termasuklah buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah, disertasi sarjana, tesis doktor falsafah, latihan-latihan ilmiah, laman web-laman web yang berkenaan, keratan-keratan akhbar, rekod-rekod PITI dan lain sebagainya. Kebanyakan bahan perpustakaan yang diperoleh daripada perpustakaan utama Universiti Malaya, perpustakaan peringatan Za'ba Universiti Malaya, perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan pasca sarjana IAIN Sumatera-Utara. Secara keseluruhannya, penyelidikan perpustakaan membantu pengkaji mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai masyarakat Cina Muslim di Medan. Ianya juga turut membantu memberi panduan kepada pengkaji dalam menyediakan borang soal selidik dan juga soalan-soalan temu bual. Satu hal yang perlu dilakukan dalam persiapan penyelidikan ialah memanfaatkan sumber maklumat yang terdapat di perpustakaan dan khidmat maklumat sedia ada. Pemanfaatan perpustakaan ini diperlukan, sama ada untuk penyelidikan lapangan mahupun penyelidikan bahan

²⁷ *Ibid.*, 41.

²⁸ *Ibid.*, 35.

dokumentasi. Jelas sekali bahawa, tidak mungkin suatu penyelidikan dapat dilakukan dengan baik tanpa melakukan kajian perpustakaan²⁹.

b. Metode Temu Bual

Temu bual adalah proses percakapan dengan maksud untuk mengkonstruksi mengenai orang, kejadian, organisasi, motivasi, perasaan, dan sebagainya yang dilakukan dua pihak iaitu penemubual yang mengajukan pertanyaan kepada responden³⁰. Temu bual juga merupakan proses interaksi dan komunikasi timbal balik antara penemubual dan responden. Dapatan dari temu bual ditentukan oleh beberapa faktor yang berinteraksi dan mempengaruhi arus maklumat atau informasi. Faktor-faktor tersebut adalah :

- 1- Penemubual
- 2- Partisipan/Responden
- 3- Topik penyelidikan yang tertuang dalam daftar pertanyaan
- 4- Situasi atau keadaan semasa temubual³¹

Proses soal jawab dalam bentuk lisan antara dua orang atau lebih yang berhadapan dengan cara bersemuka. Pada pengertian lain soal jawab ialah proses temubual untuk memperoleh keterangan atau maklumat untuk tujuan penyelidikan dengan cara soal jawab sambil bertatap muka antara si penanya (*pewawancara*) dengan si penjawab (*responden atau informan*) dengan menggunakan alat yang dinamakan pedoman temubual. Temubual ini berguna untuk:

- a- Mendapatkan data primer yang menjadi sumber pokok (utama).

²⁹ Masri Singarimbun dan Sofian Effendi, *Metode Penelitian Survei*, (Jakarta: LP3ES PT.Midas Surya Grafindo, 1987), 70.

³⁰ Burhan Bungin, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, (Jakarta: Kharisma Putra Utama Offset, 2006), 143.

³¹ Muhammad Musa et al., *Metodologi Penelitian*, 49.

- b- Sebagai pelengkap teknik pengumpulan data.
- c- Menguji hasil pengumpulan data lainnya.

Dengan ini, penyelidik akan melakukan temu bual berstruktur dan tak berstruktur, yang tujuannya untuk mendapatkan data utama atau primer dengan melakukan temu bual dengan beberapa pihak yang berkaitan dengan penyelidikan iaitu pengurus PITI dan masyarakat Tionghoa, dengan tujuan untuk memperoleh data yang tepat dalam penyelidikan ini.

c. Metode Observasi

Pengamatan atau observasi bermaksud mengumpulkan fakta, iaitu mengumpulkan pernyataan-pernyataan yang merupakan gambaran (diskripsi), penggambaran dari kenyataan yang menjadi perhatiannya. Suatu fakta hanya mencakup aspek-aspek tertentu saja dari apa yang dilihat, iaitu hal-hal yang dianggap penting bagi rangka fikiran atau teori yang bersangkutan. Suatu kenyataan dapat ditafsirkan menjadi fakta yang berbeza sesuai kerangka fikir tertentu. Suatu gejala atau suatu kenyataan bukan merupakan fakta sebelum digambarkan dengan suatu pernyataan, rumusan atau istilah³²

Pengamatan sebagai alat pengumpul data adalah suatu kegiatan mengadakan pengamatan secara teliti, mendalam dan saksama serta mencatat fenomena-fenomena (gejala-gejala) yang dilihat dalam hubungan sebab akibat³³. Secara metodologi, penggunaan pengamatan (*observasi*) dapat memaksimumkan kemampuan si pengkaji dari segi motif, kepercayaan, perhatian, perilaku tak sedar, kebiasaan, dan sebagainya.

³² Wardi Bachtial, *Metodologi Penelitian*, 78.

³³ H.M.Farid Nasution et al., *Penelitian Praktis*, (Medan: PT. Pustaka Widya sarana dan IAIN Press, 1993), 16.

Jelasnya mengadakan pengamatan langsung terhadap pelaksanaan dakwah PITI Medan dalam pengembangan dan pemahaman ajaran Islam terhadap masyarakat Tionghoa dan usaha-usaha yang dilakukan mereka dalam gerakan dakwah yang lebih mengarah kepada penambahan minat masyarakat Tionghoa untuk mengenal, memahami dan alasan mereka masuk agama Islam. Kerana itu, dalam kajian ini diperkuat dengan survey untuk mendapatkan data empirik yang lebih *valid* dan *reliable*.

d. Metode Soal Selidik

Soal selidik adalah alat pengumpul data dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan, diharapkan dengan menyebarkan dan memberikan daftar pertanyaan kepada setiap responden penyelidik dapat menghimpun data yang sesuai dengan tujuan penyelidikan dan memiliki *realibiliti* serta *validiti* yang tinggi. Pembuatan pertanyaan-pertanyaan perlu memperhatikan hal-hal berikut:

- 1- Menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh responden
- 2- Bahasa yang digunakan hendaknya tidak bermakna ganda. Oleh itu gunakanlah kata-kata yang sederhana.
- 3- Bentuk pertanyaan tidak panjang agar mudah difahami maksudnya.
- 4- Pertanyaan-pertanyaan dikelompokkan sesuai dengan kelompok tujuan penyelidikan. Bila tujuan penyelidikan ada lima macam, maka pertanyaan dikelompokkan menjadi lima kelompok³⁴

Maka dengan ini pengkaji telah membuat borang soal selidik dan disebarkan kepada responden yang terdiri dari pengurus PITI Medan dan masyarakat Tionghoa dengan mempergunakan teknik *random sampling* (sampel rawak) untuk mendapatkan

³⁴ Wardi Bachtiar, *Metodologi Penelitian Ilmu Dakwah*, (Jakarta: Logos, 1987), 76.

data yang tepat. Namun, penggunaan metode ini hanya sebagai penyokong sahaja dan bukan sebagai metode utama kajian.

Menurut daftar peserta aktiviti agama di pertubuhan PITI, terutama yang mengikut kelas dan menghadiri program seramai 150 orang. Kerana itu soalselidik akan disebar ke sejumlah populasi tersebut. Namun mengikut kaedah penyelidikan kuantitatif, maka sampel yang akan dilibatkan sebagai data yang akan diolah (diproses) dalam penyelidikan dapat diambil dalam lingkungan 10 hingga 20 peratus dari populasi. Sementara dalam penyelidikan disini, soalselidik yang diedar sebanyak 100 set soal selidik, iaitu 67 % dari jumlah populasi dengan beberapa pertimbangan, antaranya; keaktifan dan kehadiran peserta dalam program pertubuhan PITI disamping kemudahan pengkaji untuk menjangkau mereka. Kemungkinannya dari jumlah 100 set soal selidik akan dikutip kembali oleh pengkaji setelah 2 atau 3 hari kemudian dan biasanya akan berkurang dari jumlah semula atau akan ada beberapa soal selidik yang rosak sehingga tidak dapat digunakan untuk proses analisis selanjutnya. Dalam hal ini pengkaji akan berupaya mengatasinya dan setidaknya 90 set soalan dapat diproses.

1.8.3 Analisis Data

Data yang telah dikumpulkan tidak akan ada gunanya jika tidak dianalisis. Analisis data adalah bahagian yang terpenting dalam suatu proses penyelidikan. Oleh kerana itu, dapatan-dapatan data yang telah dianalisis tersebut dapat memberikan makna yang berguna dalam menjelaskan atau memecahkan suatu penyelidikan.

Data yang diperoleh dari observasi, temu bual, dan dokumentasi seperti mana program kerja yang tertulis di anggaran rumah tangga PITI Medan tersebut akan

dianalisis secara kualitatif diskriptif dan disokong oleh analisis kuantitatif. Maka untuk memudahkan proses analisis data, penulis juga menggunakan metode induktif dan deduktif.

a. Metode Induktif

Metode induktif ialah kaedah menganalisis data melalui pola berfikir yang bertujuan mencari suatu pembuktiaan serta mencari perkaitan antara fakta-fakta atau keterangan yang terkumpul untuk membentuk penafsiran atau interpretasi terhadap apa yang diperolehi atau satu gagasan fikiran.³⁵ Metod ini banyak digunakan di bab tiga, empat dan lima.

b. Metode Deduktif

Metode deduktif ialah cara menganalisis dan melakukan pengkajian yang berdasarkan pola berfikir dan mencari pembuktian dengan menggunakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan dalil-dalil umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang spesifik. Ia bermula dari persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus.³⁶ Metode ini banyak digunakan di bab dua.

Dalam kajian ini temubual merupakan instrument utama dalam perolehan data, sedangkan dokumen dan observasi merupakan perangkat atau alat pelengkap dan untuk memperkuat data temubual. Kerana itu, beberapa langkah dalam analisis data adalah sebagai berikut.

³⁵ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, (Petaling Jaya: Intel Multimedia And Publication, 2001), 82.

³⁶ Sabarina Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, (Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia, 2005), 19.

1. Pembacaan data yang diperoleh melalui temubual secara berulang untuk mendapatkan pemahaman dan makna.
2. Pengecaman (identifikasi) dan coding data temubual untuk mendapat gambaran berhubung dengan tujuan kajian.
3. Melakukan klasifikasi atau grouping data yang berpandukan soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian ini.
4. Memunculkan tema bahasan berdasarkan grouping atau kategorisasi data yang diperolehi.
5. Semakan (crosscheck) data temubual dengan dokumentasi dan observasi.

1.9 Etika Pengkajian

Dalam proses pengumpulan data, pengkaji memerlukan surat kebenaran melakukan penyelidikan sebagai sokongan dari Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang akan disampaikan kepada pertubuhan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang berlokasi di Bandaraya Medan Sumatera Utara. Selanjutnya pengkaji menjelaskan kepada para pengurus PITI mengenai penyelidikan dan proses pengumpulan data bahawa penyelidikan ini semata-mata hanya untuk keperluan dan tujuan akademik di peringkat pascasiswazah, doktor falsafah .

Sebelum melakukan pengumpulan data, pengkaji juga menemui para pengurus dan beberapa orang yang dianggap dapat membantu. Hal itu membuat pengkaji berulang alik ke lokasi penyelidikan, dan yang terpenting lagi adalah membuat “temujanji” dengan mereka untuk menentukan waktu dan tempat yang bersesuaian untuk diadakan sesi temubual. Sedang terkait dengan identiti participant, seperti dalam

temu bual ini, maka penulisan nama dalam laporan penyelidikan (*thesis*) akan digunakan "*pseudonym*", nama samaran atau bukan nama sebenarnya. Hal itu dilakukan semata-mata untuk menjaga nama baik orang yang bersangkutan dan untuk menjaga peraturan (*code and conduct*) sebagaimana lazimnya dalam suatu kajian penyelidikan.

1.10. Sistematika Penulisan.

Bagi memudahkan pembahagian bab dalam kajian ini, pengkaji akan membahagikan tesis ini kepada enam bab, dan setiap bab mengandungi beberapa sub tajuk yang memperincikan penjelasan kepada bab-bab lain iaitu:

Bab pertama: bahagian ini mengandungi masalah kajian, soal kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian lepas, pengertian tajuk, metodologi penyelidikan dan sistematika penyelidikan.

Bab kedua: Menghuraikan konsep dan strategi dakwah terhadap saudara baru. Bab ini merupakan landasan teori konseptual bahasan dalam kajian ini. Turut dibahaskan dalam bab ini juga unsur-unsur dakwah yang meliputi materi dakwah, dai, objek dakwah (peserta dakwah), metode dakwah dan media dakwah.

Bab ketiga: berupa penjelasan mengenai pengenalan terhadap masyarakat Tionghoa dan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia di Bandara Raya Medan Sumatera Utara, iaitu sejarah orang Tionghoa di Medan, agama orang Tionghoa, ekonomi masyarakat Tionghoa, identiti orang Tionghoa Muslim, sikap orang Tionghoa Muslim terhadap tradisi Tionghoa, ekonomi orang Tionghoa Muslim, keadaan kemasyarakatan orang Tionghoa Muslim, dan pendidikan Agama orang Tionghoa Muslim. Selanjutnya

dibahas pengenalan organisasi PITI, visi dan misi serta sejarah berdirinya PITI di Bandaraya Medan Sumatera Utara.

Bab keempat: Menggambarkan temuan-temuan (*findings*) sama ada yang diperoleh melalui temuabual, pengamatan (observasi) atau dokumen. Dalam hal ini soalan kajian akan ditempatkan sebagai *guideline* atau panduan untuk menggambarkan data yang diperolehi yang meliputi aktiviti organisasi PITI, strategi pengembangan dakwah, permasalahan dan cabarannya serta upaya mengatasi permasalahan agar dakwah dapat dilakukan secara lebih efektif dan berkesan.

Bab kelima: bahagian ini mengemukakan analisis terhadap temuan data (kualitatif dan kuantitatif) dan sekaligus sebagai jawapan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu berkait dengan kewujudan pertubuhan dakwah PITI di kalangan masyarakat peribumi secara amnya dan masyarakat Tionghoa di Medan secara khasnya. Pembahasan dilanjutkan dengan strategi pengembangan dakwah, permasalahan atau cabaran yang dihadapi dan upaya solusi mengatasinya.

Bab keenam : adalah penutup yang terdiri dari kesimpulan dan cadangan.

BAB II
KONSEP DAN STRATEGI DAKWAH
(LANDASAN TEORI-KONSEPTUAL KAJIAN)

2.0 Pengenalan

Dakwah *amar ma'ruf nahi mungkar* secara praktis telah berlangsung sejak adanyainteraksi antara Allah dengan hamba-Nya (periode Nabi Adama.s.), dan akan berakhirbersamaan dengan berakhirnya kehidupan di dunia ini. Dakwah Islam sebagai wujudmenyeru dan membawa umat manusia ke jalan Allah pada dasarnya mesti dimula dariorang-orang Islam sebagai pelaku dakwah itu sendiri (*ibda' binafsika*) sebelum berdakwah kepada orang lain sesuai dengan seruan Allah s.w.t.:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Surah al-Tahrim 66: 6.

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari seksa api neraka...*”

Upayamewujudkan Islam dalam kehidupan manusia dilakukan melalui dakwah dengan cara mengajak kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, dan mengajakuntuk beriman demi terwujudnya umat yang sebaik baiknya (*khair ummah*).

Menyeru manusia kepada Allah s.w.t. (*al-Dakwah ila Allah*) adalah kewajipan setiap Muslim dan Muslimat disetiap masa. Terutamanya di zaman kita ini, ia lebih wajib kerana umat Islam pada hari ini terdedah kepada serangan jahat musuh-musuh Allah s.w.t yang bertujuan mencabut teras dakwah Islam dari jiwa umat Islam. Menyeru manusia kepada Allah s.w.t adalah satu kemuliaan yang besar kepada pendukung dakwah. Menyeru dan mengajak manusia kepada Allah s.w.t dan kepada jalan yang

benar, adalah sebaik-baik urusan dan amat perlu diketengahkan, terutama di zaman ini yang berkecamuk dengan pelbagai kefahaman dan ideologi, kecenderungan semasa yang menyesatkan dan menyelewengkan.

Secara garis besar, dakwah adalah kegiatan yang berorientasi masa depan dan kemanusiaan, baik dekat atau amat jauh iaitu akhirat. Orientasi kemanusiaan dilakukan dengan mengembangkan kehidupan ke arah kesejahteraan kehidupan mental, rohaniah, sosial, politik dan ekonomi. Upaya ini didasarkan keadaan realiti kehidupan masyarakat yang berbeza-beza dalam keadaan budaya yang bermacam ragam. Sayangnya, dakwah sering terlepas dari keperluan kehidupan manusia yang semestinya menjadi dasar. Kegiatan dakwah sepatutnya dikembangkan berdasarkan penyelidikan dan kajian secara terperinci tentang suatu komuniti yang akan di jadikan sebagai objek dakwah (*mad'u*).

Kurang berjayanya gerakan dakwah pada umumnya disebabkan oleh lemahnya modal insan, kaedah atau sistem dakwah secara menyeluruh.¹ Agar gerakan lembaga dakwah dapat lebih berkesan, maka langkah awal yang harus diperhatikan dan dilakukan adalah membangun sistem dakwah yang baik dan strategi yang lebih berkesan. Oleh itu, dalam bab ini, penulis akan menghuraikan konsep dan kaedah atau metode dakwah serta strategi dakwah yang diharapkan dapat membantu para dai dalam menjalankan usaha dakwahnya.

¹Dr. Wardi Bachtiar, *Metodologi Penelitian Ilmu Dakwah*, (Jakarta: Logos, 1987), 1.

2. 1 Pengertian Dan Hukum Dakwah

Pengertian dakwah menurut kesepakatan para ahli terbahagi kepada dua bahagian, iaitu pengertian secara etimologi (bahasa) dan pengertian secara terminologi (istilah).

Pengertian dakwah menurut bahasa nampaknya para ahli kebanyakan sepakat bahawa dakwah berasal dari bahasa Arab, yakni dari kata (دَعَا – يَدْعُو – دَعَاءٌ وَدَعْوَةٌ) yang bermaksud: memanggil, menamakan, mengundang, menyeru, mengajak dan mendoakan,² ertinya menyampaikan sesuatu kepada orang lain untuk mencapai tujuan tertentu. Kata dakwah itu sendiri berbentuk isim masdar. Terma ini terdapat dalam Firman Allah s.w.t:

وَاللَّهُ يَدْعُوهُ إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٥﴾

Surah Yunus 10: 25

Maksudnya: (Itulah dia kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu).

Pengertian Dakwah secara terminologi (istilah). Para Ahli ilmu dakwah dalam mengungkapkan pengertian dakwah secara terminologi sangat beragam pendapat yang dilontarkan. Diantaranya ialah:

- a. Menurut Hamzah Ya'qub: Definisi dakwah dalam Islam adalah mengajak umat manusia dengan hikmah kebijaksanaan untuk mengikuti petunjuk Allah dan Rasul-Nya.³

²Ahmad Warson Munawwir, *Kamus al-Munawwir*, cet. 25, Surabaya: PustakaProgressif, 2002, 406.

³Hamzah Ya'qub, *Publisistik Islam Teknik Da'wah dan Leadership*, Bandung: C.V. Diponegoro, 1992, 13.

- b. Toha Yahya Omar, MA mendefinisikan dakwah, ialah mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai perintah Tuhan, untuk kemaslahatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat.⁴
- c. Menurut Endang Saefuddin Anshari, Dakwah dalam Islam terbagi kepada dua erti, iaitu Dakwah Islam dalam erti terbatas dan erti luas. Pengertian Dakwah dalam erti terbatas ialah: penyampaian Islam kepada manusia, sama ada secara lisan mahupun tulisan, ataupun secara lukisan (panggilan, seruan dan ajakan kepada manusia pada Islam). Manakala pengertian dakwah Islam dalam erti luas: penjabaran, penterjemahan dan perlaksanaan Islam dalam peri kehidupan manusia, termasuk di dalamnya bidang politik, ekonomi, sosial, pendidikan, ilmu pengetahuan, kesenian, kekeluargaan dan lain sebagainya.⁵

Dari pendapat yang telah dikemukakan tadi, dapat diambil kesimpulan bahawa dakwah bererti mengubah umat dari satu keadaan atau situasi kepada keadaan atau situasi yang lebih baik di dalam segala aspek kehidupan dengan tujuan merealisasikan ajaran Islam di dalam kenyataan sehari-hari, sama ada bagi kehidupan seorang secara peribadi, keluarga mahupun masyarakat. Dakwah adalah satu proses upaya mengubah sesuatukeadaan kepada keadaan lain yang lebih baik sesuai dengan ajaran Islam, atau proses mengajak manusia ke jalan Allah iaitu Islam dalam membawa agama Islam itu untuk kepentingan umat manusia sendiri dan bahkan sebagai *rahmatan lil 'alamin*.

2.2 Dasar Dakwah

Dasar hukum atau landasan yang paling utama dalam pembinaan agama Islam dalam hal ini dakwah Islam adalah al-Quran dan Hadith. Di dalam al-Quran sendiri

⁴Toha Yahya Omar, *Ilmu Dakwah*, Jakarta: Wijaya, 1992, 1.

⁵Endang Saifuddin Anshari, *Wawasan Islam*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1993, 178.

terdapat banyak ayat yang memerintahkan agar umat Islam sentiasa menggerakkan dan menggiatkan usaha-usaha pembinaan umat melalui aktiviti dakwah, agar ajaran-ajaran Islam sentiasa berdiri tegak dan diamalkan oleh umat manusia.

Firman Allah yang berkenaan dengan pelaksanaan dan penyelenggaraan dakwah (pembinaan agama Islam) adalah sebagai berikut:

a. Surah *al-Nahl* ayat 125 yang berbunyi:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Surah *al-Nahl* 16: 125

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

b. Surah *Āli Imrān* ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Surah *Āli Imrān* 3: 104

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Ayat-ayat tersebut merupakan sebahagian kecil dari dasar hukum pelaksanaan, penyelenggaraan dan pembinaan ummat Islam atau berdakwah, kerana masih banyak lagi ayat yang disebutkan dalam kitab suci al-Quran mengenai perkara tersebut.

Manakala dalil-dalil daripada al-Sunnah juga menyebutkan kewajipan manusia dalam berdakwah, di antaranya adalah:

a. Hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Maksudnya: “Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat”.⁶

b. Hadith yang diriwayatkan daripada Tariq bin Shihab berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: “Barang siapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah ia mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya (kekuasaannya), apabila ia tidak sanggup dengan lidahnya (nasihat), apabila ia tidak kuasa maka dengan hatinya, dan itulah selemah-lemahnya iman”.⁷

Berdasarkan dalil-dalil di atas dapatlah disimpulkan bahawa setiap individu Muslim atau masyarakat Muslim hendaklah menyeru orang lain kepada jalan Allah dan mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam serta menjauhi segala larangan-Nya. Perintah Allah atas Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyampaikan risalah dakwah terhadap umatnya menunjukkan bahawa seorang mukmin sama ada lelaki atau perempuan mempunyai kewajipan menyampaikan dakwah kepada umat Islam. Bagi seorang dai mestilah memiliki pengetahuan yang luas mengenai pelbagai masalah dan

⁶Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Ahadith al-Anbiya’, bab ma Dhukir ‘an Bani Isra’il, No. hadith 3274. Lihat: Muhammad bin Isma’il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, tahqiq: Mustafa Dib al-Bugha. (Beirut: Dar IbnKathir, 1987), 3: 1275.

⁷Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab Bayan Kawn al-Nahy ‘an a-Munkar min al-Iman, hadith no. 182. Lihat: Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushayri, *Sahih Muslim*, (Beirut: Dar al-Jayl, t.t.), j. 1, 50.

menghadapinya dengan cara yang baik dan lemah lembut agar apa yang disampaikan dapat diterima, difahami dan memberi kesan yang baik.

2.3 Unsur-Unsur Dakwah

2.3.1. Kandungan Dakwah

Kandungan dakwah ialah isi (content) pesan yang disampaikan oleh dai kepada *mad'u* atau sasaran dakwah. Dalam garis besarnya, sebenarnya telah jelas bahawa materi dakwah adalah seluruh ajaran Islam secara menyeluruh (kaffah) tidak dipotong-potong. Ajaran Islam telah tertulis dalam al-Quran dan Sunah Rasulullah s.a.w.

Pesan atau materi dakwah adalah pesan-pesan atau segala sesuatu yang harus disampaikan oleh dai kepada sasaran dakwah, iaitu seluruh ajaran Islam yang terkandung di dalam Kitabullah mahupun Sunah Rasul-Nya. Secara umum pokok isi al-Quran meliputi:

1. Akidah
2. Ibadah
3. Muamalah
4. Akhlak
5. Sejarah
6. Prinsip-prinsip pengetahuan dan teknologi, iaitu petunjuk-petunjuk umum yang memberikan dorongan kepada manusia untuk mengadakan analisis dan mempelajari isi alam dan perubahan-perubahannya.

7. Lain-lain berupa anjuran-anjuran, janji-janji, atau ancaman.⁸

Dalam kandungan dakwah diharapkan para pendakwah sebagai agen perubahan menyampaikan ajaran Islam dan sentiasa memasukkan idea-idea baru sehingga objek dakwah tidak merasa bosan. Idea-idea tersebut haruslah sesuai dengan ajaran Islam.

Pada dasarnya materi dakwah itu adalah al-Quran, al-hadith memperhatikan beberapa prinsip dakwah antara lain:

1. Asas falsafah: asas ini terutama membicarakan masalah yang erat hubungannya dengan tujuan-tujuan yang hendak dicapai dalam proses atau dalam aktiviti dakwah.
2. Asas kemampuan dan keahlian atau kefakaran dai (*achievement and profesional*).
3. Asas Sosiologi: asas ini membahaskan masalah-masalah yang berkaitan dengan situasi dan keadaan sasaran dakwah.
4. Asas Psikologi: Asas ini membahaskan masalah yang erat hubungannya dengan kejiwaan manusia yang menjadi sasaran dakwah.
5. Asas keberkesanan dakwah: Asas ini maksudnya adalah di dalam aktiviti dakwah harus ada keseimbangan antara kos (biaya), masa mahupun tenaga yang dikeluarkan dengan pencapaian yang dihasilkannya, bahkan seboleh mungkin, kos dan tenaga yang sedikit dapat memperoleh hasil yang paling maksimum.⁹

⁸Aliyudin, *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, (Bandung: Fakultas Dakwah UIN Sunan Gunung Jati, 2007), 14.

⁹*Ibid.*, 17.

2.3.2. Dai (Pendakwah)

Iaitu orang yang menjalankan aktiviti dakwah sama ada secara lisan, tulisan, mahupun contoh teladan atau perbuatan yang dilakukan sama ada secara individu, kelompok atau melalui organisasi atau lembaga.

Kata *dai* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud orang yang menyeru atau mengajak. Menurut istilah dai adalah orang yang mengajak dan menyeru orang lain atau masyarakat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, melalui lisan, tulisan mahupun perbuatan ke arah keadaan yang lebih baik menurut ajaran Islam.¹⁰

Dai dalam istilah lain disebut sebagai subjek dakwah, seorang dai harus memiliki sikap konsisten dalam melaksanakan tugasnya sebagai penyeru kepada jalan yang benar dengan cara-cara yang sesuai dengan al-Quran. Dai adalah seorang pemandu bagi orang-orang yang ingin mendapat keselamatan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Oleh sebab itu, seorang dai memiliki kedudukan yang sangat penting di tengah-tengah masyarakat, dia menjadi contoh teladan bagi masyarakat. Pada dasarnya tugas utama seorang dai adalah meneruskan tugas Rasulullah s.a.w. sebagai pewaris Nabi iaitu menyampaikan ajaran Allah s.w.t. seperti yang termuat di dalam al-Quran, begitu juga menyampaikan ajaran Rasulullah s.a.w.

Dai dalam ilmu dakwah bermakna sebagai pelaku dakwah, biasa disebut dengan subjek dakwah. Yang menjadi subjek dakwah adalah manusia, meskipun ada pendapat yang berpendapat bahawa yang menjadi subjek dakwah itu selain manusia adalah Allah s.w.t. sendiri.

¹⁰*Ibid.*, 10.

Adapun manusia yang menjadi subjek dakwah adalah semua Muslim yang mukallaf sesuai dengan kemampuannya, kesanggupannya masing-masing, kerana Islam tidak memaksa manusia, kecuali sesuai dengan kemampuan dan kesanggupannya. Jadi sebagaimana telah diterangkan di atas, bahawa kewajipan dakwah bukan hanya tertakluk kepada ulama dan lembaga-lembaga dakwah sahajaakan tetapi setiap individu Muslim wajib melaksanakan dakwah. Pelukis dapat berdakwah menerusi ekspresi gambarnya, penulis atau wartawan dapat berdakwah menerusi tulisannya, pelakon dan artis dapat berdakwah menerusi lakonannya, pengarah filem dapat berdakwah menerusi melalui karya filem, teater atau dramanya.

Subjek dakwah sangat menentukan keberhasilan suatu dakwah di samping faktor hidayah Allah s.w.t. Manusia tertarik oleh ajaran Islam kerana sikap subjek dakwah, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap orang kafir, sehingga mereka mahu dan bersedia untuk masuk Islam. Dengan demikian faktor subjek dai sangat mempengaruhi terhadap kejayaan dan keberhasilan suatu proses dakwah.

Tugas dai adalah untuk membentuk perwatakan dan akhlak manusia yang sesuai dengan ajaran agama Islam. Oleh sebab itu, seorang dai menghadapi tugas yang sangat berat; kerana manusia harus berinteraksi dengan alam dan lingkungan persekitarannya. Dai juga berfungsi sebagai pemberi motivasi, iaitu orang yang mampu menggerakkan dan membangkitkan semangat dan ghairah *mad'u* untuk bersemangat dalam hidup sehingga dapat melaksanakan perintah Allah s.w.t. Oleh itu, sosok seorang dai mempunyai pengaruh yang amat besar dalam proses dakwah. Objek dakwah akan

termotivasi untuk mendengarkan dakwah apabila dai memberikan kesan penampilan yang meyakinkan di hadapan mereka.¹¹

2.3.3. Metode dakwah

Iaitu jalan atau cara yang digunapakai oleh juru dakwah untuk menyampaikan ajaran atau materi dakwah Islam. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 125 yang menyebutkan bahawa ada tiga kaedah atau metode dakwah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِلَايَتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Surah al-Nahl 16: 125

Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Dari ayat di atas maka terdapat tiga kaedah atau metod yang dapat digunapakai dalam menyeru dan mengajak untuk kebaikan iaitu:

1. *Hikmah*

Hikmah adalah pengetahuan tentang kebenaran dan pengamalannya, ketepatan memilih dalam perkataan dan pengamalannya. Hal ini tidak dapat dicapai melainkan dengan memahami Al-Quran dan mendalami syariat-syariat Islam serta hakikat Islam. *Hikmah* merupakan kemampuan dan ketepatan dai dalam memilih dan menyesuaikan kaedah atau metod dakwah dengan keadaan objektif *mad'u*. *Hikmah* juga merupakan

¹¹M. Syafaat Habib, Buku Pedoman Dakwah, (Jakarta: Widjaya, 1982), 107.

kemampuan dai dalam menjelaskan ajaran-ajaran Islam dan realiti yang ada dengan hujah-hujah yang logik dan bahasa yang komunikatif.

Hikmah dalam dunia dakwah mempunyai kedudukan yang sangat penting, iaitu dapat menentukan berjaya tidaknya dakwah. Dalam menghadapi sasaran dakwah atau *mad'u* yang beragam peringkat pendidikan, status sosial, dan latar belakang budaya, para dai memerlukan hikmah sehingga ajaran Islam mampu memasuki ruang hati para *mad'u* dengan tepat. Hikmah adalah bekal dai menuju kejayaan. Karunia Allah yang diberikan kepada orang yang mendapatkan hikmah, juga akan berkesan kepada para sasaran dakwah, sehingga mereka termotivasi dan terdorong untuk mengubah dirinya menjadi lebih baik dan memahami serta mengamalkan apa yang disampaikan dai kepada mereka.¹²

2. *Maw'izah Hasanah*

Maw'izah Hasanah merupakan salah satu kaedah dan manhaj dakwah untuk mengajak dan menyeru manusia kepada jalan Allah dengan memberi nasihat atau membimbing dengan lemah lembut agar mereka mahu berbuat kebaikan. *Maw'izah Hasanah* dapat diertikan sebagai ungkapan yang mengandungi unsur bimbingan, pendidikan, pengajaran, kisah-kisah, berita gembira, peringatan, pesan-pesan positif yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan agar mendapat keselamatan dunia dan akhirat.

¹²Lihat: Munzier Suparta dan Harjani Hefni, *Metode Dakwah*, cet. 3. (Jakarta: Prenada Media, 2009), 10-12.

Kaedah ini sangat berkesan apatahlagi jika dilakukan dalam keadaan dan suasana yang tenang sehingga dapat menyentuh dan menggugah hati sasaran dakwah, inilah yang dicontohkan oleh Nabi s.a.w. tatkala didatangi seorang yang minta izin untuk berzina dan tercatat pada hadith yang diriwayatkan daripada Abu Umāmah sebagai berikut:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ إِنَّ فَتًى شَابًّا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَدْنُ لِي بِالزَّيْنَةِ فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فَزَجَرُوهُ قَالُوا مَهْ مَهْ فَقَالَ أَدْنُ فَدَنَا مِنْهُ قَرِيْبًا قَالَ فَجَلَسَ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِأُمَّكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِابْنَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِابْنَاتِهِمْ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِأُخْتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَخَوَاتِهِمْ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِعَمَّتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَّاتِهِمْ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِخَالَاتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ قَالَ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَطَهِّرْ قَلْبَهُ وَحَصِّنْ فَرْجَهُ فَلَمْ يَكُنْ بَعْدُ ذَلِكَ الْفَتَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ^{١٣}

Maksudnya: Daripada Abu Umāmah, ia berkata: Seorang remaja datang kepada Nabi s.a.w. dan berkata : Ya Rasulullah izinkan aku berzina? Para sahabat pun mendorong dan mengusirnya, mereka berkata : Pergi! Pergi!, Rasulullah s.a.w. menyuruh orang-orang untuk membawanya berhampiran dengannya, iapun mendekat dan duduk, Rasulullah s.a.w. bertanya: apakah engkau mahu kalau ada orang yang melakukannya pada ibumu? Ia berkata: tidak! Demi Allah semoga Allah menjadikanku sebagai tawananmu tidak ada seorang pun yang mahu hal itu terjadi pada ibunya, Rasulullah s.a.w. bertanya : apakah engkau mahu kalau ada orang yang melakukannya pada anak perempuanmu? Ia berkata: tidak! Demi Allah semoga Allah menjadikanku sebagai tawananmu tidak ada seorang pun yang mahu hal itu terjadi pada anak perempuannya, Rasulullah s.a.w. bertanya: apakah engkau mahu kalau ada orang yang melakukannya pada adik perempuanmu? Ia berkata: tidak! Demi Allah semoga Allah menjadikanku sebagai tawananmu tidak ada seorangpun yang mahu hal itu terjadi pada adik perempuannya, Rasulullah s.a.w. bertanya: apakah engkau mahu kalau ada orang yang melakukannya pada ibu saudaramu (saudara perempuan ayah)? Ia berkata : tidak! Demi Allah semoga Allah menjadikanku sebagai tawananmu tidak ada seorang pun yang mahu hal itu terjadi pada bibinya, Rasulullah s.a.w. bertanya: apakah engkau mahu kalau ada orang yang melakukannya pada ibu

¹³Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, kitab *Baqi Musnad al-Anshar*, no. 21185

saudaramu (saudara perempuan ibu)? Ia berkata: tidak! Demi Allah semoga Allah menjadikanku sebagai tawananmu tidak ada seorangpun yang mahu hal itu terjadi pada bibinya, kemudian beliau meletakkan tangannya pada anak muda itu, lalu berdoa: Ya Allah ampuni dosanya, sucikanlah hatinya dan lindungilah kemaluannya, setelah itu anak muda itu pergi tanpa menoleh lagi (HR.Ahmad).

Begitulah cara Nabi s.a.w. memberikan *maw'izah hasanah* tanpa mencela ataupun menyalahkan perbuatan seseorang serta merta, demikian pula tatkala seorang pencuri ingin bertaubat beliau hanya menyuruhnya untuk tidak berdusta, sehingga setiap kali ia ingin mencuri maka yang terfikir dimindanya adalah jika aku mencuri kemudian Nabi bertanya dan jawapan apa yang harus diberikan, jika mengatakan yang sebenarnya maka *had* pencurian berlaku baginya, jika mengatakan yang tidak sebenarnya maka ia telah berbohong . Begitu dalamnya pernyataan Nabi s.a.w. sehingga menghunjam kedalam hati umatnya. Begitu pula ketika seseorang bertanya tentang suatu perbuatan yang baik untuk diamalkan, suatu saat beliau bersabda “*solat pada waktunya...*” di waktu lain ketika ditanya dengan orang yang berbeza beliau bersabda “*jangan marah!*”, hal ini bukan bererti beliau tidak konsisten, akan tetapi beliau selalu melihat siapa lawan bicara dan kapasiti intelektual serta sesuai dengan keperluannya, jadi yang perlu diperhatikan adalah berbicara dengan orang lain sesuai kadar akal mereka.¹⁴

3. *Mujādalah*(berbantahan dengan cara yang baik)

Mujādalah,berbantah atau berdebat dengan cara yang baik adalah berdakwah dengan cara bertukar fikiran atau berdialog dan membantah dengan cara yang sebaik-baiknya dengan tidak memberikan tekanan-tekanan yang memberatkan pada komuniti yang menjadi sasaran dakwah. *Al-Mujādalah* merupakan tukar pendapat yang dilakukan oleh dua pihak secara sinergi, yang tidak melahirkan permusuhan dengan tujuan agar

¹⁴*Ibid.*, 16.

lawan menerima pendapat yang diajukan dengan memberikan hujah dan bukti yang kuat. Antara satu dengan yang lain saling menghormati dan menghargai pendapat keduanya.¹⁵

Termasuk *al-hikmah* adalah mendidik dengan ilmu, bukan dengan kebodohan. Juga di antaranya memulai dari perkara yang paling penting yakni tauhid, dengan masalah yang mudah diterima dan difahami, serta dengan cara yang lemah lembut. Tetapi, apabila cara ini tidak berjaya, maka hendaklah menggunakan kaedah dan metod berikutnya iaitu *maw'izah hasanah* (pengarahan yang baik). Cara ini disertai dengan *targhīb* (khabar gembira) dan *tarhīb* (ancaman). Tetapi jika sasaran dakwah atau madu' merasa dirinya benar atau dia mengajak dan menyeru kepada kebatilan, maka bantahlah dia dengan cara yang baik.

Kalau kita mahu melihat sejarah Nabi Muhammad s.a.w. dalam menyampaikan dakwahnya, ia tidak hanya bertabligh, mengajar, atau mendidik dan membimbing, tetapi juga memberikan role model atau *uswatun hasanah* (ikutan yang baik). Ia juga memberikan contoh dalam perlaksanaannya, sangat memperhatikan dan memberikan arahan terhadap kehidupan sosial, ekonomi seperti pertanian, penternakan, perdagangan dan sebagainya.¹⁶

Dakwah Nabi pun dalam periode Mekah penuh dengan pengorbanan-pengorbanan sama ada dari segi tenaga, harta benda, bahkan jiwanya terancam akibat percubaan pembunuhan serta yang lebih berat lagi adalah dipulaukan oleh keluarga sendiri, dari pada fitnah berupa hinaan, makian, cercaan, penderitaan karena dikucilkan

¹⁵*Ibid.*, 19.

¹⁶H.S. Prodjokusumo, "*Dakwah bi al-Hal Sekilas Pandang*", dalam, *Tuntunan Tablig 1*, (Yogyakarta: Pustaka Suara Muhammadiyah, 1997), 222.

dan sebagainya. Demikian pula dalam periode Madinah para sahabat dan para pengikut Nabi, mereka bekerja keras dalam pelbagai sektor kehidupan sosial, ekonomi dan sebagainya, orang-orang dari Anshar sebahagian memberikan tanahnya, ternaknya, hartanya, kepada orang-orang Muhajirin yang telah kehabisan bekal. Rasul menghimpun harta benda untuk kepentingan pertahanan negara dan sebagainya.¹⁷

Pada prinsipnya kaedah atau metod dakwah berpijak dan berpedoman pada dua aktiviti iaitu aktiviti bahasa lisan atau tulisan dan aktiviti badan. Aktiviti lisan dalam menyampaikan pesan dapat menggunakan kaedah ceramah, diskusi, dialog, petua, nasihat, wasiat, taklim, peringatan, ancaman dan lain-lain. Aktiviti tulisan dapat berupa penyampaian pesan dakwah melalui pelbagai media massa cetak seperti buku, majalah, surat khabar, buletin dan lain sebagainya. Aktiviti badan pula dalam menyampaikan pesan dakwah dapat berupa aksi amal soleh seperti tolong-menolong dalam kebaikan, memperlihatkan dan menampakkan penampilan yang sopan, berakhlak mulia dan lain sebagainya.

Aliyudin juga dalam karyanya telah merumuskan kaedah atau metod dakwah yang menurutnya kaedah tersebut sebenarnya adalah klasik tetapi masih tetap sesuai digunapakai, iaitu sebagai berikut:

1. Kaedah atau metod sembunyi-sembunyi iaitu pendekatan kepada sanak keluarga terdekat.
2. Kaedah atau metod *bi al-lisān*, *bi al-qalam* dan *bi al-ḥāl*.
3. Kaedah atau metode *bi al-ḥikmah*, *maw'izah ḥasanah* dan *mujādalah* yang baik.
4. Kaedah atau metode *tabshīr wa tandhīr*, *amar ma'ruf nahi mungkar*.¹⁸

¹⁷*Ibid.*, 226.

¹⁸Aliyudin, *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, 10.

Dakwah semakin lama akan berhadapan dengan masyarakat yang makin maju dan rumit, dari yang konvensional kepada yang bukan konvensional atau dari alat yang langsung kepada alat yang tidak langsung. Dakwah tidak hanya akan menggunakan lisan dan tulisan, akan tetapi akan menggunakan gambar-gambar yang hidup (3 Dimensi). Olehnya itu diperlukan kaedah atau metode yang pelbagai agar usaha dakwah yang dijalankan dapat memberi kesan dan kejayaan.

2.3.4. Objek Dakwah

Objek dakwah biasa juga disebut sasaran dakwah (*mad'u*) atau komunikan dalam istilah komunikasi. Sasaran dakwah adalah manusia itu sendiri yang menerima seruan dakwah, sama ada sebagai individu mahupun sebagai kelompok masyarakat, sama ada yang beragama Islam mahupun tidak atau dengan kata lain, dakwah ditujukan kepada seluruh manusia. Sasaran dakwah merupakan unsur penting dalam sistem dakwah yang tidak kurang peranannya dibandingkan dengan unsur-unsur dakwah yang lain.

Manusia pada hakikatnya hidup di tengah-tengah rumitnya sistem kemasyarakatan, ditambah lagi hidup dengan lingkungan komunitinya, maka agar tujuan dakwah dapat dicapai seorang dai harus mempelajari dan menyelidiki keadaan umat yang bersangkutan. Sebab sebagaimana dikatakan oleh Hamzah Ya'qub, dakwah akan gagal dan sekurang-kurangnya kecil kemungkinannya untuk berjaya jika dakwah itu dilaksanakan tanpa mempelajari keadaan sosio masyarakat yang akan dihadapi.¹⁹

¹⁹Hamzah Ya'qub, *Publisistik Islam Teknik Dakwa dan Leadership*, (Bandung: CV. Diponegoro, 1992), 32.

Oleh itu objek dakwah terdiri daripada masyarakat yang pelbagai-bagai, maka agar dakwah dapat berjalan dengan berkesan dan berjaya perlu diadakan pengelompokan sasaran dakwah dan hendaklah menggunakan kaedah dan metod dakwah yang sesuai dengan ciri yang terdapat pada setiap sasaran.

Menurut H.M Arifin, sasaran dakwah dapat dikelompokkan sebagai berikut:

1. Sasaran yang berkenaan dengan kelompok masyarakat dilihat dari segi sosiologi seperti masyarakat terasing, pedesaan, bandar besar dan bandar kecil, serta masyarakat pinggiran bandar besar.
2. Sasaran yang berkenaan dengan golongan masyarakat dilihat dari segi struktur perlembagaan seperti masyarakat, pemerintah dan keluarga.
3. Sasaran yang berkenaan dengan kelompok-kelompok dilihat dari segi sosial budaya seperti golongan bangsawan, masyarakat awam dan golongan agama. Dalam masyarakat Jawa dikenal dengan golongan *priyayi (bangsawan)*, *abangan (liberal)* dan *santri (tradisional)*.
4. Sasaran yang berhubungkait dengan golongan masyarakat dilihat dari segi peringkat umur berupa golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.
5. Sasaran yang berhubungkait dengan golongan masyarakat dilihat dari segi kerjaya seperti golongan petani, peniaga, seniman, buruh, pegawai swasta, pegawai kerajaan.
6. Sasaran yang berhubungkait dengan kelompok masyarakat dilihat dari segi jantina berupa lelaki, perempuan dan sebagainya.

7. Sasaran yang berhubungkait dengan kelompok masyarakat dilihat dari segi khusus berupa golongan masyarakat gelandangan, pelacur, pengangguran, banduan dan sebagainya.²⁰

Dengan adanya pengelompokan sasaran dakwah tersebut maka diambil suatu kesimpulan bahawa dalam proses pelaksanaan dakwah seorang dai diharapkan untuk memahami dahulu karakter masyarakat sebagai objek dakwah sehingga dapat ditentukan kaedah atau metod apa yang sesuai untuk diterapkan. Dengan demikian program dan aktiviti dakwah besar kemungkinan akan mencapai kejayaan.

2.3.5. Media Dakwah

Dalam melaksanakan tugas wajib dakwah kepada umat manusia, para juru dakwah memerlukan media, sarana, alat dan medan. Media, sarana, alat dan medan yang diperlukan, antara lain iaitu:

1. Mimbar dan *Khiṭābah*

Mimbar salah satu media dakwah yang telah tua sekali usianya, mungkin setua usia manusia; Sedangkan *khiṭābah* adalah salah satu sarana yang sama halnya dengan mimbar. Pentingnya mimbar dan *khiṭābah* dalam pelaksanaan dakwah Islamiyah dapat kita simpulkan dari ditetapkannya ibadat solat Jumaat tiap-tiap tujuh hari sekali; di mana yang membezakan solat tiap hari dengan solat Jumaat, iaitu *khiṭābah* atau khutbah Jumaat, dan inilah inti hakikat hikmahnya. Sama halnya dengan solat hari raya Qurban

²⁰M. Arifin, Psikologi Dakwah, cet.ke-2. (Jakarta: Bumi Aksara, 1993), 3-4.

(Aidil Adha) dan hari raya puasa (Aidil Fitri), di mana pada kedua solat hari raya tersebut khutbahnya menjadi inti dalam pelaksanaan dakwah Islamiyah.

2. *Qalam dan Kitābah*

Dalam al-Quran terdapat satu surat yang bernama surah al-Qalam, warta pena, di mana Allah bersumpah dengan pena dan dengan penulisan, setelah terlebih bersumpah dengan huruf, pena dan penulisan dalam pelaksanaan dakwah Islamiyah. Sebagai realisasi dari isyarat Allah yang sengaja bersumpah dengan huruf dan pena sebagai alat penulisan yang kemudian dengan penulisan itu Allah bersumpah lagi, maka Nabi Muhammad menyuruh penulisan al-Quran tiap-tiap beliau menerima wahyu, sebagai permulaan sejarah penulisan dalam dakwah Islamiyah.

Kitābah dapat juga diertikan sebagai media cetak. Media cetak pada masakini telah banyak bermunculan bagaikan munculnya jamur di musim hujan. Sama ada majalah, surat kabar, jurnal ataupun buletin lainnya. Hal ini merupakan wujud nyata dari sebuah era teknologi maklumat atau informasi dan keterbukaan. Oleh sebab itu alangkah baiknya jika para muballigh mampu memanfaatkan media-media cetak yang ada itu sebagai sarana untuk berdakwah. Melihat persaingan media cetak yang begitu hebat, maka para muballigh kita hendaknya segera menyiapkan diri untuk menjadi penulis-penulis hebat sehingga mampu bersaing dalam *amar ma'ruf nahi munkar* di bidang media cetak, mengingat media cetak merupakan media informasi yang cukup banyak peminatnya.²¹

²¹Hasjimy, *Dustur Dakwah Menurut Al-Quran*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1974), 269-270.

3. Drama dan Filem

Lakonan pementasan drama dan filem merupakan salah satu metod atau uslub dakwah yang penting, uslub ini dapat memberikan pengaruh yang cukup besar kepada jiwa manusia yang sedang menontonnya. Di saat sedang menonton filem, terjadi suatu gejala yang menurut ilmu jiwa sosial sebagai pengenalan atau identifikasi secara psikologi. Ketika proses *decoding* terjadi, para penonton kerap menyamakan atau meniru seluruh peribadinya dengan salah seorang tokoh cerita pemeran filem. Melihat pengaruh filem begitu besar kepada jiwa yang sedang menontonnya, maka alangkah besar manfaatnya filem itu, jika dijadikan sebagai media untuk berdakwah.

Filem yang ditayangkan televisyen mempunyai beberapa pesan moral yang dapat diangkat atau diambil maknanya dari tayangan-tayangan filem yang disesuaikan dengan alur atau jalan cerita dari isi filem tersebut. Sebab filem memberikan peluang untuk terjadinya peniruan apakah itu positif ataupun negatif. Disebabkan kesan yang ditimbulkan menerusi acara-acara filem begitu besar maka sungguh tepat jika proses dakwah pun dilakukan melalui filem-filem yang bertemakan dakwah.

4. Radio

Radio merupakan salah satu hasil kemajuan teknologi komunikasi moden yang dapat dijadikan sebagai media penyiaran agama Islam. Peranan radio sebagai media penyiaran agama Islam dewasa ini dipandang semakin penting dan selari dengan semakin ramainya peminat media elektronik tersebut. Di samping itu, radio dapat berfungsi sebagai media ekspresi, komunikasi, informasi, pendidikan dan hiburan. Radio juga memiliki kekuatan terbesar sebagai media imaginasi; sebab sebagai media

yang buta, radio mensimulasikan begitu banyak suara dan berupaya memvisualisasikan, menggambarkan atau menceritakan sebuah cerita oleh penyiar melalui telinga pendengar.

Radio mempunyai sifat yang universal. Melalui radio dai tidak hanya menyentuh mereka yang mempunyai *ghiroh (semangat)* yang besar terhadap Islam, tetapi mereka yang tidak mempunyai *ghirah* pun dapat tersentuh; sebab sistem dakwah melalui radio itu bukan *mad'u* yang datang kepada dai seperti pada komunikasi interpersonal yang biasa dilakukan di majlis taklim, tetapi sistem dakwah melalui radio itu dai mendatangi *mad'u*, sehingga masyarakat akan lebih mudah untuk dipengaruhi dan diberi pengertian tentang Islam melalui program-program masyarakat yang bersifat keagamaan, sama ada dalam bentuk ceramah, nasyid, drama, dialog interaktif dan sebagainya. Disamping itu, radio mempunyai kelebihan dibandingkan dengan media massa lainnya, di antaranya adalah: maklumat yang disampaikan sangat pantas, tanpa batas, menciptakan gambaran dalam ruang imaginasi pendengar dan dapat dinikmati sambil mengerjakan hal yang lain.²²

5. Televisyen

Televisyen merupakan sistem elektronik yang mengirimkan gambar diam dan gambar hidup bersama suara melalui wayar atau ruang. Sistem ini menggunakan peralatan yang mengubah cahaya dan suara ke dalam gelombang elektrik dan mengubahnya kembali ke dalam cahaya yang dapat dilihat dan suaranya dapat didengar.

²²Torben Brandy dan Erik Sasono, *Jurnalisme Radio: Sebuah Panduan Praktis*, (Jakarta: UNESCO dan Kedutaan Besar Denmark, 2001), 10.

Kelebihan televisyen sebagai media dakwah jika dibandingkan dengan media yang lainnya adalah;

1. Media televisyen memiliki jangkauan yang sangat luas sehingga penyebaran dakwah dapat menjangkau tempat yang lebih jauh. Bahkan pesan-pesan dakwah dapat disampaikan pada *mad'u* yang berada di tempat-tempat yang tidak susah dijangkau.

2. Media televisyen mampu menyentuh *mad'u* yang pelbagai dan dalam jumlah yang sangat besar. Hal ini sesuai dengan salah satu karakter komunikasi massa iaitu subjek komunikasi yang pelbagai dan tersebar. Kelebihan ini jika dimanfaatkan dengan baik tentu akan berpengaruh positif dalam aktiviti dakwah. Seorang dai yang bekerja dalam ruang yang sempit dan terbatas dapat menjangkau *mad'u* yang jumlahnya boleh mencapai puluhan juta dalam satu sesi acara.

3. Media televisyen mampu menampung pelbagai macam metode dakwah sehingga membuka peluang bagi para *dai*(pendakwah) memacu kreativiti dalam mengembangkan metode dakwah yang paling berkesan.

4. Media televisyen bersifat audio visual. Hal ini memungkinkan dakwah dilakukan dengan menampilkan pembicaraan sekaligus visualisasi berupa gambar.²³

Selain memiliki beberapa kelebihan sebagaimana disebutkan di atas, dakwah menggunakan media televisyen juga mempunyai pelbagai kelemahan, di antaranya: kadang kala dalam program televisyen berlaku percampuran antara yang hak dan yang batil dan kebanyakan dunia televisyen cenderung bersifat kapitalistik dan hanya mengutamakan keuntungan sahaja(*profit oriented*). Namun demikian, televisyen adalah salah satu keperluan manusia di zaman moden ini. Televisyen juga merupakan salah satu sarana dan media yang sangat berkesan dalam segala hal termasuk berdakwah.

²³Ari Purwa, Strategi Dakwah Melalui Media Elektronik, <http://arisemangatselalu.blogspot.com/2012/12/strategi-dakwah-melalui-media-elektronik.html>. 19 September 2013.

Televisyen sudah menjadi keperluan sehari-hari bagi masyarakat moden sekarang ini. Jadi, dakwah melalui televisyen merupakan media yang bagus untuk menambah wacana dan wawasan keislaman bagi masyarakat pada umumnya.

6. Internet

Internet adalah media dan sumber maklumat yang paling canggih saat ini sebab teknologi ini menawarkan pelbagai kemudahan, kelajuan, ketepatan akses dan kemampuan menyediakan pelbagai keperluan maklumat untuk setiap orang, bila dan di mana sahaja serta pada peringkat apa sahaja. Pelbagai maklumat yang dapat diperoleh melalui Internet antara lain peluang pekerjaan, sukan, seni, belanja, perjalanan, kesihatan, permainan, berita, komunikasi melalui twitter, facebook *email, mailing list*, dan *chatting*, bahkan artikel-artikel ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu, dan lain sebagainya. Hampir semua bidang tugas manusia, apa pun jenisnya, dapat dicari melalui Internet. Internet sebagai sumber maklumat memungkinkan semua orang untuk terus belajar seumur hidup, bila dan di mana pun serta untuk keperluan apa pun. Dan untuk keperluan belajar bagi setiap individu, Internet tidak hanya menyediakan kemudahan pencarian maklumat tetapi juga perkongsian maklumat dan komunikasi.

Keberadaan Internet sebagai media dakwah sudah bukan lagi hanya pada peringkat wacana lagi. Seharusnya para ulama, dai, dan para pemimpin-pemimpin Islam sudah menyedari dan segera melakukan langkah-langkah strategik untuk menjaga dan mendidik (*tarbiyah*) generasi-generasi muda kita agar siap dan matang dalam menghadapi serangan-serangan negatif dari media Internet. Langkah-langkah untuk berdakwah melalui Internet dapat dilakukan dengan membuat jaringan-jaringan tentang Islam, di antaranya: cybermuslim atau cyberdakwah, laman Sesawang Dakwah Islam,

YoutubeIslam atau IslamTube, Website, Blog dan Jaringan sosial seperti: Facebook dan Twitter. Masing-masing cyber tersebut menyediakan dan menawarkan maklumat Islam dengan berbagai kemudahan dan metod yang beragam variasinya.²⁴

2.4 Strategi Dakwah Terhadap Saudara Baru

Dakwah sebagai proses kegiatan yang universal dan tidak hanya sekadar bentuk kegiatan ritual keagamaan sahaja, tetapi meliputi segala aktiviti hidup manusia, bahkan dakwah juga dituntut untuk dapat menjadi penyelesaian masalah atau *problem solving* bagi persoalan-persoalan yang terjadi dan berkembang di masyarakat. Dakwah yang berfungsi sebagai aktiviti untuk mengenalkan dan membumikan Islam sebagai agama yang universal, sempurna dan komprehensif, sentiasa menghadapi masalah-masalah dalaman dan luaran yang berhubungkait dengan seluruh aspek kehidupan manusia. Kenyataan di lapangan menunjukkan bahawa dalam pelaksanaan dakwah sering dijumpai adanya kekurangan, kesalahan, kejanggalan dan halangan dalam komponen-komponen dakwah, seperti: dai yang kurang menguasai bahan-bahan dakwah, objek, media dakwah, bahan dakwah yang tidak sesuai dengan objek dakwah, terhadapnya dana, kurang tepatnya penggunaan metod dakwah, kurangnya perancangan dan keselarasan dalam pengelolaan mahupun pelaksanaan dakwah dan lain sebagainya.

Oleh itu, setiap *dai* (pendakwah) seharusnya sentiasa sedar dan waspada terhadap perkembangan semasa yang berlaku di dalam masyarakat sehingga ia lebih sensitif dan peka terhadap persekitarannya. Pelaksanaan dakwah yang meliputi kegiatan yang begitu rumit dan kompleks, hanya akan dapat berjalan dengan baik dan berkesan

²⁴Lihat: Prof. Madya Dr. Harlina Halizah Siraj, "Dakwah Semasa dan Media Baru: Satu Cabaran", (makalah, Konvesyen Pendakwah Negara 2012, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 6 September 2012).

bila dilaksanakan oleh para dai yang secara kualiti dan kuantiti mampu melaksanakan tugasnya dengan menyusun dan memadukan dengan unsur-unsur lain yang diperlukan.²⁵

Untuk mengatasi berbagai persoalan umat yang begitu rumit dan kompleks, institusi dakwah tidak cukup hanya dengan melakukan program dakwah yang bersifat konvensional, tidak merata, dan reaktif, tetapi harus bersifat profesional, strategis, dan pro-aktif. Menghadapi objek dakwah yang semakin kritis dan tantangan dunia global yang makin kompleks dewasa ini, maka diperlukan strategi dakwah yang mantap, sehingga aktiviti dakwah yang dilakukan dapat bersaing di tengah bursa maklumat yang semakin berdaya saing atau kompetitif.

Kontowijoyo telah menyenaraikan beberapa strategi dakwah yang dapat dijalankan untuk menjawab permasalahan-permasalahan dakwah yang dihadapi dewasa ini, iaitu sebagai berikut:

1. Memfokuskan aktiviti dakwah untuk mengatasi kemiskinan umat.
2. Menyiapkan pemimpin Muslim yang pandai dan terbaik untuk ditugaskan ke berbagai jalur kepimpinan bangsa sesuai dengan bidang kepakarannya masing-masing.
3. Membuat peta sosial umat sebagai maklumat awal bagi pengembangan dakwah.
4. Menyelarikan atau mengintegrasikan wawasan etika, estetika, logika, dan budaya dalam berbagai perancangan dakwah.
5. Mendirikan pusat-pusat pengajian dan maklumat umat secara lebih profesional dan berorientasi pada kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

²⁵Lihat: Abd. Rasyad Shaleh, *Manageman Dakwah Islam*, cet. 3, (Jakarta: Bintang Bulan, 1993), 33; Rafiuddin dan Maman Abd. Jalil, *Prinsip dan Strategi Dakwah*, (Bandung: Pustaka setia, 1997), 43.

6. Menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti: ekonomi, kesihatan dan kebudayaan umat Islam. Oleh itu, sistem kepengurusan masjid perlu ditingkatkan.
7. Menjadikan dakwah sebagai agenda pelopor untuk memartabatkan manusia dan melakukan transformasi. Oleh hal yang demikian, perlu dirumuskan pendekatan-pendekatan dakwah yang progresif dan terbuka. Dakwah Islam tidak boleh hanya dijadikan sebagai objek dan alat pembenaran atau legitimasi bagi pembangunan yang hanya bersifat ekonomis-pragmatis berdasarkan kepentingan sesaat para penguasa.²⁶

Untuk merancang suatu strategi dakwah yang baik, maka diperlukan pembenaran dari dalam terhadap beberapa unsur yang terlibat dalam proses dakwah. Unsur-unsur tersebut adalah dai (pendakwah), materi dakwah, metode dakwah, dan alat atau media dakwah.

Pembenaran strategi terhadap unsur tersebut dapat dilakukan melalui langkah-langkah sebagai berikut:

1. Peningkatan Modal Insan Para Dai (Pendakwah)

Untuk mencapai tujuan dakwah secara maksima, maka perlu disokong oleh para juru dakwah yang handal. Kehandalan tersebut meliputi kualiti yang seharusnya dimiliki oleh seorang dai. Aktiviti dakwah dipandang sebagai kegiatan yang memerlukan kemahiran. Mengingat suatu kemahiran memerlukan penguasaan

²⁶Kontowijoyo, *Dinamika Sejarah Umat Islam Indonesia*, (Yogyakarta: Salahuddin Press, 1985, 120.

pengetahuan, maka para pendakwah harus memiliki kebolehan atau kualifikasi dan pencapaian akademik dalam melaksanakan kewajiban dakwah.

Di zaman moden ini, juru dakwah perlu memiliki dua kelayakan dalam melaksanakan dakwah, iaitu: kelayakankeilmuan dan kelayakanyang bersifat metodologi. Kelayakankeilmuan meliputi penguasaan seorang juru dakwah terhadap ajaran-ajaran Islam secara tepat dan benar. Kelayakan metodologi meliputi kemampuan juru dakwah dalam mensosialisasikan atau mengenalkan ajaran-ajaran Islam kepada sasaran dakwah (*mad'u*).²⁷

2. Pemanfaatan Teknologi Moden Sebagai Media Dakwah

Salah satu media dakwah yang berkesan untuk menyebarkan ajaran-ajaran Islam adalah alat-alat teknologi moden di bidang maklumat dan komunikasi. Kemajuan di bidang maklumat dan telekomunikasi harus dimanfaatkan oleh para pendakwah sebagai media dalam melakukan dakwah Islam, sebab dengan cara demikian ajaran agama Islam dapat diterima dalam waktu yang singkat oleh sasaran dakwah dalam skala yang luas.

Dalam hal ini, lembaga-lembaga dakwah masih banyak yang belum dapat memanfaatkan penggunaan teknologi-maklumat secara maksimum, begitu juga dengan penyediaan media dakwah moden, seperti televisyen. Oleh itu, lembaga dakwah perlu membangun keserasian antar kekuatan guna merealisasikannya dalam rangka

²⁷Abdul Munir Mulkan, *Ideologi Gerakan Dakwah: Episode Kehidupan M. Nasir dan Azhar Basyir*, (Yogyakarta: Sypress, 1996), 237.

mengimbangi lajunyamaklumat dan meredam program-program TV yang tidak mendidik dan cenderung merosakakhlak dan moral masyarakat.

3. Pengembangan Metode Dakwah *Fardiyah*.

Untuk menjawab tantangan dunia global, maka perlu dikembangkan metode dakwah *fardiyah*, iaitu metod dakwah yang menjadikan peribadi dan keluarga sebagai sendi utama dalam aktiviti dakwah. Dalam usaha membentuk masyarakat yang dicirikan oleh Islam harus bermula dari pembinaan peribadi dan keluarga muslim, sebab lingkungan keluarga merupakan elemen sosial yang amat strategik dan memberi corak paling dominan bagi pengembangan masyarakat secara luas.

Pembinaan peribadi dan keluarga Muslim ini dapat dicapai melalui dua cara, iaitu: pertama, peningkatan fungsi ibu bapasebagai contoh teladan dalam rumah tangga; kedua, perlunya dibentuk lembaga penasihat keluarga *sakinah* dan klinik rohani Islam dalam setiap komuniti Muslim. Di sinilah peran lembaga dakwah untuk membina dan mendorong agar ahlinya dapat mengembangkan dakwah *fardiyah* sehingga masing-masing keluarga dapat terpantau dan terkawal, sekaligus menjadi benteng pengawal sosial.²⁸

4. Memberi Penilaian dan Pemantauan

Aktiviti dakwah yang mencakup segi-segi kehidupan yang amat luas hanya dapat berlangsung dengan berkesan dan berjaya apabila sebelumnya telah dilakukan persiapan dan perancangan yang baik. Untuk melakukan persiapan dan perancangan

²⁸Mohammad Noer, "Dakwah untuk Umat", (Makalah, Workshop Program Studi Pendidikan, Ditjen Pendidikan Depag RI, 2007), 5.

yang baik, maka diperlukan pengawasan dan memberi penilaian terhadap program dakwah yang telah dijalankan. Dari pemantauan dan penilaian inilah dapat diperoleh maklumat tentang permasalahan-permasalahan umat yang selanjutnya dapat dijadikan sebagai bahan cadangan dalam melakukan persiapan dan perancangan program dakwah. Pada aspek ini sering kali kurang mendapatkan perhatian secara serius dan profesional oleh lembaga dakwah, sehingga banyak program-program dakwah yang terkadang tanpa pengawasan dan penilaian yang baik dan dibiarkan berjalan apa adanya.

Pengawasan dan penilaian program dakwah ini sangat diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai maklum balas dan tingkat kejayaan program dakwah tersebut. Dalam penilaian tersebut akan terlihat kelebihan dan kekurangan program dakwah yang telah dilaksanakan, tingkat kesesuaian program pakej-pakej dakwah yang ditawarkan dengan keperluan *mad'u* (sasaran dakwah), dan sejauh mana aktiviti dakwah yang telah dilakukan dapat mentransformasikan cita-cita ideal Islam ke dalam realiti kehidupan umat Islam.

5. Membuat Pemetaan Dakwah

Salah satu usaha untuk mengetahui materi dan metode dakwah yang diperlukan oleh kelompok masyarakat tertentu adalah melalui penyusunan peta dakwah. Peta dakwah adalah gambaran menyeluruh tentang pelbagai komponen yang terlibat dalam proses dakwah.

Adapun komponen utama yang akan dimuat dalam peta dakwah ini, iaitu: pertama, komponen yang berkaitan dengan keadaan umat Islam sebagai sasaran

dakwah; kedua, komponen yang berkaitan dengan proses pelaksanaan dakwah. Komponen yang terkait dengan keadaan umat Islam, seperti: tingkat sosial ekonomi, tingkat pendidikan, pekerjaan asas dan sampingan, keagamaan, integrasi sosial, mobiliti sosial dan lain sebagainya. Komponen yang terkait dengan proses pelaksanaan dakwah, seperti: aktiviti lembaga-lembaga dakwah, keadaan mubaligh/ penggerak dakwah, metode dakwah yang digunakan, materi dakwah yang disediakan, kemudahan kemudahan dakwah yang tersedia, dan lain sebagainya.²⁹

Sayyid Muhammad Nuh dalam bukunya *Strategi Dakwah dan Pendidikan Umat* memberikan beberapa bentuk strategi dakwah untuk transformasi umat di antaranya: 1) Memperhatikan keutamaan (prioriti); 2) memulai dakwah dengan meluruskan pemahaman dan memperdalam kesedaran umat terhadap realiti; 3) menyampaikan dakwah melalui pemahaman dan praktik yang menyeluruh, selaras dan seimbang; 4) menjadikan reda Allah sebagai tujuan; 5) memahami dan menggunakan hukum sosial; 6) sabar, teguh, dan tenang.³⁰

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa untuk menjayakan suatu proses dakwah perlulah disokong oleh strategi yang sistematik dan profesional. Strategi tersebut diantaranya adalah: peningkatan modal insan parapendakwah atau dai, pemanfaatan teknologi moden sebagai media dakwah, penerapan metode dakwah *fardiyah*, pemantauan dan penilaian dakwah, penyusunan peta dakwah dan yang paling utama ialah menjadikan reda Allah s.w.t. sebagai tujuan. Tanpa strategi dakwah Islam yang sistematik dan profesional, maka lembaga dakwah yang menghimpun dai-dai yang

²⁹*Ibid.*, 7.

³⁰Lihat: Sayyid Muhammad Nuh, *Strategi Dakwah dan Pendidikan Umat*, cet. 1. (Yogyakarta: HimamPrisma Media, 2004), 91-150.

bertugas mendakwahkan nilai-nilai Islam akan kehilangan saham dalam membentuk masyarakat yang beragama, beradab dan berakhlak mulia.

6. Organisasi Dakwah

Sejak awal kemunculan Islam, dakwah dilakukan secara bertahap iaitu melalui pendekatan *sirran* (sembunyi-sembunyi) dan dilanjutkan dengan pendekatan *zahrān* (terbuka) seperti yang telah dilakukan Rasulullah saw. Demikian halnya dalam penyebaran Islam di Nusantara, kedua pendekatan tersebut juga dilakukan oleh para da'i yang juga pada umumnya beprofesi sebagai pedagang atau saudagar.³¹ Mengingat adanya kesamaan pandangan, misi, visi dan orientasi mereka membentuk suatu wadah, persatuan atau pertubuhan yang lazim disebut sebagai organisasi.

Dengan kata lain, organisasi mereka pada awalnya hanya merupakan perkumpulan yang sederhana yang terdiri dari berbagai lapisan masyarakat yang mempunyai kesamaan ide dan tujuan penyebaran agama Islam. Organisasi mereka tidaklah secanggih organisasi atau pertubuhan yang berkembang saat ini dengan berbagai ciri dan karakteristik dakwah yang sekaligus memiliki masalah dan cabaran yang sangat berbeza dan bervariasi.

Organisasi atau pertubuhan waktu itu lebih dapat dikatakan sebagai organisasi dagang namun mengemban misi penyebaran Islam. Pengajaran dilakukan di rumah-rumah, surau-surau atau langgar, mesjid dan kemudian berkembang menjadi pondok

³¹Lihat Habullah, "*Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*", (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999), 2-6.

pesantren.³² Sementara dewasa ini pertumbuhan Islam sudah sangat jelas berkembang dan terfokus dengan misi pengembangan Islam dengan berbagai metoda pendekatan, sistematika materi dan pengorganisasiannya serta penggunaan alat atau media teknologi maklumat yang sangat canggih. Kerena memang masalah dan cabarannya saat ini sangat begitu kompleks.

Organisasi-organisasi Islam yang saat ini dominan di Indonesia dengan jumlah pengikut (ahli) yang sangat besar antara lain, organisasi Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU), al-Irsyad, Matla'ul Anwar, al-Ittihadiyah, Persatuan Islam (Persis) dan al-Washliyah. Organisasi-organisasi dakwah tersebut pada umumnya menyelenggarakan dakwah bukan sahaja melalui pengajian-pengajian rutin dengan metod ceramah, tapi juga menyelenggarakan pendidikan dari tingkatan pra sekolah seperti Nurseri/taska, tadika hingga perguruan tinggi dan universiti.

Organisasi Muhammadiyah misalnya, yang didirikan oleh KH Ahmad Dahlan pada tahun 1912 dengan basis organisasi di wilayah Yogyakarta, ianya dikenal sebagai organisasi dan gerakan pembaharuan di bidang sosio-religious. Pendekatan ijtihad dalam menginterpretasikan Qur'an dan Sunnah menjadi perhatian organisasi ini serta menghindari segala bentuk taklid secara membabi buta. Dalam urusan politik di Indonesia, sumbangan para pemimpin dan anggota organisasi sangat menonjol dalam menentukan orientasi politik Indonesia, namun demikian Muhammadiyah tidak menjadi parti politik. Muhammadiyah tetap sebagai organisasi sosial dan agama serta mengambil berat dalam urusan pendidikan dengan 5.754 institusi pendidikan.³³ Selain itu,

³²Lihat Timur Djaelani, "*Peningkatan Mutu Pendidikan dan Pembangunan Perguruan Agama*", (Jakarta: CV Darmaga, 1980), 16.

³³Lihat. "Muhammadiyah Urged Governot to Set Model School". *Tribun Timur*. Retrieved 2014-8-9

Muhammdiah juga mendirikan hospital, klinik, rumah-rumah anak yatim serta badan-badan kebajikan lainnya.³⁴

Isu utama doktrin Muhammadiyah adalah Islam Sunni, iaitu berpegang kuat kepada ajaran Qur'an dan Sunnah sebagaimana anutan para *al-Salaf al-Salih*. Kerana itu gerakan Muhammadiyah adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesucian akidah dan kebenaran Islam. Menekankan pada kedudukan Qur'an dan Sunnah sebagai sumber hukum serta dalam mengesahkan (melegitimasi) penafsiran fahaman dalam beragama mengenai tauhid keimanan dan praktikal. Tentunya hal itu merupakan bentuk yang bertentangan dengan fahaman keagamaan dan praktikal kaum tradisional yang menekankan syari'ah berdasarkan fahaman dan ajaran (doktrin) ulama pada umumnya.³⁵

Organisasi Muhammadiyah juga anti terhadap fahaman sinkritisme, iaitu fahaman yang dipengaruhi oleh nilai-nilai animisme, Hindu dan Budha yang menyebar di kalangan masyarakat sejak masa-masa awal penyebaran Islam di Nusantara. Selanjutnya, Muhammadiyah dikenal sebagai gerakan kaum modernis dan sangat bertentangan dengan tradisi kaum sufi yang sentiasa menempatkan pemimpinnya (syekh) sebagai yang memiliki otoriti terutama dalam melakukan ubudiyah.³⁶

Sementara organisasi agama yang dikenal dengan Nahdhatul Ulama (NU), adalah juga organisasi yang memiliki ramai pengikut dengan gerakan yang sedikit berbeza dengan Muhammadiyah sekalipun keduanya mengaku sebagai organisasi Islam beraliran sunni. NU dikenal sebagai gerakan kaum tradisional-ortodok dan didirikan

³⁴Afratul Fadhila Daulai "Muhammadiyah: Tinjauan Tentang Tujuan, Arah, dan Dasar Pendidikan. Medan: Jurnal Analytica Islamica, 2012) 341

³⁵Lihat. http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah.cite_note-tt-11. Retrieved 2014-8-23

³⁶Lihat. http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah.cite_note-tt-11. Retrieved 2014-8-23

sebagai bentuk respons terhadap Muhammadiyah (gerakan kaum modernis) pada tahun 1926.³⁷ Organisasi ini didirikan oleh Hasjim Asjari dengan kawasan pendukungnya di Jawa Timur.

NU sebagai organisasi Islam independen dengan jumlah pengikut teramai di Indonesia bertindak sebagai badan amal, membantu pemerintah untuk mewujudkan masyarakat yang makmur dengan mendirikan berbagai institusi pendidikan dan dakwah seperti sekolah, hospital serta membantu masyarakat di desa-desa secara berkelompok dan menyeluruh untuk membantu memerangi kemiskinan.

Seperti Muhammadiyah, kewujudan NU pada prinsipnya untuk menyebarkan dakwah Islam melalui berbagai institusi seperti institusi pendidikan, hospital dan rumah-rumah kebajikan. Saat ini institusi pendidikan yang dikelola NU mencapai 6,830 lembaga pendidikan yang disebut pondok pesantren dan 44 universiti. Selain itu NU juga bergerak di bidang pengembangan ekonomi, pertanian dan aktif terlibat dalam kegiatan sosial dengan tujuan kesejahteraan hidup masyarakat.³⁸

Kedua organisasi Muhammdiah dan NU nampaknya telah menjadi sosok acuan bagi organisasi Islam lainnya di Indonesia. Setidaknya pokok-pokok pikiran keagamaan, aktiviti sosial kemasyarakatan serta gerakan dakwah keduanya telah memberikan pengaruh kepada pertubuhan lainnya termasuk organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI).

³⁷Lihat.http://en.wikipedia.org/wiki/Nahdlatul_Ulama. Retrieved 2014-8-22

³⁸*Ibid.*

BAB III
**Pengenalan Masyarakat Tionghoa dan Persatuan
Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandar Raya Medan
(Tinjauan Lapangan Kajian)**

3.0 Pengenalan

Bandaraya Medan diisytiharkan sejak tahun 2005 sebagai Bandaraya yang moden, madani dan berkonsep keagamaan, telah mengikuti perubahan global yang pesat. Apabila perubahan ini tidak diperhatikan dengan baik maka dapat dikatakan bahawa bandar ini akan kehilangan identiti dan warganya pun akan jauh daripada budaya yang menanamkan nilai-nilai murni. Perkembangan Bandaraya Medan tidak terlepas dari sejarah, ekonomi, dan kewujudannya itu sendiri iaitu sebagai bandar yang berfungsi secara luas dan besar, serta sebagai salah satu daripada tiga Bandaraya metropolis terbesar di Indonesia. Dilihat dari perkembangan masyarakatnya yang beragam etnik dan agama. Orang-orang Tionghoa atau yang kerap dipanggil sebagai orang Cina telah pun menguasai sebahagian besar kendali perekonomian bandar sekalipun mereka tergolong minoriti.

3.1 Pengenalan Bandaraya Medan

3.1.1 Geografi dan Demografi Bandaraya Medan.

Bandaraya Medan terletak antara 98 – 99 darjah Bujur Timur dan antara 3 – 4 darjah Lintang Utara, kawasan provinsi Sumatera Utara. Berada pada ketinggian 11 meter di atas permukaan laut. Terbahagi kepada 11 (sebelas) wilayah Kecamatan (mukim) dengan 116 kelurahan (sebelum perluasan). Secara administratif, Daerah Tingkat II ini

disebut Kotamadya dan dipimpin oleh seorang Walikota (Datuk Bandar), sebelum Undang-undang Nombor 22 dan Nombor 25 Tahun 1999 berkuat kuasa. Sejak kedua-dua undang-undang tersebut berserta pelbagai perundangan dan peraturan pelaksanaannya berlaku, maka ia dipanggil Daerah Kota, sementara sebutan untuk pemimpinnya tetap Walikota. (Datuk Bandar) Bilangan penduduk Bandaraya Medan berkembang sangat cepat berdasarkan angka bancian penduduk Daerah Tingkat I Provinsi Sumatera Utara. Setakat ini Bandaraya tersebut terdiri daripada 21 Kecamatan (mukim) dengan 151 kelurahan.¹

Berdasarkan laporan mengenai banci penduduk yang dikemukakan oleh John Anderson bahawa '*kampung*' Medan saat dikunjunginya baru mempunyai penduduk sekitar 200 orang. Namun ia juga mengemukakan bahawa penduduk Melayu yang terdapat di Deli (disatukan dengan Serdang kemudian menjadi Kabupaten Deli Serdang) dan Langkat (kemudian menjadi Kabupaten Langkat) pada waktu itu masing-masing sekitar 7,000 orang, dan di Serdang 3,000 orang.² Hal ini merupakan gambaran bahawa pada ketika itu daerah Deli, Langkat dan Serdang sudah merupakan permukiman yang ramai dihuni orang, dibandingkan dengan Medan yang masih merupakan '*kampung*' dan kemudian menjadi '*kampung besar*'. Catatan berdasar sumber lain menyebutkan bahawa pada tahun 1905 bancian penduduk ada seramai 14,000 orang tanpa perincian yang jelas. Pada tahun 1918 penduduk Medan meningkat menjadi sekitar 43,826 orang dengan perincian sebagai berikut: Orang Eropah sebanyak 409 orang, Indonesia 35,009 orang, Cina 8,269 orang serta Timur Asing sebanyak 139 orang.

Mengikut hasil bancian penduduk, pada tahun 1930 penduduk Medan mencapai bilangan 76,584 orang dengan perincian 4,239 orang Eropah; 41,270 orang Indonesia,

¹ Badan Pusat Statistik Daerah Provinsi Sumatera Utara, *Sumatera Utara Dalam Angka 2012* (Medan: BPS Daerah Provinsi Sumatera Utara, 2012), 12-21.

² Anderson, Benedict, *Komunitas-Komunitas Terbayang*. (Jogyakarta: Insis Press dan Pustaka Pelajar, 2001), 246.

27,287 orang Cina dan 3,734 orang Timur Asing . Ini bererti bahawa angka kepadatan penduduk lebih kurang 48 orang per hektar, mengingat luas Medan pada masa itu 1,583 hektar. Pada tahun 1950 bilangan ini menjadi 360,149 orang.³ Pada tahun-tahun berikutnya, iaitu tahun 1961, hasil bancian penduduk menunjukkan angka 481,000 orang dengan luas kawasan Medan 5,130 hektar. Tahun 1970 menjadi sekitar 616,000 orang. Pada tahun 1980 bilangan penduduk Medan telah mencapai 1,373,747 orang dengan luas kawasan sekitar 26,510 hektar. ⁴.

Dengan ukuran keluasan yang sama, pada tahun 1984 penduduk Medan tercatat 1,552,817 orang. Tahun berikutnya tercatat 1,662,094 orang dan tahun 1986 berjumlah 1,699,865 orang. Pada tahun 1997 sehingga 2009 penduduk Medan tercatat seramai 2,121,053.⁵ Selepas pengisytiharan kemerdekaan, Bandaraya Medan didiami lebih daripada dua belas kumpulan etnik perantau atau pendatang, tidak ada satu kumpulan etnikpun yang merupakan majoriti unggul (yang dominan), dan persaingan antara etnik menjadi sangat ketat.⁶ Setidaknya terdapat dua macam kekuatan berterusan dan berkekalan yang dapat menjejaskan keutuhan kumpulan etnik di kawasan bandar. *Pertama*, orang-orang di kampung halaman berharap para perantau boleh menjalankan misi budaya dan mempertahankan identiti etnik mereka, dan *kedua*, para perantau harus dapat menyesuaikan diri dengan budaya penduduk tempatan.⁷

Kekuatan populasi penduduk tempatan pada amnya diperoleh daripada gabungan kekuatan perekonomian sumber alam dan kekayaan sejarah. Perbendaharaan atau sumber kekayaan kesultanan-kesultanan Melayu di Sumatera Timur sebelum

³ Rustam Thoib, 'Nasionalisme yang Memudar?' (Jakarta: *Majalah Tempo* No.21/1990. 1990), 140.

⁴ Kantor Sensus dan Statistik Kotamadya Medan, tahun 2012.

⁵ Medan dalam Angka/ Medan in Figure 2012, 37.

⁶ Brunner E., *Urbanisation and Ethnic Identity in North Sumatera*. (American Anthropologist, 1961), 3.

⁷ Riza Sihbudi dan Moch. Nurhasim, *Kerusuhan Sosial di Indonesia. Studi Kasus Kupang, Mataram dan Sambas* (Jakarta: Penerbit PT Grasindo, Kantor Menteri Negara Riset dan Teknologi RI dan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, 2001), 161.

kemerdekaan sampai dengan tahun 1950 berasal daripada perkebunan-perkebunan dan daripada pemerintah Belanda, sedangkan kekuatan sumber ideologinya diperoleh daripada budaya Melayu-Muslim. Namun oleh karena kumpulan etnik Melayu tidak memiliki bilangan penduduk yang dominan 'kekuatan sosio-demografik' yang diperlukan supaya boleh menjadi populasi tuan rumah yang dominan seperti yang terdapat misalnya daripada kumpulan etnik Sunda di Bandung. Ini kerana kumpulan Melayu bukanlah merupakan kaum majoriti di Medan dan kekuatan politiknya hanya diperolehi daripada sokongan pemerintah kolonial penjajah.

Penyelidikan yang telah dijalankan oleh Usman Pelly menyatakan bahawa: Pusat bandar lebih berkembang maju daripada permukiman wilayah pinggiran. Tujuh kecamatan (mukim) luar bandar (Belawan, Labuhan, Deli, Tuntungan, Sunggal, Johor dan Denai), yang kemudian telah digabung masuk menjadi bandar pada tahun 1974, belum mampu mengimbangi perkembangan bandar. Ketidakseimbangan perkembangan ini tergambar daripada kepadatan populasi penduduk setiap kawasan. Pada tahun 1981, kepadatan penduduk daripada empat kecamatan (mukim) lama adalah 13,468 orang per hektar, sementara kecamatan luar bandar, hanya 2,376 orang per hektar.⁸

3.1.2 Keadaan Multi Etnik di Bandaraya Medan

Bandaraya Medan merupakan bandar terbesar ketiga di Indonesia setelah Jakarta dan Surabaya, tentu memiliki ciri-ciri khas, terutama apabila dilihat dari perkembangan masyarakatnya yang beragam etnik dan agama. Namun demikian, suatu hal yang sangat mencolok dan bahkan terjadi juga di bandar-bandar besar lainnya tetapi sungguh disayangkan kalau orang-orang Tionghoa atau yang kerap dipanggil sebagai orang Cina, justeru mereka yang menguasai sebahagian besar kendali perekonomian bandar.

⁸ Usman Pelly, *Urban Migration And Adaptation In Indonesia*. (Ann Arbor, Michigan. USA, 1983), 106.

Padahal mereka adalah etnik yang minoriti dengan segala keperibadian dan latar belakang agama serta budaya yang mereka miliki. Sementara masyarakat tempatan banyak yang terpinggirkan dan semakin lama semakin bertambah susah dengan keadaan perekonomian yang semakin terpuruk sehingga memaksa mereka harus tinggal di kawasan pinggiran kota Bandaraya Medan.

Adapun jadual berikut (3.1 Tentang Kumpulan Etnik Kota Medan) memberikan gambaran tentang perbandingan bilangan antara kumpulan-kumpulan etnik yang berdiam di Medan. Membandingkan dengan perkembangan penduduk bandar dapat diketahui bahawa pada amnya ia tidak mengalami perubahan yang signifikan daripada bilangan peratusan, akan tetapi perubahan pada bilangan penduduk yang bermastautin di Bandaraya. Meskipun demikian, secara khas perubahan bilangan orang Jawa dan orang Cina tentu menarik perhatian. Bilangan orang Jawa pada tahun 1930 adalah 24.90 peratus, pada tahun 1981 adalah 29.41 peratus sedang pada tahun 2000 adalah 33.03 peratus. Bererti mengalami peningkatan hampir 9 hingga 10 peratus dari tahun 1930 sampai ke tahun 2000. Ini bererti pula bahawa bilangan orang Jawa terus meningkat meski peratusnya jauh di bawah peningkatan bilangan orang Batak iaitu daripada 1.70 peratus kepada 14.11 peratus.

Sementara populasi bilangan orang Cina mengalami penurunan peratusan amat signifikan, iaitu daripada 35.63 peratus kepada 12.84 peratus, bererti mengalami penurunan hampir 25 peratus. Sedang pada tahun 2000 mencapai bilangan 10.66, ini ertinya telah mengalami penurunan lagi hingga 2 peratus. Penurunan jumlah bilangan populasi orang Cina diduga berkenaan dengan larangan berniaga di kecamatan dan pedesaan untuk orang Cina yang mengakibatkan sebahagian mereka berpindah meninggalkan Medan, bahkan meninggalkan Indonesia. Selain itu juga akibat daripada

masalah politik pada tahun 1965 dan beberapa tahun berikutnya, yang juga mengakibatkan banyaknya mereka yang berpindah keluar daripada Indonesia. Walaupun demikian, campuran atau *gabungan* peratusan jumlah populasi bilangan penduduk antara orang Jawa dan Cina menunjukkan angka yang sangat dominan, iaitu 60.53 peratus pada tahun 1930 dan 42.25 peratus pada tahun 1981 dan 43.68 peratus pada tahun 2000.

Berdasarkan data yang diperoleh dari Badan Statistik Kependudukan Kota Medan, Sumatera Utara tahun 2000 jumlah penduduk kota Medan telah mengalami perubahan yang sangat bererti seperti terlihat dalam jadual 3.1. Perubahan bilangan penduduk pada umumnya meningkat untuk semua etnik dari 3 peratus hingga 10 peratus kecuali penduduk yang beretnis Tionghoa atau Cina yang mengalami penurunan dari sejak tahun 1930 hingga tahun 2000. Alasan seperti yang dikemukakan di atas adalah sangat rasional mengingat sistem politik kerajaan di Indonesia yang berada di daerah pada umumnya lebih mengutamakan etnik-etnik peribumi daripada bangsa pendatang.

Jadual 3.1. Perbandingan jumlah etnik Kota Medan

Etnis	Tahun 1930	Tahun 1980	Tahun 2000
<u>Jawa</u>	24,89%	29,41%	33,03%
<u>Batak</u>	2,93%	14,11%	20,93%*
<u>Tionghoa</u>	35,63%	12,8%	10,65%
<u>Mandailing</u>	6,12%	11,91%	9,36%
<u>Minangkabau</u>	7,29%	10,93%	8,6%
<u>Melayu</u>	7,06%	8,57%	6,59%
<u>Karo</u>	0,19%	3,99%	4,10%
<u>Aceh</u>	--	2,19%	2,78%
<u>Sunda</u>	1,58%	1,90%	--
Lain-lain	14,31%	4,13%	3,95%

Sumber : Statistik tahun 1930 dan 1980: Usman Pelly, 1983⁹ dan Statistik tahun 2000 berdasarkan BPS¹⁰

Jadual berikut diperoleh daripada hasil bancian penduduk tahun 2000 dan tahun 2001. Daripada penduduk Bandaraya Medan dengan bilangan lebih daripada 1,9 juta orang/jiwa maka populasi etnik Jawa mencapai 628,898 orang/jiwa (32.65%). Pada tahun 1930 orang Jawa di Medan berjumlah 24.90 peratus dan 1981 mencapai 29.41 peratus dan pada (2001) 32.65 peratus. Ini menunjukkan bahawa peningkatan bilangan penduduk yang amat ketara. *Ranking* berikutnya, pada tahun 1981, diduduki oleh suku bangsa Tapanuli Utara/Batak Toba yang berjumlah 365,758 orang/jiwa (18.99%). Berikutnya etnik Cina 202,839 orang/jiwa (10.53%); Mandailing 178,308 orang/jiwa (9.26%); Melayu 126,557 orang/jiwa (6.57%). Komponen penghuni Bandaraya Medan

⁹ Usman Pelly, *Urban Migration And Adaption In Indonesia. Ann Arbor*, (Michigan.USA, 1983), 103.

¹⁰ BPS adalah Badan Pusat Statistik. Institusi ini adalah institusi resmi dari kerajaan Indonesia untuk wilayah Kota Madya Medan, Sumatera Utara. Menurut catatan dari data BPS, Sumatera Utara tidak menyenaraikan "Batak" sebagai suku bangsa, total Simalungun (0,69%), Tapanuli/Toba (19,21%), Pakpak (0,34%), dan Nias (0,69%) adalah 20,93%, BPS: tahun 2000.

berikutnya adalah etnik Karo, berjumlah 78,129 orang (4.06%); Aceh 53,011 orang (2.75%); Nias 13,159 orang (0.68%); Simalungun 13,078 orang (0.67%); Pakpak 6,509 orang (0.33%) dan lain-lain 75,253 orang (3.91%). Sebagaimana indikasi yang juga terjadi di Bandaraya lainnya, di Medan penduduk daripada kaum wanita adalah 966,043 orang (50.15%) sedangkan laki-laki 960,477 orang (49.85%). Ertinya penduduk wanita lebih ramai daripada lelaki.

Penganut agama berdasarkan sumber yang sama menyebutkan bahawa warga beragama Islam berjumlah 1,291,751 (67.051%); Kristian Protestan 345,310 orang (17.92%); Buddha 197,986 orang (10.27%); Katholik 55,002 orang (2.85%) dan Hindu 12,888 orang (0.66%). Sedangkan penganut Kong Hu Cu (*Confusians*) serta aliran kepercayaan lainnya adalah seramai 1,336 orang (0.06%). Diyakini bilamana penganut Kong Hu Cu yang setakat ini telah diakui secara terbuka dan rasmi boleh dikira lebih awal, akan terjadi pergeseran angka-angka yang melibatkan agama Buddha, Hindu, Kong Hu Cu sendiri serta aliran kepercayaan. Paling tidak, untuk penganut Kong Hu Cu akan mengalami kenaikan bilangan yang cukup ketara. Rajah 3.2 dan Rajah 3.3 berikut merupakan gambaran yang lebih jelas ehwal gubalan penduduk Bandaraya Medan pada tahun 2001.

Jadual 3.2. Luas kawasan dan bilangan penduduk tahun 2012

LUAS KAWASAN DAN BILANGAN PENDUDUK				
NO.	KECAMATAN	LUAS (km ²)	PENDUDUK	
			BILANGAN	KEPADATAN
1	Medan Tuntungan	20.68	67,889	3,283
2	Medan Selayang	12.81	75,277	5,876
3	Medan Johor	14.58	101,472	6,960
4	Medan Amplas	11.19	85,571	7,647
5	Medan Denai	9.05	127,404	14,078
6	Medan Tembung	7.99	128,896	16,132
7	Medan Kota	5.27	86,357	16,387
8	Medan Area	5.52	112,667	20,411
9	Medan Baru	5.84	41,233	7,060
10	Medan Polonia	9.01	44,025	4,886
11	Medan Maimun	2.98	48,585	16,304
12	Medan Sunggal	15.44	106,253	6,882
13	Medan Helvetia	13.16	125,596	9,544
14	Medan Barat	6.82	82,626	12,115
15	Medan Petisah	5.33	66,145	12,410
16	Medan Timur	7.76	109,450	14,104
17	Medan Perjuangan	4.09	93,305	22,813
18	Medan Deli	0.84	128,459	6,164
19	Medan Labuhan	36.67	93,543	2,551
20	Medan Marelan	23.82	87,070	3,655
21	Medan Belawan	26.25	92,450	3,522
Jumlah		265.10	1,904,273	7,183

Sumber : Badan Pusat Statistik Kota Medan, 2012

Adapun jadual 3.3 berikut adalah mengenai komposisi bilangan penduduk Bandaraya Medan tahun 2010.

Jadual 3.3. Komposisi Bilangan Penduduk Bandaraya Medan 2010

Distribusi Etnik di Provinsi Sumatera Utara dan Kota Medan, 2010		
Etnik	Provinsi Sumatera Utara	Kota Medan
Angkola-Mandailing	13.54	10.16
Karo	5.49	4.62
Dairi	0.78	0.42
Simalungun	2.50	1.41
Pesisir	1.38	1.10
Toba	20.83	17.12
Nias	7.01	1.10
Minangkabau	2.61	7.83
Melayu	4.42	5.76
Jawa	33.47	33.19
Tionghoa	2.63	9.47
Aceh	0.95	2.70
Banjar	0.99	0.47
Lainnya	3.40	4.65
Total	100.00	100.00

Sumber: Diolah dari Banci Penduduk, 2010

Peningkatan bilangan penduduk ini oleh kerana memang ada perluasan saiz kawasan, seperti yang terjadi pada tahun 1951 (Surat Keputusan Gabenor Provinsi Sumatera Timur Nombor 66/III/PSU/1951 tanggal 14 November 1951), iaitu kenyataan sebagai ‘Kota Besar’; tahun 1957 (Undang-undang Nombor 1 Tahun 1957), kenyataan sebagai ‘Kotapraja’; tahun 1965 (Undang-undang Nombor 18 Tahun 1965) kenyataan sebagai Kotamadya dan tahun 1973 (Peraturan Pemerintah Nombor 22 Tahun 1973) berupa pemekaran kawasan daripada 4 Kecamatan kepada 11 Kecamatan dan saiz kawasan daripada 5,130.00 hektar kepada 26,510.00 hektar dengan mengambil sebahagian kawasan daerah tingkat II Kabupaten Deli dan Serdang (Kini: Daerah Kabupaten Deli Serdang, Undang-Undang Nombor 22 Tahun 1999 Tentang

Pemerintahan Daerah),¹¹ Ekoran daripada itu, maka sempadan bandar Medan juga mengalami perubahan menjadi: di bahagian Utara bersempadan dengan Selat Sumatera; sebelah Selatan berjiran dengan Pancur Batu, Deli Tua dan Patumbak; di bahagian Timur-nya berperenggan dengan Tanjong Morawa, Percut Sei Tuan dan Labuhan Deli. Sedangkan bahagian Barat bersempadan pula dengan Labuhan Deli, Hamparan Perak dan Sunggal. Dalam keadaan demikian jelas urbanisasi tak terelakkan.

Dalam hal penghijrahan penduduk yang menjanakan Medan menjadi Bandaraya Medan, kiranya boleh difahami terlebih dahulu apa yang dikemukakan oleh Soerjono Soekanto melalui bukunya, *'Pokok-pokok Sosiologi Hukum'* yang menyebutkan bahawa sebab-sebab yang menyokong orang-orang dari luar bandar untuk pindah ke Bandaraya adalah sebagai berikut :

- a. Lapangan kerja di luar bandar yang terhad, iaitu terutama dalam bidang pertanian sahaja.
- b. Penduduk luar bandar, terutama budak-budak belia, kaum muda mudi, merasa tertekan oleh adat istiadat yang kuat mengakibatkan suatu cara hidup yang *'monotoon'*. Untuk mengembangkan pertumbuhan jiwanya, maka mereka banyak yang hendak berpindah ke pusat bandar.
- c. Di luar bandar tidak banyak peluang untuk menambah pengetahuan. Oleh itu banyak orang-orang yang ingin maju, kemudian meninggalkan kampungnya untuk menambah pengetahuan dan pengalamannya di Bandaraya.
- d. Rekreasi yang merupakan salah satu faktor penting di bidang spiritual kurang sekali, dan bilamana ada, perkembangannya pun tak cukup pesat.
- e. Bagi penduduk luar bandar yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran selain daripada bertani, seperti kerajinan atau kraft tangan, tentu menginginkan pasaran

¹¹ Usman Pelly, Kanwil Sosial Prop. Sumut, 2002).

yang lebih luas untuk memasarkan hasil produksinya. Hal ini mustahil diperoleh di luar bandar.

Namun demikian, Soerjono Soekanto¹² (1980) juga mengemukakan beberapa kemungkinan yang sentiasa muncul sebagai faktor daya penarik bandar; iaitu:

- a. Ramai penduduk luar bandar mempunyai suatu anggapan (yang boleh bercelaru) bahawa di bandar banyak pekerjaan dan mudah memperoleh penghasilan.
- b. Pelaburan di bandar lebih ramai daripada di luar bandar.
- c. Pendidikan lebih ramai dan lebih banyak pilihan pula di bandar, dan lebih mudah untuk diperoleh.
- d. Bandar dianggap sebagai tempat yang mempunyai tingkat kebudayaan yang lebih tinggi, dan merupakan tempat pergaulan dengan segala macam orang daripada pelbagai lapisan sosial.
- e. Bandar merupakan sebuah tempat yang lebih menjanjikan dan menguntungkan untuk mengembangkan bakat jiwa dengan sebaik-baiknya dan seluas-luasnya.

Walau bagaimanapun apa yang dimaksudkan sebagai urbanisasi merupakan migrasi, atau penghijrahan penduduk. Sementara apa yang dikemukakan Soerjono Soekanto juga dikenal sebagai konsep '*push-pull*' atau 'tarik-sorong'. Daya tarik datang dari sentral bandar, sementara daya sorong datang daripada luar bandar. Sesungguhnya migrasi bukanlah perilaku acak, sebab itu orang-orang yang memutuskan untuk bermigrasi dapat dianggap sebagai orang-orang pilihan daripada antara populasi. Asumsi ini bercanggah dengan kajian-kajian asas daripada konsep penghijrahan sebelumnya serta kepustakaan antropologi mengenai penghijrahan yang sudah ada sebelumnya yang lebih menyokong hipotesis '*push-pull*'. Hipotesis ini tidak cukup

¹² Soerjono Soekanto, *Sosiologi Hukum Dalam Masyarakat*, (Jakarta: Penerbit CV Rajawali, 1980).

mampu menjelaskan peranan daripada gagasan-gagasan budaya yang memotivasikan orang untuk bermigrasi. Dewasa ini hipotesis *'push-pull'* dianggap terlalu *simplistic*, kerana menganggap semua kekuatan sebagai kekuatan eksternal dan tidak memperkirakan adanya kehendak peribadi.

Tentang keadaan penduduk Medan, pada umumnya disebut Melayu. Orang-orang Melayu dan Batak merupakan penduduk asli Sumatera Utara. Sementara di Medan, penduduk asli adalah Melayu. Penduduk lainnya yang penting dikaji di Medan adalah suku Batak Karo, kerana mereka ini turut berperanan dalam struktur politik pentadbiran kerajaan Kesultanan Deli, Langkat dan Serdang. Kumpulan-kumpulan yang disebut orang Melayu pada umumnya bermastautin di Langkat, Deli Serdang, Asahan dan Labuhan Batu. Adapun yang dianggap pendatang yang memasuki bandaraya Medan sehingga menambah bilangan penduduk Medan iaitu orang dari sukubangsa Batak yang berasal dari pedalaman Sumatera Utara, seperti Batak Toba, Batak Simalungun, Batak Mandailing, Batak Angkola, Batak Karo, Batak Pak-pak / Dairi. Ditambah pendatang dari luar kawasan Sumatera Utara, iaitu dari Aceh; Minangkabau; Jawa; Sunda; Dayak (Kalimantan) dan Bugis, Makassar (Sulawesi Selatan). Tentu saja selain keturunan asing, iaitu Cina, India dan Eropah. Dengan demikian penduduk bandaraya Medan merupakan persekitaran masyarakat yang sangat heterogen.

Menurut Abdul Rahman dalam kajiannya yang bertajuk, *'Masalah Pembauran Masyarakat Etnik Cina di Kotamadya Medan'*, menyebutkan bahawa penduduk asli bandaraya Medan adalah suku Melayu, namun kerana pertambahan penduduk dan perkembangan Medan dan persekitarannya, maka penduduk bandar Medan bukan hanya terdiri daripada suku Melayu, akan tetapi juga dari suku-suku lain seperti: Karo, Tapanuli Utara, Tapanuli Selatan, Aceh, Minangkabau, Jawa, Ambon, Cina, India dan

lain-lain, yang juga memiliki kebudayaan dan adat resam serta latar belakang sejarah tersendiri yang berbeza antara satu dengan yang lain, kesemuanya ini akan terlihat dalam tata perilaku dan bentuk pelbagai upacara kegiatan-kegiatan sosial budaya dalam kehidupan masyarakatnya sehari-hari. Di Kota Medan, identiti etnik dari sesuatu golongan atau kawasan akan dikenali dengan mudah, selain daripada bentuk sosial budayanya juga dari sistem permukiman penduduk, yang pada daerah-daerah tertentu didomisi oleh golongan masyarakat dari etnik tertentu, dan kehadiran etnik lainnya di tempat tersebut adalah sangat sedikit, jika dibandingkan dengan etnik golongan masyarakat tertentu tersebut.

Hal ini dapat dilihat dan ditandai pada daerah-daerah tertentu, misalnya di kawasan Padang Bulan dan persekitarannya yang pada umumnya bermastautin orang-orang Karo. Setakat di Jalan Singamangaraja dan Pasar Merah pada umumnya etnik Tapanuli / Batak. Sukaramai dan sekitarnya orang-orang Minang, Darussalam dan Amaliun orang Aceh, Jalan Serdang dan Sejati kebanyakan orang Mandailing, Marelan etnik Banjar, Tembung dan Helvetia orang-orang Jawa, sedangkan pusat-pusat perbelanjaan dan pusat bandar umumnya menjadi permukiman orang-orang etnik Cina. Hampir semua dari rumah-rumah kedai bertingkat yang merupakan kawasan-kawasan berkedai di pusat bandar adalah milik orang-orang etnik Cina di Bandaraya Medan. Penduduk dari golongan masyarakat Melayu, menempati daerah-daerah: Sunggal, Hampan Perak, Batang Kuis, Percut Sei Tuan dan sebahagiannya di Labuhan dan Belawan. Daerah-daerah tersebut adalah daerah-daerah yang berada di pinggiran bandar Medan saat ini, sedang mereka yang menempati pusat bandar, atau yang bertempat tinggal dalam bandar Medan, adalah sedikit sekali. Tergesernya penduduk asli (suku Melayu) ini ke pinggiran bandar adalah merupakan realisasi dari perkembangan Bandaraya Medan sendiri, yang menuju ke arah kota perniagaan, industri dan

pemerintahan. Di mana penduduk asli kurang menaruh minat terhadap hal ini, kerana sejak dahulunya kebanyakan daripada mereka memilih usaha di bidang pertanian dan nelayan.¹³

Walaupun tidak sepenuhnya apa yang dikutip tersebut di atas boleh dipersetujui, misalnya tidak seluruh aktiviti perniagaan, industri dan pemerintahan berada di tengah bandar. Bahkan kebelakangan aktiviti industri diusahakan untuk diarahkan ke luar bandar. Perhatikan pembangunan beberapa Kawasan Industri Medan (KIM), yang diarahkan ke kawasan pinggiran, bahkan luar bandar. Sementara motivasi keberadaan 'penduduk asli' di luar bandar atau setidaknya-tidaknya ke daerah pinggiran, tidak tepat kalau hanya kerana kurang menaruh minat berdiam di pusat bandar. Mereka cenderung memang terpinggir kerana sebahagian daripada kaki tangan kerajaan di bidang pentadbiran justeru berada di tangan 'penduduk asli'. Kumpulan etnik Cina – demikian pula India – pada amnya kurang berminat di bidang pentadbiran ini. Atau tidak diberi peluang untuk itu. Meski demikian, untuk menarik kesimpulan tentang hal ini, perlu pengkajian yang lebih mendalam dan terperinci. Layak disyorkan bagi pengkajian lanjut.

Menarik untuk diperhatikan catatan Usman Pelly yang secara khas menghuraikan secara mendalam permukiman kumpulan-kumpulan etnik Mandailing, Cina dan Minangkabau dalam hubungannya dengan permukiman orang-orang Melayu sebagai penduduk asli dan orang-orang Jawa yang ramai memiliki tanah pertanian di pinggiran bandar Medan, sama ada yang diterimanya daripada perkebunan sebagai tanah pemberian atau *suguhan* apabila mereka bersara, pesara atau yang keluar daripada kerjayanya sebagai buruh kebun, mahupun yang digunapakai pada waktu revolusi fizikal (1945-1950). Keadaan Medan sendiri ketika mendapat status autonomi di bidang

¹³ Abdul Rahman, *Masalah Pembauran Masyarakat Etnik Cina di KotaMadya Medan*. Medan: Fakultas Hukum UISU, 1986), 34-36.

administrasi, 1909, dibahagi dalam beberapa permukiman etnik. Termasuk kumpulan orang-orang Eropah, Cina, India dan Arab. Di kawasan orang-orang Eropah (sekitar Polonia), terletak pelbagai pejabat pentadbiran, pejabat perkebunan dan permukiman orang Eropah (*European Wijk*). Termasuk tempat kediaman bagi para penjawatnya. Permukiman orang India terletak bersempadan di antara kawasan kediaman orang Eropah dan penduduk asli Melayu. Sedang permukiman orang Arab terletak di antara permukiman orang Eropah dan Cina. Permukiman orang Arab dan Cina terletak di kawasan pusat perniagaan (pasar) yang merupakan pusat ekonomi perbandaran.¹⁴

Dengan demikian suku bangsa Melayu dan perantau-perantau Mandailing dan Minangkabau bermukim di sekitar pinggiran kawasan permukiman orang Eropah, India, Arab dan Cina tersebut. Berhubung kait dengan soalan ini maka yang disebut kota, bandar atau daerah pemerintahan (*gemeente*) adalah kawasan permukiman Eropah, India, Arab dan Cina tadi. Mereka disebut rakyat *government* utama. Sedang orang-orang Melayu dan para perantau tidak dibenarkan tinggal di daerah pemerintahan atau *gemeente*, kecuali orang-orang yang bekerja untuk *gemeente*, penjawat perkebunan dan kaum bangsawan Melayu.

Jadi orang bumiputera yang boleh bermukim di daerah *gemeente* ini merupakan lapisan elit yang terpilih. Selanjutnya Usman Pelly menuliskannya bahawa perantau Mandailing berkumpul sekitaran kampung Sungai Mati (dekat istana Sultan) dan di kampung Gelugor. Perantau Minangkabau berkumpul pula di persekitaran kampung Aur, dekat sungai Deli. Lokasi ini dekat dengan Pajak (Pasar Ikan Lama, pusat perbelanjaan dan perniagaan bandar sejak awal-mula abad ke-20.¹⁵ Dari perincian kawasan permukiman bandar yang digubal sejak permulaan pembentukan *gemeente*

¹⁴ Usman Pelly, *Hubungan Antar Kelompok Etnis: Beberapa Kerangka Teoritis Dalam Kasus Kota Medan* (Medan: Makalah Seminar Sejarah Lokal, 17-20 September, 1984), 67.

¹⁵ *Ibid.*, 68.

bandar Medan, jelas betapa lokasi permukiman penduduk kota merupakan lokasi pemisahan permukiman etnik / ras dan suku yang diperkuat oleh landasan hukum dan matlamat politik pentadbiran penjajahan dan kolonial. Seperti dijelaskan sebelumnya, rakyat *gemeente* mendapat perlindungan langsung daripada pemerintah kota seperti patroli pasukan polis dan usaha keselamatan lainnya. Dengan demikian dapat difahami bahawa kehidupan etnik yang terpola atau *segregatif* demikian telah diperkuat oleh dasar (*policy*) permukiman pemerintah kolonial Belanda. Keadaan permukiman ini merupakan permukiman yang berlaku dan berkekalan sampai dengan kedatangan tentera pendudukan Jepun. Bahkan sesungguhnya, sampai sekarang.

3.2. Masyarakat Tionghoa di Bandaraya Medan.

3.2.1 Sejarah Etnik Tionghoa.

Kedatangan orang Tionghoa secara umum ke Nusantara, terutama ke Jawa dan Sumatera pertama kali dimulai ketika biksu Buddha Fa-Hsien pada tahun 414 berkunjung untuk menyebarkan agama Buddha, kemudian Hui-Ning tahun 638 dan I-Ching tahun 671¹⁶, di sisi lain ditemukan kawasan-kawasan permukiman orang Tionghoa terutama di sepanjang pesisir utara Pulau Jawa ketika tahun 1923 kaisar Kubilai Khan dari dinasti Yuan (1280-1367) memerintahkan pasukannya untuk menyerbu pulau Jawa dan memberi pelajaran kepada raja Kartanegara dari kerajaan Singosari yang dianggap pembangkang.

Pada abad ke -14, cerita tentang Muslim Tionghoa dimulai ketika Cheng Ho, seorang laksamana Tiongkok utusan Kaisar Zhu Di dari dinasti Ming mengadakan pertemuan muhibah pertama kali ke Nusantara dengan membawa ratusan armada.

¹⁶ Yusiu Liem, *Prasangka Etnis Cina , Sebuah Intisari*, (Penerbit Djambatan, 2000), 15.

Menurut Hembing: di sinilah awal mula terjadinya hubungan persahabatan dan pembauran masyarakat Indonesia dengan bangsa Tionghoa yang terus berlangsung selama tahun 1405-1433.¹⁷

Menurut Slamet Mulyana orang Muslim Tionghoa pernah mendirikan sebuah pusat pemerintahan Islam yang pertama di Indonesia iaitu kesultanan Demak. Tokoh-tokoh Tionghoa Muslim yang mendirikan kesultanan Demak adalah Djien Soen (Adipati Yunus; Pati Unus), Sultan Terenggana (Toeng Kha Lho), dan Sunan Prawoto (Moek Ming). Para musafir Muslim bermazhab Hanafi tersebut diyakini segenerasi dengan Sam Po Khong alias Cheng Ho.¹⁸

Pada abad ke-15 di Timur, orang-orang Tionghoa ditemukan untuk pertama kalinya, kedatangan mereka pada mulanya ketika armada perniagaan Cina mengunjungi pelabuhan di Sumatera Timur dan melakukan hubungan dagang dengan sistem pertukaran barang atau barter, hubungan ini terus berlanjut di mana sebahagian peniaga Cina menetap dan bertambah populasinya di kawasan Sumatera Timur.

Pada tahun 1879 usaha perkebunan tembakau berkembang pesat sehingga ratusan ribu orang Tionghoa di selatan daratan Tiongkok berhijrah, mereka didatangkan oleh penjajah Hindia Belanda untuk dijadikan sebagai buruh kontrak di perkebunan-perkebunan, mereka diperkerjakan sebagai tenaga kerja murah, terampil dan rajin (orang-orang Hokkian). Di samping itu keadaan mereka tidak mungkin untuk menetap di daratan Tiongkok karena terjadi perang saudara, bencana alam, dalam hal ini banyak

¹⁷ Hembing Wijaya Kesuma, "Pengantar Penyunting" dalam *Kong Yuanzhi, Muslim Tionghoa Cheng Ho, Misreri Pejalanan Muhibah di Nusantara*, (Jakarta: Pustaka Populer Obor, 2000), 20-21.

¹⁸ Abdul Bagir Zein, *Etnis Cina dalam Potret Pembauran di Indonesia*, (Jakarta: Prestasi Insan, 2000), 93.

orang-orang Tionghoa mengadu nasib mereka dan menuju ke Indonesia untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Setelah mereka menyelesaikan kontrak kerja dari kolonial Hindia Belanda mereka mulai berusaha untuk menetap di kota-kota, dan lambat laun mereka bekerja sebagai peniaga, pemilik kedai, petani kecil, nelayan dan penjual barang bekas. Perpindahan atau migrasi besar-besaran orang Tionghoa ke Indonesia baru berakhir ketika terjadinya Perang Dunia II. Keturunan mereka disebut dengan orang Tionghoa totok (baba/nyonya) walaupun dilahirkan di Indonesia, di sisi lain mereka terpisah dan terasing dengan penduduk setempat. Oleh sebab itu mereka masih kuat dan kental memelihara budaya Tionghoa dan menggunakan bahasa Tionghoa atau dialek asal kampungnya di daratan Tiongkok, kekakuan mereka dalam berbahasa mengakibatkan mereka susah untuk berinteraksi dengan masyarakat lingkungannya.

Penduduk Tionghoa yang berada di kawasan pantai Timur Sumatera terdiri dari berbagai kelompok, iaitu:

- a) **Kelompok Puntis (Kanton):** mereka berasal dari provinsi Kwantung, majoriti bekerja sebagai pekerja bangunan, tukang besi, tukang perabot (furniture), tukang jahit dan tekstil. Jumlah mereka yang bekerja di perkebunan tidak banyak, sebahagian besar wanita yang berasal dari kelompok ini bekerja sebagai pelacur pada masa lalu di tanah Deli.
- b) **Kelompok Hakka dan Kheks:** majoriti mereka bekerja sebagai pengusaha kedai, peniaga rotan dan tukang kaleng, mereka dikenal memiliki budaya mengecilkan kaki dengan cara mengikatnya (membungkus) sebagai lambang status sosial yang tidak dimiliki oleh kelompok Tionghoa lainnya.

- c) **Kelompok Hoekloes:** penduduk asli Swatow, bekerja sebagai pekerja perkebunan, dan di Deli kelompok ini memiliki dua sub, yaitu Teochiu dan Hailhokong.
- d) **Kelompok Hailams:** berasal dari pulau Hainan, sebahagian besar mereka bekerja sebagai pembantu rumah tangga, tukang masak dan kerani hotel.
- e) **Kelompok Amoy (Hokkian):** mereka berasal dari provinsi Shiang Shou Fu, di Deli dan Jawa mereka terkenal sebagai peniaga. Disisi lain terdapat beberapa kelompok kecil yang berasal dari Luitsiu dan Koatsiu, biasanya mereka disebut orang Luchiu, Caochow dan Hock, majoriti mereka berkehidupan miskin tinggal di kawasan Belawan dan Bagan Siapi-Siapi.¹⁹

Pada akhir abad ke 19 orang Tionghoa telah menguasai dan memonopoli seluruh sektor pengangkutan di kawasan Sumatera Timur. Hal ini akibat bantuan pemerintah Belanda dan kaum pengusaha pada saat itu. Para pengusaha perkebunan bahkan juga memberi peluang kepada orang Tionghoa untuk menjadi penyalur bahan makanan, serta menjadi kontraktor di perkebunan.²⁰ Kenyataan tersebut masih berterusan hinggalah masa sekarang. Orang-orang Tionghoa pun saat ini masih menguasai daerah perkebunan dan keperluan keperluan asas makanan termasuk di Bandaraya Medan.

3.2.2 Pandangan Orang Tionghoa Non Muslim Terhadap Islam.

Ungkapan masyarakat Tionghoa terhadap wanita Tionghoa yang masuk agama Islam “Memang kamu mahu jadi isteri yang keberapa?” Kalimat ini adalah salah satu gambaran mengenai pandangan orang keturunan Tionghoa non-Islam terhadap Islam. Ucapan ini dilontarkan kepada perempuan keturunan Tionghoa yang suatu kali hendak

¹⁹ M.Rajab Lubis, *Pribumi di Mata Orang Cina*, (Medan: Pustaka Widyasarana, 1995), 35.

²⁰ *Ibid*, 36.

menyatakan keislamannya secara terbuka kepada keluarganya setelah sebelumnya, selama berbulan-bulan menganut dan menjalankan agama Islam secara senyap-senyap. Ucapan di atas dinyatakan ibu sang perempuan dengan nada yang cukup marah dan keras karena memang dalam pandangan sebahagian orang Tionghoa non-Islam, termasuk ibu perempuan ini, Islam membolehkan dan bahkan melegalkan adanya poligami, beristeri lebih dari satu bagi kaum laki-laki.²¹

Ungkapan di atas hanya salah satu dari sekian gambaran atau persepsi negatif sebahagian warga keturunan Tionghoa (non-Islam) terhadap agama yang dipeluk majoriti penduduk Indonesia. Kalimat lain yang juga sering dilontarkan misalnya, ”kamu mahu makan apa kalau masuk Islam!?”: ”kamu siap menjadi orang susah dan melarat!”.²² Inilah sebahagian ucapan yang lazimnya dikatakan saat seorang warga keturunan Tionghoa hendak memeluk Islam.

Di mata sebahagian orang Tionghoa non-Muslim, di Indonesia khususnya, Islam menjadi agama yang nampak begitu buruk dan negatif, terutamanya jika di bandingkan dengan agama lain seperti Budha, Katolik, Hindu, dan atau bahkan mungkin kepercayaan dan keyakinan lainnya. Dalam pemahaman tersebut, sebahagian orang Tionghoa lebih memahami Islam sebagai agama yang lekat dengan kemiskinan, kemelaratan, kemalasan, dan bahkan juga dikenal sebagai agama yang membolehkan dan menghalalkan keganasan dan kekerasan. Persepsi keluarga keturunan Tionghoa tersebut pada masanya akan memunculkan sikap phobia dan antipati yang mendalam terhadap Islam khususnya di Indonesia. Gambaran negatif warga keturunan Tionghoa

²¹ *Ibid*, 39.

²¹ *Ibid*, 42.

terus membekas dan berakar kuat dalam kesadaran sebahagian etnik Tionghoa secara kukuh dan bahkan terus berlanjutan kepada keturunan-keturunan mereka.

Di samping diperoleh melalui keterangan orang Tionghoa sendiri (yang sudah memeluk Islam khususnya), tanda-tanda atau indikasi mengenai sikap mengambil jarak terhadap Islam ini dapat juga dilihat, misalnya, dalam segmen mencari pasangan atau jodoh yang ditampilkan surat kabar *Analisa* dan *Kompas* yang ditampilkan setiap hari ahad, nampak terlihat jelas pada media ini, di segmen tersebut, yakni bahawa setiap orang Tionghoa, sama ada yang beragama Katolik, mahupun yang beragama Budha (lelaki yang belum berkahwin mahupun yang sudah berkahwin, perempuan yang belum berkahwin mahupun yang sudah pernah berkahwin janda atau balu) ketika menuliskan kriteria agama bakal calon pasangan hidupnya, mereka mensyaratkan pasangannya beragama Katolik, Budha, atau Hindu. Yang katolik, umpamanya, mensyaratkan calon pasangannya beragama yang sama (Kristian), dan jika pun berbeza, maka agama yang lazimnya dipilih adalah Budha, demikian sebaliknya. Mereka yang beragama Budha, umumnya menginginkan pasangannya beragama yang sama, Budha, atau jika tidak maka ia harus beragama Katolik. Dari beberapa kali penelusuran, peneliti tidak menemui satu pun warga keturunan Tionghoa yang beragama selain Islam atas menghendaki calon pendamping hidupnya beragama Islam. Fakta ini sejalan dengan keterangan Leo Suryadinata, bahawa agama Budha dan Kristian akan lebih mudah diterima orang Cina, sementara Islam lebih sering muncul sebagai sebuah halangan terciptanya pembauran atau asimilasi warga keturunan Tionghoa di satu komuniti lokal.²³

²³ Leo Suryadinata, *Pribumi Indonesians, the Chinese minority and China*, (Singapura: Heineman Asia, 1992), 12.

Sikap menjauh atau antipati sebahagian orang Tionghoa terhadap Islam bukan hanya persoalan keyakinan sahaja, namun lebih kompleks dari itu semua. Sikap mereka yang demikian terhadap Islam dan juga (dalam hal dan keadaan tertentu) terhadap penganut atau pemeluknya, sesungguhnya dilatarbelakangi oleh berbagai faktor. Di antara yang menonjol adalah faktor budaya, faktor sejarah, dan faktor sosial-ekonomi. Faktor keyakinan dalam hal ini tidak menjadi faktor dominan yang menimbulkan dan melatarbelakangi sikap fobia orang keturunan Tionghoa terhadap Islam meskipun faktor tersebut memiliki saham tersendiri dalam menciptakan jarak antara orang keturunan Tionghoa dengan Islam, khususnya terhadap pemeluknya.

Jika dipilih dan diteliti secara saksama dan mendalam, maka di antara faktor utama yang melatarbelakangi pandangan dan sikap negatif orang keturunan Tionghoa terhadap Islam di Indonesia khususnya adalah faktor sejarah.²⁴ Faktor ini memainkan peran penting dan signifikan dalam menanamkan sikap kurang bersahabat orang keturunan Tionghoa terhadap Islam. Dan faktor utama yang membuat noda hitam sejarah ini adalah pihak penjajah Belanda. Padahal sebelum kedatangan dan penguasaan Belanda di bumi Indonesia, Islam merupakan agama yang popular dan begitu dekat di kalangan keturunan Tionghoa. Bahkan, seperti dicatat oleh Nurcholish Madjid, Islam datang ke Nusantara dari daratan Cina.²⁵

Ertinya, agama yang saat ini dipeluk majoriti masyarakat Indonesia dikenalkan, di antaranya, oleh orang-orang Tionghoa. Warga keturunan ini memiliki peranan yang tidak kalah pentingnya, misalnya orang-orang Gujarat atau Arab yang juga menyebarkan Islam di Nusantara. Groeneveldt, dengan mengutip dua buah sumber,

²⁴ Leo Suryadinata, *Kebudayaan Minoritas Tionghoa di Jakarta*, (Jakarta: Gramedia, 1988), 34.

²⁵ Nurcholish Madjid dalam pengantar *Al-Qurtuby, Arus Cina-Islam-Jawa: bongkar sejarah atas peranan Tionghoa dalam penyebaran agama Islam di Nusantara abad XV & XVI*, (Yogyakarta: Inspeal & Inti, 2003), 19.

Ming Shi dan Ying-yai Sheng-lan juga menerangkan, bahawa terdapat masyarakat Cina yang bermukim di Jawa, yakni orang-orang dari Kanton, Zhang Zou (Chang-Chou), dan kawasan Cina Selatan lain yang telah meninggalkan Cina dan menetap di pelabuhan-pelabuhan pesisir sebelah Timur terutama di Tuban, Gresik dan di Surabaya.

Menurut kedua teks ini, orang-orang cina yang mendiami pesisir terutama Jawa Timur dan Sumatera pada awal abad ke-15, mereka hidup secara layak, yang paling menarik, sebahagian besar mereka telah memeluk agama Islam dan taat beribadah.²⁶ Kebijakan pemerintah kolonial Belanda yang memberlakukan pemisahan status sosial secara hirarkial antara orang Eropah, orang Cina (Timur Asing), dan orang peribumilah yang menjadi salah satu faktor yang menciptakan jurang pemisah yang cukup dalam antara orang Tionghoa di satu sisi, dan orang peribumi dengan Islamnya, di sisi lain.

Perlakuan diskriminasi dalam bidang sosial, hukum, politik dan bahkan juga ekonomi, yang nampak begitu timpang dan menyakitkan di antara tiga golongan ini telah memunculkan kebencian dan permusuhan mendalam, khususnya di kalangan orang peribumi yang lazimnya diperlakukan secara berbeza dengan orang Eropah (Belanda), dan dengan kelompok Timur Asing, khususnya etnik Tionghoa. Dari sinilah kemudian muncul dan berkembang pesat berbagai stereotaip negatif di antara masing-masing kelompok yang diwarisi secara turun temurun dan terus bertahan hingga kini warisan kolonialisme tersebut.

²⁶ *Ibid.*, 38.

3.2.3 Agama Etnik Tionghoa

Mengenai jumlah penganut agama di kalangan orang Tionghoa di Medan, hingga saat ini belum ada data yang dapat diperoleh. Meskipun demikian dianggarkan orang Tionghoa secara umum mereka masih menganut agama Buddha, dan mungkin masih kuat dipengaruhi oleh Konfusianisme.

Hal ini terlihat dari tradisi keagamaan dan budaya mereka yang masih kuat dan kental dengan ajaran Konghucu, bahkan boleh jadi mereka sebenarnya menganut agama Konghucu, yang hingga sekarang masih belum jelas statusnya dan masih tetap diperjuangkan melalui organisasi majlis tinggi agama Konghucu Indonesia (Matakin).²⁷ Dilatarbelakangi ketidakjelasan status agama Konghucu, sebahagian besar masyarakat Tionghoa mulai mereka berpindah agama.

Namun belakangan disadari bahawa gejala ganti agama, dari agama tradisional orang Tionghoa ke agama-agama yang diakui oleh Negara telah berlangsung lama setidaknya setelah kemerdekaan Indonesia dan pemberontakan PKI tahun 1965. Menurut Mely G.Tan: akibat peristiwa G 30S PKI, semua warga diharuskan mencantumkan agamanya di kad pengenalan KTP (Kartu Tanda Penduduk), jika tidak, ia boleh dituduh sebagai penyokong atau terlibat dengan PKI (Partai Komunis Indonesia) terutama bagi etnik Tionghoa yang dianggap masih terkait ke Tiongkok yang Komunis.²⁸

Di Medan meski tidak ada data yang lengkap dan menyeluruh tentang agama orang Tionghoa, tetapi boleh disimpulkan dari 95 orang responden dalam penelitian

²⁷ Mely G.Tan, "Agama dan Hubungan Antar Kelompok Etnis di Indonesia " Makalah revisi dari makalah yang diberikan pada diskusi agama dan kerusuhan etnis di Indonesia, yang diadakan oleh lembaga studi agama dan filsafat di Jakarta, 30 Juli 1998, 1,

²⁸ *Ibid.*, 4.

Rajab Lubis tahun 1995 dan dari berbagai sumber lisan, serta pengamatan di lapangan, orang Tionghoa Medan masih dominan menganut agama Buddha (87,16%), beragama katolik (11,58%), Protestan (5,26%) dan hanya sedikit yang menganut agama Islam.²⁹

Dengan kata lain orang Tionghoa yang meninggalkan agama tradisionalnya lebih banyak mengganti agamanya ke agama Kristian, sama ada Katolik mahupun Protestan dan mungkin tidak banyak yang menganut agama Islam. Dalam beberapa penelitian tentang penganut agama Tionghoa di Indonesia,³⁰ memang ditemukan bahawa orang Tionghoa kebanyakannya atau majoriti masih lagi menganut agama tradisional nenek moyang mereka, tetapi penambahan jumlah penganut ke dalam agama-agama lain terutama Kristian dan Katolik juga terjadi cukup ketara dan signifikan di kalangan mereka, dengan kata lain orang Tionghoa yang meninggalkan agama tradisionalnya lebih banyak menukar agamanya ke agama Kristian.

Menurut Sayyidiman Suryohadiprojo: secara umum alasan orang Tionghoa lebih memilih beragama Kristian dan hanya sedikit yang masuk agama Islam, saat ini sebenarnya karena masih terpengaruh pada sejarah masa lalu, di mana mereka lebih suka berhubungan dengan orang kulit putih dari pada masyarakat peribumi yang beragama Islam.³¹ Hal ini diperkuat oleh Nurcholis Majid bahawa masalah agama di Indonesia saat ini masih dipengaruhi oleh apa yang terjadi pada masa Penjajahan Belanda. Pembahagian-pembahagian kelompok etnik warga Negara, adanya sekolah-sekolah yang berbeza, dan diperparah dengan pandangan bahawa agama Islam adalah agama tempatan atau peribumi, telah menimbulkan *mind set* tertentu, mereka yang di

²⁹ M. Rajab Lubis, *Pribumi*, 74.

³⁰ Misalnya studi yang dilakukan Charles A.Coppel di Surabaya, Makhama di Surakarta dan Rajab Lubis di Medan.

³¹ Sayyidiman Suryohadiprojo, "Pri dan Non Pri dalam Perspektif Integrasi Sosial dan Pemerataan Pembangunan" dalam Mohd M.Sya'dun, *Pri Non Pri Mencari Format Baru Pembauran*, (Jakarta: Pustaka Cidesindo, 1990), 10.

atas masih tetap merasa di atas dan memandang kelompok yang lain “di bawah”.³² Selain itu proses Kristianisasi terus berjalan di kalangan orang Tionghoa terutama ketika anak-anak Tionghoa yang masuk ke sekolah Kristian berpaling ke agama Kristian.

Bagi orang Islam yang fanatik (garis keras) tindakan ini hanyalah pertukaran dari satu agama asing ke agama asing lain yang sama dan merupakan kepercayaan dari golongan minoriti di antara penduduk Indonesia, dengan demikian jika orang Tionghoa tinggal di kalangan masyarakat Indonesia yang majoriti masyarakatnya beragama Kristian, seperti di Sulawesi Utara atau Tapanuli di Sumatera Utara tidak ada masalah perbezaan atau jurang budaya. Akan tetapi kalau tinggal di daerah yang masyarakatnya banyak umat Islam, maka terjadi perbezaan budaya yang dapat menimbulkan permasalahan.

3.2.4 Perekonomian Etnik Tionghoa

Sejak perkebunan getah dan tembakau di Sumatera memerlukan tenaga kerja yang banyak, perpindahan atau migrasi orang-orang Tionghoa yang sengaja didatangkan dari Cina Selatan dirasakan sangat membantu. Saat itu mereka bersedia dibayar dengan upah yang murah dan menerima keadaan kehidupan yang kurang layak dan keras. Dengan kesungguhan dan kegigihan serta sikap yang berjimat cermat dan penuh kesederhanaan dalam kehidupan, lambat laun orang Tionghoa serta keturunannya mulai ikut serta dan terjun dalam usaha perniagaan.

³² Nurcholis Majid, “Rakaman Tanya jawab seminar “ dalam masalah Peri Dan Non Peri Dewasa ini, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1998), 67. warga Negara pada Kolonial Belanda dikelompokkan sebagai warga Eropah, warga Timur Asing iaitu orang Tionghoa dan Arab serta peribumi.

Semakin lama orang Tionghoa bertambah jumlahnya dan mereka membuka usaha perniagaan dan perkhidmatan di Medan, di bandar ini mereka anggap sebagai kawasan yang menjanjikan bagi dunia usaha,perniagaan dan perkhidmatan.

Selain itu sejak dulu pemerintah Penjajah Hindia Belanda memang terkesan atau relatif sangat memanjakan kelompok Tionghoa, bukan hanya di Medan tapi seluruh Nusantara Indonesia. Orang Tionghoa diberikan pada awalnya hak memungut cukai untuk mengelolah urusan izin perniagaan dan izin keluar masuk ke kawasan mereka,dan orang-orang Cina ini ditempatkan di kawasan permukiman tersendiri yang disebut dengan sebutan “Pecinan“ (China Town). Selanjutnya pemerintah Belanda mengangkat seorang Kapten dari orang Tionghoa sebagai pegawainya untuk menjadi pengetua atau pemimpin bagi etnik Tionghoa dan diantara tugasnya adalah menyelesaikan masalah-masalah kecil yang timbul di antara orang-orang Tionghoa. Seperti yang diakui oleh Queeny Chang bahawa ayahnya Tjong A. Fie diangkat menjadi Kapiten der Chinezen di Medan, setelah pakciknya meninggalkan tugasnya mengawasi orang-orang Cina di wilayahnya.³³

Jelasnya dalam usaha perniagaan kelompok peniaga-peniaga Tionghoa selain diberikan jawatan yang tinggi dalam masyarakat, juga digunakan oleh VOC (Syarikat Dagang Penjajah) untuk membangun struktur perniagaan di Nusantara, selain itu kelompok peniaga Tionghoa ini dapat dimanfaatkan untuk menghadapi persaingan VOC dengan Portugis, Spanyol yang memiliki kedekatan dengan peniaga dari Arab Timur Tengah atau India Selatan. Kekuatan ekonomi Cina berbasis pada ikatan klan (suku) atau keluarga, ikatan yang eksklusif (terbatas) serta dukungan yang saling menguntungkan satu sama lain, merupakan ciri khas dari kekuatan ekonomi mereka.³⁴

³³ Gondomono, (Pengantar) “Tjong A.Fie Dermawan dari Medan “ kumpulan artikel “*Intisari Pelangi Cina Indonesia*”, (Jakarta: Intisari Mediatama, 2002), 20.

³⁴ Abdul Bagir Zein, *Etnis Cina*, 124.

Pada abad ke 19 di Medan telah terdapat keluarga-keluarga Tionghoa yang mencapai kedudukan tinggi dan kekuasaan besar, seperti Tjong Yong Hian serta saudaranya Tjong A Fie dan Tjong Sui Fo yo mereka telah membangun bisnis yang besar di Medan, sebagai contoh Deli Bank adalah salah satu syarikat yang dimiliki oleh orang Tionghoa pada masa penjajahan Belanda, sampai akhir masa penjajahan pengusaha-pengusaha Tionghoa tetap bersaing di sektor bisnis ketika itu.

Sesudah Indonesia merdeka dari Penjajahan Belanda data menunjukkan bahawa perekonomian orang-orang Tionghoa memang tidak ada, tetapi berdasarkan maklumat am yang diperoleh menunjukkan bahawa posisi ekonomi Orang Tionghoa tetap kuat, dalam kajian yang dilakukannya, Ralph Anspach seperti yang dikutip Benny memberikan gambaran-gambaran yang terpecah-pecah, namun menunjukkan bahawa orang Tionghoa mempunyai pengaruh yang amat besar dalam sektor perniagaan, perkhidmatan dan pembuatan (manufaktur).³⁵

Posisi orang-orang Tionghoa dalam bidang perniagaan di Republik Indonesia sesudah merdeka telah menjadi sorotan dari orang-orang peribumi Indonesia . Pada tahun 1959, konferensi ekonomi nasional seluruh Indonesia iaitu sebuah organisasi yang dikuasai orang-orang peribumi Indonesia , melaporkan bahawa pendapatan kasar nasional Indonesia berjumlah Rp 144.700 juta, dengan Rp 50.244 juta di antaranya, iaitu 34,7% dari seluruh pendapatan nasional Indonesia berasal dari para peniaga Tionghoa.

Kenyataan ini dapat dilihat bahawa kekuatan ekonomi Tionghoa dalam zaman Orde Baru semakin bertambah pesat dan mereka sampai menguasai segala sektor perniagaan di Indonesia, hal ini disebabkan kebijakan pemerintah rejim Suharto (Orde

³⁵ Benny G. Setiono, “ *Makalah Etnis Tionghoa Adalah Bagian Integral Bangsa Indonesia* “ diskusi akbar yang diselenggarakan Perhimpunan INTI, Jakarta , tgl 27 April 2002, 1.

Baru) yang mementingkan pertumbuhan ekonomi dan mengarahkan orang-orang Tionghoa ke bidang ekonomi,perniagaan,perkhidmatan dan sektor-sektor lainnya, dan masyarakat peribumi tidak mampu bersaing dengan orang Tionghoa dalam dunia bisnis dan perniagaan. Selama lebih kurang 32 tahun Suharto berkuasa dan memberi peluang dan kesempatan yang luas bagi etnik Tionghoa, impak dari kebebasan ini membawa pengaruh negatif bagi perkembangan ekonomi peribumi, mereka jauh tertinggal dalam sektor perniagaan dan mereka tidak mampu bersaing untuk tinggal di perkotaan, pada masa itu berkembang rasuah, di segala institusi-institusi kerajaan , karena setiap tender projek kerajaan dikuasai oleh orang-orang Tionghoa dengan segala apacara mereka lakukan demi untuk mendapatkan tender projek, di sini orang-orang peribumi tidak mampu bersaing dengan mereka, akhirnya tingkat kemiskinan di kalangan peribumi bertambah meningkat.

Jelasnya para peniaga Tionghoa merekalah yang paling banyak menyumbang dan membayar cukai penghasilan, sebagai penghasilan atau devisa Negara, hal ini dilihat secara majoritinya usahawan-usawan besar dan berjaya adalah orang-orang Tionghoa, dengan bukti ini dijadikan bahawa mereka menguasai atau mendominasi ekonomi Indonesia. Seolah-olah pengusaha besar di seluruh kawasan Indonesia adalah mereka, kekayaannya melimpah ruah dari hasil rasywah dan nepotisme dan mereka menghalalkan segala cara demi untuk mendapatkan projek dengan memberi rasuah kepada para pejabat yang menentukan dalam setiap kebijakan yang diambil.

Perlu difahami bahawa masyarakat Tionghoa bukan merupakan kelompok yang homogen, mereka terbahagi atas kelas, daerah, budaya, agama dan kewarganegaraan, akan tetapi sukar untuk dinafikan bahawa orang Tionghoa merupakan bahagian penting dari kelas menengah Indonesia dan peran mereka, terutama dalam perniagaan dan pengagihan atau distribusi sangat menonjol, mereka yang selalu mengadakan kontak

(deal) dengan masyarakat peribumi dan karena itu mudah menjadi sasaran terjadinya kerusuhan.

Di samping itu memang rata-rata orang Tionghoa lebih banyak tinggal di rumah-rumah mewah, mempunyai motor dan kereta besar, memperoleh pendidikan tinggi dan sekolah yang baik dan duduk di kawasan bandar berbanding dari pada masyarakat peribumi. Kesan dan gambaran yang telah menyebar ke seluruh rakyat Indonesia terutama mereka yang mendiami kota-kota besar, di tambah lagi jenis pekerjaan mereka yang secara langsung berhubungan dengan perekonomian masyarakat seperti perniagaan dan bisnis biasa baik dalam skala kecil mahupun skala besar, jadi tidak dapat dielakkan kalau kesan ini memang dianggap benar oleh masyarakat peribumi.

Dalam bidang perniagaan,perkhidmatan dan usaha, bentuk kegiatan perekonomian orang Tionghoa di pelbagai kota besar di Indonesia sebenarnya lebih kurang (relatif) sama, termasuk di bandaraya Medan. Orang-orang Tionghoa di bandaraya Medan dapat dikatakan kebanyakannya (majoriti) bergerak di sektor perniagaan serta bisnis, dan secara umum orang-orang Tionghoa dianggap berjaya. Tetapi banyak orang Tionghoa yang telah memeluk Islam tidak dapat dikatakan berjaya dalam usaha-usaha perniagaan dan perkhidmatan seperti orang Tionghoa secara umum. Dalam hal ini, orang Tionghoa Muslim mengaku bahawa mereka selalu merasa terpinggirkan dan tersudutkan serta terkucilkan dalam lingkaran dan jaringan bisnis orang-orang Tionghoa, sehingga perekonomian mereka terhambat kerana terputusnya jaringan komunikasi bisnis yang diperkuat dengan melibatkan sistem keluarga atau kekerabatan (*kinship*), yang memungkinkan pengalihan atau transfer kemahiran dan rahsia perniagaan secara turun–temurun.

Dengan memeluk agama Islam, secara tidak langsung kedudukan mereka tersepit di antara orang Tionghoa dan orang Muslim dari etnik peribumi lainnya. Di kalangan orang Tionghoa mereka seakan-akan telah dianggap terkeluar dari kelompok masyarakat Tionghoa, namun untuk masuk dan bergabung pada Muslim etnik peribumi lainnya, mereka tetap dipandang dengan penuh kecurigaan. Dengan keadaan kedudukan tersepit seperti ini mengakibatkan perekonomian orang Tionghoa Muslim tidak setara dengan orang Tionghoa lainnya sementara, untuk membangun rangkaian perniagaan dan bisnis dengan orang-orang peribumi mereka juga mengalami kesusahan disebabkan oleh kecurigaan tersebut.

Untuk mengatasi masalah tersebut, sebahagian dari mereka mencuba membangun dalam lingkaran perniagaan dan bisnis baru bagi kalangan mereka sendiri, iaitu bagi kalangan orang-orang Tionghoa Muslim. Tetapi terkadang masalah keuangan menjadi satu halangan baru bagi mereka yang ingin membuka usaha perniagaan. Sebab, meskipun mereka telah membangun jaringan bagi orang-orang Tionghoa Muslim melalui organisasi mereka sendiri, orang-orang Tionghoa Muslim pada umumnya bukanlah pemilik-pemilik modal yang mampu memberi pinjaman bagi saudara-saudaranya yang lain untuk membuka usaha perniagaan. Sementara untuk mencari pinjaman ke tempat lain, mereka juga menghadapi halangan birokrasi yang menurut orang Tionghoa Muslim penuh dengan diskriminasi. Sejauh pengamatan penulis, jenis-jenis usaha orang Tionghoa Muslim sebenarnya kebanyakannya berada disektor perniagaan dan perkhidmatan, misalnya mengelola kedai atau restoran-restoran yang khusus menyediakan masakan Tionghoa Muslim, menjahit dan menjual pakaian, kontraktor, pegawai swasta, bekerja sendiri dan lain-lain.

Pendidikan agama orang Tionghoa Muslim, khususnya bagi yang masuk Islam (muallaf) ketika dewasa biasanya diperoleh sambil jalan. Pengajaran tentang cara

berwuduk; solat dan praktik-praktik ibadat lainnya dipelajari dalam waktu yang relatif singkat. Sementara itu, lembaga-lembaga dan organisasi organisasi Islam, mahupun lembaga pendidikan Islam dapat dikatakan kurang mengambil berat dengan pembinaan dan pembelajaran para muallaf. Keadaan ini semakin diperparah oleh tuntutan pekerjaan, ekonomi dan masyarakat yang dihadapi oleh orang Tionghoa Muslim, sehingga aktiviti-aktiviti untuk memahami dan memperdalam agama semakin berkurang. Akhirnya orang Tionghoa Muslim memperoleh pendidikan dan pengajaran agama secara sambil lewa, kerana keterbatasan waktu dan tuntutan yang semakin mendesak. Hal ini mengakibatkan orang-orang Tionghoa Muslim masih sedikit sekali yang benar-benar mengerti dan memahami ajaran-ajaran Islam, walhal mereka mengakui keinginan untuk memperdalam dan memahami agama Islam sangat kuat.

Kurangnya tunjuk ajar dan bimbingan terhadap orang Tionghoa Muslim ini dapat menimbulkan potensi untuk tetap terpengaruh dengan agama yang dianuti sebelumnya. Bahkan, walaupun tidak sampai pindah agama, mereka berkemungkinan untuk kembali melaksanakan kebiasaan-kebiasaan yang sering mereka lakukan sebelum memeluk Islam yang bertentangan dengan ajaran dan fahaman Islam. Hal ini terlihat dari masih adanya sebahagian orang Tionghoa Muslim yang masih terikut-ikut untuk menyembah nenek moyang mereka, meminum arak, berjudi atau perbuatan terlarang lainnya sebenarnya adalah tradisi lama yang biasa mereka lakukan sebelumnya. Dengan keadaan yang seperti ini, sebahagian orang Tionghoa Muslim yang menyedari pentingnya pendidikan agama Islam, mereka berusaha mencari wadah ataupun lembaga yang dapat mengajarkan dan membimbing mereka untuk mendalami ajaran Islam. Selain itu mereka juga berusaha untuk mempraktikkan dan menerapkan ajaran Islam yang mereka ketahui dan fahami dalam aktiviti sehari-hari dan juga pada kalangan keluarga terdekat.

Orang Tionghoa Muslim pada masa ini biasanya mempelajari dan mendalami agama Islam melalui aktiviti-aktiviti keagamaan yang ada di kawasan kejirannya, seperti mengikuti kelas-kelas ceramah agama di majelis-majelis ilmu (taklim), kelas pengajian tahsin (perbaikan) bacaan alquran, pengajian bulanan yang diadakan di kawasan-kawasan tempat tinggal mereka dan kawasan kejiranan mereka sendiri seperti pengajian PITI Medan. Saat ini, bentuk pendidikan yang mereka anggap sesuai bagi orang Tionghoa Muslim dewasa adalah mengikuti pengajian di kalangan orang Tionghoa Muslim itu sendiri.

Bagi sebahagian anak Tionghoa Muslim, pendidikan agama diperoleh melalui pendidikan Luar sekolah (PLS) yang merupakan gabungan dari pendidikan non-formal dan pendidikan in-formal. Pendidikan luar sekolah keagamaan yang cenderung mereka pilih adalah madrasah diniyah Awaliyah (ibtidaiyah) di siang hari, mendatangkan ustaz atau guru mengaji ke rumah, mengikuti program-program aktiviti keagamaan ketika cuti sekolah, dan juga melalui pengajaran di rumah sendiri dengan tunjuk ajar dan bimbingan ibu bapa atau mendatangi pengajian di PITI.

Orang Tionghoa Muslim masih cenderung memasukkan anak mereka pada sekolah-sekolah umum, bahkan sebahagian dari mereka tetap memasukkan anak-anak mereka pada sekolah-sekolah yang majoriti muridnya dari kalangan orang Tionghoa non-Muslim. Sebahagian orangtua Tionghoa Muslim cenderung masih meragui mutu pendidikan di sekolah-sekolah Islam yang ada. Mereka beranggapan bahawa sekolah merupakan modal utama mereka untuk bekerja dan sekolah umum merupakan pilihan yang tepat untuk membekali pengetahuan mereka di bidang pekerjaan swasta dan perniagaan. Dengan pemikiran mereka itu, maka mereka mencari satu bentuk atau model pendidikan luar sekolah keagamaan yang sesuai dengan mereka tanpa mengganggu pendidikan sekolah. Kerana itu jika ada pengajian di PITI di hari cuti mereka datang kesana, mereka disana bukan sahaja mendapatkan pengajaran agama tapi

juga dapat jumpa dengan saudara-saudara baru dan kerabat-kerabatnya yang lain sesama Muslim Tionghoa sama ada *muallaf* (saudara baharu) atau dengan mereka yang belum Islam tapi masih ingin mencari maklumat mengenai Islam, sehingga disini mereka juga salingdapat berbahagi pengalaman.

3.3. Pengenalan Organisasi Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI)

3.3.1. Sejarah Berdirinya Organisasi PITI

Organisasi Pembina Iman Tauhid Islam yang dahulu dikenal dengan nama Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) didirikan di Jakarta pada 14 April 1961, oleh mendiang H. Abdul Karim (Oei Tjeng Hien), mendiang H. Abdusomad (Yap A Siong) dan mendiang Kho Goan Tjin, bertujuan untuk mempersatukan Muslim-Muslim Tionghoa di Indonesia dalam satu wadah yang dapat lebih berperan dalam proses persatuan bangsa Indonesia. PITI adalah gabungan dari Persatuan Islam Tionghoa (PIT) pimpinan mendiang H. Abdusomad (Yap A Siong) dan Persatuan Tionghoa Muslim (PTM) pimpinan mendiang Kho Goan Tjin. PIT dan PTM mula-mula didirikan di Medan dan Bengkulu sebelum kemerdekaan Indonesia.

Masing-masing bersifat lokal, sehingga pada saat itu keberadaan keduanya belum banyak dirasakan oleh masyarakat luas. Karena itulah, untuk merealisasikan perkembangan ukhuwah Islamiah di kalangan Muslim Tionghoa, maka PIT dan PTM merelakan diri pindah ke Jakarta dan bergabung dalam satu wadah, yakni PITI. Berdirinya PITI saat itu merupakan tanggapan realistik atas saran dari Ketua PP (Pengurus Pusat) Muhammadiyah – Allahyarham KH. Ibrahim – kepada Allahyarham H. Abdul Karim Oei agar Muslim Tionghoa menyampaikan dakwah dan syiar agama Islam kepada etnik Tionghoa.

Pembina Iman Tauhid Islam atau Persatuan Islam Tionghoa Indonesia adalah merupakan organisasi kemasyarakatan yang bertujuan untuk membentuk manusia Muslim yang mampu mengamalkan ajaran agama Islam untuk ikut mewujudkan masyarakat yang sejahtera bahagia dunia dan akhirat di dalam Negara Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila yang direcai Allah S.W.T. Dalam proses terbentuknya Pembina Iman Tauhid Islam (PITI) sebenarnya telah didahului oleh embrio yang melatarbelakanginya.³⁶ Tiga orang da'i terkenal pada masa itu, tahun 1953, H. Abdul Karim (Oey Tjing Hin) didatangi tokoh dakwah mubaligh terkenal H. Abdush Shomad (Yap A Siong), Abdul Hamid (Soei Ngo Sek) dan beberapa orang lainnya berinisiatif untuk menyatukan seluruh keturunan Tionghoa yang beragama Islam dalam satu badan atau wadah organisasi. Dan atas kesepakatan bersama berdirilah Persatuan Islam Tionghoa disingkatkan PIT dengan ketua Umum ketika itu A. Hamid Hin In Tek.³⁷

Berdirinya PIT ini bukannya tidak mengalami masalah dan halangan tetapi semua masalah dan halangan tersebut dapat diselesaikan dan ditangani bersama-sama antara pengurus, halangan kurang mampunya berpersatuan atau berorganisasi dengan tenaga yang mempunyai kemahiran adalah merupakan halangan utama. Namun sesuai dengan harapan Bapak H, Abdul Karim Oey Tjing Hien, "Tak ada emas bongkah diasah, tak ada kayu jenjang di keping".³⁸ Pada tahun 1961 diadakan penggantian pengurus PIT dengan ketua baru Bapak Lim Seng Lian. Sedangkan Kho Goan Tjin dan beberapa temannya telah membentuk perhimpunan Islam juga, yang mereka namakan Persatuan Tionghoa Muslim disingkatkan PTM.

³⁶ Drs. Burmadi, Sejarah Berdirinya PITI (Pembina Iman Tauhid Islam). dalam *Buletin Pembina Iman Tauhid Islam* (Surabaya: DPW Jawa Timur, 1991), 3.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Untuk itulah, demi merealisasikan perkembangan ukhuwah Islamiah di kalangan Muslim Tionghoa maka PIT yang berkedudukan di Medan dan PTM yang berkedudukan di Bengkulu merelakan pindah ke Jakarta dengan bergabung dalam satu organisasi atau wadah yakni PITI (Persatuan Islam Tionghoa Indonesia). PITI didirikan pada ketika itu, sebagai tanggapan realistik atas saran Ketua Pengurus Pusat Muhammadiyah Almarhum KH Ibrahim kepada Almarhum H. Abdul Karim Oei bahawa untuk menyampaikan agama Islam kepada etnik Tionghoa harus dilakukan oleh etnik Tionghoa yang beragama Islam.

Kedua pimpinan persatuan tersebut mengadakan pertemuan di Jakarta pada tahun 1963, membahaskan penggabungan kedua organisasi persatuan Tionghoa Muslim tersebut dan sepakat bergabung menjadi satu, yang mereka namakan Persatuan Muslim Tionghoa Indonesia (PITI). Pimpinannya adalah, ketua umum H. Abdul Karim Oey Tjeng Hein dan setia usaha sulitnya Kho Goan Tjin. PITI lahir dan tumbuh pada masa itu adalah menantang arus dan gelombang zaman sejarah kejayaan PKI yang sangat dipengaruhi oleh kaum komunisme. Oleh karena orang-orang Muslim dari keturunan Tionghoa tersebut menyedari betul akan perintah Allah SWT dalam al-Quran surah al-Nahl ayat 125, ertinya: *“Seruhsilah mereka ke jalan Allah dengan cara yang bijaksana, suri tauladan yang baik dan berdiskusilah dengan mereka dengan cara yang lebih baik”*.

Tidak menghairankanlah apabila kebijaksanaan pengurus PITI waktu itu mendapat sambutan secara langsung di kalangan masyarakat luas, sehingga PITI tumbuh dan berkembang dari satu bandar ke bandar di Indonesia. Dan setiap orang keturunan Tionghoa yang beragama Islam sering disebut PITI. PITI menjadi identik dengan orang Tionghoa Muslim, begitu orang yang mengenalnya selama ini. Pada tahun

1967, Pimpinan Pusat PITI mengadakan pembaharuan jawatan pengurus menjadi: Ketua umum: H. Abdul Karim Oey Tjeng Hein, Setiausaha sulit: Mayor H. Ahmad Johansyah, Bendahari: H. Muhammad Husin. Bersamaan dengan itu, badan pengurusan PITI mendirikan Yayasan PITI yang berfungsi untuk membantu memberi dana untuk bantuan aktiviti-aktiviti yang dijalankan PITI. Ketua yayasan tersebut adalah H. Abdul Karim Oey Tjeng Hein.

Pada tahun 1967 itu, bangsa Indonesia baru terlepas dari rezim kekuasaan Orde Lama yang dikuasai dan didominasi oleh PKI (Persatuan Komunis Indonesia) dan kaum komunis. Yang melakukan usaha gerakan pengkhianatan oleh PKI dengan pemberontakan G.30.S.PKI. Akan tetapi, rampasan kuasa atau pemberontakan itu tidak berjaya dan berhasil digagalkan oleh rakyat bersama-sama tentera Indonesia. Kita lebih bersyukur atas tindakan pemerintah RI yang dipimpin oleh presiden Jenderal Suharto yang membubarkan PKI dan organisasi yang menjadi bahagian atau di bawah pengaruhnya. Sehingga PITI dapat wujud sampai saat ini. Setelah jatuh dan tumbang nya kekuasaan orde lama, pemerintah orde baru mulai memperbaiki aturan dan undang-undang serta polisi pemerintah untuk memperbaiki ekonomi dan kehidupan dalam masyarakat, agar menjadi lebih baik. Kebijaksanaan baru ditetapkan dan program pembangunan pun dilancarkan dan diterapkan, pada saat itu Pendakwah Raya (Jaksa Agung) RI memberi tahu Pengurus Pusat PITI tentang aturan dan ketetapan pemerintah RI tersebut, maka dalam waktu singkat Pengurus Pusat PITI mengambil dan menetapkan kebijaksanaan dan langkah nyata untuk mengikuti dan mengambil beberapa keputusan, iaitu:

1. Membubarkan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI), dengan kepanjangan seperti tersebut, pada tanggal 5 Desember 1972. Hal itu disampaikan kepada pemerintah RI melalui Pendakwah Raya (Jaksa Agung) .
2. Membentuk satu organisasi baru yang dinamakan Pembina Iman Tauhid Islam, disingkat PITI. Hal itu diberitahukan kepada Pemerintah RI pada tanggal 15 Desember 1972.

Kebijaksanaan Pengurus Pusat PITI pada waktu itu, kelihatan bias dalam memahami maksud dan ruh kebijaksanaan Pemerintah RI tersebut, seperti yang tertulis dalam panduan GBHN (Garis-Garis Besar Haluan Negara) dan surat Menteri Agama RI waktu itu, H. A. Mukti yang bertanggal 5 Juli 1972 No. MA/244/1972 kepada Pengurus Pusat PITI yang menyatakan bahwa kebijaksanaan pemerintah dalam mempercepat proses pembauran atau asimilasi terhadap warga Negara RI keturunan etnik Tionghoa menginginkan dihapuskannya segala bentuk program dan usaha yang dapat mengarah ke arah eksklusivisme. Islam agama universal, agama untuk semua umat manusia. Islam tidak mengenal batas dan membezakan keturunan, suku dan bangsa atau etnik hal ini dapat dilihat dalam al-Quran dalam surat al-Hujurat ayat 13, karena itu tidak ada Islam Jawa, Islam Batak, Islam Karo, Islam Arab dan Islam Tionghoa. Dalam konteks inilah kita dapat menerima kebijaksanaan Pemerintah Orde Baru untuk persatuan dan kesatuan bangsa Indonesia.

Kepengurusan PITI dalam bentuk baru telah tergambar jiwa, maksud dan sifat yang tidak eksklusif, kepengurusan yang membaaur, tidak ada lagi istilah etnik peribumi dan etnik bukan peribumi, semuanya bersaudara. Karena mereka sudah menjadi saudara seiman, seagama dan sebangsa iaitu Indonesia. PITI tumbuh dan berkembang, dengan silih berganti pengurusan pimpinan dari satu masa jawatan ke satu masa jawatan,

menelusuri jalan yang berliku-liku dan kadang-kadang penuh dengan kerikil tajam dalam melaksanakan program amanat umat untuk mencapai tujuan PITI. Sejak periode Herman Santoso, H. Isa Idris, H. Yusuf Hamka, hingga periode Drs. H. Satibi Darwis ketika itu. Baru pada tahun 1987, setelah berusia 24 tahun. Pada tanggal 19-20 Desember 1987, PITI telah mampu menyelenggarakan MUNAS (Musyawarah Nasional) I di Cibugur, Jawa Barat yang dihadiri oleh Bapak Menko Kesra (Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat) Bapak H. Alamsyah Ratuprawiranegara dengan MUNAS (Musyawarah Nasional) I tersebut PITI bertekad untuk berpartisipasi dan ikut mengambil bahagian untuk kemajuan bangsa dan Negara. PITI telah mengadakan Musyawarah Nasional I, yang dihadiri delegasi dan perwakilan dari 21 Provinsi dan 27 Daerah tingkat II dari seluruh Indonesia.

3.3.2. Tujuan, Visi dan Misi PITI

Lembaran sejarah kelabu bangsa Indonesia selama masa Orde Lama terhapus sudah, PITI hadir untuk melaksanakan misi amar makruf nahi mungkar, menghapus lembaran kelabu itu. Pada lembaran sejarah Orde Baru PITI berkiprah sesuai dengan jiwa dan semangat orde baru, sebagaimana tertuang dalam GBHN pada tahun 1972 mengubah kepanjangan namanya dari Persatuan Islam Tionghoa Indonesia menjadi Pembina Iman Tauhid Islam, ciri keetnikan diganti dengan ciri keimanan tauhid. Perubahan kepanjangan nama PITI ini mengandung makna, bahawa penonjolan etnik (Tionghoa) sudah tidak diperlukan lagi, karena sudah membaaur, dan bersatu dengan Muslim Indonesia. Penonjolan menjadi Iman Tauhid, karena inilah yang menjadi hakikat dari PITI, sebagai perhimpunan dari orang-orang yang beriman, beriman pada tauhid yang Islam.

Begitulah PITI sebagai organisasi dakwah Islam, sejak MUNAS I PITI akhir tahun 1987 di Jakarta, membenahi dirinya dan melakukan kiprah ke depan untuk membina terwujudnya, antara lain:

1. Manusia seutuhnya: yaitu manusia yang beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T.
2. Persatuan dan kesatuan bangsa Indonesia.
3. Kesejahteraan dan kebahagiaan hidup.

PITI: “Terbentuknya insan Muslim yang mengamalkan ajaran Islam guna ikut mewujudkan masyarakat yang sejahtera bahagia dunia dan akhirat di dalam Negara Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila yang diredai oleh Allah S.W.T. Sedangkan dari usaha yang dilakukan sesuai dengan tujuan PITI, ialah:

1. Menyampaikan ajaran Islam dengan penuh hikmah dan bijaksana kepada setiap warganegara Indonesia yang secara sukarela ingin menganut agama Islam.
2. Memberikan bimbingan dan pembinaan ajaran Islam bagi anggotanya.
3. Mengadakan hubungan serta kerjasama antar organisasi Islam guna terwujudnya ukhuwah Islamiah.
4. Melaksanakan kegiatan-kegiatan di bidang pendidikan, dan sosial yang bermanfaat bagi agama, Nusa, Bangsa dan Negara.

Dalam mencapai maksud tersebut, PITI menjabarkan dalam bentuk program yang fleksibel dalam berbagai sektor dengan asas prioriti dan komuniti program, sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang. Dua butir prioriti program PITI ialah:

1. Pengukuhan (Konsolidasi) organisasi.
2. Dakwah Islam dari erti yang luas.

Dimaksudkan sebagai awal pembenahan dan modal awal gerak dinamik selanjutnya, budaya musyawarah digalakkan dalam proses mekanisme konsolidasi PITI; Muswil (Musyawarah Wilayah) dan Muscab (Musyawarah Cabang), kini sudah sebahagian besar wilayah mengadakan Muswil; di antaranya Sulawesi Tengah, Sulawesi Utara, Jawa Barat, Jakarta, Maluku dan Sumatera.


Visi PITI adalah mewujudkan Islam sebagai *rahmatan lil alamin* (Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam). Sedangkan Misi PITI didirikan adalah untuk mempersatukan Muslim Tionghoa dengan Muslim Indonesia, Muslim Tionghoa dengan etnik Tionghoa non Muslim dan etnik Tionghoa dengan umat Islam. Adapun Program PITI ialah menyampaikan tentang pemahaman dan dakwah Islam khususnya kepada masyarakat etnik Tionghoa dan pembinaan dalam bentuk bimbingan dan tunjukajar kepada Muslim Tionghoa dalam menjalankan syariah Islam sama ada di lingkungan keluarganya yang masih belum memeluk Islam mahupun sebagai persiapan untuk bercampur gaul dan berbaur dengan umat Islam di kawasan tempat tinggal dan tempat bekerjanya serta membantu dan memberi perlindungan bagi mereka yang terbuang dan dikucilkan oleh keluarga mereka karena memilih dan memutuskan untuk masuk agama Islam.

3.3.3 Struktur Organisasi

Pengurus pertubuhan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandar Raya Medan yang berdiri sejak tahun 1961, terdiri dari pengurus inti, iaitu; ketua, setia usaha, bendahari dan jawatan-jawatan kuasa.

Rajah 3.1. Struktur organisasi Pengurus PITI di Bandar Raya Medan Priode

2010-2015.



BAB IV TEMUAN KAJIAN

4.0. Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan membentangkan temuan berdasarkan data yang diperoleh melalui temubual, dokumen dan observasi. Temubual merupakan instrumen utama dalam kajian ini, sedang observasi dan dokumen keduanya merupakan instrumen pelengkap dan penguat data yang diperoleh melalui temubual. Berdasarkan data yang diperoleh maka temuan penyelidikan merangkumi beberapa aspek kajian; identiti partisipan, pertubuhan PITI, aktiviti organisasi dakwah PITI, Permasalahan dan Cabaran serta solusi dan upaya agar dakwah lebih berkesan.

4.1. Identiti Partisipan.

Temubual telah pun dilakukan bersama 10 orang namun yang dapat ditranskrip hanya 6 orang yang terdiri dari 3 orang pengurus harian organisasi dakwah PITI, 2 orang dari pengurus yang sekaligus ahli (anggota) organisasi Muslim Tionghoa dan 1 orang dari anggota masyarakat Tionghoa seperti yang tertera dalam jadual berikut.

Jadual 4.1. Pengurus Harian PITI Medan

Nama	Umur	Pekerjaan	Keanggotaan
San	38	farmasi	Pengurus Harian
Syam	53	Bekerja Sendiri	Pengurus Harian
Mamat	45	Bekerja Sendiri	Pengurus Harian
Syah	58	Pensyarah	Anggota
Cai	28	Penjual Runcit	Anggota
Banin	68	Pensyarah	Masyarakat

Data di atas menunjukkan beberapa orang pengurus harian pertubuhan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) yang dijumpai pengkaji dalam proses pengumpulan data, terutama pada sesi pengumpulan data melalui temubual.

San, 38 tahun, adalah salah seorang pengurus harian PITI, ianya juga bekerja di Syarikat farmasi sebagai juru jual ubat. Ketika ditemui, San, bukan nama sebenarnya, merupakan sosok yang energik dan memiliki semangat juang yang tinggi. San sangat bekerjasama dalam memberikan penjelasan mengenai PITI ketika pengkaji melakukan sesi temu bual.

Sementara Syah (53 tahun), adalah orang yang paling senior di kalangan masyarakat Tionghoa di lingkungan PITI. Beliau bekerja sebagai Pensyarah di Institut Pengajian Awam, dan berkecimpung di pertubuhan PITI sudah cukup lama. Peribadinya sederhana, tanggungjawab serta simpatik. Beliau juga mudah diajak kerjasama untuk memberikan penjelasan mengenai pertubuhan PITI yang ianya sudah berpuluh tahun bergabung dengan pertubuhan itu.

Berbeza dengan Syah, Cai, 28 tahun, adalah seorang yang masih tergolong baharu bergabung dengan pertubuhan PITI. Di samping usianya yang masih tergolong muda, ianya seorang yang berjiwa optimis dan pekerja keras. Penghasilannya cukup baik dari hasil berniaga kedai runcit di depan rumahnya.

Seperti kebanyakannya sifat orang Tionghoa yang suka dengan perniagaan dan bekerja sendiri, Mamat, 45 tahun adalah juga berprofesi sebagai peniaga. Berdagang atau niaga baginya seolah-olah telah menjadi sebatian dengan dirinya. Sejak usia mudanya dan bahkan sebelum menikah, tuturnya, beliau telah berniaga. Beliau bergabung di PITI

kerana rasa keterpanggilan untuk berkhidmat kepada sesama kalangan etniknya yang masuk Islam. Menurutnya, PITI sebagai salah satu wadah organisasi yang dapat memberikan bantuan, terutama kepada mereka yang hendak atau telah masuk Islam untuk saling bertukar pengalaman, tukar fikiran, pengajaran atau konsultasi masalah sosial dan keagamaan.

Sementara Banin, 68 tahun, yang sempat ditemui oleh pengkaji di kawasan rumahnya, adalah seorang pensyarah di salah satu perguruan tinggi di Bandaraya Medan. Beliau bukan sahaja sebagai seorang yang beretnik Tionghoa dan telah lama masuk Islam, tapi juga seorang pengamat perkembangan sosial keagamaan orang-orang etnik Tionghoa. Beliau bukan seorang pengurus di pertubuhan PITI, mungkin kesibukan di kampus lebih banyak menyita waktunya, namun demikian daripadanyalah pengkaji mendapatkan banyak maklumat, nasihat, pandangan serta pengajaran terkait dengan masalah kajian ini.

Dalam sesi temu bual sebenarnya pengkaji telah melakukannya bersama 10 orang responden, iaitu 8 orang dengan para pengurus pertubuhan PITI dan dua orang dengan masyarakat dan pengamat Muslim Tionghoa. Namun kerana pertimbangan teknikal, isi materi dan wawasan serta persepsi partisipan mengani kajian ini, maka hasil sesi temu bual tersebut hanya ditranskrip sebanyak enam sesi hasil temu bual untuk diproses dan dianalisis lebih lanjut. Sementarahasil temu bual daripada keempat orang partisipan yang tidak ditranskripkan kerana pola pembicaraan lebih mengarah kepada diskusi, nasihat serta arahan dan pemberian wawasan kepada pengkaji. Hasil temu bual tidak banyak mengena dengan kajian yang diharapkan, namun demikian daripada mereka pengkaji banyak mendapatkan idea dan strategi untuk melaksanakan kajian atau penghimpunan data. Dengan demikian keempat orang partisipan tersebut menjadi

bahagian dalam proses pengumpulan data, iaitu sebagai “key person” atau “informan”. Mereka memberikan arah, langkah serta maklumat-maklumat yang sangat diperlukan dalam koleksi data termasuk memberikan pertimbangan-pertimbangan untuk melibatkan beberapa orang yang akan disertakan dalam sesi temu bual. Alasan lain, untuk tidak mentranskripkan keempat hasil yemu bual tersebut adalah pertimbangan mengenai data yang telah diperoleh dari keenam partisipan cukup mewakili(representatif), kaya dan mendalam.

4.2. Penaung Saudara Baru

Sebagai institusi sosial dan agama, sesungguhnya PITI memiliki peran yang strategik terutama bagi pengembangan dan pembinaan umat Islam yang bukan sahaja untuk para *muallaf* tapi juga umat Islam dalam konteks yang lebih luas. Kerana harus diiktiraf bahawa PITI adalah juga merupakan aset umat Islam yang harus hidup dan dihidupkan, dibantu dan dikembangkan agar menjadi organisasi dakwah Islam yang kuat dan mapan. Terlebih-lebih jika mengingat peran dan fungsi pertubuhan ini telah pun berjaya beberapa waktu yang silam menjadi “penaung saudara baru” yang berfungsi melindungi, membimbing dan mengajak para jemaah dan umat Islam pada umumnya kepada yang *makruf* dan menjauhikemungkaran.

Ungkapan “Penaung Saudara Baru” pada prinsipnya merupakan kata lain daripada “wadah” atau “tempat berhimpun” atau sebagai ungkapan lain daripada “pertubuhan” kaum Muslim Tionghoa yang mana mereka terhimpun dalam suatu organisasi yang memberikan perlindungan, pengajaran atau konsultasi masalah agama dan kemasyarakatan. Pertubuhan PITI inilah juga sebagai pertubuhan yang resmi dan

diiktiraf oleh kerajaan Indonesia sebagaimana pertubuhan-pertubuhan lainnya yang sejenis dan bergerak di bidang sosio-budaya, pendidikan dan agama.

Menurut salah seorang partisipan ketika ditanya mengenai organisasi PITI dalam temu bual mengungkapkan:

“PITI sebagai tempat berhimpun para Muslim Tionghoa baik yang terlebih dahulu masuk Islam mahupun *muallaf* (saudara baru) di mana mereka saling berbagi perasaan, fikiran, pengalaman dan bahkan bantuan materi terutama bagi mereka yang baru keluar dari lingkungan keluarganya dan tidak diterima lagi sebagai anggota keluarga”¹

Oleh yang demikian, organisasi dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandar Raya Medan adalah wadah silaturahim bagi para mualaf, tempat merajut tali persaudaraan, saling mengambil berat, saling memperkuat spirit/semangat, sosial ekonomi dan saling menyokong diantara Muslim Tionghoa, mualaf dan antara Muslim Tionghoa dengan umat Islam peribumisecara umum sehingga mereka mempunyai identiti yang kuat sebagai bangsa Indonesia. PITI berfungsi sebagai penggerak dan motivator serta mediator atau jambatan perekat bagi Muslim Tionghoa dan mualaf, mengharmonikan hubungan mereka dengan keluarganya yang masih bermasalah dalam koridor menyeru kepada yang makruf dan mencegah dari kemungkaran dengan berlandaskan kepada keyakinan bahawa tiada *ilah* (Tuhan) yang berhak disembah dengan benar selain Allah dan senantiasa merujuk setiap tindakan kepada contoh dan suri teladan yang tercermin pada diri Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya.

Di samping itu, PITI juga merupakan organisasi dakwah sosial keagamaan yang berskala nasional, berfungsi sebagai tempat singgah dan silaturahim untuk belajar ilmu

¹Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, San (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di pejabat beliau.

agama dan cara beribadah serta berbahagi pengalaman bagi etnik Tionghoa, sama ada yang baru tertarik dan ingin memeluk Islam mahupun yang sudah memeluk Islam.

Memandang sebegini ramai pemeluk Islam dari kalangan Tionghoa atau yang disebut sebagai saudara baru, maka ketika mereka menghadapi masalah hubungan keluarga, maka disinilah peranan PITI untuk memberikan perlindungan dan menjaga perasaan keagamaan mereka agar sentiasa tetap dengan agama barunya, Islam. Program pengajian dan pendidikan karena itu menjadi penting dan bahkan terus secara proaktif dijalankan. Demikian juga hubungan silaturahim dengan mereka sebagai saudara baru tetap dijaga agar mereka tidak merasa kesendirian.

Menurut Banin, salah seorang pensyarah dan pengamat Muslim Tionghoa, PITI sangat dialu-alukan kewujudannya sebagai tempat berlindung, atau untuk konsultasi agama dan sosial kemasyarakatan serta tempat menuntut ilmu agama terutama bagi para pemula seperti muallaf yang ingin mendalami Islam. Kerana itu lanjutnya:

“PITI sudah seharusnya mendesain program kerja dan penyelenggaraan dakwahnya agar proses belajar mengajar dan bimbingan rohaninya di sana dapat terlaksana dengan baik, ... jadi seharusnya (proses belajar-mengajar) dirancang secara sistematis supaya terarah dan mengenai sasaran”.²

Demikian, Banin salah seorang anggota masyarakat Muslim Tionghoa yang juga sebagai pengamat masyarakat Tionghoa dan pensyarah di salah satu perguruan tinggi swasta di Bandar Raya Medan, menjelaskan dan komen mengenai kewujudan pertubuhan PITI yang sempat menjadi salah satu objek pengamatannya selama ini.

²Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengamat masyarakat Tionghoa, Banin (bukan nama sebenarnya) pada 20 Jun 2011, Jam 16.00-17.15 di kediaman beliau.

4.3. Aktiviti Organisasi Dakwah PITI

Seperti mana lazimnya suatu organisasi, Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) memiliki agenda atau program kerja. Program kerja PITI secara umum adalah menyampaikan dakwah Islamiah khususnya kepada masyarakat etnik Tionghoa dengan pembinaan dalam bentuk bimbingan menjalankan syariat Islam baik di lingkungan keluarganya yang masih non-Muslim ataupun muallaf. PITI juga berperan untuk sosialisasi kepada para muallaf mengenai persiapan mereka untuk berbaur dengan umat Islam di lingkungan tempat tinggal dan pekerjaannya serta pembelaan dan perlindungan bagi mereka yang baru memeluk agama Islam.

Tidak sedikit muallaf yang menghadapi masalah di keluarganya setelah diketahui dirinya telah berpindah keyakinan agama. Hal sedemikian dinilai keluarganya sebagai pelecehan terhadap agama leluhurnya, kerana itu para muallaf ramai yang mengalami pengucilan dari keluarga hingga pengucilan di masalah pekerjaan. Bahkan ada menurut Syam, ada juga kes perpindahan agama ini diangkat untuk dimeja-hijaukan (dibawa ke mahkamah) oleh keluarganya untuk diproses secara hukum.

Sebagai organisasi dakwah sosial keagamaan yang berskala nasional, PITI telah menyusun beberapa program atau aktiviti yang umumnya terbahagi ke dalam dua bentuk, iaitu pertama, dalam bidang tarbiah dan pengajaran, dan kedua, dalam bidang sosial kemasyarakatan. Hal ini dijelaskan oleh salah seorang pengurus PITI yang pengkaji wawancarai (bertemubual) di pejabatnya.

“... kegiatan kami pada dasarnya terbagi ke dalam dua; pengajaran dan pendidikan di satu pihak dan sosial kemasyarakatan di pihak lain yang

kesemuanya dapat dilihat dari arsip atau dokumen kami, seperti pengajian rutin bulanan, kegiatan ramadhan dan lain-lain...”³

Kerana itu untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana program atau aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh PITI, maka berikut ini adalah di antaranya.

4.3.1. Tarbiah dan Pengajaran

Kegiatan tarbiah dan pendidikan telah diupayakan oleh PITI terutama di kalangan anggota dan masyarakat Muslim Tionghoa. Selanjutnya partisipan menjelaskan bidang pendidikan dan pengajaran seperti berikut:

“Pengajian bulanan biasanya diadakan di Sekretariat PITI pada minggu ke-4 setiap bulannya, pukul 14.00 hingga Asar, yang dibawakan oleh para ustaz dari kalangan Tionghoa atau pun non-Tionghoa. Materi pengajian ini menitik-beratkan kepada pembinaan akidah Islamiah, fardu 'ain dan wawasan keislaman secara umum”⁴.

Setiap masyarakat Islam sama ada yang berasal dari kalangan peribumi ataupun dari kalangan Tionghoa yang baru memeluk Islam, mereka perlu mengikuti program pengajian tersebut sebagai landasan untuk meningkatkan pemahaman tentang Islam. Terlebih-lebih bagi mereka yang muallaf, mereka mesti berusaha meningkatkan pemahaman dan pengetahuan Islam mereka melalui berbagai cara, seperti melalui ceramah, kelas agama atau kelas fardu ain. PITI juga menganjurkan, agar mereka tidak hanya mengikuti pengajian di PITI tapi juga di mana-mana tempat untuk menuntut ilmu pengetahuan seperti di masjid-masjid, majlis taklim, majlis ilmu, ceramah perdana dan lain sebagainya yang diadakan oleh pertubuhan dan institusi lain.

³Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti lainnya dari organisasi dakwah PITI-Medan, Syam (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.20, di rumah beliau.

⁴Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus dan merangkumi anggota organisasi dakwah PITI-Medan, Syah (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00, di rumah beliau.

Berdasarkan pengamatan atau observasi yang dilakukan pengkajidapat diperoleh gambaran bahawa para peserta pengajian dari kalangan Muslim Tionghoa cukup aktif seperti mengikuti ceramah agama, mendatangi pengajian kelas agama seperti kelas fardu aindan kelas tajwid. Namun demikian, berdasarkan pengamatan menunjukkan bahawa ceramah agama merupakan cara yang paling ramai diikuti oleh saudara baru untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka tentang ajaran Islam seperti yang diadakan di masjid atau di sekretariat PITI.

Mengikuti kegiatan ceramah agama sangat disukai terutama jika penceramahnya pandai membawa hadirin pendengar ke materi ceramahnya yang berisi dan kadang terselip huraian yang membuat mereka semakin tegang, serius, sedar dan juga sedikit jenaka. Ketika observasi dilakukan, kebetulan seorang penceramah yang bukan berasal dari keturunan etnik Tionghoa, menyampaikan isi ceramahnya dengan penuh daya tarik dan berisi. Peserta atau pendengar nampaknya begitu bersemangat sekali mengikuti huraian penceramah, senang dan tertarik untuk mengetahui lebih dalam mengenai Islam.

Beberapa alasan mereka senang datang ke pengajian melalui program ceramah, seperti dijelaskan oleh Mamat, salah seorang pengurus PITI, antara lain mereka dapat saling berjumpa dan bersilaturahmi dengan berbagai lapisan masyarakat, berjumpa keluarga lain, dapat berbincang dan saling bertukar maklumat, idea dan pengalaman dalam suasana yang lebih rileks dan percaya diri dengan identitinya masing-masing sebagai Muslim. Itulah sebabnya, tambah Mamat, wadah atau pertubuhan seperti PITI ini sangat mereka perlukan, yang bukan sahaja untuk belajar agama tapi juga menjadi tempat *silaturahmi* masyarakat Tionghoa yang muallaf, dan bahkan ada juga yang hadir di sana dari kalangan Tionghoa yang non-Muslim. Anggota masyarakat dari kelompok yang terakhir ini pada umumnya datang untuk mencari maklumat tentang keluarga

mereka dan pada masa yang sama menimba pengetahuan dan pemahaman tentang Islam.

4.3.2. Membentuk Majelis Taklim Muslimat

Selain pengajian bulanan PITI juga membentuk Majelis Taklim Muslimat sebagai sarana pengajian dan taklimat bagi kaum perempuan Tionghoa. Kegiatan diadakan secara bergilir-gilir dari rumah ke rumah. Program ini bersifat kekeluargaan yang dapat mempererat hubungan silaturahmi di antara para ahli, dan pada masa yang sama juga pengajian ini sebagai sarana untuk menimba ilmu pengetahuan bagi suri rumah tangga untuk dapat dimanfaatkan dalam mendidik dan membina bahtera rumah tangga dan masyarakat. Dalam hal ini salah seorang pengurus PITI menyatakan:

“... PITI juga membentuk wadah untuk kaum perempuan atau Muslimat yang disebut Majelis Taklim Muslimat” di mana mereka para Muslimat dapat bersilaturahmi di samping menimba ilmu”⁵

Berdasarkan pengamatan (observasi), aktiviti pengajian majelis taklim ini cukup mendapat sambutan dari para peserta pengajian, kerana pengajian tersebut diadakan pada setiap hari Ahad dari pk. 10.00 hingga pk. 11.30 pagi. Mereka cukup ramai yang datang dan meminati pengajian tersebut, mungkin kerana program pengajian berkisar pada dasar-dasar bacaan al-Qur'an (program tamhidi, persiapan), pengenalan huruf-huruf hijaiyah, bacaan dengan sistem buku iqra dan ada pula yang sudah membahaskan tentang tajwid, sedang mereka juga pada umumnya di hari Ahad seperti ini bercuti dari kegiatan rutin keseharian mereka. Secara demikian, tipe pengajian ini tentu berbeza dan tidak sebagaimana umumnya pengajian yang diselenggarakan oleh pertubuhan-pertubuhan lain (Muhammadiyah, al-Washliyah atau Nahdhatul Ulama), iaitu umumnya

⁵Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus dan merangkumi anggota organisasi dakwah PITI-Medan, Cai (bukan nama sebenarnya) pada 15 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.15.

diisi dengan ceramah keagamaan, tapi lebih pada pembelajaran asas seperti tersebut di atas.

4.3.3. Ihya Ramadhan

Kegiatan lain organisasi dakwah PITI adalah terkait dengan ibadah di bulan Ramadhan. Bulan Ramadhan menjadi momentum penting bagi PITI untuk memberdayakan ahlinya dengan menyelenggarakan program-program yang bersifat pembinaan akidah dan spiritual secara intensif.

Menurut salah seorang pengurus bahawa kelancaran program khusus bulan Ramadhan didukung oleh suasana dan situasi yang kondusif, di mana pada bulan Ramadhan jam kerja dikurangi dan sekolah pada umumnya dicutikan. kegiatan buka puasa bersama dan ceramah agama serta tarawih yang dilakukan di sekretariat dan kadang berbuka di rumah-rumah secara bergantian, di bulan suci ini kami juga lebih intensif untuk pembinaan rohani, aqidah.”⁶

Dengan demikian bulan Ramadhan di mana pemerintah mengurangkan jam kerja bagi para pegawai kerajaan, dan menetapkan bulan Ramadhan sebagai bulan cuti sekolah. PITI sentiasa mengadakan programihya Ramadhan di sekretariat atau pejabat PITI, kadang juga di rumah-rumah ahli PITI. Setelah acara berbuka puasa bersama diteruskan dengan solat Maghrib berjemaah, kemudian menunggu waktu solat Isyak, setelah solat Isyak aktifiti di isi dengan ceramah agama, kemudian diteruskan dengan solat tarawih secara berjemaah pula. Di sinilah nampak kebersamaan mereka dengan penuh makna ibadah, akrab, harmonis dan seronok dalam payung pertubuhan saudara

⁶Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 17 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.di rumah beliau.

baru, PITI. Masih dari program Ramadhan, PITI juga menerima bayaran zakat fitrah serta menyalurkan dan membahagi-bahagikannya dan keutamaan dan priotitinya kepada para muallaf yang memerlukan, tapi juga tidak menutup kemungkinan dibahagikan kepada golongan Muslim peribumi asal sahaja dari golongan *asnaf*. Biasanya, menurut Mamat, orang ramai yang datang yang hendak berzakat di sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan, dan mereka bukan sahaja dari kalangan Muslim Tionghoa tapi juga masyarakat Islam pada umumnya.

4.3.4. Pengislaman.

Program pengislaman ini diadakan di sekretariat PITI. Orang Tionghoa yang ingin memeluk Islam datang sendiri ke Sekretariat untuk mengucapkan dua kalimah syahadat dan terus bergabung menjadi ahli PITI. Namun sebelumnya ia mestilah mengisi borang kenyataan yang disediakan yang berisi sebuah ikrar bahawa yang bersangkutan masuk Islam atas dasar kesedaran sendiri tanpa ada unsur paksaan dari mana-mana pihak dan kesediaannya untuk menjalankan syariat Islam sebagaimana mestinya selayaknya *mukallaf* (dibebani tanggungjawab menjalankan syari'ah).

Ada beberapa pertanyaan yang mesti diisi seperti yang tertuang ke dalam borang dokumen yang diberikan kepada warga etnik Tionghoa yang ingin memeluk agama Islam, antaranya; Apa tujuan anda masuk agama Islam? Apakah ada yang memaksa anda masuk Islam? Apakah anda benar-benar serius dengan Islam yang anda peluk? Apakah anda juga bersedia mengerjakan kewajipan-kewajipan dalam Islam? Inilah diantara pertanyaan yang lazim dilontarkan pengurus PITI dalam ritual pengislaman kepada seorang yang hendak memeluk Islam yang memang kebanyakan berasal dari etnik Tionghoa. Di samping pertanyaan, orang yang menyatakan

keislamannya ini juga diberi selemba sijil sebagai pengesahan keislamannya setelah mengucapkan dua kalimat syahadat, dan juga diberi sebuah bingkisan (buah tangan) yang berisi alat-alat keperluan ibadah, seperti kain sarung dan sejadah. Itu semua diberikan percuma. Dan untuk membuktikan bahawa niat dari orang yang hendak memeluk Islam ini serius, mereka diwajibkan membawa materai seharga Rp.6.000 untuk kemudian ditandatangani sebagai bukti kesungguhan dan kemurniannya dalam memeluk Islam.

Setelah seorang mu'allaf masuk Islam, ia akan dibekalkan dengan sebuah al-Quran dan terjemahannya, panduan fardu 'ain, serta seperangkat pakaian solat yang diberikan secara percuma. Pada umumnya mereka yang datang ke PITI untuk masuk Islam atas dasar kesadaran sendiri. Tidak ada dakwah secara khusus yang dilakukan kepada orang-orang Tionghoa atau mempengaruhi mereka supaya memeluk Islam. Salah seorang pengurus, Syam misalnya menyatakan seperti berikut:

“... dakwah kami tak ada program khusus untuk orang-orang China yang belum masuk Islam...”⁷

Hal yang sama juga diungkapkan oleh Cai yang juga salah seorang pengurus PITI lainnya, ianya menegaskan seperti berikut:

“Program khusus tak ada itu dalam program kami, itu terlalu frontal, belum kami lakukan, paling kami datang selayaknya datang kepada seorang kawan atau keluarga untuk sekedar berbincang masalah lain...”⁸

Dengan demikian, setakat ini PITI belum melancarkan apa-apa program yang secara khusus berdakwah kepada non-Muslim untuk memeluk agama Islam, ini terkait kepada beberapa rintangan dan cabaran yang akan dijelaskan nanti. Jadi keputusan

⁷Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Syam (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.20.

⁸Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Cai (bukan nama sebenarnya) pada 15 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.15.

memeluk Islam yang ditempuh oleh *mu'allaf* tersebut adalah hasil murni daripada ketertarikan mereka akan kebenaran dan keagungan Islam. Bukan hasil daripada program khas PITI untuk mengajak orang non-Muslim kepada agama Islam secara langsung dan terang-terangan, tapi *bil hal*, dengan memberi contoh teladan.

Pengislaman saudara baru tidak berlaku secara serentak dan kemasukan mereka berperingkat mengikut keadaan mereka untuk menerima Islam. Pemelukan mereka ada yang terlalu baru dari segi tempoh malah berdasarkan dokumen PITI ada yang sudah memeluk Islam 1-2 tahun, 3-4 tahun, 4-5 tahun, dan ada yang sudah melebihi daripada 5 tahun dan umumnya terdiri dari kalangan orang dewasa. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa di kalangan saudara baru yang memeluk Islam lebih dari 5 tahun mempunyai angka yang teramai. Keadaan ini memberi gambaran bahawa Islam sudah lama diterima dan dianuti oleh golongan bukan Islam sebagai agama anutan baru mereka.

Sebelum seseorang menerima dan berpegang kepada sesuatu, seperti ajaran Islam, ia perlu mengenali sebaik mungkin, mengenali sesuatu lebih awal adalah cara terbaik bagi mendapat maklumat untuk memastikan sama ada menurutnya kelak akan mendatangkan kebaikan kepada dirinya atau malah sebaliknya. Pengenalan awal merupakan faktor pendorong untuk mengenali lebih dalam. Demikian halnya dengan saudara baru di mana mereka mempunyai faktor sampingan yang membawa mereka mengenali Islam. Berdasarkan pengalaman PITI, kata salah seorang pengurusnya, ada beberapa cara bagaimana mereka mengenali Islam antaranya iaitu diperkenalkan oleh kawan-kawan dekat mereka, rakan sekerja atau oleh keluarga mereka sendiri. Cara lainnya adalah melalui pembacaan buku tentang risalah tentang Islam dan sejarahnya.

Saudara baru merupakan pendatang dalam agama Islam di mana kedatangan mereka diiringi oleh pelbagai faktor pendorong kepada mereka dalam meminati Islam. Kedatangan mereka walaupun diiringi oleh faktor pendorong tetapi ia merupakan satu kebaikan sekiranya mereka menghayati Islam sebagai satu ajaran selepas mereka memeluk Islam. Menurut penjelasan Syah, yang ditemui pengkaji dalam temu bual, kebanyakannya mereka berpindah agama dan menganut Islam kerana ketertarikan kepada kebaikan penganut Islam itu sendiri yang mencakupi semua aspek kehidupan. Sedang faktor pendorong lainnya adalah kerana ketertarikan kepada kebaikan ajaran Islam, suka akan peraturan Islam dan sememangnya kerana minat kepada ajaran Islam, tapi menurut Syah selanjutnya, ada juga kerana sebab lain, seperti perkahwinan.

Syah menjelaskan:

“Kadang... pemeluk Islam bias jadi kerana memang tertarik dengan Islam, tapi ada juga kerana diajak kawan atau keluarga, dan malah ada kerana mau kawin, haa...”

Diantaranya juga menurut salah seorang anggota PITI ada yang membawa kepada Islam melalui hidayah, mimpi, kemahuan diri dan kerana minat dan kesedaran dari diri sendiri. Namun demikian secara umum menurut Syah, salah seorang pengurus PITI, banyak yang tertarik kepada Islam kerana faktor kawan. Ini ertinya, betapa pentingnya cara berkawan bagi menarik orang bukan Islam kepada Islam. Itulah sebabnya PITI dalam misi dakwahnya lebih menekankan dakwah *bil hall* dengan *ibda' bi nafsik*serta melakukan dakwah secara *fardiyah*, menyampaikan risalah dan pengetahuan Islam melalui individu atau keluarga dalam konteks kekeluargaan dan kekerabatan.

Selanjutnya dijelaskan, keluarga adalah merupakan perkara utama dalam kehidupan, malah keluarga sebagai pendorong yang kuat dalam mencari nafkah atau

untuk mendapat pekerjaan. Saudara baru ada kalanya disokong oleh ahli keluarga malah mereka bukan keseorangan dalam memeluk Islam, ada di kalangan mereka disokong oleh ibu bapak, adik-adik, abang, ahli keluarga lain dan kadang-kadang mereka kesemua keluarga turut sama memeluk Islam.

Memeluk Islam pada prinsipnya mempunyai makna tersendiri bagi seseorang, dan boleh jadi memunculkan perasaan yang kemudian terluahkan dalam suatu tingkah laku dan perbuatan. Perasaan merupakan suatu perkara yang wujud secara simbolik dalam diri manusia apabila ia mencapai satu kepuasan sama ada dalam suatu pekerjaan atau lapangan hidup yang lainnya termasuk tindakan dan keputusan dalam hidup seperti berpindah keyakinan. Namun kadang terkejut kerana suatu perubahan dalam cara hidup. Dalam kehidupan seharian setiap individu mempunyai perasaan yang berbeza antara satu sama lainnya. Ada yang merasa tenang, gembira, susah, dan sebagainya. Begitu juga dengan saudara baru, setelah mereka berada dalam Islam, perasaan yang baru turut dirasakan. Bagaimanapun juga perubahan dalaman tersebut akan berlalu apabila seseorang itu menerima sesuatu yang lebih baik dan merasa lebih puas dari sebelumnya.

Dalam perkembangannya para saudara baru tidak boleh terlepas begitu sahaja setelah masuk Islam. Mereka juga perlu mendapatkan pembinaan dan pengajaran Islam dengan baik agar tetap dan teguh dalam keyakinannya. Itulah sebabnya PITI juga menyelenggarakan berbagai bentuk pengajian bagi mereka saudara baru pada khususnya. PITI juga menganjurkan kepada mereka untuk bersungguh-sungguh dan menjaga komitmen serta sentiasa belajar dan mendalami Islam bagi menambah dan memantapkan keislaman mereka. Mereka juga dianjurkan untuk mengikuti pengajian Islam di merata tempat seperti di masjid, pejabat agama selain di PITI sendiri sebagai pusat dakwah.

Berdasarkan pantauan pengkaji ketika melakukan observasi memang ramai peserta pengajian di PITI, terutama ketika hari cuti umum, Ahad. Mereka mengikuti program yang diadakan pertubuhan terutama untuk meningkatkan pemahaman ilmu-ilmu agama. Namun sayang sekali kemudahan di PITI masih sangat sederhana dan perlu perluasan dan penyediaan barang-barang kelengkapan untuk mendukung terselenggaranya kelas pengajian dan dakwah secara lebih nyaman, selesa, efektif dan berkesan.

Menurut penjelasan Cai, salah seorang pengurus PITI, selain di PITI mereka juga mendatangi beberapa tempat pengajian seperti yang diadakan di masjid-masjid, di pejabat-pejabat agama, di pondok-pondok, pusat dakwah dan organisasi keislaman lainnya seperti Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan al-Washliyah. Selanjutnya, Cai juga menambahkan bahawa PITI pada dasarnya merupakan pusat pengajian yang menjadi tumpuan saudara baru bagi mendalami Islam di peringkat awal pemelukan mereka. Secara implisit kehadiran dan komitmen yang baik dari saudara baru memberi nafas tersendiri kepada PITI untuk terus bergerak menjayakan dakwah kepada masyarakat saudara baru secara berterusan.

4.3.5. Memperingati Hari Besar Islam.

Memperingati hari-hari besar Islam seperti maulid Nabi, Israk mikraj, tahun baru Hijrah dan lain sebagainya telah menjadi agenda utama PITI, kerana peristiwa-peristiwa tersebut dapat diambil hikmahnya sebagai panduan dalam mengharungi kehidupan dunia agar tetap berada di atas jalan yang diredai oleh Allah S.W.T. Banyak pengetahuan yang boleh didapati melalui program tersebut; tak terbatas pada

pengetahuan agama, tapi juga pengetahuan berkenaan dengan kehidupan sosial, budaya, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan bahkan mengenai pertahanan dan politik.

Peringatan-peringatan hari besar Islam tersebut sesungguhnya sejalan dengan program masyarakat Muslim Indonesia pada umumnya, dan telah pun diperingati oleh kerajaan Indonesia. Berdasarkan pengamatan, yang kebetulan saat itu pengkaji berada di lingkungan mereka dan turut serta mengikuti peringatan Isra' dan Mi'raj di rumah salah seorang anggota PITI bernama Ibu Radiah. Disini nampak semangat mereka untuk memahami peristiwa besar tersebut. Peringatan-peringatan hari besar Islam juga diadakan di beberapa tempat di luar pertubuhan PITI. Menurut penjelasan Syah, salah seorang pengurus PITI, mereka juga hadir dan mengikuti ceramah-ceramah para ustadz dengan penuh semangat seperti di mesjid-mesjid yang berdekatan dengan rumah mereka masing-masing atau di majlis-majlis pengajian, majlis taklim dan lain sebagainya.

Menurut kebiasaan masyarakat Indonesia peringatan hari besar seperti Maulid Nabi atau Isra dan Mi'raj sering kali diselenggarakan di dusun, kampung atau bandar sehingga dalam satu bulan peringatan-peringatan seperti itu masih dapat diikuti dari satu tempat ke tempat lainnya. Kebiasaannya juga diselenggarakan oleh pihak kerajaan setempat atau pertubuhan agama, dan juga diadakan di tempat-tempat terbuka agar dapat dihadiri oleh berbagai lapisan masyarakat. Kerana hal itu merupakan syiar Islam dan "orang-orang kami biasa hadir di tempat seperti itu", ungkap Syah.

4.3.6. Bidang Sosial Kemasyarakatan.

Merujuk kepada dokumen PITI terkait dengan program sosial kemasyarakatan antara lain iaitu:

1. Memberikan perlindungan kepada mu`allaf yang menghadapi masalah dengan keluarganya sebab memeluk agama Islam. PITI pun telah beberapa kali menampung ahlinya yang diugut pihak keluarganya dan berusaha mencari jalan keluarnya.
2. Mengadakan lawatan ke beberapa organisasi Islam lainnya di Medan dan membuat kerja sama dalam bidang dakwah. Hal ini dilakukan melihat PITI di Medan termasuk organisasi kecil dan baru yang tentunya sangat memerlukan bantuan saudara-saudaranya dari organisasi lain, terutamanya dalam menghadapi masalah kekurangan penceramah dan ustaz di pihak PITI. PITI telah pun mengadakan kerja sama dengan Majelis Ulama Indonesia (MUI), organisasi al-Wasliyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah.
3. Mengadakan kegiatan-kegiatan positif yang dinilai tidak bercanggah dengan ajaran Islam, seperti merayakan beberapa hari besar Cina, di antaranya, perayaan tahun baru Cina dengan ketentuan menjauhi acara-acara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Di samping bertujuan memelihara budaya dan adat resam Tionghoa, diharapkan juga mampu menipiskan jurang pemisah antara Tionghoa Muslim dengan Tionghoa non-Muslim yang dengan sendirinya dapat menarik minat para Tionghoa non-Muslim agar dapat mengenal Islam lebih dekat.
4. Mengadakan kursus menjahit kepada ahli PITI Medan. Diharapkan dengan pelatihan kemahiran ini, para peserta dapat membekali diri untuk hidup berdikari, paling tidak, dapat digunakan untuk keperluan diri sendiri.
5. Mengadakan Bazar.

Semua aktiviti-aktiviti dirancang di atas diharapkan dapat memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

- a) Untuk menguatkan akidah umat Islam khususnya di kalangan masyarakat Muslim Tionghoa supaya dapat mengelakkan daripada pengaruh ajaran yang bertentangan dengan Islam.
- b) Untuk memupuk semangat cintakan Allah, Rasul dan negara dalam konteks mukmin yang sebenar.
- c) Memupuk semangat perpaduan, muhibah dan toleransi dalam konteks Islam, agama untuk kesejahteraan.
- d) Mendorong umat Islam kuat berusaha, berdikari dan mengejar setiap lapangan kemajuan dalam konteks Muslim yang kuat dan maju yang lebih diredai oleh Allah dari Muslim yang lemah,
- e) Memupuk nilai-nilai kerohanian yang murni supaya tidak dipesongkan oleh nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam dalam konteks kesempurnaan ajaran Islam dan tidak ada ajaran lain yang mengatasi kesempurnaannya.
- f) Untuk menyerap kepercayaan tentang keluhuran Islam dengan menekankan konsep '*al-din*' sebagai '*A Way of Life*', agama yang sentiasa sesuai dengan sebarang masa, keadaan dan tempat.⁹

Dari huraian di atas jelaslah bahawa PITI Medan telah menyusun beberapa program dakwah agak rapi sekalipun harus dipertingkatkan lagi dan PITI juga telah banyak melaksanakan program-program tersebut sejak lahirnya organisasi ini hinggalah ke hari ini. Hanya sahaja PITI masih menyimpan banyak kekurangan dan masalah yang dihadapi yang menuntut untuk perbaikan dan kemas kini sesegera mungkin mengikut tuntutan semasa.

⁹Program pada prinsipnya merupakan pengembangan dari program pusat PITI sebagaimana tercantum dalam AD&ART, Dewan Pimpinan Pusat Pasal 13 (4). Jakarta, 1987.

4.4. Strategi Pendekatan Dakwah PITI

Strategi dakwah dirujuk kepada Kamus Dewan ialah rancangan yang teratur yang menghitung pelbagai faktor untuk mencapai matlamat atau kejayaan.¹⁰ Menurut Conlins pula, strategi mempunyai dua makna iaitu satu pelan umum untuk mencapai suatu matlamat khususnya untuk jangka masa panjang. Atau seni dalam merancang untuk mencari jalan terbaik bagi memperoleh kelebihan atau mencapai kejayaan.¹¹ Manakala kamus *Oxford Fajar* menjelaskan bahawa strategi bermaksud suatu perancangan dan pengurusan yang baik untuk mencapai tujuan tertentu.¹²

Merujuk kepada konsep di atas dapat dirumuskan bahawa strategi bermaksud suatu perancangan yang rapi dan tersusun melalui pendekatan-pendekatan tertentu bagi menghasilkan kejayaan dalam mencapai matlamat organisasi, sama ada di peringkat jangka pendek mahupun jangka panjang. Strategi juga merupakan penyusunan potensi individu dan potensi material dengan cara sedemikian rupa, sehingga pada keadaan tertentu dapat memenangkan perjuangan dalam rangka mencapai tujuan akhir dengan dasar teori tertentu.

Jadi, strategi dakwah ialah suatu perancangan yang matang dengan penuh ketelitian dalam melakukan suatu tindakan dakwah melalui penggunaan tenaga manusia, kewangan, peralatan dan pemilihan kaedah yang sesuai untuk mencapai tujuan dakwah Islam, sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang.

Strategi dakwah termasuk *al-mutaghayyirat* (hal-hal yang dapat berubah, fleksibel dan tidak paten). Maka dai dan gerakan dakwah mendapatkan kelonggaran

¹⁰ Noresah bt. Baharom Hajah et al, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1305.

¹¹ Collin, *Cobuild English Dictionary* (new edition), (London: Harper Collins, 1995), 1648.

¹² Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, c. 17, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 2000), 1889.

untuk melakukan inovasi padanya sesuai dengan perkembangan zaman. Dalam menghadapi berbagai persoalan umat yang begitu kompleks, institusi dakwah tidak cukup hanya dengan melakukan program dakwah yang konvensional, sporadis, dan reaktif, tetapi harus bersifat profesional, strategis, dan pro-aktif. Menghadapi sasaran dakwah (mad'u) yang semakin kritis dan tantangan dunia global yang makin kompleks dewasa ini, maka diperlukan strategi dakwah yang mantap, sehingga aktiviti dakwah yang dilakukan dapat mencapai tujuan diinginkan.

Berdasarkan observasi dan dokumenserta hasil temu bual pengkaji dengan beberapa tokoh penting PITI Medan, maka secara umum PITI telah menerapkan beberapa strategi utama dalam memperjuangkan dan mengembangkan dakwahnya, iaitu sebagai berikut:

a. Aktiviti Dakwah Internal (Dalaman)

Sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya aktiviti-aktiviti dakwah yang dilancarkan oleh PITI Medan lebih terfokus kepada pembinaan ahli yang telah memeluk agama Islam atau pembinaan dalaman. Kerana hal itu dianggap paling mustahak bagi memperkuat keyakinan para muallaf. Dalam hal ini Cai misalnya mengemukakan seperti berikut:

“PITI akan lebih optimal lagi dalam menjalankan syiar Islam di kalangan para muallaf, ini yang terpenting, kerana mereka sangat membutuhkan tuntutan untuk mendalami agama”¹³

Selari dengan ungkapan Cai, Syam juga menyatakan:

“...kalau dakwah yang selama ini dilakukan lebih pada pembenahan ke dalam, bersifat internal dari pada keluar. Dakwah ini diharapkan dapat memberikan kesadaran kepada mereka untuk lebih beriman dan taqwa.

¹³Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Cai (bukan nama sebenarnya) pada 15 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

Namun demikian kami tengah mencoba kerjasama dengan organisasi-organisasi lain...kami masih kecil...”¹⁴

Melalui program-program sebagaimana tersebut dan dijelaskan sebelumnya, maka diharapkan dapat melahirkan individu-individu yang beriman dan bertakwa, berilmu serta berakhlak mulia. Semangat Islam nampaknya begitu berkesan secara mendalam, dan diharapkan pada saatnya nanti dapat memperlihatkan keindahan agama Islam kepada masyarakat pada umumnya dan kepada masyarakat Tionghoa pada khususnya.

Adapun dakwah yang bersifat *eksternal (keluar)* belum begitu dimaksimumkan. memandang organisasi ini dapat dikatakan sebagai organisasi yang masih kecil, usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan selama ini lebih kepada bentuk dakwah *bi al-hal*, atau dakwah yang bersifat personal ke personal (*fardiyah*). Terbukti usaha-usaha ini membuahkan banyak hasil dengan ramai masyarakat Tionghoa yang tertarik dengan Islam dan sebahagiannya telah memeluk agama Islam. Dakwah seperti ini tidak langsung mengajak seseorang atau keluarga untuk memeluk Islam. Sebagaimana telah dijelaskan di atas, mereka (pendakwah) datang atau kebetulan bertemu dengan seseorang atau dengan berkunjung kepada salah satu keluarga Tionghoa, maka perbincangan pun hanya sebatas kawan dan maklumat selain agama, terkecuali ada yang menanyakannya. Maka disinilah kata Cai, perlunya menunjukkan penampilan yang baik, “itulah dakwah *bil haal*” jelasnya.

¹⁴Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Syam (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.20.

b. Mempererat Hubungan Sosial

Sebagai makhluk sosial, kita tidak dapat terlepas dari interaksi dengan orang lain. Berinteraksi dan bersosialisasi merupakan keperluan dasar yang telah ada pada diri setiap manusia sejak lahir ke dunia. Dalam berinteraksi, kita memerlukan kebersamaan untuk menjaga kerukunan satu sama lain. Hal ini sangat penting artinya dalam menjaga hubungan interaksi sosial agar dapat berjalan dengan lancar dan terhindar dari berbagai konflik. Saling pengertian antar individu mutlak diperlukan untuk mewujudkan ketenteraman dan kedamaian dalam suatu masyarakat.

Demikian halnya dengan PITI Medan sebagai organisasi kemasyarakatan dan keagamaan, ia sangat mementingkan terjalinnya hubungan interaksi yang erat dengan masyarakat setempat, sama ada orang-orang Muslim mahupun non-Muslim dan juga dengan organisasi-organisasi lainnya agar tujuan yang dicita-citakan dapat tercapai dengan sempurna.

Dalam kaitan itu Syam sebagaimana disinggung di atas menyatakan:

“Dakwah ini diharapkan dapat memberikan kesadaran kepada mereka untuk lebih beriman dan taqwa. Namun demikian kami tengah mencoba kerjasama dengan organisasi-organisasi lain. kami masih kecil...”¹⁵

Perpaduan sosial etnik Tionghoa Muslim dengan non-Muslim di Bandar Raya Medan dipengaruhi oleh faktor keluarga dan faktor agama sehingga membentuk perpaduan yang kuat di antara mereka. Kedua faktor tersebut dapat digambarkan melalui unsur-unsur perpaduan sosial, yang meliputi: interaksi sosial, semangat komuniti, dan perilaku ekonomi antara mereka.

¹⁵Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Syam (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.20.

Berdasarkan observasi dan wawancara selama penelitian lapangan dalam masyarakat Tionghoa, maka terlihat di kalangan mereka terdapatnya norma yang mengatur pola hubungan yang bersifat horizontal (hubungan sesama manusia) untuk menjaga hubungan kekeluargaan agar senantiasa bersifat harmonis, terutama dalam melestarikan marga/klan/shiang. Lembaga keluarga berpengaruh besar terhadap pelestarian budaya leluhur, sesuai dengan tujuan utama pendidikan keluarga Tionghoa adalah menanamkan rasa bakti terhadap orang tua dan leluhur mereka. Lembaga keluarga merupakan inti dari kehidupan tradisional Tionghoa yang dipraktikkan pada upacara-upacara tradisional. Dengan kata lain, peranan keluarga sangat berpengaruh dalam pembentukan pribadi etnik Tionghoa.

Khusus Tionghoa Muslim laki-laki, setelah memeluk Islam ada perubahan nama. Namun, nama marga/klan masih tetap dicantumkan. Hal tersebut disebabkan tanggung jawabnya sebagai keturunan laki-laki yang meneruskan tanggung-jawabnya terhadap kelangsungan garis keturunan sebagai pewaris, dan mereka masih berhak mendapatkan harta warisan dari orang tuanya, tentunya sesuai dengan kebijaksanaan dari orang tua tersebut. Demikian pula dengan penggunaan nama marga pada anak-anaknya. Namun demikian, penggunaan nama marga tersebut tidak berpengaruh pada pembahagian harta warisan, karena pembahagian harta warisan sudah menggunakan ajaran Islam.

Hubungan keterikatan *muallaf* Tionghoa dengan masyarakatnya (Tionghoa) masih sangat dekat, baik itu dengan pihak keluarga maupun dengan orang Tionghoa lainnya, karena mereka merasa masih sebagai orang Tionghoa. Di satu sisi Tionghoa Muslim masih terikat oleh tradisi dan ikatan kekerabatannya, namun di sisi lain pola sikapnya disesuaikan dengan ajaran Islam dan mereka membina pergaulan dengan

masyarakat Muslim lainnya. Mengekalkan hubungan yang harmoni ini sangat bermanfaat bagi melangsungkan misi dakwah yang telah ditetapkan oleh organisasi. Namun tidak dinafikan juga bahawa terdapat sejumlah kecil kes kekerasan yang dialami oleh saudara baru Tionghoa dari pihak keluarganya kerana berpindah agama.

Dari segi hubungan organisasi PITI dengan organisasi lainnya pula, penulis mendapati bahawa organisasi ini telah pun menjalin hubungan dengan organisasi-organisasi lain sama ada yang bersifat keagamaan seperti Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan al-Wasliyah. Hubungan yang erat ini diikat oleh suatu tujuan yang sama dalam menyebarkan dakwah Islamiyah di Sumatera Utara, terutama di kawasan Medan, hanya sahaja PITI lebih memfokuskan sasaran dakwahnya kepada masyarakat Tionghoa, kerana dianggap akan lebih banyak memberi kesan apabila dakwah terhadap masyarakat Tionghoa dibawakan oleh suatu kelompok yang mengerti bahasa dan budaya mereka.

c. Metode Dakwah *Fardiyah*.

Untuk menjawab tantangan dunia global, maka perlu dikembangkan metode dakwah *fardiyah*, iaitu metode dakwah yang menjadikan peribadi dan keluarga sebagai sendi utama dalam aktiviti dakwah. Dalam usaha membentuk masyarakat yang dicirikan oleh Islam harus bermula dari pembinaan peribadi dan keluarga yang Islamik (*ibda' bi nafsik*), sebab lingkungan keluarga merupakan elemen sosial yang amat strategis dan memberi corak paling dominan bagi pengembangan masyarakat secara luas.

Dalam hubungan ini, PITI sebagaimana disinggung di atas telah memperkuat dakwah mereka yang bersifat internal agar terbentuk individu-individu yang dapat

diharapkan mampu mengemban tugas sebagai *khalifah* dan *a'bid*, pemimpin yang beriman dan bertaqwa. Karena itu dakwah *fardiyah* menjadi tumpuan strategi dakwah mereka seperti dinyatakan oleh salah seorang pengurus PITI seperti berikut:

“dakwah secara individu dan keluarga terutama kepada mereka yang telah masuk Islam, muallaf, memang kami jaga agar hubungan antar individu, keluarga dan masyarakat, khususnya Tionghoa terjalin dan sama-sama mempelajari Islam secara menyeluruh”¹⁶

Selanjutnya, dakwah *fardiyah* juga sangat efektif, bukan sahaja berkaitan dengan masalah agama tapi juga dengan masalah kehidupan peribadi dan sosial, seperti dinyatakan oleh Mamat berikut ini:

“Karena sebagai orang yang pernah mengalami hal itu tugasnya adalah menjadi pendamping para muallaf yang sudah lama untuk membantu para muallaf yang masih baru sekurang-kurangnya menjadi teman curhat (curahan hati).¹⁷

Pembinaan peribadi dan keluarga yang Islamik ini dapat ditempuh melalui cara peningkatan fungsi ibu bapa sebagai tauladan dalam rumah tangga. Di sinilah peran lembaga dakwah untuk membina dan mendorong agar para ahlinya mengembangkan dakwah *fardiyah* sehingga masing-masing keluarga dapat terpantau dan terkendali, sekaligus menjadi benteng kontrol sosial.

Dalam melakukan dakwah dengan pendekatan *fardiyah* menghendaki individu yang berkeperibadian dan berakhlak mulia, maka hal itu mengindikasikan perlunya dakwah dimulai dari diri sendiri (*ibda, bi nafsik*) dan ini merupakan suatu kemestian, bahkan untuk setiap individu Muslim. Performance atau penampilan seseorang dengan karakter yang khusus akan lebih memberikan citra dan imej yang baik tentang suatu

¹⁶Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti organisasi dakwah PITI-Medan, San (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di kantor sekretariat PITI.

¹⁷Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 17 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

ajaran, kerana itu jika keperibadian dengan akhlak yang mulia juga bermakna dakwah, iaitu dakwah *bil hal*. Itulah sebabnya PITI dalam mengelola dakwahnya lebih menekankan kepada proses pembinaan dan peningkatan kualiti diri terlebih dahulu sebelum mengajak orang lain mengikuti jejaknya. Hal itu juga selari dengan pesan moral dalam al-Qur'an yang menyatakan, mengapa engkau mengatakan sesuatu yang engkau sendiri tidak melakukannya.

d. Dakwah Melalui Pendekatan Budaya

Dakwah melalui budaya adalah dakwah Islam dengan pendekatan budaya, iaitu: pertama, dakwah yang bersifat akomodatif terhadap nilai budaya tertentu tanpa menghilangkan aspek substansi keagamaan; kedua, menekankan pentingnya kearifan dalam memahami kebudayaan komuniti tertentu sebagai sasaran dakwah.

Makanan seperti “kue bulan” merupakan makanan tradisional orang Cina. Namun demikian kue bulan tersebut tetap diproduksi dan lebih banyak diproduksi pada perayaan Tahun Baru Cina dengan bahan-bahan dasarnya tidak mengandungi bahan-bahan yang diharamkan dalam Islam. Dengan kata lain, budaya Cina seperti pembuatan kue Cina tetap dipertahankan sebagai salah satu nilai warisan budaya keturunan Cina Tionghoa. Hanya sahaja kue Cina tersebut telah dimodifikasi dengan seleksi bahan-bahan dasarnya yang halal, sehingga dapat dikonsumsi oleh orang-orang Muslim Tionghoa.

Dakwah budaya juga dapat terkait dengan peringatan-peringatan hari besar seperti tradisi perayaan Tahun Baru Cina, ziarah kubur leluhur, pemberian angpau, dan juga termasuk peringatan dan perayaan Maulid Nabi SAW dan lain sebagainya. Budaya-budaya tersebut diselenggarakan dengan mengubahsui pada beberapa aspek

seperti niat pelaksanaan dan cara-caranya yang diambil dan disesuaikan sedemikian rupa agar terhindar jauh dari unsur-unsur dan praktik-praktik yang berbau syirik. Maka melalui pelaksanaan peringatan-peringatan hari besar sebagaimana tersebut di atas pada prinsipnya menjadi peluang, kesempatan dan menjadi sarana yang sangat baik untuk melakukan dakwah Islam. Kerana dakwah yang dikemas sedemikian rupa dengan memasukkan unsur-unsur budaya masyarakat setempat dakwah menjadi lebih unik dan menarik. Hal itu tentunya akan memberikan kesan tersendiri bagi peserta dakwah.

Dalam kaitan ini, Cai menyatakan:

“PITI akan lebih optimal lagi dalam menjalankan syiar Islam di kalangan para muallaf dengan memanfaatkan momentum perayaan hari besar Islam, sebagai strategi untuk lebih mendekatkan muallaf kepada ajaran Islam”¹⁸

Selari dengan ungkapan Cai, San juga menyatakan seperti berikut:

“Kami telah mencuba dalam perayaan Maulid Nabi Muhammad saw. Dan ternyata mendapat sambutan yang luar biasa, tidak hanya para muallaf bahkan keluarganya pun turut menjadikan perayaan itu untuk lebih mengenal Islam”.¹⁹

Selanjutnya San menambahkan:

“Perayaan itu juga merekatkan kembali tali persaudaraan yang sempat terputus dalam sebuah keluarga karena salah seorang anggota keluarganya memeluk Islam. Ke depan PITI tanpa mengesampingkan hari lain, akan mengoptimalkan perayaan hari besar Islam sebagai wadah untuk memperkuat syiar Islam. Harapannya perayaan yang dilakukan mengena tidak hanya kepada umat Islam, muallaf khususnya, tapi juga keluarga yang non Muslim. Ini merupakan strategi, bernilai strategis”.²⁰

Demikian pandangan beberapa pengurus PITI Bandar Raya Medan mengenai dakwah dengan pendekatan budaya yang selama ini mereka kembangkan dengan segala

¹⁸Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Cai (bukan nama sebenarnya) pada 15 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.15.

¹⁹Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti organisasi dakwah PITI-Medan, San (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di rumah beliau.

²⁰*ibid*

kekurangan dan kelebihan. Maksudnya, PITI dengan segala permasalahan dan cabaran yang mereka hadapi dalam melakukan dakwah, namun PITI tetap mencuba untuk mewujudkan format dakwah yang terbaik.

4.5 Tantangan Perjuangan Dakwah PITI

PITI Medan telah melaksanakan dakwah Islamiyah di tengah-tengah masyarakat Medan sejak mula ditubuhkan hinggalah ke hari ini. Dalam tempoh yang begitu lama tentunya tidak sedikit masalah, halangan dan rintangan yang dihadapi oleh pendakwah-pendakwah PITI, apakah berkenaan dari dalam tubuh organisasi itu sendiri (internal) atau berhubung kait dengan faktor luaran (eksternal) sebagaimana yang akan kemukakan dalam bahasan selanjutnya.

Mengingat dari tradisi Tionghoa yang kental dengan nuansa syirik dan pemujaan leluhur, dakwah di kalangan mereka tak semudah membalikkan telapak tangan, sebaliknya justeru PITI menuai banyak halangan, setidaknya ada lima faktor sebagaimana yang diungkapkan oleh Syah,²¹ iaitu :

1. Cara pandang negatif etnik terhadap Islam dan penduduk peribumi yang terkesan malas, kumuh, dan kotor.
2. Etnik Tionghoa yang menjadi mualaf individual, sedangkan keluarganya masih berpegang teguh kepada agama leluhur (Khonghucu).
3. Kurangnya keteladanan dari generasi Muslim Tionghoa sebelumnya, banyak yang sudah mualaf namun tidak mendapat bimbingan lanjutan.
4. Kecenderungan kalangan Tionghoa yang terlalu materialistik dan persepsi bahawa masuk Islam bererti siap miskin dan bersusah-payah.

²¹Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti organisasi dakwah PITI-Medan, Syah (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di rumah beliau.

5. Adat-istiadat keluarga yang terlalu mengikat, dan bertentangan dengan norma-norma Islam.

Sementara permasalahan atau cabaran dakwah lainnya sebagaimana yang dialami oleh pendakwah-pendakwah atau mereka yang terlibat dalam organisasi PITI Bandaraya Medan dalam memikul misi dakwahnya secara umum meliputi dua bahagian, iaitu bersifat dalaman dan luaran. Cabaran dalaman meliputi beberapa aspek, iaitu: identiti diri, sistem pentadbiran, pelapis, ekonomi. Adapun terkait dengan cabaran luaran meliputi adat-budaya, kristianisasi dan asimilasi pembauran. Kesemuanya sama ada dalaman mahupun luaran pada prinsipnya juga dialami oleh banyak pertubuhan yang sudah besar mahupun pertubuhan yang masih kecil. Namun bagi PITI permasalahan dan cabaran tersebut lebih deras arusnya kerana sangat terkait dengan identiti diri, terutama kerana mereka dari kalangan yang minoriti dan etnik Tionghoa.

1. Cabaran Aspek Internal (Dalaman)

Cabaran aspek internal: iaitu cabaran yang dihadapi dari lingkungan PITI sendiri dari mulai identiti, sistem kepengurusan administratif, kepemimpinan dan pentadbiran organisasi dakwah, penyediaan kemudahan, pelapisan kepakaran dan penyediaan sumber kewangan pertubuhan.

a. Identiti diri

Dalam ilmu psikologi, identiti diri merujuk pada kejelasan dan stabiliti dari citra seseorang tentang dirinya. Menurut Marcia²², identiti diri merupakan komponen penting

²²Lihat. Yusuf, Syamsu, *Psikologi Perkembangan Anak dan Remaja*, Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2007

yang menunjukkan identitas personal individu. Semakin baik struktur pemahaman diri seseorang berkembang, semakin sadar individu akan keunikan dan kemiripan dengan orang lain, serta semakin sadar akan kekuatan dan kelemahan individu dalam menjalani kehidupan. Sebaliknya, jika kurang berkembang maka individu semakin tergantung pada sumber-sumber luaran untuk muhasabah diri .

Menurut Marcia selanjutnya, sebagaimana dikutip oleh Santrock mengungkapkan, bahwa konsep dari status identiti digunakan untuk memprediksikan posisi seseorang dalam perkembangan identitinya.²³ Dalam hal ini Marcia berpendapat adadua dimensi identiti yang penting pada seseorang, iaitu krisis dan komitmen. Krisis merupakan suatu periode perkembangan identiti di mana individu berusaha melakukan eksplorasi terhadap berbagai alternatif yang bermakna, sedangkan komitmen diartikan sebagai investasi pribadi mengenai hal-hal yang hendak individu lakukan.

Namun demikian krisis identiti bukan bererti tidak mengenal namanya, tetapi orang yang lupa fungsi dan peranannya. Hal itu boleh jadi muncul kerana efek atau dampak seseorang yang mengalami penurunan (degredasi) mengenai dirinya atau konsep tentang dirinya, atau kerana terhakis oleh kritik, tersudutkan oleh berbagai komentar negatif, atau boleh jadi kerana adanya masukan, saran dan pujian yang terkesan bagus, namun sebenarnya membuat dirinya terlena sehingga merosakkan dirinya. Itulah sebabnya Marciasebagaimana di singgung di atas, krisis identiti semakin ketergantungan pada sumber-sumber luaran sedang kemampuan pada dirinya terabaikan kerana. Orang sedemikian semakin kecil upayanya untuk meningkatkan

²³Santrock, J.W. *Remaja*, Edisi ke-11 dalam B. Widyasinta, Penerj.), Jakarta: Erlangga, 2007

kapasiti diri, banyak keraguan, menunggu instruksi, kurang mandiri serta banyak ketidakpercayaan yang akhirnya menghakis kepercayaan diri.

Dengan demikian yang dimaksud dengan krisis identiti diri dalam konteks kajian Tionghoa Muslim ini adalah suatu perasaan mengenai keadaan diri dalam konteks hubungan sosial-politis yang kurang mendapat penghargaan, kurang dihargai dan bahkan terpinggirkan. Orang-orang Tionghoa merasa rendah diri untuk bergabung dengan masyarakat luas, kurang percaya diri, dan merasa semua orang memperlakukan berbeza, kerana itu mereka pada umumnya lebih senang bergaul dengan sesama etnik mereka.

Selanjutnya identiti Tionghoa Muslim yang dihadapkan kepada berbagai tekanan sosio politik seperti kes di Indonesia, makapada umumnya menunjukkan bahawa gagasan mengenai identiti telah mengalami perubahan-perubahan dari waktu ke waktu, sehinggakeberadaan mereka pun sentiasa mengalami perubahan seiring dengan perubahan situasi di tingkat nasional dan di tempat mereka tinggal serta di lingkungan orang-orang Tionghoa itu sendiri.

Selari dengan perubahan dan dinamika kehidupan, masyarakat Tionghoa tetap eksis dengan berbagai konsekwensi budaya dan cara hidup. Hal itu tentunya merupakan wujud yang wajar sebagai pengaruh timbal balik dalam hubungan sosial dan budaya. Perubahan sikap, cara pandang dan cara hidup suatu masyarakat akan berpengaruh kepada kelompok masyarakat lainnya, semakin intens hubungan interaksi sosial suatu masyarakat maka akan semakin melahirkan perubahan pada masyarakat yang lain dan

bahkan boleh jadi memunculkan kebudayaan sintetik sebagai perpaduan dari keragaman budaya.²⁴

Maka mengenai fenomena orang Tionghoa Muslim di Indonesia terdapat juga perubahan-perubahan seperti bagaimana cara mereka merespon dan mempertahankan norma-norma. Adapun norma yang dimaksud di sini adalah norma yang lebih mengacu pada standard-standard dalam hubungan ideal di masyarakat, iaitu norma yang digunakan sebagai pengikat diri dan standard ideal lain yang mereka terima dalam lingkungan mereka yang bukan Tionghoa. Sementara, mereka juga pada beberapa aspek masih tetap berpegang pada tradisi leluhur mereka. Ini ertinya secara tradisi, orang-orang Tionghoa Muslim masih tetap akan menghargai tradisi budaya leluhur mereka seperti memegang atau setidaknya menyelipkan identiti ketionghoannya dalam kehidupan sehari-hari, baik itu mengenai bahasa atau aksaranya (huruf) , hubungan-hubungan keluarga terutama melalui pelaksanaan norma-norma tentang kelahiran, perkahwinan, dan kematian.

Masalah yang mungkin timbul berkenaan dengan identiti diri adalah adanya *role diffusion* dan *role rigidity*. *Role diffusion* (resapan peranan) terjadi ketika seseorang berperilaku seperti sumpah kerana tidak memiliki akar identiti yang kuat dalam dirinya. Orang ini serba ragu terhadap dirinya sendiri dan sulit diharapkan integriti peribadinya. *Role rigidity* (ketegaran peranan) terjadi ketika seseorang berperilaku sama dalam semua situasi, tanpa mempertimbangkan adanya perbezaan situasi dan tanggung

²⁴Bandingkan misalnya dengan proses perubahan pada masyarakat melalui akulturasi, asimilasi dan adaptasi sebagaimana pada masyarakat Yunani, Syiria dan Mesir yang menimbulkan budaya Helenisme. Lihat. Muladhi Kartanegara, *Secularization Science and Its Islamic Answer*”, dalam paper yang dipresentasikan di ISTAC, Kuala Lumpur, 2007

jawab. Dalam ketegaran peranan ini, akar dari identitinya adalah angka, tidak berdasar pada suatu yang sejati.²⁵

Teori tentang identiti ini relevan dalam sebahagian kes orang Tionghoa Muslim yang menjadi subyek penelitian ini. Ketika penulis sebagai non-Tionghoa bertanya mengenai identiti mereka dalam suatu awal wawancara (temu bual). Sebahagian orang Tionghoa Muslim masih merasa susah menjawab apakah ia senang dikenal sebagai orang Tionghoa.

Tetapi, dari hasil wawancara yang terus berkembang, subyek tanpa sadar mengaku bahawa dalam berinteraksi dengan orang Tionghoa lainnya terutama yang bukan Muslim, mereka lebih senang mengaku sebagai orang Tionghoa, berbahasa Tionghoa, dan bahkan dalam situasi tertentu mereka menyembunyikan identiti agama yang mereka anut. Alasannya menurut Mamat (bukan nama sebenarnya) adalah bahawa keadaan pekerjaan yang kebetulan melibatkan jaringan orang Tionghoa non-Muslim sebenarnya masih sulit untuk menerima keberadaan orang Tionghoa Muslim.

Bagaimanapun menurut Mamat, fenomena orang Tionghoa Muslim di Medan masih pada posisi terjepit di antara jaringan orang-orang Tionghoa secara umum. Maksudnya, para muallaf dihadapkan pada masalah hubungan dengan masyarakat pribumi yang masih menganggap mereka sebagai masyarakat pendatang dengan sentimen perkauman, sedang di sisi lain, mereka telah mendapatkan pemuluan daripada kelompok etnik mereka sendiri, sama ada dari keluarganya sendiri atau masyarakat etnik Tionghoa pada umumnya.

²⁵ Rizal Bachrum dan Bobby Hartanto, *Krisis Identitas Diri pada Kelompok Minoritas Cina*, dalam I Wibowo (ed) *Harga yang Harus Dibayar; Sketsa Pergulatan Etnis Cina di Indonesia*, (Gramedia Pustaka Utama, 2000), 53.

Masih berkenaan dengan identiti sebagai Muslim, orang-orang Tionghoa Muslim pada hakekatnya bangga, kerana sekalipun Tionghoa mereka juga tetap Islam. Mereka bangga dengan identiti sedemikian, sehingga bukan sahaja secara religius mereka menganut agama yang benar, iaitu Islam, tapi juga mereka memiliki status sosial dengan derajat yang sama dengan pribumi. Setidaknya, mereka juga terhindar dari sasaran amuk masa ketika terjadi kerusuhan 1998 yang dipicu oleh sentimen etnik dan pergolakan sistem perpolitikan di Indonesia menjelang peralihan kuasa dan tumbangannya kerajaan Orde Baru.

Mengenai nama diri, ditemukan bahawa semua orang Tionghoa Muslim yang menjadi subyek penelitian memiliki nama diri baru yang Islami, dan sebahagiannya masih berkaitan dengan nama aslinya, seperti Wang Kok Hua menjadi Rahmad, Tan Mei Ling menjadi Maisyarah, Tan Kok Min menjadi Amin, atau berubah sama sekali seperti Khong Tak San menjadi Ahmad Firmansyah, dan lain-lain. Hal ini sebenarnya positif, namun perubahan identiti dengan mengganti nama menurut penyelidik sebenarnya tidak begitu perlu dibuat asalkan nama tersebut mempunyai makna yang baik.

Penggantian nama bahkan semakin menghilangkan identiti orang Tionghoa, sementara Islam tetap menghargai ciri khas suatu bangsa. Menurut penulis, nama asli orang Tionghoa selayaknya tetap dipertahankan, paling tidak nama keluarga atau marga yang tetap bisa mengidentifikasi dirinya sebagai orang Tionghoa, misalnya Ridzuan Wu, Abdurahman Lim dan lain-lain seperti juga yang dilakukan oleh suku bangsa lainnya sebagaimana identiti dengan penamaan Ahmed Brown. Dengan demikian seharusnya krisis identiti diri di kalangan masyarakat Tionghoa Muslim ini tidak perlu terjadi.

Kes lainnya adalah mengenai identiti orang Tionghoa Muslim yang tidak menikah dengan peribumi. Identiti mereka tetap bertahan meski nama diri telah hilang. Memang, dari beberapa Tionghoa yang semua keluarganya masuk Islam secara bersamaan, atau menikah dengan orang Tionghoa Muslim lainnya, proses pembauran agak berjalan lebih lambat, jika tidak dikatakan tidak terjadi secara signifikan. Keberadaan mereka dalam kes ini bagi masyarakat masih dianggap sebagai 'orang asing' meski mereka telah satu agama. Orang Tionghoa Muslim pun masih merasa diri mereka sebagai orang asing di tengah-tengah masyarakat. Tetapi fenomena ini kemungkinan kerana mereka masih tetap berada di permukiman orang-orang Tionghoa, bukan kerana ketidakinginan mereka berbaur, paling tidak demikianlah pengakuan mereka seperti yang diungkapkan oleh Mamat tadi yang ianya juga sebagai subyek dalam kajian ini.

Lain halnya dengan orang Tionghoa Muslim yang menikah dengan orang peribumi²⁶ yang dipastikan telah berbaur dalam erti melebur dan berintegrasi dengan masyarakat. Akibatnya, mereka juga kehilangan identiti ke-Tionghoa-an kecuali beberapa orang yang masih boleh dikenali secara samar dari fizikal: bermata sipit dan berwarna kulit kuning, serta masih mampu berbahasa Tionghoa. Fenomena ini terutama terjadi di kalangan orang Tionghoa Muslim yang berumur antara 20-40 tahun. Di kalangan orang Tionghoa Muslim yang berumur di atas 40-an, identiti ke-Tionghoa-an secara fizik hampir tidak terlihat lagi, terutama bagi wanita dewasa yang berpakaian Muslimah, kecuali hanya identiti dari kemampuan berbahasa Tionghoa. Bahkan, dari beberapa Tionghoa Muslim yang penulis temubual seperti Mamat dan Syah atau beberapa anggota PITI yang lain, yang sempat ditemui oleh pengkaji dengan bangga

²⁶ Istilah Peribumi yang dipakai di sini sebenarnya bukan dimaksud istilah akademis, namun hanya untuk mempermudah pengertian seperti yang digunakan oleh orang-orang Tionghoa sendiri dalam wawancara penulis dengan para subjek.

mereka mengatakan bahawa banyak orang yang tidak tahu bahawa mereka adalah orang Tionghoa. Ketidakmampuan orang lain mengidentifikasikan mereka sebagai keturunan Tionghoa.²⁷

Padahal mengenai identiti ini, bahawasanya agama Islam menurut Ridzuan Abdullah Wu tetap menghargai identiti dan ciri khas suatu bangsa. Dalam suatu kesempatan, Direktur World Assembly Moslem Youth Asia Tenggara mengungkapkan:

"Islam tidak bermaksud mengenakan budaya Arab ke atas seluruh umat Islam di dunia. Saya orang Cina dan walaupun saya seorang Muslim, saya tidak kekurangan apa-apa sebagai orang Cina. Sebenarnya Islam menghargai berbagai budaya manusia, dan dalam banyak hal Islam membantu saya mengenali warisan budaya saya dengan lebih bersungguh-sungguh. Islam mengajari saya supaya mengkaji kebudayaan saya dari sudut pandangan Islam. Memanglah tidak dapat diragukan bahawa dalam beberapa hal Islam menjelaskan dengan terang mengenai suatu perkara, umpamanya bagaimana seseorang harus berpakaian. Mereka perlu berpakaian dengan sopan. Dan ini bermaksud bahawa saya perlu meninggalkan bentuk-bentuk pakaian yang tidak sopan yang terdapat dalam kebudayaan saya. Jelaslah bahawa seorang tetap dapat mempertahankan kebudayaannya, meskipun sudah menjadi seorang Muslim. Islam tidak bermaksud dan tidak berniat memaksa seluruh dunia menerima kebudayaan tertentu sahaja."²⁸

Sebagaimana disinggung di muka, mengenai tradisi Tionghoa, bagi sebahagian Tionghoa Muslim, melakukan atau mempercayai tradisi-tradisi lama tersebut juga masih terjadi. Misalnya masih mengunjungi makam leluhur yang mereka anggap hanya sebagai tanda bakti kepada orang tua, serta ikut membakar wang-wangan di depan kuburan leluhur, meski tidak ikut sembahyang. Contoh lainnya adalah masih mempercayai ramalan-ramalan bahkan Syah (bukan nama sebenar) mengaku masih

²⁷ Thung Jzu Lan, *Susah Jadi Orang Cina; Kecinaan Sebagai Konstruksi Sosial* dalam I.Wibowo (ed), *Harga Yang Harus Dibayar, Sketsa Pergulatan Etnis Cina di Indonesia*, (Jakarta: Gremesia Pustaka Utama, 2000), 183.

²⁸ Ridzuan Abdullah Wu, "Dakwah" dalam Ziaduddin Sardar dan Mery Wyn Davies(ed), *Dari Kaca Mata Islam, Perbincangan Tentang Isu-isu Semasa*, Judul asli; *Faces of Islam*, Terj.Zambry Abd Kadir dan Sabirin Jaafar, (Berita Publishing SDN.BHD, 1990), 98.

memiliki keahlian meramal, seperti Hong Shui, Feng Shui, Shio dan lain-lain. Menurut para partisipan dalam kajian ini bahawa ada setengah orang mengatakan tradisi itu bukan ritual agama, namun hanya sekadar tradisi. Sementara Syah secara tegas menentang tradisi lama tersebut, menurutnya, sebagai seorang Muslim, mereka seharusnya sadar bahawa di dalam Islam hal-hal tersebut sebenarnya sangat keras dilarang, kerana dapat terjerumus ke dalam kesyirikan.

Selanjutnya berkenaan dengan identiti penamaan pertubuhan (organisasi) dengan “Persatuan Islam Tionghoa Indonesia” yang disingkat PITI sesungguhnya merupakan pernyataan yang bernuansakan etnik, minoriti dan politik. Dikatakan etnik kerana mengusung suatu suku atau bangsa tertentu, yang dalam hal ini adalah bangsa Tionghoa. Dikatakan minoriti, kerana memang bangsa Tionghoa jumlah masyarakatnya di Bandaraya Medan khususnya masih relatif sedikit. Sedangkan yang dimaksud dengan nuansa politis, kerana masih terdapat anggapan dikotomis dan perbezaan mengenai masyarakat yang pribumi dan non pribumi.

Ironisnya, di Indonesia bangsa Tionghoa atau Cina sekalipun sudah masuk Islam dan bahkan lahir di Indonesia masih dianggap sebagai non pribumi. Beberapa kebijakan politis yang pernah dikeluarkan Orde Baru terkait dengan masyarakat Tionghoa seperti pelarangan sekolah, penerbitan media massa berbahasa Tionghoa, pergantian nama dan kebijakan yang mengatur tentang agama, kepercayaan, adat istiadat hingga perubahan sebutan dari Tionghoa menjadi Cina. Kesemuanya memberikan pengaruh tersendiri dalam kehidupan masyarakat Tionghoa baik secara psikologis, sosial-budaya dan politis.

Namun demikian, pengungkapan dan penamaan organisasi dengan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia yang disingkat PITI dapat meningkatkan derajat dan martabat

masyarakat Tionghoa di mata pribumi. Setidaknya, mereka terhindar dari gangguan dan terselamat dari sasaran kerusuhan etnik tahun 1998. Begitu pun PITI dalam perkembangannya masih dihadapkan kepada krisis indentitas, kerana mereka masih belum keluar dari tekanan psikologis. Mereka belum percaya diri dan berkeyakinan dapat diterima dalam pergaulan di masyarakat secara luas. Kerana itu PITI dalam berbagai aktivitasnya cenderung eksklusif, terbatas pada kalangan masyarakat mereka sendiri.

Kenyataan sedemikian juga terungkap dalam temubual dengan salah seorang pengurus PITI seperti berikut.

“Dakwah kami cenderung ditujukan kepada muallaf-muallaf berketerunuan Tionghoa, disamping mereka memang perlu bimbingan, kami juga masih belum yakin dakwah kami diterima di masyarakat pribumi. Setiap kali kegiatan, umumnya yang datang orang keturunan padahal mereka kami undang untuk hadir, dan bahkan penceramah kami panggil dari kalangan pribumi”.²⁹

Hal senada juga diungkapkan oleh salah seorang pengurus organisasi lainnya, seperti berikut:

“Penerimaan masyarakat: para muallaf juga menghadapi masalah dari segi penerimaan sebagai masyarakat Islam sendiri yang belum dapat menerima golongan muallaf tersebut disebabkan adanya perbezaan suku, kaum, warna kulit dan sebagainya”.³⁰

Lantas ketika ditanya kenapa masih punya perasaan kurang dapat diterima di masyarakat pribumi secara luas. Anggota pengurus PITI itu menjawab secara diplomatis seperti berikut:

“Sebetulnya kami yang belum begitu percaya diri dengan kemampuan dan pengetahuan keislaman kami untuk berdakwah di masyarakat secara

²⁹ Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

³⁰ Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti organisasi dakwah PITI-Medan, Syah (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di kediaman beliau.

umum, jadi kami belum PD (percaya diri), kami dakwah di kalangan keturunan saja, dan kadang-kadang kami juga undang da'i dari luar".³¹

Sementara menurut pengkaji ada beberapa da'i dari kalangan Tionghoa Muslim di Medan berceramah di kalangan masyarakat umum, maka partisipan itu pun menjelaskan seperti berikut:

"Iya, ada tapi pada umumnya mereka hanya bercerita tentang pengalaman mereka, bukan mengenai pengajaran Islam secara khusus. Kami masih perlu belajar banyak tentang Islam"³²

Dengan demikian permasalahan identiti pertubuhan PITI ini bukan semata-mata kerana sosio-psikologis atau politis, tapi juga terkait dengan keilmuan dan pemahaman tentang Islam yang mereka sedari sendiri masih perlu belajar lebih banyak lagi.

b. Sistem Kepemimpinan dan Pentadbiran

Dalam sistem kepemimpinan dan pentadbiran organisasi PITI telah mengalami krisis kepemimpinan. Secara tidak langsung hal itu juga bermakna lemahnya sistem pelapis pertubuhan. Padahal suatu pengurusan dan kepemimpinan yang baik adalah kemampuan mewujudkan pelapis-pelapis pertubuhan dan regenerasi kepemimpinan bagi melanjutkan mekanisme aktiviti pertubuhan.

Sebagaimana umumnya sebuah pertubuhan, PITI memiliki mekanisme kerja dan sistem kepemimpinan dan manajemen tersendiri. Terlebih-lebih dengan semakin meningkatnya jumlah muallaf di Bandaraya Medan, PITI menjadi tumpuan bagi saudara baru sebagai wadah yang dapat membimbing dan pada masa yang sama memberikan pengetahuan dan pendidikan Islam kepada mereka. Ini artinya, organisasi ini dihadapkan kepada cabaran untuk lebih berperan aktif dan memberi sumbangan positif bagi para muallaf khususnya dan masyarakat pada umumnya.

³¹*Ibid.*

³²*Ibid.*

Namun demikian, PITI di Bandar Raya Medan masih belum tertata dengan baik, kurang sistematis dalam rancangan program maupun pengembangan dakwahnya. Hal itu terkait dengan sistem kepemimpinan dan pentadbiran organisasi yang kurang menjalankan kaderisasi dan regenerasi kepemimpinan. Selain itu sistem manajemen masih bersifat konvensional dan enggan melakukan reformasi perubahan. San yang ditemui untuk temubual mengatakan seperti berikut:

“Pembinaan muallaf mempunyai peran penting dalam meningkatkan keimanan mereka sayangnya pembinaan bagi para muallaf masih belum terstruktur, seharusnya pembinaan terhadap muallaf dilakukan lebih terstruktur.....”³³

Terstruktur maksudnya penyelenggaraan program yang seharusnya ditangani secara lebih profesional, sistematis dan terencana dengan rapi, terkawal dalam pengawasan organisasi yang dipimpin. Karena itu pertubuhan ini perlu melakukan evaluasi secara menyeluruh untuk meningkatkan program kerja dengan mempertimbangkan *feed back* dan masukan-masukan dari berbagai pihak untuk kepentingan pengembangan pertubuhan. Namun terkait dengan aspek evaluasi sepertinya belum dirancang dengan baik, sehingga ide-ide dan masukan mengenai pengembangan dakwah tidak aspiratif dan tersalurkan secara proporsional.

“organisasi ini memiliki hubungan dengan pusat, maka layaknya organisasi kami juga mengadakan sidang muktamar, muswil (musyawarah wilayah), musda (musyawarah daerah) dan muscab (musyawarah) cabang. Tapi untuk kami sendiri di cabang, jarang sekali musyawarah (evaluasi), kecuali untuk event-event besar tertentu seperti untuk menyambut hari-hari besar Islam dan lainnya”³⁴

Kesibukan para pengurus pertubuhan dengan profesinya masing-masing nampaknya menjadi kendala tersendiri untuk menjalankan roda pertubuhan. Kerana itu untuk musyawarah dan evaluasi program sahaja masih belum efektif dijalankan, Berdasarkan

³³Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti organisasi dakwah PITI-Medan, San (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di rumah beliau.

³⁴Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus inti organisasi dakwah PITI-Medan, Syah (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di rumah beliau.

dokumen, memang ada beberapa catatan persidangan (musyawarah atau evaluasi), seperti jemputan hadir untuk merancang penyambutan “MaulidRasul” dan musyawarat dalam rangka penyambutan bulan Ramadhan.

Namun demikian kesemua program-program dalam pertubuhan itu masih belum tertata dan tersusun dengan baik dan aspiratif. Rancangan program kerja dalam setahun ke depan misalnya, tidak tertata sebagaimana layaknya organisasi sekolah yang memiliki jadual dan kalender pendidikan. Memang PITI bukan organisasi sekolah, tapi setidaknya pertubuhan itu juga menyelenggarakan pendidikan dan pengajaran secara rutin. Tentunya hal tersebut mengharuskan penataan yang lebih kemas dengan sistem pentadbiran yang profesional.

Disamping itu, mekanisme pergantian pengurus pertubuhan dan regenerasi kepemimpinan nampaknya masih perlu penataan secara organisasi. Pergantian pengurus yang seharusnya diselenggarakan dua tahun sekali tidak terlaksana, kerana ada perasaan enggan bagi anggota pengurus yang lainnya untuk mengadakan peralihan kepimpinan atau *pertukaran* kepengurusan telah terpilih beberapa tahun yang lalu. Mereka umumnya masih mempercayaaan kepemimpinan yang ada dan ingin terus dipimpin.

Salah seorang anggota pengurus PITI mengungkapkan:

“kami tidak pernah mempertanyakan tentang kepengurusan, dan cukuplah bagi kami dengan yang ada ini, kerana yang terpenting bagi kami organisasi ini bisa berjalan dan berperanan sesuai dengan fungsinya untuk menampung aspirasi muallaf, atau setidaknya menjadi lembaga konsultasi mereka”.³⁵

³⁵Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 17 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

Dengan demikian kendala internal pertumbuhan dakwah PITI juga dihadapkan kepada sistem dan mekanisme kerja pertumbuhan termasuk penyediaan sumber daya manusia yang handal, pelapisan dan regenerasi kepengurusan.

c. Cabaran bidang kewangan (aspek ekonomi).

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah yang telah diprogramkan oleh PITI, masalah ekonomi adalah menjadi masalah serius yang dihadapi oleh organisasi. Ini disebabkan kerana PITI pusat kurang memberikan perhatiannya terutamanya dalam masalah ekonomi. Keadaan ini memaksa PITI harus berdikari dan mengusahakan sendiri sumber-sumber ekonomi untuk membiayai program dakwah yang dijalankan. Di antara usaha yang dijalankan ialah mengumpulkan sumbangan dari para dermawan, dan membuat proposal yang diajukan kepada lembaga-lembaga kerajaan mahupun non-kerajaan atau mengutip yuran dari ahli pertumbuhan.

Walaupun PITI Medan telah mendapat bantuan dana daripada beberapa penderma, akan tetapi dana yang diperolehi itu sangat minim bila dibandingkan dengan keperluan dakwah yang dihadapi. Untuk menjimatkan dana, maka organisasi mengurangkan sedikit bayaran yang diberikan para ustaz yang mengajar dalam kelas-kelas al-Qur'an dan fardu 'Ain. Dalam keadaan normal bayaran yang di berikan kepada ustaz yang mengajar adalah Rp.50.000 (RM18) untuk setiap perjumpaan selama 90 minit. Apabila organisasi dalam keadaan krisis, maka akan dikurangkan sedikit menjadi Rp.40.000 (RM14). Sedang dalam acara pengajian umum, penceramahny akan diberikan elaun 100.000 (RM35), namun dalam keadaan krisis ia akan diberikan Rp.80.000 (RM28) sahaja.

Kerana kekurangan dana maka, penceramah-penceramah dan para ustaz yang dijemput juga dibatasi, hanya kepada mereka dekat dengan PITI, yang mengerti keadaan organisasi dan bersedia bersama-sama membangun serta memikul misi dakwah walaupun dalam keadaan memprihatinkan dan serba kekurangan. Demikian penjelasan salah seorang pengurus pertubuhan yang pengkaji jumpai di pejabatnya.³⁶

Daripada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa sumber keuangan dan keterbatasandana merupakan hambatan yang paling utama kepada pertubuhan dakwah PITI Bandar Raya Medan. Banyak program-program dan aktiviti dakwah yang tidak dapat dijalankan dengan baik disebabkan kekurangan dana. Hal ini juga terkait erat dengan minimnya modal insan atau sumber daya manusia yang dimiliki oleh PITI Bandar Raya Medan, sehingga dalam suatu program pengajian pertubuhan terpaksa menjemput para ustaz dan penceramah dari luar organisasi. Tentunya memanggil ustaz yang mengisi dakwah dan pengajian Islam dengan bayaran yang cukup sederhana.

2. Cabaran Aspek Eksternal

Masalah yang dihadapi PITI Medan selain cabaran dalaman adalah terkait dengan aspek luaran, seperti cabaran di bidang budaya, upaya pembauran atau asimilasi dan kristenisasi.

a. Masalah Adat dan Budaya

Adat dan budaya juga menjadi masalah utama yang menghambat keberhasilan dakwah PITI Medan. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh organisasi, bahkan juga

³⁶ Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

oleh saudara baru Tionghoa. Sebab walaupun seseorang telah memeluk Islam dan bersedia menerima Islam secara *kaffah*, akan tetapi keluarga dan masyarakat di mana mereka tinggal menuntut agar mereka agar tetap memegang adat dan budaya yang kebanyakannya bercanggah dengan akidah Islam. Di antara budaya Tionghoa yang masih kental di kalangan masyarakat Tionghoa Medan ialah penyembahan roh nenek moyang dan beberapa perayaan lainnya.

Penyembahan roh nenek moyang merupakan salah satu daripada sistem kepercayaan yang dipraktikkan oleh beberapa masyarakat kuno, khususnya di kalangan masyarakat Cina. Roh orang telah mati dipercayai berupaya memberi kesan terhadap kehidupan individu yang masih hidup. Amalan penyembahan roh nenek moyang ini bertujuan untuk mendapatkan belas kasihan daripada roh-roh nenek moyang dan agar mereka dilindungi. Mereka juga mempercayai reinkarnasi, iaitu adanya kehidupan kembali orang yang sudah meninggal dalam bentuk lain, seperti mewujud pada binatang dan lain sebagainya.

Di antaranya lagi, meminum arak adalah kegemaran masyarakat Tionghoa pada umumnya. Mereka minum arak bagaikan meminum air suam, terutama bagi lelaki sama ada yang muda mahupun orang tua. Di majlis-majlis perkahwinan Tionghoa, arak adalah minuman wajib yang dihidangkan. Beberapa individu yang telah memeluk Islam, masih tergiur dengan minum arak, di antara mereka ada yang masih susah untuk meninggalkannya.

Kerana itu menurut salah seorang dari pengurus PITI medan menyatakan bahawa kepada mereka yang akan memeluk Islam sentiasa diberi amaran agar mereka serius masuk Islam, bukan kerana perkahwinan atau keputusan yang emosional, tapi

sebaiknya atas dasar kesadaran dari lubuk hati yang dalam. Syah misalnya menyatakan seperti berikut:

“Kami selalu mengajarkan kepada muallaf bahawa menjadi muallaf bukanlah keputusan main-main, karena itu PITI tidak melayani mereka yang ingin menganut Islam hanya karena ingin menikah, banyak yang seperti itu. Mereka beralasan akan mempelajari Islam setelah menikah namun tetap tidak akan kami layani dan minta mereka mencari tempat lain yang menerimanya untuk masuk Islam”.³⁷

Menurut Syah, mengenal Islam terlebih dahulu adalah lebih baik sebelum membaca syahadat, sehingga pengetahuan tentang Islam tersebut akan mempertingkatkan lagi keyakinan dan para muallaf akan dapat menjaga keislamannya dan mampu bertingkah laku selayaknya seorang Muslim. Selain itu, agar mereka dapat menghadapi tantangan yang mungkin akan dihadapi setelah masuk Islam, maka mereka juga diarahkan untuk tetap berhubung dengan pertubuhan, terutama agar mereka terus belajar dan mendalami Islam. Itulah sebabnya menurut Syah, mereka memerlukan masa dan pembinaan keimanan dan spiritual secara berterusan dan intensif di kalangan masyarakat Muslim Tionghoa agar mereka dapat ber-Islam secara *kaffah*, sehingga dapat membezakan antara budaya atau adat yang bersesuaian dengan Islam dan budaya yang bercanggah dengan ajaran Islam.

b. Masalah Kristianisasi

Perang Salib berakhir dengan menyisakan kekalahan bagi kaum Nasrani. Namun kekalahan itu bagi mereka merupakan titik awal bagi suatu perang baru yang akan terus dilancarkan ke Umat Islam sepanjang masa. Perang baru itu lebih kita kenal dengan Kristianisasi atau Pemurtadan. Dari praktik yang telah ada selama ini pemurtadan dapat

³⁷Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus dan merangkumi anggota organisasi dakwah PITI-Medan, Syah (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00, di rumah beliau.

dikatakan sebagai gerakan agama, politik, penjajahan yang muncul setelah kegagalan Perang Salib dengan tujuan menyiarkan agama Kristian di kalangan bangsa dunia ketiga umumnya dan pada umat Islam khususnya.

Gerakan Kristianisasi mempunyai pemikiran dan keyakinan yang sangat berbahaya bagi umat Islam. Setiap ada kesempatan untuk menyampaikan pemikiran mereka, maka mereka pun akan menyampaikannya. Di antara pemikiran terpenting mereka ialah memerangi persatuan Islam, menggambarkan Islam sebagai agama biadab dan tiruan, serta menjauhkan umat Islam dari Islam dan menganggap Kristian sebagai teman.³⁸

Kristianisasi adalah tantangan besar yang dihadapi oleh PITI, bahkan oleh semua organisasi Islam dalam melancarkan misi dakwahnya. Kristianisasi atau gerakan pemurtadan ini hadir di setiap lapisan masyarakat dengan selalu menggunakan berbagai cara dan metode halus agar orang yang diinginkan dapat murtad atau paling tidak keyakinannya goyah sehingga mudah ianya berpindah kepada agama mereka.

Di antara mereka yang murtad pada umumnya, menurut salah seorang pengurus PITI, kerana mereka kurang mendapat bimbingan intensif mengenai pemahaman ajaran Islam disamping ada faktor-faktor lainnya. Hal itu diungkapkan oleh Cai seperti berikut:

“Banyak pasangan terdiri dari pribumi dan Cina, maka kalau salah satu pasangannya tidak dapat menunjukkan contoh yang baik atau tidak dapat membimbingnya, maka keduanya menjadi pasangan yang murtad. Itu berarti muallaf perlu mendapatkan bimbingan serius agar tidak mudah goyah keyakinannya”.³⁹

³⁸ Muhammad Faisal, “Pokok-pokok Gerakan Kristenisasi/Pemurtadan”, laman sesawang *gerakan pelajar anti pemurtadan*, dicapai 10 Mei 2011, <http://gerakanpelajarantipemurtadan.blogspot.com>.

³⁹ Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Cai (bukan nama sebenarnya) pada 15 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

Yang paling bermasalah lagi setelah keluar surat keputusan tiga menteri no. 70 tahun 1978 (surat keputusan tiga menteri iaitu Menteri Agama, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan serta Menteri Dalam Negeri) tentang peraturan penyebaran agama di Indonesia. Iaitu tidak dibenarkan menyebarkan agama kepada orang yang telah beragama. Sejak SK tiga menteri itu diputuskan, PITI kurang menumpukan programnya kepada pengislaman dan lebih memberi tumpuan kepada pembinaan keimanan kepada orang-orang yang telah berjaya di-Islamkan. Akan tetapi pihak Kristian memanfaatkan kesempatan ini dengan sebaik-baik mungkin dengan menyebarkan ajaran Kristian di kalangan masyarakat sama ada yang beragama Islam mahupun non-Muslim dengan cara yang sangat halus, antaranya melalui, jalur pendidikan, media dan institusi kesihatan sebagaimana dijelaskan berikut ini:

- a. Pendidikan: Melalui pendidikan dan pengajaran mereka berusaha mempengaruhi sistem pendidikan, misalnya, dengan mengurangi jumlah jam pengajaran agama yang tujuannya memperdaya umat Islam dengan kebodohan terhadap ajaran agamanya sendiri.
- b. Media Massa: Hampir semua media massa telah digunakan oleh pihak misionaris untuk melemahkan iman umat Islam. Penayangan program television yang serba aurat terbuka dan kerosakan mental yang sentiasa menjadi tontonan umat Islam, sedikit demi sedikit berpengaruh. Demikian juga dengan tayangan yang menampilkan kehidupan dengan budaya hedonisme, materialisme dan pragmatis serta gaya hidup yang permissif, iaitu longgar terhadap nilai-nilai dan peraturan sosial maupun agama.
- c. Rawatan kesihatan: Hospital merupakan punca tertumbuhnya jemaah baru dan menjadi alat komunikasi yang paling berkesan dan tidak banyak

menimbulkan kecurigaan dalam komunikasi jemaah Kristian dengan masyarakat lingkungannya yang bukan Kristian.⁴⁰

Dari huraian di atas jelaslah bahawa misi Kristianisasi telah menghambat jalan dakwah umat Islam secara menyeluruh termasuk PITI Medan dalam menyebarkan agama Islam di kalangan masyarakat pada umumnya dan masyarakat Tionghoa pada khususnya. Berdasarkan pengamatan penulis, terdapat beberapa warga Tionghoa yang hendak berpindah agama, lebih memilih agama Kristian daripada agama Islam. Ini menunjukkan kejayaan misi Kristianisasi. Walau bagaimanapun, ini sepatutnya menjadi cambukan kepada pihak PITI khususnya dan umat Islam pada umumnya untuk semakin merapatkan barisan, menguatkan tekad dan azam dalam membawakan dakwah Islam dengan menerapkan strategi-strategi yang tepat, efektif, berstruktur dan lebih profesional.

c. Asimilasi atau pembauran.

Dapat dikatakan bahawa secara umum orang Tionghoa cenderung kurang aktif mengambil bahagian di dalam kegiatan sosial di lingkungannya. Bagi sebahagian orang Tionghoa meski sebenarnya tidak menolak untuk mengambil bahagian, namun lebih cenderung untuk memilih pasif. Biasanya dalam kegiatan-kegiatan sosial seperti perayaan-perayaan hari besar (peringatan hari proklamasi Indonesia, 17 Agustus-an) atau kegiatan-kegiatan lainnya mereka lebih memilih merogoh kocek untuk membantu keuangan dari pada harus terjun langsung di dalam kegiatan tersebut.

Keadaan ini belum dapat berubah sepenuhnya, meskipun kemudian orang Tionghoa telah masuk Islam, tetapi, bagi orang Tionghoa Muslim yang perlahan-lahan

⁴⁰ Lihat: Ruedi Hofman S.J, *Gereja dan Mas Media*, (Jogjakarta: Kanusius, 1987), 7; Sijabat WB, *Partisipasi Kristen dalam Nasional Building di Indonesia*, (Jakarta: BPK Gunung Jaya, 1968), 147.

mulai berusaha aktif di lingkungan, posisi mereka telah mulai diterima meski belum sepenuhnya, setidaknya sebahagian masyarakat bersedia melibatkan orang Tionghoa Muslim di dalam banyak kegiatan sosial, walau kegiatan sosial yang bersekala kecil seperti saling tolong-menolong atau partisipasi dalam bentuk sumbangan. Bahkan bagi orang Tionghoa Muslim yang rumahnya masih berada di lingkungan majoriti etnik Tionghoa kadang kala perlakuan diskriminatif masih mereka alami dari masyarakat.

Kerana itu, beberapa orang Tionghoa Muslim masih merasa lebih baik memilih di lingkungan tertutup orang-orang Tionghoa, dengan alasan lebih nyaman, kerana kepentingan pekerjaan atau strategi bisnis (kecuali bagi perempuan Tionghoa). Tentunya keadaan ini semakin menyulitkan bagi mereka untuk mengambil bahagian secara aktif di lingkungan. Padahal di kalangan orang Tionghoa yang non Muslim kedudukan mereka juga tergeser kerana perbezaan agama. Bagi mereka hal ini sangat prinsipil kerana tradisi Tionghoa sangat bertentangan dengan ajaran Islam. Tetapi bagi orang Tionghoa Muslim terkadang sikap saling tidak peduli ini lebih menguntungkan untuk kepentingan pekerjaan atau kerana perasaan tidak nyaman di lingkungan non-Tionghoa.

Keadaan ini selanjutnya diikuti dengan membentuk organisasi atau melakukan kegiatan sosial di lingkungan di mana mereka dapat merasa selesa dan diterima sepenuhnya. Kerana dari pihak orang Islam dan Tionghoa non-Muslim mereka cenderung belum mendapat tempat yang layak, maka mereka berusaha membentuk organisasi yang ahlinya adalah orang-orang Tionghoa Muslim itu sendiri, meskipun tidak tertutup bagi etnik lain.

Pembentukan organisasi ini sebenarnya boleh jadi berpotensi membuat orang-orang Tionghoa Muslim menjadi kembali eksklusif, tetapi dengan kenyataan bahawa

kedudukan mereka yang relatif kurang menguntungkan sehingga mereka mencuba-cuba mencari jalan keluar. Maka dengan hadirnya organisasi seperti PITI, mereka berharap keberadaan mereka diketahui dan diterima oleh masyarakat, terutama masyarakat Muslim. Meski mereka sedar bahawa harapan itu tidak boleh diperoleh dalam waktu yang cepat, hal ini boleh jadi disebabkan oleh kemajemukan dan keanekaragaman masyarakat di Bandaraya Medan.

Dalam usaha membantu proses pembauran dan pada masa yang sama berdakwah, orang-orang Tionghoa Muslim beberapa kali pernah mengunjungi *muallaf* non-Tionghoa di luar kota Medan dan sekedar untuk silaturrahim dan bertukar maklumat. Tetapi kegiatan paling sering adalah pengajian tetap bulanan yang dilakukan oleh Tionghoa Muslim secara bergantian di rumah-rumah ahlinya. Pengajian ini biasanya diisi dengan ceramah agama oleh seorang ustaz kemudian dilanjutkan dengan solat Asar berjamaah dan acara kutu-kutu sesama ahli.

Sementara, berkenaan dengan masalah pembauran pada dasarnya hal itu selari dengan semboyan Bhineka Tunggal Ika yang sentiasa mengingatkan bangsa Indonesia untuk mewujudkan persatuan dan kesatuan dalam perbezaan. Selogan itu mengingatkan kita untuk mengerti, menghayati, dan melaksanakan kehidupan bersama secara berdampingan dengan damai dalam masyarakat yang berbeza suku bangsa, ras, agama, dan golongan. Perbezaan seharusnya tidak dijadikan alasan untuk memicu terjadinya konflik sosial, tetapi perbezaan seharusnya justeru menjadi unsur utama untuk mewujudkan persatuan.

Namun demikian, untuk mewujudkan cita-cita mulia tersebut bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini terjadi kerana tidak banyak di antara kita yang memahami benar tentang hakikat suku bangsa, ras, agama, dan golongan, yang sebenarnya merupakan

gambaran dari etnik yang memiliki latar belakang sosial dan budaya yang berlainan, yang dapat membentuk cara berfikir, sikap, dan tindakan yang berlainan pula. Karena ketidakfahaman atas etnik dan ras sebagai identiti sosial dan budaya itulah, maka timbullah dorongan untuk memetakan masyarakat berdasarkan suku, agama, ras, dan golongan di atas peta majoriti dan minoriti. Akibatnya hubungan antar etnik sering diwarnai oleh prasangka sosial dalam bentuk jarak sosial, sikap diskriminasi, kompetisi tidak sihat, yang kemudian pada hujungnya sering menimbulkan konflik.

Pada beberapa kes memang ada indikasi, menurut Junus Jahja, mengapa orang Tionghoa susah diterima sebagai orang kita di Indonesia. Pertama, ada kendala jurang ekonomi, iaitu adanya jurang ekonomi antara peribumi dan WNI(Warga Negara Indonesia) keturunan Tionghoa, di mana WNI keturunan Tionghoa dalam bidang ekonomi lebih atas daripada peribumi. Kedua, adanya perbezaan agama, iaitu majoriti WNI keturunan Tionghoa tidak memeluk agama yang dianuti oleh majoriti peribumi. Kedua permasalahan inilah yang harus segera diatasi oleh bangsa Indonesia dalam usaha menuntaskan proses asimilasi etnik Tionghoa di Indonesia, sehingga beberapa peristiwa konflik sosial tidak akan terjadi.⁴¹ Oleh karena itu gerakan dakwah PITI termasuk cawangan Medan diarahkan kepada dua sasaran tersebut untuk mengatasi permasalahan asimilasi.

Selanjutnya, menurut Junus Jahya, kunci asimilasi dalam bidang ekonomi adalah membuat ekonomi peribumi kuat, oleh karena itu gerakan dakwah dalam usaha asimilasi dalam bidang ekonomi ini diarahkan pada terwujudnya praktik ekonomi etnik Tionghoa yang sihat dan terwujudnya kesejahteraan ekonomi masyarakat peribumi. Manakala asimilasi di bidang agama adalah dengan berpindah agama kepada agama

⁴¹ M. Alfandi, Asimilasi Sebagai Strategi Dakwah Etnis Tionghoa Muslim, laman sesawang *fandyaiain* dicapai 10 Mei 2011, <http://fandyaiain.blogspot.com>.

majoriti, sehingga unsur-unsur penyebab ketegangan antar keduanya akan berkurang. Maka gerakan dakwah di sini selain diarahkan kepada etnik Tionghoa yang berlainan agama dengan majoriti, juga diharapkan perlu adanya dakwah yang intensif kepada interen umat Islam agar lebih menghargai perbezaan, yang menunjukkan Islam sebagai ”*rahmatan li al-’alamin*”.

Berdasarkan data, orang Tionghoa Muslim di Medan diperkirakan berjumlah 3000 orang dari 166.166 orang Tionghoa pada tahun 1983 dan 5000 orang pada tahun 2011 dari 205.320 orang Tionghoa⁴². Dari sebahagian orang Tionghoa yang sudah lama masuk Islam diduga telah berasimilasi secara total dengan penduduk dan kebudayaan setempat, sehingga perkiraan jumlah orang Tionghoa Muslim di Medan boleh jadi lebih banyak dari data di atas. Meskipun demikian, data ini memang tidak dapat dipastikan ketepatannya, kerana tidak diperoleh data resmi mengenai jumlah penganut agama Islam di Medan. Relatif sedikitnya jumlah orang Tionghoa Muslim dibandingkan dengan jumlah seluruh masyarakat Tionghoa di Medan dapat disebabkan oleh beberapa hal:

- a) Penyebaran agama Islam di kalangan orang Tionghoa masih kurang dan hanya dilakukan oleh kalangan orang Tionghoa itu sendiri seperti organisasi , PITI.
- b) Bagi orang Tionghoa, agama Islam dianggap kurang toleran dan eksklusif dibandingkan dengan toleransi dan sifat serba boleh dari agama Konghucu yang mereka anut sebelumnya.⁴³ Praktik memberikan *angpao* (wang yang dibungkus kertas merah) misalnya, merupakan praktik umum pada waktu *Sin Chia* agar yang diberi bersikap manis dan baik. Praktik pemberian yang mungkin bagi

⁴² Hasil temubual dengan ketua Piti Medan Sumatera Utara, Muhammad Ihsan (Liaw Lk Chang) pada tanggal 17 Maret 2012 Jam 3.15-6.00 petang

⁴³ Charles A.Coppel, *Tionghoa Indonesia dalam Krisis*, Judul Asli : *Indonesia Chinese InCrisis*, Penerjemah Tim PSH, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1994), 35.

orang Islam dianggap tidak berbeza dengan rasuah itu dapat ditemui dalam umumnya upacara tradisi Tionghoa. Bagi mereka, *angpao* didasarkan pada kepercayaan keseimbangan dalam *Yin-Yang* untuk menghindari konflik dengan cara mencari 'jalan tengah'. Itulah sebabnya sifat kompromi yang saling menguntungkan mendarah daging dalam budaya Tionghoa. Dari tradisi budaya kuno yang tertanam itu dan dianggap wajar, dapat difahami mengapa masyarakat Tionghoa dianggap cenderung menghalalkan rasuah untuk melancarkan bisnis, sementara Islam dalam hal ini sangat keras melarang⁴⁴.

- c) Keengganan orang Tionghoa dalam hal pengorbanan fizikal tertentu seperti mesti berkhitan, tidak boleh memakan daging babi, meminum arak, dan berpuasa.⁴⁵ Keengganan ini memang banyak diakui oleh orang Tionghoa sendiri, beberapa orang Tionghoa Muslim bahkan masih belum sepenuhnya terlepas dari memakan daging babi atau meminum arak. Sikap ini tidak menghairankan, sebab gambaran Ma Huan seorang yang ikut dalam ekspedisi Cheng Ho, laksamana Muslim armada China yang berkunjung ke Nusantara abad ke-15 menyatakan bahawa tidak semua orang China Muslim melaksanakan hukum Islam, bertaubat dan berpuasa, termasuk menghindari makan babi dan meminum arak.⁴⁶ Jadi, secara umum pengorbanan fizik ini bagi orang Tionghoa memang dirasakan berat sejak dahulu.
- d) Sikap keras Islam terhadap hal-hal yang melekat sebagai pembawaan dan budaya orang Tionghoa. Memang disebutkan bahawa orang Tionghoa mempunyai sikap keagamaan yang lebih bersifat "memilih-milih dan sinkretis dari pada eksklusif".⁴⁷ Mengenai hal-hal sinkretis yang bertentangan dengan ajaran Islam umpamanya adalah warisan tradisi yang kuat masyarakat Tionghoa

⁴⁴ Ditulis berdasarkan pemaparan beberapa orang Tionghoa Muslim sebagai subjek penelitian.

⁴⁵ Charles A.Coppel, *Tionghoa Indonesia*, 35.

⁴⁶ H.J.de Greaaf, *Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI: Antara Historisitas dan Mitos*, Penerjemah :Alfajri, (Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya, 1997), 56.

⁴⁷ Charles A.Coppel, *Tionghoa Indonesia*, 35.

pada empat sumber, iaitu penyembahan alam dan roh-roh halus nenek moyang (spiritisme, animisme dan pantheisme), agama-agama Taoisme, Konfusianisme, dan Buddhisme. Penyembahan alam dan roh-roh halus nenek moyang adalah kepercayaan tradisi yang tertua, Kerana usianya yang tua, maka tradisi ini sangat sulit untuk dihilangkan dan diganti dengan ajaran lain yang sangat keras menentang seperti Islam.

- e) Faktor yang dianggap lebih mendalam adalah prasangka yang menganggap orang Islam lebih rendah kedudukannya dibandingkan mereka. Dalam anggapan mereka yang telah tertanam sejak zaman Belanda, Islam adalah agama peribumi, warga negara paling rendah pada masa itu, sehingga bagi mereka memeluk Islam bererti merendahkan status sosial. Eksklusivisme secara umum memang membuat orang Tionghoa mengasingkan dirinya dari etnik lain. Secara khusus, eksklusivisme itu juga terjadi di kalangan mereka sendiri. Dalam tradisi sejarah budaya Tionghoa satu keluarga besar atau *she* (dinasti) tertentu kadang menganggap keluarga lain lebih rendah, bahkan keluarga sendiri kadang menganggap keluarga lain lebih rendah.

Sementara itu ada beberapa alasan yang menjadi penyebab orang Tionghoa keturunan masuk agama Islam iaitu :

Pertama: Panggilan jiwa dan kesedaran peribadi orang Tionghoa terhadap kebenaran ajaran Islam yang dipelajari di berbagai sumber. Kenyataan ini biasanya dilatarbelakangi juga oleh pergaulan mereka di lingkungan Muslim. Seperti yang diungkapkan oleh salah seorang participant yang menjadi subjek penelitian ini:

“Dari kecil rumah saya berada di lingkungan orang Islam, dekat rumah ada masjid, saya sering masuk ke sana dan kadang-kadang ikut mengaji. Saya senang lihat kawan-kawan saya baca Al-Quran, tapi saya diusir oleh ustaznya pada hal saya ingin sering ikut belajar Islam. Tapi saya sering dengar pengajian

di luar masjid, kerana dalam kesimpulan saya bahawa ajaran Islam adalah ajaran yang benar, sebab itu saya memeluk agama Islam⁴⁸.

Kedua: Banyak anggapan bahawa desakan politik pemerintah dan masyarakat yang beragama Islam, terutama sejak terjadinya pembubaran PKI tahun 1965, menyebabkan orang Tionghoa memeluk agama Islam. Desakan-desakan ini juga diduga berakibat timbulnya rasa kluatir orang-orang Tionghoa terhadap masyarakat dan pemerintah kerana dicurigai mereka terlibat dalam organisasi terlarang iaitu PKI yang atheis. Selain itu mencuatnya kerusuhan-kerusuhan yang berunsur perkauman yang menyeret orang Tionghoa pada pemakaian istilah peribumi dan non peribumi, WNI dan WNI keturunan, serta Islam dan non Islam pada masa Orde Baru hingga era reformasi tahun 1998 juga mempengaruhi keadaan untuk mengganti agama. Tapi dalam berbagai temu bual yang dilakukan peneliti tidak ditemukan data bahawa mereka masuk Islam dengan alasan politik.

Ketiga : Perilaku ganti agama dilatarbelakangi oleh alasan agar dapat menikah dengan orang Islam. Sejauh yang penulis amati, alasan ini sebenarnya lebih banyak didasari oleh peraturan pemerintah yang mengharuskan mereka untuk menikah dalam satu agama, dan ini adalah alasan yang paling banyak melatarbelakangi orang-orang Tionghoa yang masuk Islam secara umum disebabkan kerana mereka akan menikah dengan wanita Muslim. Hal ini dapat dibuktikan dengan banyaknya sijil ganti agama sebelum akhirnya menikah di pejabat urusan agama yang mengesahkan keislamannya mereka tersebut.

⁴⁸ Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

Keempat, tidak seperti agama Islam atau Kristian, bagi agama-agama kecil seperti agama Hindu, Buddha atau ajaran Konghucu kerana tidak berasal dari tradisi monoteisme Timur Tengah, maka terdapat masalah menetapkan ajaran-ajaran itu sebagai agama. Menurut salah pandangan yang diterima, pengakuan sesuatu agama menyangkut kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa, satu Nabi, satu kitab suci, dan seperangkat hukum keagamaan yang mengikat para pengikutnya. Sementara, agama-agama kecil terutama Buddha dan Konghucu yang tidak memiliki basis tertentu seperti Hindu di Bali akhirnya banyak mengalami perubahan menjadi lebih 'Indonesia'. Bahkan, beberapa pengikut ajaran itu mulai mengakui bahawa agama mereka lebih bersifat Indonesia dari pada Tionghoa. Tapi perubahan ini akhirnya merupakan satu gejala yang juga menyebabkan orang Tionghoa meninggalkan kepercayaan agama tradisional mereka dan beralih ke agama Islam atau Kristian sebagai agama yang sudah lebih mapan di Indonesia.⁴⁹ Tetapi sepertinya dalam kes orang Tionghoa Muslim di Medan, data ini juga tidak ditemukan berdasarkan hasil temu bual dan pengamatan penulis dengan seluruh responden.

Kelima, sebagai upaya mempercepat proses pembauran di kalangan orang Tionghoa yang kediamannya berada di lingkungan orang Islam. Seperti diketahui penduduk kota Medan tidak dimiliki budaya yang dominan, sehingga bagi orang-orang Tionghoa yang menyedari pentingnya pembauran. Berasimilasi dengan satu budaya tertentu dari sekian banyak budaya yang ada di Medan majoriti juga beragama Islam. Jadi, Islam bagi mereka mungkin dapat dianggap sebagai faktor yang paling memungkinkan untuk berbaur. Secara mendalam pembahasan mengenai pembauran melalui agama Islam.

⁴⁹ Charles A.Coppel, *Tionghoa Indonesia*, 209.

Pihak PITI sendiri, tidak mengetahui secara pasti dan jelas jika ternyata tujuan warga Tionghoa menganut Islam kerana alasan menikah, atau alasan lainnya yang tidak dibenarkan. Segenap pengurus memang merasa tidak perlu untuk menyiasat tujuan-tujuan di luar Islam itu terlalu jauh, hal tidak mungkin untuk dilakukan. Meskipun terkadang (setelah proses pengislaman itu dilangsungkan), mereka akhirnya mengetahui bahawa keislaman orang Tionghoa yang diislamkannya ternyata digunakan untuk melangsungkan pernikahan, tapi sebagai pengurus kami tetap berbaik sangka dan memiliki fikiran positif terhadap orang Tionghoa yang masuk Islam, mungkin jalannya menemukan petunjuk (hidayah) memeluk Islam adalah dengan cara menikah.

Sedangkan menyangkut pendalaman agama, pihak pertubuhan sendiri memang tidak mewajibkan seseorang muallaf Tionghoa yang baru masuk Islam untuk datang dan belajar semua ajaran Islam di pertubuhan ini, untuk memahami dan belajar Islam dan seluk-belok ajarannya, mereka disarankan belajar dari masyarakat di sekitarnya di mana ia tinggal. Selain untuk memudahkan, juga yang bersangkutan dapat membauri dengan masyarakat sekitarnya. Namun pihak pertubuhan sendiri tetap menganjurkan agar ia mahu mendatangi dan ikut serta dalam kegiatan-kegiatan rutin keagamaan yang diadakan pihak pertubuhan. Selain untuk memahami Islam melalui media pengajian, dia juga boleh belajar dari mereka yang telah mengerti tentang ajaran Islam.

4.6 Ke Arah Dakwah Efektif

Pertubuhan PITI dengan segala peranan dan fungsinya bagi pengembangan dakwah Islam sesungguhnya merupakan aset, khususnya bagi umat Islam. PITI dengan segala permasalahan dan cabarannya tetap wujud hingga hari ini dan tetap menjalankan fungsi religius dan sosialnya; menyampaikan seruan kepada yang ma'ruf (berdakwah) dan aktif dalam membina hubungan sosial kemasyarakatan.

Karena itu PITI untuk lebih dapat diterima di masyarakat secara luas pertubuhan ini mencuba melakukan kerja sama dengan berbagai organisasi dakwah dan sosial dan bahkan dengan pihak kerajaan. Berbagai aktiviti dakwah seperti penyelenggaraan dakwah terbuka pada waktu-waktu tertentu telah pun dilakukan dengan mengundang berbagai unsur lapisan masyarakat. Selanjutnya PITI juga menggalakkan “silaturrahim” yang bukan sahaja dengan sesama muslim Tionghoa tapi juga masyarakat awam.

Syam dalam hubungan ini menyatakan seperti berikut:

“Kami berusaha menarik minat orang-orang Tionghoa muslim yang belum bergabung supaya mereka dapat menyertai kami dalam mengembangkan dakwah dengan cara bersilaturrahim dan menjemput mereka dalam program program yang kami anjurkan seperti saya sebutkan tadi”⁵⁰

Pembauran atau asimilasi memang telah pun menjadi agenda PITI dan mensosialisasikannya kepada para anggota pertubuhan dalam setiap kesempatan. Hal itu memang sejalan dengan program kerajaan melalui kebijakan dan keputusan politis seperti tertuang dalam surat keputusan bersama. Namun demikian program pembaruan juga disertai dengan pembenahan ke dalam tubuh organisasi. Kerana itu pelan atau rancangan PITI dalam waktu dekat akan mencuba melakukan regenerasi dan perbaikan sistem pengurusan agar PITI lebih aspiratif dan berperanan aktif dalam mengembangkan dakwah. Hal itu dikemukakan oleh Mamat dalam kesempatan temubual dengan pengkaji:

“Kita memang terakhir ini sedang mencuba melakukan perubahan dalam organisasi, ... seperti terkait dengan menejmen dan perencanaan serta program-program dakwah sesuai dengan tuntutan, terutama dari kalangan etnik (Islam) yang telah menjadi muallaf,...biar PITI lebih berperanan aktif”.⁵¹

⁵⁰Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Syam (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 12.00 – 13.30.

⁵¹Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 14 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

Selanjutnya PITI menurut Syam, akan lebih bermakna sama ada bagi para muallaf maupun yang belum masuk Islam sebagai media penerangan atau institutisi yang membekali pengajaran dan pendidikan mengenai Islam.

Syam menjelaskan seperti berikut:

“banyak di antara orang muallaf yang memeluk Islam dengan tujuan untuk berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Jika mereka mengalami permasalahan dalam rumah tangga seperti perceraian atau pertengkaran di antara suami dan isteri sebahagiannya telah keluar dari ajaran Islam, murtad. Sebab itulah PITI mengadakan kelas-kelas, bimbingan pengajian untuk memantapkan aqidah dan pemahaman mereka terhadap Islam”.⁵²

Selain Syam, hal itu juga dinyatakan Mamat seperti berikut:

“Tantangan dari keluarga yang sering dihadapi para muallaf cina adalah tantangan dari keluarga sendiri, karena mereka menganggap bahawa Islam adalah sebagai agama peribumi. Ada beberapa di antara mereka yang dipinggirkan oleh keluarga asal mereka yang menganut agama nenek moyang mereka. Setelah mereka memutuskan Islam sebagai agama mereka mendapat tantangan dari keluarga mereka. Hal ini merasa diri mereka seperti terbuang dan tersisih. Oleh itu sokongan pertolongan daripada masyarakat Islam amat diperlukan”.⁵³

Kerana itu, mengacu kepada permasalahan tersebut di atas, PITI akan terus menggalang persatuan muallaf *dengan* kerjasama dengan para tenaga-tenaga pengajar tempatan (pribumi) untuk melakukan dakwah secara lebih intensif lagi. Terutamanya lagi, penyediaan tenaga pengajar yang berkeelayakan dan profesional dengan penguasaan metod dakwah dan pembelajaran.

Hal itu mengingatkan bahawa tenaga pengajar merupakan sumber aspirasi kepada kecapaian saudara baru untuk mendapatkan pengetahuan tentang agama Islam. Tenaga

⁵²Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Syam (bukan nama sebenarnya) pada 17 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

⁵³Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, Mamat (bukan nama sebenarnya) pada 17 Jun 2011, Jam 14.30 – 17.00.

pengajar juga berperan penting untuk memberikan impak yang besar kepada para saudara baru (*muallaf*) dalam penerimaan dan pemahaman berkaitan dengan ajaran Islam. Kerana itu tenaga pengajar mesti menguasai berbagai metode dakwah yang bersesuaian dengan keperluan semasa dengan memandangkan aspek-aspek seperti materi dakwah yang akan disampaikan dan peserta yang terlibat dalam proses dakwah dan pembelajaran. Selain itu, ianya juga mesti memiliki kemampuan khusus seperti kemahiran, cekap, professional, intelektual dan bermoral.

Selanjutnya, dalam proses dakwah dan pembelajaran kelas tentunya harus memiliki silabus yang ditata sedemikian rupa secara maksimal. Kerana itu program kerja yang akan menjadi fokus perhatian kedepan PITI adalah penyediaan silabus bukan sahaja dalam program pengajaran tapi juga dalam program dakwah dalam pengertian umum. Dengan demikian setiap aktiviti dakwah dan pengajaran akan terjabarkan mengenai tujuan dan target pencapaian tertentu. Jadi aktiviti tersebut tidak terserah kepada guru atau penceramah hendak menyampaikan materi apa, tapi mesti merujuk dan berpedoman kepada silabus yang telah tersedia.

Silabus dalam pengertian disini adalah “pendekatan ilmu pembelajaran dan pengisian yang digunakan oleh PITI dalam meningkatkan pemahaman ilmu Islam bagi para saudara baru”, demikian Syah dalam penjelasannya. Melalui silabus yang baik dan bertepatan dengan keperluan saudara baru tentu akan memberi kemudahan kepada mereka menerima ilmu Islam dan meningkatkan kefahaman mereka berkaitan dengan ajaran Islam.

BAB V
ANALISIS MASALAH DAN CABARAN PERSATUAN
ISLAM TIONGHOA INDONESIA (PITI)
DI BANDARAYA MEDAN

5.0 Pengenalan

Pada bahagian ini akan dibentangkan analisis kajian mengenai permasalahan dan cabaran dakwah yang dihadapi pertubuhan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan. Bahasan dapat merupakan jawapan kepada soalan kajian, kerana itu huraian akan meliputi kewujudan pertubuhan PITI, pola penyelenggaraan dakwah PITI, masalah dan cabaran serta bagaimana solusinya agar dakwah dapat diselenggarakan lebih efektif dan berkesan. Analisis mendalam yang dikemukakan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif merupakan pendekatan utama dan major dalam penyelidikan ini, sedang pendekatan kuantitatif merupakan pendukung bagi analisis data kualitatif, dan pendekatan yang dimaksud adalah analisis data yang diperoleh melalui soal selidik .

5.1. Analisis Data Kualitatif

5.1.1. Kewujudan Pertubuhan PITI

Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandaraya Medan, yang ditubuhkan sejak tahun 1961 merupakan pertubuhan yang dikelola langsung oleh orang-orang keturunan etnik Tionghoa yang telah masuk Islam. Pertubuhan ini merupakan Cawangan yang berpusat di Jakarta dan telah memiliki Anggaran Dasar (AD) dan Anggaran Rumah

Tangga (ART) tersendiri. Berdasarkan AD dan ART tersebut tiap-tiap cawangan termasuk PITI di Bandaraya Medan, mengembangkan program dakwah dan aktiviti yang masing-masing sesuai dengan tuntutan masyarakat dan daerahnya masing-masing.

Namun demikian, PITI di Bandaraya Medan khususnya, di tengah perkembangan penduduk bandar yang pesat, semakin lama semakin banyak pula orang-orang keturunan etnik Tionghoa yang duduk di bandar. Mereka pada umumnya menguasai perekonomian di kawasan bandar, seperti mengelola kedai-kedai, pusat-pusat membeli belah dan berbagai jenis niaga lainnya. Mereka berniaga mulai dari barang-barang runcit hingga bahan makanan asas. Kerana itu, masyarakat peribumi, akan mengalami kesusahan jika kedai-kedai dan peniaga-peniaga penyedia bahan asas itu tutup. Hal tersebut pernah terjadi pada tahun 1998, ketika terjadi kerusuhan perkauman terhadap warga Tionghoa. Masyarakat peribumi yang berdemonstrasi (tunjuk perasaan) telah menjadikan kaum etnik Tionghoa sebagai sasaran kerusuhan, mungkin kerana masalah kecemburuan sosial. Pusat-pusat perniagaan dan kedai-kedai milik etnik Tionghoa pun banyak yang tutup, namun kemudian banyak peribumi yang tinggal di bandar khususnya mengalami kesusahan untuk mendapatkan keperluan asas seperti beras, tepung, gula, minyak dan lain sebagainya.

Terkait dengan masalah perpindahan agama, maka berdasarkan maklumat dari jawatan kependudukan dan institusi agama hampir setiap minggu ada sahaja orang Tionghoa yang masuk Islam. Namun demikian banyak di antara muallaf yang tidak dikenal pasti oleh PITI, kemana mereka setelah memeluk Islam, bagaimana kelanjutan hidup beragamanya dan bagaimana mereka mendalami Islam. Mungkin mereka memeluk Islam kerana kesadaran sendiri, tanpa melibatkan pihak-pihak tertentu kemudian mereka menjalani hidupnya secara normal tanpa menghadapi permasalahan

yang bererti. Biasanya mereka akan datang ke PITI jika mereka menghadapi masalah sama ada dikeluarganya, dilingkungan masyarakat etnik keturunannya mahupun ditempat pekerjaannya. Mereka akan mencari perlindungan tertentu atau mereka akan datang untuk sekedar berkongsi pengalaman atau bertanya masalah agama, budaya dan sosial kemasyarakatan.

Kerana itu semestinya PITI untuk lebih proaktif dan menjalankan tugas sosial keagamaannya secara profesional. PITI selayaknya juga memiliki jaringan maklumat yang luas dan berkomunikasi serta bekerjasama dan berkolaborasi dengan masyarakat dan organisasi-organisasi sosial keagamaan yang lainnya, sehingga dapat memantau sesiapa yang akan memeluk Islam dan bagaimana perkembangan kelanjutan keberagamaannya, dan bahkan mengadakan dakwah Islam bersama dengan pertubuhan lain. Ertinya, PITI tidak pasif dan menunggu bagai dokter menanti pesakit datang. PITI sudah seharusnya lebih progresif, proaktif, kuat dan terbuka. Itulah sebabnya PITI juga perlukan pelapis dan menyiapkan modal insan yang berkualiti.

Namun dengan jumlah pengurus yang sangat terbatas baik dari aspek pengetahuan, kemahiran, penyediaan kemudahan pertubuhan, keahlian dan keterbatasan jaringan komunikasi dan maklumat mahupun keterbatasan sumber daya manusia yang berkualiti, maka nampaknya PITI harus segera bangkit melakukan pembenahan dalaman dalam sistem organisasi, pentadbiran dan kepimpinan serta berupaya maksimal untuk mendapatkan sumber keuangan yang memadai bagi menjalankan operasional pertubuhan.

Padahal kehadiran PITI pada awal perkembangannya sangat dirasakan sebagai lembaga multi fungsi. Wadah silaturahmi bagi mualaf, tempat merajut tali persaudaraan,

saling mengambilberat, saling memperkuat semangat kehidupan sosial ekonomi dan saling menyokong di antara sesama Muslim Tionghoa. PITI sebagai tempat singgah dan silaturahmi untuk belajar ilmu agama dan cara beribadah serta berbhagi pengalaman bagi etnik Tionghoa sama ada yang baru tertarik dan ingin memeluk Islam mahupun yang sudah memeluk Islam. Bahkan PITI berfungsi sebagai motivator, jambatan, perekat bagi para mualaf, mengharmonikan hubungan mereka dengan keluarganya yang masih bermasalah.

Beberapa program yang telah dirangka PITI dalam menjalankan misi dakwahnya cukup relevan dengan keperluan masyarakat di bandar. Terutama untuk memenuhi keperluan pembentukan dan bimbingan rohani. Diantara program-program seperti yang disebutkan sebelumnya yang meliputi tarbiah dan pengajaran, pengajian kaum wanita dengan majelis taklim muslimahnya, ihya Ramadhan, pengislaman, memperingati hari-hari besar Islam, dan aktiviti sosial kemasyarakatan.

Dengan demikian pada prinsipnya, pertubuhan PITI tidak jauh berbeza dengan organisasi dakwah Islam lainnya dalam menyelenggarakan program-program dan aktiviti-aktiviti dakwahnya. Perbezaannya terletak pada pendengar, jama'ah atau hadirin peserta dakwah. Peserta di PITI didominasi oleh kalangan etnik keturunan, dan sebegitu mencolok sehingga terkesan eksklusif dan bernuansa perkauman. Hal ini tentunya tidak sejalan dengan program yang selama ini digariskan oleh kerajaan untuk mensukseskan program asimilasi atau pembauran.

Namun demikian, secara sosiologi adalah wajar dan dimaklumi jika terbentuknya organisasi didasari dan dilatarbelakangi oleh adanya kesamaan tujuan, pandangan, etnik, hubungan kedekatan, kekeluargaan, dan nasib. Itulah sebabnya PITI

ditinjau dari latarbelakang pendiriannya tidak terlepas dari sikap responsif pandangan religius, politis, ekonomis, sosio-budaya, etnik dan lain sebagainya. Maka memandang kesamaan visi individu-individunya melahirkan sebuah wadah, organisasi, perhimpunan atau pertubuhan tempat mereka meluahkan pikiran, idea, pengalaman, dan pikiran.

Sikap mengambil berat sesama etnik sedemikian sesungguhnya juga merupakan tindakan yang perlu dihargai dan disokong oleh semua pihak termasuk kerajaan Indonesia. Kerana itu PITI adalah aset umat Islam yang harus mendapat perhatian dalam melakukan dakwahnya. Dakwah mereka melampaui kalangan etnik yang selama ini sukar dijangkau oleh pertubuhan lain yang umumnya berahlikan pribumi. Sebaliknya PITI dengan kesamaan bahasa, karakter dan budaya dapat lebih bebas menyampaikan risalah Islam kepada bangsanya.

Permasalahannya kemudian adalah bagaimana para ahli PITI dapat meningkatkan pengetahuan agama dan kepakaran khasnya dalam menyampaikannya. Maka disinilah perlunya pembinaan dan kerjasama dengan pertubuhan dan organisasi lain dalam rangka mempertingkatkan kemampuan-kemampuan tersebut agar sentiasa PITI berperan lebih besar lagi dalam menyebarkan dakwah Islam. Pelatihan, seminar, workshop atau bengkel-bengkel kecekapan lainnya semakin mustahak untuk diselenggarakan yang melibatkan para pakar dakwah, pendidikan dan pengajaran dan lainnya untuk memberi bekalan kepada para ahli PITI khususnya.

Melalui PITI para ahlinya membentuk suatu jaringan kerja dan komunikasi, mengevaluasi dan merancang program-program sama ada untuk merespons keperluan rohani-ukhrawi maupun material-duniawi. Program yang bersifat rohani-ukhrawi misalnya, PITI mengadakan pengajian secara rutin dan berkala, sekali dalam sebulan.

Pembelajaran yang dititikberatkan pada pemahaman akidah Islamiah, fardu 'ain dan wawasan keislaman secara umum dengan menghadirkan penceramah sama ada dari kalangan masyarakat Muslim Tionghoa sendiri atau dari pribumi yang sengaja mereka jemput. Penceramah dari kalangan pribumi pada umumnya cukup profesional, berwawasan keislaman yang luas dan memiliki pesona yang menarik dalam menyampaikan ceramahnya.

Program PITI yang dihadiri oleh para ahlinya yang sedemikian rupa dan benuansa etnik tentunya tidak memiliki tujuan-tujuan yang berbau politik, rasis dan perkauman, kecuali semata-mata untuk tujuan agama dan dakwah. Mereka memiliki kesedaran beragama yang tinggi, ingin mendalami dan memahami agama yang baru mereka peluk. Dalam acara hari besar Islam, mereka juga menjemput penceramah profesional dari kalangan luar etnik mereka, ustaz dari kalangan masyarakat pribumi. Mereka juga mengundang para petinggi kerajaan tempatan dan tokoh masyarakat setempat, dan sebaliknya, mereka juga hadir dalam acara-acara pengajian dan kegiatan sosial kemasyarakatan yang diselenggarakan sama ada oleh kerajaan tempatan atau organisasi Islam lainnya seperti al-Washliyah, Nahdatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah.

Bahkan PITI sebagaimana disinggung terdahulu, telah pun menganjurkan anggotanya untuk berbaur dengan masyarakat secara umum. Mencari dan mendalami agama di tempat lain, di tengah-tengah masyarakat dan institutisi-institutisi sosial-agama Islam lainnya seperti madrasah, pengajian di masjid dan pesantren. Hal itu mengingat keterbatasan dalam penguasaan ilmu agama dan keterbatasan sumber daya manusia di dalam tubuh PITI sendiri. PITI tidak mampu untuk memenuhi keperluan rohani individu, tarbiah dan pengajaran Islam yang begitu luas. Ini ertinya, PITI di satu sisi

dihadapkan pada satu cabaran bagaimana memenuhi keperluan para ahli pertubuhan khususnya, di bidang pembinaan rohani, dan di sisi lain, secara tidak langsung PITI membekalkan ahlinya menerapkan program pembauran dengan masyarakat umum.

5.1.2. Strategi Pengembangan Dakwah

Terkait dengan strategi, sebagaimana disebutkan sebelumnya bermaksud suatu perancangan dan pengurusan yang baik untuk mencapai tujuan tertentu. Dengan kata lain, strategi merupakan suatu perancangan yang rapi dan tersusun melalui pendekatan-pendekatan tertentu bagi menghasilkan kejayaan dalam mencapai organisasi, sama ada di peringkat jangka pendek mahupun jangka panjang. Strategi juga merupakan penyusunan potensi personal dan potensi material dengan cara sedemikian rupa, sehingga pada situasi tertentu dapat memenangkan perjuangan dalam rangka mencapai tujuan akhir dengan dasar teori tertentu. Dalam kaitan ini strategi dakwah PITI secara umum meliputi:

- a. Pengembangan dakwah *fardiyah* (*ibda' binafsik* dan *bil hal*).
- b. Pengembangan metode integratif dakwah(dakwah bersepadu)
- c. Pengembangan jaringan kerja lembaga (konsolidasi).
- d. Pengembangan dakwah budaya(kultural) akomodatif.

Berikut adalah penjelasan dan analisis masing-masing strategi pengembangan dakwah yang dilakukan PITI di Bandar Raya Medan.

5.1.2.1. Pengembangan Dakwah *Fardiyah*

Pengembangan dakwah PITI sangat terkait dengan pola dakwah yang dirancang sedemikian rupa yang menekankan pembinaan diri secara individual dan keluarga. Pola penerapan dakwah "*ibda' binafsik*", *iaitu* dakwah mula dari diri sendiri sentiasa ditekankan untuk meningkatkan kualiti diri, terutama terkait dengan pengetahuan, pemahaman dan praktik ubudiah agama. Pola dakwah *ibda' binafsik* juga dilakukan melalui muhasabah diri, merenung dan bermuzakarah. Dalam konteks ini budaya "bertapa" dan "nyepi(uzlah)" telah pun menjadi budaya leluhur para muallaf etnik Tionghoa dari unsur agama Budha dan pengaruh Hindu.

Kerana itu, bagi mereka muhasabah diri, merenung dan zikir tidak ubahnya seperti agama mereka terdahulu secara fizikal, namun kemudian secara spritual aktiviti sedemikian menjadi lebih bermakna kerana langsung ditujukan kepada Allah swt. melalui zikir, penghayatan diri dan alam sekitar (tadabbur) sehingga sampai kepada pemahaman akan diri sendiri; siapa diri ini yang sebenar, dan apa tujuan hidup ini.

Dakwah mulai dari diri sendiri (*ibda' binafsik*) ini bukan sahaja kerana faktor dalaman, *iaitu* kerana keterpanggilan diri, kesedaran atau *ghirrah* dalam ubudiah, tapi juga terdapat faktor luaran, *iaitu* adanya tekanan luar. Penerimaan bangsa peribumi terhadap etnik Tionghoa sangat berbeza dibanding dengan perlakuan kepada etnik lainnya. Kecemburuan sosial sentiasa timbul, terutama kerana perbezaan dari sisi penguasaan ekonomi dan kekayaan serta perlakuan khusus kerajaan setempat melalui institusinya, seperti kemudahan dalam pinjaman keuangan di bank, izin mendirikan bangunan-bangunan perumahan, kedai, hotel, pusat membeli belah dan lain sebagainya. Terlebih-lebih masyarakat etnik Tionghoa di Medan komunikasi antara mereka

cenderung menggunakan bahasa “Cina”, dan tidak demikian adanya di daerah-daerah lain di Indonesia.

Sentimen sosial seringkali terjadi tanpa melihat agama atau kepercayaan orang-orang Tionghoa oleh kalangan peribumi, kerana sosok fizikal lebih dominan yang dilihat mereka. Padahal tidak semua orang Tionghoa itu kaya dan menguasai ekonomi, dan tidak semua orang Tionghoa itu non Muslim. Itulah sebabnya faktor luaran juga menjadi daya pendorong untuk melakukan dakwah mereka mulai dari diri, dan “*person to person*” dan selanjutnya dakwah di keluarga. Dakwah sedemikian sesungguhnya menjadi ciri tersendiri di kalangan masyarakat Muslim etnik Tionghoa di Medan pada khususnya.

Pola dakwah *ibda’ binafsik selari* dengan pola dakwah *bil hal*, iaitu menampakkan diri di tengah-tengah masyarakat dengan jati diri dan berkeperibadian Muslim dengan ciri akhlak mulia. Sikap dakwah sedemikianlah sesungguhnya mengingatkan pada pola dakwah yang juga diterapkan oleh Nabi Muhammad saw. pada awal perkembangan Islam, iaitu pola dakwah yang dikenal dengan dakwah “*sirran*” (tertutup), iaitu dakwah masih tertumpu di kalangan kerabat dan ahli keluarga sebelum dakwah dengan cara “*zahrn*” (terbuka).

Dakwah *bil hal* sudah menjadi kemestian bagi seorang Muslim dalam segala tingkah laku dan perbuatannya. Selari dengan hal itu, PITI juga menekankan pola dakwah sedemikian yang kemudian sangat berpengaruh secara efektif terhadap keluarga muallaf. Banyak di antara mereka yang tertarik dan masuk Islam, demikian menurut para pengurus PITI. Dakwah *bil hal*, menekankan pembinaan ahli keluarga, hubungan keluarga dan antar individu, *person to person*. Metod dakwah inilah kemudian dikenal

dengan istilah dakwah “*fardiyah*”, iaitu metode dakwah yang menjadikan peribadi dan keluarga sebagai tunjang utama dalam aktiviti dakwah.

Memang pada prinsipnya, dalam usaha membentuk masyarakat yang bercirikan Islam sebaiknya bermula dari pembinaan peribadi dan diteruskan pada pembinaan keluarga. Dalam konteks ini, lingkungan keluarga merupakan elemen sosial yang sangat penting dan amat strategik dalam pengembangan masyarakat Muslim dalam pengertian yang luas. Selanjutnya dakwah dilakukan di lingkungan sosial masyarakat secara terbuka, sama ada di kalangan Muslim atau non Muslim, atau di kalangan masyarakat Tionghoa mahupun pribumi.

Pembinaan keluarga masyarakat Muslim pada umumnya telah pun menjadi isu positif bagi pembinaan suatu bangsa. Hal inilah yang membezakan struktur sosial di Barat yang menganut prinsip hidup bebas, pergaulan bebas dan seks bebas yang pada akhirnya merusak struktur kehidupan keluarga. Sementara Islam sangat menjunjung pembinaan keluarga sebagai faktor terbinanya kecemerlangan *umat*. Bahkan Sayyid Qutb pernah menyatakan bahwa Islam hanya akan tegak melalui negara, dan negara tiada makna tanpa masyarakat Islam (*ummah*). Ini ertinya, individu dan keluarga merupakan elemen penting dalam berdirinya suatu kerajaan Islam.

Dalam konteks ajaran Konghucu, iaitu kepercayaan yang dikenal dengan ajaran leluhur dalam masyarakat Tionghoa, juga terdapat norma yang mengatur pola hubungan yang bersifat horizontal yang mengajarkan untuk menjaga hubungan kekeluargaan agar senantiasa bersifat harmoni, terutama dalam melestarikan klan(*shiang*). Institusi keluarga menurut ajaran ini sangat berpengaruh besar terhadap pelestarian budaya

leluhur, maka sesuai dengan tujuan utamanya, iaitu pendidikan keluarga Tionghoa, maka ajaran ini menanamkan rasa bakti terhadap orang tua dan leluhur mereka.

Secara demikian, institusi keluarga merupakan inti dari kehidupan tradisional Tionghoa yang dipraktikkan pada upacara-upacara tradisional. Peranan keluarga dalam hal ini sangat berpengaruh dalam pembentukan peribadi etnik Tionghoa. Kerana itu dakwah *fardiyah* bagi masyarakat Tionghoa Muslim, selari dengan ajaran budaya mereka sebelumnya. Hanya sahaja dakwah *fardiyah* yang mereka lakukan sesuai dengan misi dan *syiar* Islam, bahkan dalam konteks ini, bukan sahaja mengatur pola hubungan yang bersifat horizontal (*hamblum minannas*) tapi juga mengatur pola hubungan yang bersifat vertikal (*hablum minallah*). Ertinya, melalui dakwah *fardiyah* ini bagi PITI adalah kontak sosial dalam nuansa *ibadah*.

Pengembangan dakwah *fardiyah* yang dipengaruhi oleh sistem budaya dan ajaran mereka serta diperkuat dengan agama baru yang mereka peluk, Islam, telah menjadikan sosok sosial kehidupan mereka yang bersepadu nan kuat serta memiliki semangat. Semangat kekeluargaan antar mereka yang digambarkan melalui interaksi sosial, semangat komuniti, dan perilaku ekonomi antara mereka. Kerana itu PITI perlu mempertahankan strategi dakwah sedemikian dengan menambah sumber daya modal insan yang memiliki kecukupan dan kemampuan secara akademik, kecekapan praktikal aplikatif dan bermoral.

5.1.2.2. Pengembangan Metode Integratif Dakwah

Dalam konteks dakwah, metode merupakan cara atau gaya penyampaian materi dakwah kepada pendengar atau peserta. Disamping dakwah dengan pola *fardiyah* (dakwah *ibda'*

binafsik dan *bil hal*) sebagaimana disinggung di atas, PITI juga mengembangkan metod-metod dakwah lainnya. Secara garis besar metod-metod dakwah yang dikembangkan PITI merujuk kepada metod Qur'anic. Metod *hikmah*, *jadal(debat)* dan *qisshah(cerita)* misalnya, sentiasa mewarnai penyampaian materi dakwah.

Metode *hikmah* (bijaksana) misalnya, merujuk kepada al-Qur'an dalam *surah al-Nahl*, ayat yang ke 125 seperti berikut:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ط

Maksudnya:“Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan cara hikmah dan pengajaran yang baik”.¹

Metode *hikmah* menyampaikan materi dakwah dengan bijak, iatu menghindari sikap keras(frontal), masuk campur, memaksakan kehendak dan menyinggung perasaan seseorang. Pola dakwah sedemikian lebih bersifat persuasif (membujuk) dan menjaga materi dakwahnya agar tidak melukai hati orang lain. Kebenaran disampaikan sedemikian rupa berikut nasihat-nasihat agama untuk menunjukkan mana-mana yang baik dan membezakannya dengan keburukan serta bagaimana akhir dan akibat dari suatu perbuatan.

Adapun metod *jadal(debat)* adalah metod yang memberikan ruang kepada pendengar atau peserta dakwah untuk bertanya, berdebat, merespons atau berkomentar. Metod tersebut biasanya digunakan dalam berdakwah di kalangan pemikir, ilmuan atau kaum intelektual secara bernash (argumentatif). Kelanjutan Firman Allah dalam al-Qur'an *Surah al-Nahl*, ayat 125 tersebut adalah sebagai berikut:

¹ Departemen Agama, *Qur'an dan Terjemahnya*, Jakarta, 1989, hal. 241.

وَجَدَلْهُمْ بِأَتَىٰ هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ
 أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: “Dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik (argumentatif) Sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah yang lebih mengetahui tentang siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dia-lah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapatkan petunjuk”.²

Bantahan terhadap suatu ajakan dan arahan kepada kebenaran sentiasa terjadi. Hal itu biasa terjadi terutama kerana pendapat masing-masing disampaikan secara bernash, rasional dan beralasan. Secara implisit, berdakwah menghendaki sosok peribadi seorang da’i yang bukan sahaja berakhlak mulia, tapi juga memiliki kekayaan ilmu yang cukup dan berkebolehan (capable) dalam menyampaikannya. Penguasaan ilmu yang bukan sahaja setakat ilmu-ilmu agama (*naqly*) tapi juga ilmu-ilmu ‘*aqly* secara bersepadu dan integratif, sehingga mampu menjawab berbagai pertanyaan secara logik dan religius.

Sedangkan melalui pendekatan *qissha* (kisah) adalah penuturan kisah, perumpamaan dan permisalan sebagai bentuk pengajaran atau *ibrah* (pengalaman) untuk dijadikan perbandingan dan pertimbangan. Dalam hal ini telah dijelaskan dalam al-Qur’an seperti terdapat pada *Surah al-Qashas* (QS: 28: 33-34):

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ ﴿٣٣﴾ وَأَخِي هَارُونُ هُوَ أَفْصَحُ
 مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسَلْهُ مَعِيَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِي ۗ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Musa berkata: “Ya Tuhanku sesungguhnya aku telah membunuh seorang manusia dari golongan mereka, maka aku takut mereka akan membunuhku. Dan saudaraku, Harun, dia lebih fasih lidahnya daripadaku, maka utuslah dia bersamaku sebagai pembantuku untuk membenarkan (perkataan) ku; sesungguhnya aku khawatir mereka akan mendustakanku”³

² *Ibid*

³ *Ibid*.

Selanjutnya dalam Surah *al-Jum'ah* (62) ayat 5 (QS: 62:5) dinyatakan:

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ
الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

Maksudnya: “Perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepadanya Taurat, kemudian mereka tiada memikulnya adalah seperti keledai yang membawa kitab-kitab yang tebal. Amatlah buruknya perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah itu. Dan Allah tiada memberi petunjuk kepada kaum yang zalim”.⁴

Metod kisah (*qishash*) ini sangat strategik dan persuasif dengan pengungkapan kisah sejarah tentang suatu kaum atau individu sama ada yang perlu diteladani dan ditiru atau yang mesti dihindari. Dengan kata lain, metod *qishash* dapat diselarikan dengan metod sejarah (historis). Seorang da'i dalam hal ini dapat juga mengangkat keteladan para ilmuwan atau ulama Muslim di zaman keemasan dengan berbagai khazanah yang pernah dicapai oleh umat Islam. Ianya dapat menjelaskan tamadun dan kebudayaan yang pernah hadir sebagai bukti sejarah bahawa kejayaan dapat diperoleh dengan berbekal keimanan dan ketaqwaan kepada Allah dan berpandukan Qur'an dan Hadith. Kejayaan yang dicapai bukan setakat dalam kehidupan spiritual tapi juga material.

Namun demikian, PITI sekalipun terdapat berbagai metod dalam melakukan dakwah, dalam kenyataannya PITI menggabungkan berbagai metod tersebut dalam satu kesatuan dakwah secara integratif. Hal itu ditujukan kerana mengingat bahawa peserta dakwah atau pendengarnya pada umumnya terdiri dari para *muallaf* dengan latar belakang yang berbeza satu dengan yang lainnya. Kerana itu disinilah dakwah *bil hikmah* sangat berperanan dalam membina kerukunan dan pemahaman para *muallaf* mengenai agamanya.

⁴ *Ibid.*

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa strategi dakwah PITI meliputi pendekatan dakwah konvensional-tradisional di satu pihak, dan pendekatan dakwah modern-pragmatik di lain pihak. Pendekatan konvensional-tradisional merupakan bentuk penyampaian dakwah melalui ceramah, yang disampaikan kepada sekumpulan pendengar tanpa ada pertanyaan atau sanggahan. Pendengar hanya dapat mendengar dan mengikuti huraian yang disampaikan penceramah. Berbeza dengan ceramah, dakwah juga disampaikan melalui pendekatan modern-pragmatis yang dikenal dengan pendekatan *jadal*(debat).

Pendekatan *jadal* akhir-akhir ini banyak dikembangkan dalam bentuk dialog, diskusi atau seminar. Pola dakwah sedemikian merupakan pembelajaran ilmu dari dua arah; dari sisi penyampai dakwah (da'i) dan dari sisi peserta dakwah. Secara demikian pembelajaran menjadi lebih hidup, melibatkan kedua pelaku dan peserta dakwah secara aktif sehingga dalam waktu yang bersamaan dapat diperoleh manfaat pemahaman materi yang dibahas.

5.1.2.3. Pengembangan Jaringan Kerja Institusi (Konsolidasi)

Pembauran atau asimilasi masyarakat Tionghoa dan pribumi sepertinya menjadi agenda tersendiri bagi pertubuhan PITI, bukan sahaja untuk keperluan dakwah tapi juga untuk memperkuat keberadaan(eksistensi) pertubuhan ini di tengah-tengah masyarakat secara luas dalam konteks sosial dan bernegara. Memang sudah sepatutnya organisasi dakwah ini berkonsolidasi dan berkolaborasi lebih intensif lagi dengan organisasi-organisasi Islam besar lainnya di Medan khususnya, seperti Majlis Ulama Indonesia (MUI), Muhammadiyah, Nahdatul Ulama (NU) dan al-Washliyah, demikian juga dengan lembaga-lembaga pendidikan di tingkat perguruan tinggi seperti Universiti

Muhammdiah Sumatera Utara (UMSU), Universiti Islam Negeri (UIN) Medan Sumatera Utara, Universiti Muslim Nusantara (UMN) dan lain sebagainya, atau dengan lembaga-lembaga pendidikan Islam tingkat menengah seperti pesantren.

Agenda bersama dalam penyelenggaraan ceramah perdana misalnya, zikir bersama, dialog antar agama, seminar permasalahan agama, sosio-budaya, politik demokrasi, kesehatan, pendidikan dan lain sebagainya. Kesemuanya merupakan tempat yang dapat sentiasa melibatkan seluruh lapisan masyarakat yang dikemas tanpa adanya sentimen etnik, ras atau politik. Disinilah kemudian PITI dapat mengambil bahagian dan membaaur tanpa tekanan psikologi sebagai kaum minoriti. Terlebih-lebih PITI membawa nama agama yang dipeluk oleh kebanyakan masyarakat di Bandaraya Medan pada khususnya, iaitu agama Islam. Hubungan emosi keagamaan biasanya akan menjadi kuat dan akrab tanpa membezakan lagi asal dan usul seseorang, kerana memang Islam adalah agama yang universal.

Merujuk kepada dokumen PITI terkait dengan program sosial kemasyarakatan, pengembangan jaringan kerja dengan berbagai lembaga seperti tersebut di atas antara lain iaitu, mengadakan lawatan ke beberapa organisasi Islam lainnya di Medan dan membuat kerja sama dalam bidang dakwah. Hal ini dilakukan PITI Medan untuk menggalang kekuatan agar tampil lebih solid dan mapan. Keperluan yang sangat mendesak saat ini adalah penyediaan penyediaan sumber daya manusia yang profesional seperti tenaga pengajar, ustaz dan ustazah disamping sokongan fasiliti. Selain itu, PITI juga mengadakan kontak dengan beberapa lembaga pendidikan Islam seperti pesantren terutama untuk program pelapis (kaderisasi) anak-anak keluarga anggota PITI untuk belajar ilmu agama disana. Namun sampai saat ini pelapis pada peringkat anak-anak tersebut masih terlalu sedikit.

Konsep “*al-barakah maa’ al-jamaah*” sepertinya direfleksi dan direalisasi ke dalam program pengembangan jaringan kerja pertubuhan PITI. Tentunya hal itu selari dengan wacana dunia kontemporer yang mempromosikan sistem hidup dalam konteks modernisasi, globalisasi, westernisasi atau sekularisasi. Jaringan dunia global telah pun menjadi jaringan raksasa dan menghantarkan negara-negara di dunia menjadi kampung-kampung kecil. Ini ertinya, individu, institusi, pertubuhan dan bahkan negara sekalipun tidak akan mampu menghadapi permasalahan hidupnya secara *single fighter*, bersendirian. Ianya perlukan partner dan jaringan kerja untuk sama-sama mengatasi masalah kehidupannya.

Apatah lagi dengan PITI, suatu pertubuhan yang masih relatif muda dan muncul dalam nuansa etnik minoriti. Pertubuhan ini perlu proaktif dalam membina hubungan dengan berbagai institusi sama ada formal maupun non formal, atau institusi kerajaan mahupun non kerajaan (NGO) lainnya. Melalui kerjasama dan penguatan jaringan kerja sama antara institusi setidaknya untuk dapat meredam dan membendung derasny arus kehidupan yang serba materialistik, sekuler dan permissif.

Dengan ungkapan materialistik maksudnya, adalah tuntutan hidup yang diukur berdasarkan materi. Nilai kebaikan diukur dengan materi, kebenaran hukum atau kebenaran ilmiah, dan bahkan kebenaran dalam keyakinan saat ini juga diukur dengan materi. Contohnya, banyak umat Islam yang murtad kerana miskin dan masuk agama Kristen disebabkan oleh janji akan diberikan sejumlah uang dan kekayaan. Sedang yang dimaksud dengan sekuler, adalah pola pikir dan tindakan dengan mengesampingkan agama dalam urusan duniawi. Padahal nilai-nilai Islam seharusnya membingkai dan bahkan bersehati dengan diri dalam segala tindak dan perbuatan sama ada dalam ber-*hablum minannas* atau ber-*hablum minallah*. Keduanya tidak dapat dipisahkan dengan

memposisikannya ke dalam urusan ukhrawi dan duniawi, kerana pada prinsipnya, kedua hal tersebut bernilai *ibadah* dan tidak terpisahkan.

Adapun yang dimaksud dengan *permissif* disini, adalah kehidupan yang serba longgar dari norma sosial maupun agama. Kenyataan hidup di bandaraya seperti di Medan, tidak luput dari sikap *permissif* dalam pergaulan remaja pada khususnya. Gaya hidup hedonis yang serba menginginkan hidup mewah dan bersenang-senang, tanpa berpikir dari mana dan dengan cara apa kekayaan diperoleh, yang penting "hidup senang, tak kisah dengan orang susah, yang penting aku senang", demikian gambaran hidup anak remaja bandaraya. Fenomena hidup sedemikian dipicu oleh sikap tak peduli (*apatis*) dan *permissif* terhadap norma susila mahupun agama, sehingga menganggap semuanya serba *halal*.

Dengan demikian PITI dalam melaksanakan fungsi dakwahnya dihadapkan pada kenyataan hidup yang serba kompleks, iaitu masyarakat bandaraya yang multi etnik dengan tingkat, lapisan serta derajat kehidupan yang berbagai-bagai. Dakwah PITI sekalipun lebih terfokus kepada masyarakat Tionghoa tidak menutup kemungkinan tampil berhadapan dengan masyarakat umum. Suka atau tidak, mau atau tidak, PITI dihadapkan kepada kenyataan sedemikian dan kerana itu dituntut untuk lebih berperan aktif dan membekali diri dengan keupayaan-keupayaan yang memadai sesuai dengan keperluan dan tuntutan umat Islam saat ini yang menghadapi berbagai cabaran sama ada dari dalam tubuh umat Islam itu sendiri ataupun dari luar.

Dengan kata lain, PITI dituntut untuk melakukan kontak sosial dalam skala yang lebih besar yang memerlukan keupayaan khusus, kebolehan dan profesional. Kemampuan untuk berkomunikasi yang sesuai dengan kadar ukuran masyarakat yang

dihadapi. Mampu memanfaatkan teknologi sebagai medium berinteraksi dan komunikasi sosial dalam konteks dakwah secara professional. Memanfaatkan media cetak dan tulis dalam menyebarkan idae-idea serta program dalam kemasan yang menarik.

Oleh kerana itu, memandang begitu besar cabaran dan tantangan dakwah yang dihadapi PITI maka sungguh adalah tindakan yang sangat bijak jika pembenahan ke dalam yang saat ini dilakukan PITI. Selanjutnya PITI juga dapat menyediakan rancangan program-program kerja ke depan secara proporsional serta menjalin kerja sama dan konsolidasi dengan institusi-institusi lainnya agar menjadi pertubuhan yang solid, mapan dan kuat di tengah arus kehidupan modern.

Dengan demikian merujuk kepada huraian di atas jelaslah diperoleh gambaran bahawa PITI Bandaraya Medan telah berusaha menyusun beberapa program dakwah secara proporsional untuk masa hadapan disamping telah banyak melaksanakan program-program kerja sejak lahirnya organisasi ini hinggalah sekarang. Hanya sahaja masih terdapat banyak kekurangan dan masalah yang dihadapi oleh organisasi ini sebagaimana akan dibentangkan di bahasan selanjutnya.

5.1.2.4. Pengembangan Dakwah Melalui Budaya

Kejutannya budaya (*cultural shock*) sentiasa dialami sesiapa pun saat ianya melakukan perubahan, sama ada perubahan itu bersifat fizikal atau rohani. Perpindahan seseorang dari suatu tempat ke tempat lain misalnya, maka ianya lambat laun akan terpengaruh oleh adat kebiasaan dan budaya setempat. Demikian halnya dengan perpindahan dari satu keyakinan kepada keyakinan yang lain, maka ianya harus

mengadaptasikan diri dengan berbagai konsekuensinya. Tentu siapa pun, cepat atau lambat ianya perlu dan mesti melakukan adaptasi atau penyesuaian diri. Demikian halnya dengan para muallaf, mereka harus menyesuaikan diri dengan keadaan budaya dan perilaku agama yang berbeza dari sebelumnya.

Kejutan budaya kerananya sentiasa terjadi, kerana mereka setelah memeluk Islam, konsekuensinya, mereka mesti meninggalkan segala amalan yang bertentangan dengan Islam, seperti pemakanan, cara hidup, dan sebagainya yang tidak sesuai dengan ajaran Islam. Itulah sebabnya para muallaf memerlukan waktu untuk menyesuaikan diri dengan adat, lingkungan, kebiasaan, budaya dan cara ibadah sebagai seorang Muslim. Sebaliknya, materi dakwah, metode dan pendekatannya sentiasa juga dituntut agar dikemas sedemikian rupa sehingga dapat disesuaikan dengan tuntutan budaya dan masyarakat peserta dakwahnya secara akomodatif dan anjal.

Memang dalam konteks yang lebih luas, pertembungan budaya kerap terjadi pada suatu budaya dengan budaya yang lain dengan segala implikasinya. Mengacu kepada sejarah kebudayaan, ketika Islam mulai diperkenalkan kepada masyarakat yang memiliki latar belakang adat, budaya dan etnik yang berbagai, maka kemas dakwah setidaknya berjalan melalui suatu proses seperti adaptasi, adopsi dan asimilasi. Itulah sebabnya dakwah Islam terus mengalir dan berjalan bersesuaian dengan keadaan dan keperluan masyarakatnya secara akomodatif tanpa mencabut aspek-aspek prinsipil spiritual seperti *akidah* dan kewajiban-kewajiban lainnya yang disebut fardu ain.

Secara demikian Islam dapat diterima secara damai, maka tidak benar kalau ada pernyataan bahawa Islam adalah “agama pedang”, disebarkan melalui ancaman dan

paksaan hingga terjadi pertumpahan darah. Islam bahkan begitu tegas menyatakan dalam Surah *al-Baqarah*, ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِرْ بِاللَّهِ فَقَدْ
أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Maksudnya: Tidak ada paksaan Dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Kerana memang sejak awal dakwah dan proses Islamisasi dilakukan secara damai melalui proses adaptasi atau adopsi budaya setelah terjadi proses naturalisasi, akulturasi dan asimilasi budaya.⁵

Naturalisasi dapat dimaknai sebagai pertemuan yang semula jadi antara ajaran, pandangan atau budaya asing dengan budaya lokal dimana terjadi proses akulturasi (penyesuaian dalam percampuran) dan asimilasi (penerimaan). Dengan kata lain, naturalisasi meniscayakan adanya pengaruh timbal-balik antar budaya yang mewujudkan proses adaptasi dan adopsi unsur-unsur budaya lain termasuk cara hidup, sistem keyakinan dan falsafahnya. Di Jawa yang dikenal dengan Wali Songo berdakwah dengan pola sedemikian dimana pecampuran budaya lokal dan Islam dikemas ke dalam dakwah Islam. Munculnya kegiatan ritual “sekaten” (syahadataen) dan tulisan Jawi misalnya, adalah budaya sintetik sebagai hasil perpaduan unsur-unsur yang berbeza.

Naturalisasi merupakan konsekwensi logis dinamika kehidupan masyarakat manusia, dan itu terjadi dimana-mana pada setiap budaya. Kebudayaan Mesopotamia misalnya menyerap berbagai unsur budaya lain yang berasal dari daerah-daerah sekitar.

⁵ Lihat. Mulyadhi Kartanegara, *Secularization of Science and Its Islamic Answer*, Paper presented at ISTAC, Kuala Lumpur, 2009.

Mereka mengadopsi dan mengasimilasikan ke dalam budaya mereka termasuk pandangan hidup beragama, sehingga pada gilirannya memunculkan budaya dan peradaban Mesopotamia dalam wajah sintetik. Demikian halnya bangsa Yunani Kuno ketika para ahli filsafatnya menyerap dan mengadopsi pemikiran dari negara-negara jiran seperti Syria dan Mesir, yang kemudian mereka merasionalisasi pemikiran tersebut setelah diadaptasi dan diasimilasi agar sejalan dengan pola pikir mereka. Pythagoras misalnya, mempelajari geometri dan matematik dari Mesir, atau metafisik (ketuhanan) dari para sahabat Nabi Sulayman a.s. Demikian halnya dengan Empedocles yang semangat mempelajari filsafat (hikmah) dengan Luqman Hakim, seorang ahli hikmah terkenal yang tinggal di negeri Syria pada zaman Nabi Daud a.s.

Selanjutnya, merujuk pada sejarah pemikiran bahawa telah dikemukakan para ahli falsafah daripada Yunani seperti Pythagoras, Empedocles dan bahkan Plato dan Aristoteles telah melakukan adaptasi dan naturalisasi pemikiran yang berasal dari sumber-sumber asing lainnya kedalam sosok pemikiran mereka secara lebih intensif dan berbeza. Mereka melebur dan merasionalisasi elemen-elemen spiritualistik, mistik dan kepercayaan kedalam kerangka acuan pemikiran mereka yang kemudian menghasilkan budaya “Hellenisme”, demikian Mulyadhi Kartenegro dalam penjelasannya.

Islam sebagai pandangan dan sistem hidup, sesuai dengan sifat dasarnya meliputi berbagai sektor kehidupan yang kesemuanya merupakan *ibadah*, baik dalam *bermuamalah ma'allah* (hubungan vertikal) mahupun *muamalah maannas* (hubungan horizontal). Islam mengatur sistem hidup kedua *muamalah* tersebut sama ada yang bersifat *qathi'i dilalah* maupun *dhanni dilalah*. Terkait dengan *qathi'i dilalah* adalah sistem hidup *ubudiyah* yang jelas perintahnya dan telah diatur cara-cara pelaksanaannya tanpa pertimbangan-pertimbangan logika dan asumsi lainnya, kerana yang diperlukan

adalah “*iman*” untuk pelaksanaannya, seperti pengerjaan salat dan puasa. Sedang terkait dengan *dhanni dilalah* adalah pelaksanaan *ubudiyah* yang masih memiliki ruang untuk ditafsirkan, asumsi dan pertimbangan logik sehingga memungkinkan adanya modifikasi dan perubahan sesuai dengan keadaan tertentu.

Maka dalam perkembangan dakwah Islam, para mubaligh Islam dalam menyebarkan dakwahnya juga tidak terlepas dari proses naturalisasi, akulturasi dan asimilasi sebagaimana tersebut di atas. Secara demikian Islam dalam presentasi budayanya menjadi sangat kaya dan tampil ke dalam bentuk dan wajah yang pelbagai dan akomodatif tanpa mencabut aspek tauhid atau akidahnya. Akidah tauhid sebagai prinsip dan pandangan hidup dalam Islam sekalipun disebarkan dalam bentuk budaya, kewujudannya menjadi unsur penting, kekal dan abadi. Ini ertinya, Islam sangat bertolakansur dan menghormati perbezaan budaya mana pun dan dalam hal apa pun kecuali berkenaan dengan hal-hal yang asas iaitu: akidah tauhid. Akidah adalah prinsip, nilai tertinggi dan utama yang tidak boleh ditawar, tidak lebur dengan atau luntur dalam keadaan apa pun. Kerana sudah sepatutnya nilai ini adalah abadi dan senantiasa ada,serta mendarah daging dan bersehati pada setiap individu Muslim.

Kerana itu terkait dengan dakwah kultural nampaknya telah menjadi alternatif pola dakwah yang dilakukan PITI dengan segala kekurangan dan kelebihan. PITI mengemas dan menyelenggrakan kegiatan-kegiatan positif yang dinilai tidak bercanggah dengan ajaran Islam, seperti merayakan beberapa hari besar Cina, di antaranya, perayaan tahun baru Cina dengan ketentuan menjauhi acara-acara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Di samping bertujuan memelihara budaya dan adat resam Tionghoa, diharapkan juga mampu menipiskan jurang pemisah antara Tionghoa

Muslim dengan Tionghoa non-Muslim yang dengan sendirinya dapat menarik minat para Tionghoa non-Muslim agar dapat mengenal Islam lebih dekat.

Pendekatan budaya tentu berbeza dengan pendekatan struktural dalam mengemas aktiviti dakwah. Dakwah melalui pendekatan kultural atau budaya adalah dakwah yang bersifat *bottom-up* dengan melakukan pemberdayaan kehidupan beragama berdasarkan nilai-nilai spesifik yang dimiliki oleh sasaran dakwah. Sedangkan dengan pola pendekatan dakwah struktural, iaitu dakwah yang menjadikan kekuasaan, birokrasi, kekuatan politik sebagai alat untuk memperjuangkan Islam. Karenanya dakwah struktural lebih bersifat *top-down*.⁶

Secara *sunnatullah*, setiap komuniti manusia, etnik, dan daerah di mana manusia itu tinggal tentunya memiliki karakteristik dan kekhasan dalam budaya. Masing-masing memiliki corak tersendiri dan menjadi kebanggaan komuniti bersangkutan. Dalam melakukan dakwah Islam corak budaya yang dimiliki oleh komuniti tertentu dapat dijadikan sebagai media dakwah yang ampuh dengan mengambil nilai kebaikannya dan menolak kemungkaran yang terkandung dalamnya.

Perbezaan penghayatan dan pengamalan agama sentiasa dipengaruhi oleh beberapa faktor, seperti: karakteristik individu, umur, lingkungan sosial, politik, ekonomi dan lingkungan alam sekitar. Kelahiran mazhab dalam Islam pun turut dipengaruhi oleh faktor alam dan geografis, politis dan sosio-budaya. Ini ertinya keadaan dan situasi tertentu sentiasa berpengaruh yang pada gilirannya menimbulkan perbezaan dalam cara beragama seseorang, seperti cara beragama orang kampung, orang bandar, petani, nelayan, masyarakat pertanian dan masyarakat industri, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan-perbezaan itu perlu dimengerti

⁶ Mohammad Noer, *Dakwah untuk Umat*, Makalah dalam Workshop Program Studi Sejenis Ditjen, Pendidikan Islam Depag RI, 2007, 5.

oleh para aktivis dakwah supaya dakwah Islam yang dilakukan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan manusia yang dihadapi dan kecenderungan dinamika kehidupan masyarakatnya.

Disinilah seorang atau kelompok dan bahkan organisasi dakwah seperti PITI hendaknya sensitif dan perlukan kecerdasan dan profesionalisme dalam menyelenggarakan dakwahnya. Terutama mampu menangkap keadaan dan kebiasaan suatu adat, budaya, sistem hidup masyarakatnya dan bagaimana seharusnya dakwah yang mereka kemas dapat diadaptasi. Hal itu juga menuntut pengambilan unsur-unsur yang ada dalam lingkungan masyarakat untuk dapat berasimilasi dan membaaur dengan pola hidup budaya yang berkembang tanpa mencabut sistem dan prinsip-prinsip akidah Islamiyah.

Masyarakat Islam atau komuniti yang tergabung dengan PITI pada khususnya nampak telah berbesar hati untuk lebih bertolakansur dengan menerima budaya dan adat masyarakat bukan Islam, seperti budaya masyarakat Tionghoa yang tentunya tidak bercanggah dengan syariat Islam. Diantara beberapa budaya yang dapat diambil dan dikekalkan adalah seperti, penggunaan nama asal Cina yang maknanya baik, masakan dan makanan Cina, pakaian tradisi yang menutup aurat, dan dialek bahasa. Adanya 'kuih bulan' yang halal dalam pasaran boleh dianggap positif dalam merapatkan jurang budaya di antara orang Islam dan Cina. Demikian juga dengan adat resam Cina dan tradisi membawa 'tanglung' yang berkaitan dengan 'kuih bulan', kesemuanya akan lebih bermakna lagi jika dikemas ke dalam dakwah Islam secara profesional sehingga berbagai kesempatan, moment atau acara tertentu dapat dikekalkan dengan memasukkan unsur nilai dalam pandangan Islam.

Berdasarkan pengamatan penulis, sebetulnya bukan sahaja di Bandaraya Medan, bahkan di seluruh cawangan PITI di Indonesia telah menerapkan strategi dakwah budaya (kultural). Sebagai contoh, PITI juga masih mengekalkan beberapa budaya yang berasal dari Tionghoa yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan bahkan ada sekelompok masyarakat Tionghoa yang mencuba membina masjid dengan modifikasi rekabentuk budaya pada aspek struktur binaan kelenteng tempat ibadah orang Cina.

Dengan demikian masjid yang dibina mengikut pola bentuk kelenteng, tempat ibadah orang Tionghoa seperti mesjid yang terdapat di lorong Bengkok yang terletak di jalan Ahmad Yani, Bandaraya Medan. Orang-orang ramai yang mengunjungi masjid ini, bukan hanya dari kalangan orang-orang Muslim, tapi juga masyarakat non-Muslim terutamanya warga Tionghoa. Keunikan bangunan ini mempunyai daya tarik tersendiri bagi masyarakat non-Muslim Tionghoa, di mana ia dapat mendekatkan hati mereka untuk mengenal agama Islam. Di sisi lain ia juga menghilangkan anggapan sesetengah masyarakat Tionghoa bahawa Islam itu agama yang kaku, tertutup dan tidak mengenal tolakansur dengan budaya lain. Demikian, dakwah yang dikembangkan secara akomodatif dalam pendekatan budaya.

5.1.3. Permasalahan dan Cabaran Dakwah PITI

Secara organisasi, adminstrasi dan pentadbiran, maka pertubuhan PITI merupakan cawangan yang bertempat di Bandaraya Medan sedangkan PITI pusat berkedudukan di Jakarta. Sewajarnya, operasional pertubuhan cawangan mengacu kepada pusat. Anggaran Dasar (AD) dan Anggaran Rumah Tangga (ART) pertubuhan cawangan mengacu ke pusat. Namun demikian PITI di tingkat daerah atau cabang

mendapat kebenaran untuk menentukan program kerja, menetapkan pengurus atau menentukan kebijakan dalam rangka meningkatkan pembinaan dan pengembangan program pertubuhan sesuai dengan tuntutan dan keperluan masyarakatnya.

Dengan demikian pertubuhan di daerah atau cawangan memiliki hak mengurus diri secara otonom. Permasalahan yang timbul kemudian adalah sejauh mana PITI di daerah atau cawangan seperti di Bandaraya Medan memiliki kesiapan untuk menjalankan roda organisasi secara baik. Sementara unsur-unsur sokongan dalam operasional pertubuhan kurang menunjukkan fungsi dan peranannya secara kondusif. Sistem kepengurusan dan pelapisan(kaderisasi) misalnya, belum maksimal diselenggarakan. Terutama jika memandang ajk kepengurusan yang terpilih nampaknya masih dari kalangan orang-orang terdahulu. Regenerasi melalui pelapisan kepengurusan masih perlu ditingkatkan.

Demikian juga dengan sistem pentadbiran seperti penyelenggaraan mesyuarat dalam rangka menjawab(merespon) perkembangan dan dinamika sosial sama ada yang terkait langsung atau tidak dengan program pertubuhan, atau mesyuarat dalam rangka mengevaluasi program kerja. Kesemuanya terkait dengan keadaan ajk pengurus yang juga memiliki kegiatan di luar aktiviti pertubuhan, termasuk aktiviti mencari nafkah untuk menghidupi keluarganya masing-masing. Itulah sebabnya PITI juga sangat berharap untuk mewujudkan program pengadaan pejabat untuk sekretariat pertubuhan sebagai pusat aktiviti yang memadai dan dilengkapi dengan berbagai kemudahan seperti pejabat, masjid, madrasah, badan usaha dan pusat-pusat pelatihan.

Penyediaan sumber modal insan juga masih terkendala seperti belum mencukupinya tenaga pengajar agama, ustaz. Maka PITI dalam menyelenggarakan

aktivitinya seperti menyambut hari-hari besar Islam seperti Isra Mikraj, Maulid Rasul dan peringatan tahun baru Hijrah sentiasa menjemput ustaz-ustaz dari kalangan *out source*, luar anggota pertubuhan PITI, dan bahkan untuk mengajar mengaji program mingguan PITI harus bekerja sama dengan organisasi lain untuk mengisi kegiatan tersebut.

Keterbatasan ajk kepengurusan, penyediaan tempat dan badan usaha pertubuhan tentunya memerlukan perhatian lebih agar dikemas secara lebih professional. Kerena suatu organisasi disamping harus memiliki modal insan yang berkualiti dan juga memerlukan sumber kewangan sebagai daya penyokong utama sistem perputaran roda pertubuhan. Ini ertinya, suatu pertubuhan tidak boleh hanya menerima derma dan belas kasihan orang, tapi sebaliknya memiliki badan usaha dan bahkan mampu membuka peluang pekerjaan. Terlebih-lebih bagi PITI yang sering kali mendapatkan anggota dari kalangan saudara barunya (*muallaf*) mengalami keretakan hubungan dengan keluarganya atau dipulaukan dari aktiviti ekonominya.

Salah seorang pengurus berkenaan dengan *muallaf* ketika ditemubual oleh pengkaji menyatakan sebagaimana berikut:

“Masalah keuangan para muallaf juga mengalami masalah keuangan ini karena kebanyakan para muallaf ketika keluarganya mengetahui keIslamannya maka keluarganya mengusirnya dari rumah dan ini dengan sendirinya membuat mereka menghadapi masalah keuangan karena kebanyakan orang cina bekerja dengan syarikat keluarga atau bekerja dengan keluarga”.⁷

Selanjutnya dinyatakan:

“Masalah ekonomi kebanyakan orang Tionghoa yang telah memeluk Islam tidak dapat dikatakan berjaya dalam bisnis perniagaan seperti orang tionghoa pada umumnya. Karena dalam hal ini para muallaf mengaku

⁷ Temu bual pengkaji dengan salah seorang pengurus organisasi dakwah PITI-Medan, San (bukan nama sebenarnya) pada 13 Jun 2011, Jam 12.00-13.30 di rumah beliau.

bahawa mereka selalu disudutkan dalam jaringan perniagaan dan bisnis orang-orang Tionghoa, sehingga perekonomian mereka terhalang karena terputusnya jaringan komunikasi perniagaan yang diperkuat dengan melibatkan sistem kekeluargaan”.⁸

Demikian, penjelasan anggota PITI dalam kenyataannya berkenaan dengan keadaan *muallaf* atau saudara barunya yang terputus hubungan dengan keluarganya dan menghadapi pemuluan usaha perniagaannya. Maka disinilah tantangan PITI dalam melindungi para anggotanya barunya yang bukan hanya dibekalkan mengenai pengetahuan agama agar mereka tetap dalam pendirian agama barunya, iaitu Islam, tapi juga mereka perlu diperhatikan keperluan asasnya.

Lebih jelasnya lagi, PITI dituntut untuk membantu dan menjembatani hubungan yang retak suatu keluarga kerana keislaman salah seorang ahlinya. Ini adalah cabaran PITI selanjutnya yang harus mencuba melakukan dakwah *fardiyah* di kalangan keluarga Tionghoa yang non Muslim. Kerena dalam tradisi kehidupan Tionghoa keluarga adalah merupakan satu aset penting dalam kehidupan. Hubungan kekeluargaan perlu dijaga dan dipelihara sepanjang masa. Perbezaan adat, budaya, dan agama tidak membolehkan seseorang itu memutuskan hubungan kekeluargaan tetapi mestilah berterusan dibaja dan disemai agar hubungan itu tetap menjadi harmoni dalam kehidupan.

Setelah saudara baru berada dalam lingkungan Islam, menurut kenyataannya terdapat berbagai reaksi yang berbeza di kalangan mereka dalam menjaga dan membina hubungan dengan keluarga asal. Ada kalanya hubungan di antara mereka kekal baik, namun di sana ada di antaranya tidak baik dan malah menjadi renggang selepas mereka memeluk Islam. Masalah hubungan kekeluargaan dengan keluarga asal setelah mereka memeluk Islam masih menjadi suatu persoalan yang menjadi agenda dakwah PITI di hadapan.

⁸ *Ibid.*

Disamping itu, bagi muallaf sendiri keserasian dan kesesuaian adalah merupakan satu perkara yang menjadi fokus utama. Apabila tidak ada kesesuaian dan keserasian ianya akan menjadi satu tekanan dan bebanan kepada dirinya dalam meneruskan kehidupan. Dalam konteks ini apabila seseorang baru menerima agama, tekanan merupakan perkara biasa berlaku malah keserasian dalam agama baru merupakan perkara biasa setelah memeluk agama Islam di mana mereka akan berhadapan dengan keadaan ini. Tetapi ini adalah satu cabaran yang perlu diterokai oleh saudara baru dalam meneruskan kesinambungan cita-cita dan harapan. Rata-rata saudara baru berhadapan dengan berbagai tekanan sama ada tekanan itu datang dari agama itu sendiri ataupun tekanan budaya, tekanan masyarakat sekitar, atau tekanan dari keluarganya sendiri.

Kenyataan sedemikian menandakan bahwa dalam menghadapi berbagai persoalan umat yang begitu kompleks, institusi dakwah tidak cukup hanya dengan melakukan program dakwah yang konvensional, tidak sistematis, dan reaktif, tetapi mesti bersifat profesional, strategis, dan proaktif. Maka sebagaimana disinggung di atas, mengenai hubungan keterikatan di tengah masyarakat Tionghoa seharusnya seorang muallaf masih tetap dekat, baik itu dengan pihak keluarga mahupun dengan orang Tionghoa lainnya, karena mereka merasa masih sebagai orang Tionghoa. Di satu sisi Tionghoa Muslim masih terikat oleh tradisi dan ikatan kekerabatannya, namun di sisi lain pola sikapnya disesuaikan dengan ajaran Islam dan mereka membina pergaulan dengan masyarakat Muslim lainnya. Maka ini ertinya bagi pertubuhan PITI, mengekalkan hubungan yang harmoni sedemikian sangat bermanfaat bagi melangsungkan misi dakwah yang telah ditetapkan sebagai salah satu program kerja yang mencabar. Kerana tidak dapat dinafikan juga bahawa terdapat sejumlah kes kekerasan yang dialami oleh saudara baru Tionghoa dari pihak keluarganya kerana masalah pindah agama.

Dewasa ini secara umum, keturunan Tionghoa tidak lagi dapat didefinisikan semata-mata sebagai penganut Khonghuchu, Taoisme, atau Budhisme. Mereka sudah banyak yang menganut agama-agama besar seperti Katolik, Protestan dan Islam. Namun pada prinsipnya, pemelukan orang-orang keturunan Tionghoa atas agama-agama ini dapat dianggap sebagai sebuah penyimpangan budaya, sebab dalam gambaran agama Khonghuchu klasik perbezaan budaya antara agama-agama samawi dengan Khonghuchu sangat besar.

Penjelasan Max Weber misalnya, bahwa agama-agama samawi seperti Yahudi, Kristian dan Islam bersifat teosentrik, sedangkan Khonghuchu bersifat kosmosentrik. Perbezaan konsep terdapat dalam beberapa pengertian tentang Tuhan, tentang kesempurnaan manusia, dan tentang dosa. Menurut Weber, Khonghuchu tidak mengenal Tuhan yang personal, tidak mengenal cita-cita kesempurnaan manusia dalam sistem kependetaan dan dosa adalah lebih sebagai penyesalan diri daripada sesuatu yang diancam oleh hukuman Tuhan.⁹

Perbezaan konsep keagamaan ini dikemukakan untuk menunjukkan betapa perubahan sosio budaya telah terjadi pada keturunan Tionghoa dengan memeluk agama-agama samawi mereka tidak lagi dikatakan sebagai sub budaya yang terpisah dari umat agama-agama itu, dan juga bukan lagi sub masyarakat yang terlepas dari umat beragama lainnya. Secara implisit, agama-agama juga mempercepat proses pencairan hubungan masyarakat Tionghoa sebagai sub budaya dan sub masyarakat sekalipun di beberapa daerah masih terjadi diskriminatif.

⁹ M. Alfandi, Asimilasi Sebagai Strategi Dakwah Etnis Tionghoa Muslim, <http://fandyiain.blogspot.com>, 10 Mei 2011.

Kerana itu, menjadi seorang Muslim merupakan media yang lebih mudah untuk mempertemukan orang peribumi dengan orang Tionghoa, sebab dengan menjadi seorang Muslim maka seseorang lebih terikat dalam satu keyakinan yang sama dan diikat dalam tali persaudaraan yang kukuh dan sejati. Prinsip persaudaraan antara sesama Muslim tanpa membezakan latar belakang, etnik, golongan dan status sosial yang ditanamkan Islam menjadi alasan kuat untuk menjalin persaudaraan antara sesama Muslim.

Memang secara signifikan faktor agama memainkan peranan penting dalam proses asimilasi (pembauran). Sebab kalau di Sulawesi (Manado), ketika keturunan Tionghoa memeluk agama majoriti di sana, iaitu Kristian, maka pembauran di sana tidak ada masalah lagi. Demikian halnya Tionghoa di Thailand misalnya, tidak menghadapi masalah yang beraerti, kerana keturunan Tionghoa di sana memeluk agama majoriti, iaitu Budha. Sama halnya Tionghoa di Philipina, mereka memeluk agama majoriti Katolik, mereka tidak mendapati masalah diskriminatif etnik mengenai pribumi dan non pribumi. Sementara Tionghoa di Indonesia yang telah memeluk agama yang dianut secara mayoriti masyarakat setempat, maka ada kemungkinan permasalahan pribumi dan non pribumi, sentimen etnik dan keturunan relatif dapat teratasi.

Jadi, tidak dapat dinafikan bahawa Islam memberi peluang dan kemungkinan yang cukup besar bagi orang Tionghoa. Dengan kata lain, kenyataan peta kehidupan sosio agama sedemikian menampakkan peran dan kedudukan PITI di tengah masyarakat secara umum semakin terbuka untuk melakukan dakwahnya tanpa ada kesan eksklusif, etnik, dan rasis. Ahli PITI dapat berbaur dengan masyarakat umum sehingga dapat menyampaikan atau mengikuti kegiatan dakwah secara bersama dan bahkan PITI harus berdiri sebagai perekat umat manusia dalam kehidupan beragama dan berbangsa.

Selanjutnya dakwah dalam konteks pembauran atau asimilasi dimana latar belakang sosio budaya, tradisi adat resam, padangan hidup serta keadaan geografis dan politis suatu bangsa semuanya menghendaki pertimbangan yang bijak agar dakwah bersifat akomodatif. Pendekatan budaya misalnya perlu dikembangkan selagi tidak bercangah dengan ajaran Islam. Ini ertinya, kecekapan profesional menjadi sangat penting bagi PITI untuk segera mempersiapkan sumber daya manusia yang berkualiti dan berkemampuan.

Penyediaan software seperti kecekapan tadi bukan terbatas pada penguasaan pengetahuan agama sahaja, tapi juga cekap di berbagai lapangan hidup. Kerana dakwah perlu dipresentasikan seara menyeluruh, integratif dan bersepadu. Dengan kata lain dakwah dalam konteks Islam, tidak hanya teologik sentris sahaja iaitu yang hanya membahas tentang ketuhanan atau akhirat sahaja secara doktrin, atau dakwah secara anthropo sentris melulu, iaitu bahasan mengenai manusia dan keduniaannya serta mengabaikan aspek *ilahiyah*. Namun dakwah harus seimbang meliputi aspek teologik dan anthropologik (anthro-teologik sentris) dan proporsional.

Disamping itu cabaran juga terkait dengan penyediaan kemudahan agar dakwah dapat dilakukan secara efektif dan berkesan seperti tersedianya media informasi sama ada media cetak seperti buletin dan majalah atau media elektronik seperti alat pemancar siaran radio, televisi atau cybernet. Semua itu merupakan cabaran yang memerlukan penyelesaian melalui kerja sama atau *team work* dalam tubuh organisasi, dan tentunya, penyediaan kemudahan dakwah seperti ini memerlukan biaya yang sangat besar. Sementara untuk biaya operasional pertubuhan sahaja PITI masih sangat lemah dan kekurangan sumber keuangan.

Sejarah keberagaman di Indonesia, faktor ekonomi sentiasa mencabar berbagai pertubuhan Islam, terutama ketika umat Islam kurang dalam membantu orang-orang yang terkena musibah atau berada dalam kefakiran. Kristenisasi merupakan cabaran yang sentiasa dihadapi, kerana mereka memanfaatkan peluang keadaan suatu umat yang kurang berdaya melalui berbagai bantuan seperti uang, makanan dan pakaian dengan harga perpindahan keyakinan kepada agama yang mereka anut.

5.1.4. Penyelesaian Masalah Dakwah PITI

Penyelesaian suatu masalah menuntut pemahaman terhadap permasalahan itu sendiri. Berdasarkan identifikasi terhadap permasalahan seperti yang telah diungkapkan di atas antara lain terkait dengan sistem pentadbiran, pelapisan, penyediaan modal insan, program pembauran, faktor ekonomi dan kristenisasi. Maka upaya-upaya PITI dalam rangka menyajikan dakwahnya agar lebih berkesan dan dapat diterima perlu memahami permasalahan-permasalahan tersebut dengan jalan mengkaji ulang (evaluasi) secara menyeluruh (holistik).

Terkait dengan evaluasi tersebut setidaknya pendekatan SWIC analisis akan digunakan disini untuk lebih memahami bagaimana perancangan dan bentuk dakwah PITI selanjutnya. SWIC merupakan singkatan dari Strong, Weaknesses, Improvement dan Challenges. Maka berdasarkan pendekatan analisis SWIC ini akan diuraikan bagaimana kekuatan, kelemahan, peningkatan dan tantangan ke depan serta bagaimana mengenai pelan dan rancangan PITI, apakah dapat dikatakan representatif untuk efektiviti dan keberkesanan aktiviti dakwahnya.

Memandang kekuatan dakwah PITI sesungguhnya terletak pada kemauan dan kerja keras barisan pengurusnya yang cukup tinggi dan bertanggung jawab serta *istiqamah* (tegar pendirian) dalam memegang serta mengembangkan tugas dan *amanah* yang dipikulkan kepada mereka. Dengan segala kekurangan dan kelebihan mereka tetap tegar memperjuangkan dakwah PITI agar tetap wujud di masyarakat sekalipun rintangan dari berbagai sudut yang mereka hadapi.

Selanjutnya kekuatan PITI juga terletak pada kebersamaan para pengurus PITI dan ahlinya serta memiliki kesamaan etnik, keterikatan dengan keluarga besar sebagai bangsa Tionghoa dan ditambah lagi dengan rasa persaudaraan Muslim seakidah. Mereka juga memiliki karakteristik dan semangat kerja yang tinggi, sedikit berbeza dengan kebanyakan orang-orang pribumi. Itulah sebabnya PITI sangat optimis dalam mengadakan aktiviti dakwahnya dimasa hadapan.

Secara organisasi, PITI pusat yang berlokasi di Jakarta, telah semakin berjaya dalam membina dan mengembangkan aktiviti dakwahnya sehingga kepedulian terhadap PITI di daerah-daerah dan cawangan semakin dirasakan dan semakin erat hubungannya sehingga memungkinkan untuk bekerjasama dalam berbagai pelaksanaan program kerjanya masing-masing. Hal ini merupakan isyarat dan petanda baik untuk menggalang kekuatan dan kerjasama PITI pusat dan daerah atau cawangan.

Bahkan dewasa ini PITI Bandaraya Medan telah mengembangkan kerjasama dengan berbagai organisasi Islam lainnya seperti Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan al-Washliyah. Kerjasama itu juga selari dengan program asimiliasi atau pembauran masyarakat Muslim etnik Tionghoa dengan masyarakat pribumi. Dengan demikian PITI di satu sisi dapat menghimpun kekuatan dan melaksanakan dakwahnya

di lingkungan ahlinya sendiri, dan di sisi lain dapat berdakwah dan bekerjasama menghidupkan dakwah Islam dalam konteks yang lebih luas dan umum. Dengan kata lain PITI akan memperkuat kewujudan dan kedudukannya sebagai pertubuhan berskala nasional dengan membuka jaringan kerjasama dengan berbagai institusi sama ada kerajaan ataupun badan bukan kerajaan (NGO), dan sama ada institusi agama atau pendidikan dan kesihatan dan lain sebagainya.

Sementara PITI ditinjau dari sudut kelemahannya (weaknesses) dapat dikemukakan antara lain terletak pada, terbatasnya sumberdaya manusia sehingga dalam sistem kepengurusan dan pentadbiran (manejmen) pertubuhan mengalami tumpang tindih penugasan. Hal ini mempersusah pengembangan departmen (bahagian) dalam pertubuhan PITI. Pengembangan bahagian perkhidmatan percetakan misalnya atau bahagian travel agensi belum dapat terlaksana kerana keterbatasan tenaga. Demikian halnya dalam sistem belajar mengajar masih kekurangan tenaga pengajar.

Keterbatasan tempat PITI menjalankan kegiatannya juga merupakan cabaran tersendiri, terutama untuk melaksanakan kegiatan terpadu dalam satu wadah pertubuhan. Lokasi untuk pejabat dan mesjid misalnya, atau kegiatan untuk bidang pengajaran, ceramah dan tabligh akbar, bazaar dan tempat kegiatan keterampilan kesemuanya masih memerlukan ruang dan tempat yang lebih luas. Terlebih-lebih untuk mengembangkan badan usaha lainnya seperti percetakan, travel agen umrah dan haji, sekolah, perbengkelan (workshop) dan kedai seperti kedai runcit hardware dan lain sebagainya, semua itu perlu perhatian khusus yang perlu dipertingkatkan lagi.

Sebenarnya secara tidak langsung kelemahan dari sudut keterbatasan infra struktur sebagaimana tersebut di atas sangat terkait dengan tersedianya sumber

keuangan. Selama ini masih tergantung kepada bantuan-bantuan dari para penderma, dan yuran ahli yang sangat terbatas untuk keperluan operasional harian.

Sementara terkait dengan peningkatan (improvement) PITI, hal ini dapat dilihat dari beberapa kemajuan yang telah dicapai seperti pengembangan bidang sosial dan keagamaan serta rancangan atau rancangan kedepan. PITI dapat dikatakan telah merancang suatu program ke depan sesuai dengan visi dan misinya, yaitu terbentuknya insan Muslim yang mengamalkan ajaran Islam guna ikut mewujudkan masyarakat yang sejahtera bahagia dunia dan akhirat di dalam Negara Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila yang diredei oleh Allah S.W.T.

Visi PITI adalah mewujudkan Islam sebagai *rahmatan lil alamin* (Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam). Sedangkan Misi PITI didirikan adalah untuk mempersatukan Muslim Tionghoa dengan Muslim Indonesia, Muslim Tionghoa dengan etnik Tionghoa non Muslim dan etnik Tionghoa dengan umat Islam. Adapun Program PITI ialah menyampaikan tentang (dakwah) Islam khususnya kepada masyarakat keturunan Tionghoa dan pembinaan dalam bentuk bimbingan, kepada Muslim Tionghoa dalam menjalankan syariah Islam baik di lingkungan keluarganya yang masih non Muslim dan persiapan berbaur dengan umat Islam di lingkungan tempat tinggal dan pekerjaannya serta pembelaan atau perlindungan bagi mereka yang masuk agama Islam, serta mempunyai masalah dengan keluarga dan lingkungannya.

Sedangkan dari usaha yang dilakukan sesuai dengan tujuan PITI, ialah: a). Menyampaikan ajaran Islam dengan penuh hikmah dan bijaksana kepada setiap warganegara Indonesia yang secara sukarela ingin menganut agama Islam, b). Memberikan bimbingan dan pembinaan ajaran Islam bagi anggotanya, c). Mengadakan

hubungan serta kerjasama antar organisasi Islam guna terwujudnya ukhuwah Islamiah, d). Melaksanakan kegiatan-kegiatan di bidang pendidikan, sosial, yang bermanfaat bagi agama, Nusa, Bangsa dan Negara.

Dalam mencapai maksud tersebut, PITI merumuskan dalam bentuk program yang bersifat anjal dalam berbagai sektor dengan asas keutamaan dan komuniti program, sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang seperti konsolidasi organisasi dan pengembangan dakwah Islam dalam erti yang luas. Hal ini dimaksudkan sebagai awal pembenahan dan modal awal gerak dinamik selanjutnya. Budaya musyawarah juga telah digalakkan dalam proses mekanisme konsolidasi PITI seperti menyelenggarakan dan mengikuti Muswil (Musyawarah Wilayah) dan Muscab (Musyawarah Cabang) di Sulawesi Tengah, Sulawesi Utara, Jawa Barat, Jakarta, Maluku dan Sumatera.

Adapun berkenaan dengan tantangan dan cabaran (challenge) PITI dapat dikategorikan ke dalam dua bahagian; dalaman (internal) dan luaran (eksternal). Cabaran internal adalah terkait dengan kesiapan para pengurus pertubuhan ini untuk melakukan perubahan (*change*), sama ada perubahan itu berkenaan dengan sistem pentadbiran dan kepemimpinan (management and leadership) atau pun perubahan dalam strategi dan pengembangan serta program kerja pertubuhan PITI. Pelapisan (Kaderisasi) dan penyediaan modal insan yang berkualiti misalnya, adalah suatu cabaran yang perlu segera dilakukan dengan cara mengirim para pelapis pertubuhan ke berbagai institusi seperti bidang pendidikan, kesihatan dan keterampilan. Hal ini merupakan *human capital investation*, investasi bagi tersedianya manusia yang berkualiti. Memang hasilnya belum dapat dirasakan langsung, tapi itu merupakan sistem pelapisan bagi pengembangan PITI di masa hadapan.

Adapun terkait dengan program kerja, maka yang paling banyak dibincangkan di kalangan pengurus PITI adalah bagaimana mengembangkan badan usaha PITI sebagai sumber keuangan yang dapat menopang semua kegiatan yang diselenggarakan pertubuhan. Ini artinya, PITI tengah berusaha keras keluar dari ketergantungan masalah keuangan dari belas kasihan orang.

Selanjutnya, program kerja untuk penyediaan infrastruktur jelas sangat terkait dengan masalah sumber daya manusia dan sumber keuangan. Namun demikian, sebagai pertubuhan, PITI perlu menyediakan maklumat yang lebih luas kepada masyarakat mengenai kewujudan, program kerja, aktiviti dan sumbangannya bagi pengembangan aspek sosio-budaya dan agama. Tentunya hal itu diperlukan kepakaran tersendiri dan sarana. Sepatunya ada seorang ahli jawatan kuasa (ajk) khusus yang membidangi hubungan sosial kemasyarakatan yang profesional dengan menggunakan mass media seperti mencetak buletin, majalah, newsletter atau menggunakan media alat pemancar komunikasi seperti radio dan televisi. Ini semua merupakan cabaran yang menyita energi dan pemikiran untuk diwujudkan bagi pengembangan pertubuhan.

Sedangkan yang terkait dengan faktor luaran yang paling menjadi tumpuan adalah menjaga hubungan dengan sesama etnik Tionghoa sama ada dengan mereka yang sudah masuk Islam mahupun belum Islam. Dengan mereka yang sudah masuk Islam (*muallaf*) perlu tetap menjalin hubungan terutama agar mereka tetap pendiriannya dalam agama Islam, jangan sampai kembali ke agama lamanya atau murtad. Terlebih-lebih tantangan luar seperti kristenisasi sentiasa mengancam mereka yang baru berpindah agama. Sementara menjalin hubungan dengan yang masih belum beragama Islam adalah suatu strategi dan kesempatan berdakwah kepada mereka. Selain itu, juga untuk menjaga hubungan kekerabatan sesama etnik, sehingga sekalipun berlainan

agama PITI maupun anggota PITI tetap dapat bekerja sama dengan mereka di berbagai bidang sosial dan budaya.

Demikian pendekatan SWIC analisis untuk memahami secara garis besar evaluasi yang dilakukan PITI dalam rangka mengatasi (solusi) permasalahan dan cabaran serta bagaimana PITI menyelenggarakan dakwahnya di masa hadapan agar lebih efektif dan berkesan. Penyediaan sumber daya manusia dan infrastruktur ternyata merupakan agenda khusus yang menjadi fokus utama PITI disamping pembenahan sistem pentadbiran.

Penyediaan modal insan yang berkualiti dalam hal ini adalah individu yang mampu memimpin pertubuhan di masa hadapan dengan keilmuan yang bukan hanya memiliki dan menguasai ilmu-ilmu ‘aqly tapi juga naqly secara bersepadu. Itulah sebabnya pelapisan sedang diupayakan dan dirancang PITI dengan mengirim pelapis-pelapisnya ke berbagai institusi pendidikan.

Selain itu, faktor penyokong pertubuhan PITI adalah infrastruktur seperti tersedianya sumber keuangan yang cukup untuk menjalankan roda aktiviti PITI. Kerana itu telah pun menjadi agenda PITI untuk mengembangkan badan-badan usaha yang dianggap strategik seperti bimbingan umrah dan haji termasuk penyediaan travel agennya. Penyediaan infrastruktur selanjutnya adalah berkenaan dengan tersedianya media informasi sama ada cetak mahupun elektronik.

5.2. Analisis Data Kuantitatif (Data Soal Selidik)

5.2.1. Pengenalan

Pada bahagian ini penulis akan membentangkan hasil analisis data kajian berdasarkan data-data yang dikutip melalui peredaran borang soal selidik. Analisis data soal selidik ini merupakan penyokong analisis kualitatif yang telah dijabarkan di atas. Bahagian ini juga memfokuskan pada tumpuan utama kajian, iaitu masalah dan cabaran PITI. Adapun berkenaan dengan profil responden dalam soal selidik ini merangkumi jantina, umur, bangsa, status, pekerjaan, pendidikan, pendapatan dan asal-usul. Profil responden sedemikian dikaji dalam kaitannya dengan fokus bahasan sesuai dengan topik kajian tesis ini. Sedangkan antara konstruk yang dilihat dalam masalah dan cabaran yang dihadapi PITI dalam pelaksanaan dakwahnya merangkumi aspek dalaman dan luaran seperti yang berkaitan dengan pengetahuan, silibus, sistem, sikap, tenaga pengajar, dan bentuk aktiviti.

5.2.2 Profil Sampel Kajian

Pada asasnya sampel kajian adalah salah satu kaedah untuk mendapatkan maklumat daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Ianya dikenali sebagai populasi. Persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan rawak mudah di mana pengkaji tidak menentukan bilangan jantina, umur, dan sebagainya. Dalam kajian ini populasi kajian yang terlibat dalam program dakwah PITI mengikut data terkini adalah seramai 150 orang. Populasi ini adalah diambil kira daripada kalangan saudara baru yang terlibat secara langsung dalam mengikuti kelas dan menghadiri program yang dilaksanakan oleh PITI Medan. Berdasarkan kepada populasi kajian, sampel yang dipilih seramai 100 orang. Kaedah ini berdasarkan kepada

kaedah penyelidikan deskriptif di mana sampel diambil dalam lingkungan 10 hingga 20 peratus daripada populasi. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini jumlah sampel yang digunakan 67% daripada jumlah populasi. Daripada 100 set soal selidik yang diedarkan, sebanyak 90 borang soal selidik sahaja yang dapat dikutip di mana 90 orang ini dianggap mewakili etnik Tionghoa Muslim yang mengikuti kelas pengajian yang dianjurkan oleh PITI Medan.


5.2.2.1 Latar Belakang Responden

Responden kajian diambil secara rawak dari kalangan etnik Tionghoa Muslim yang mengikuti kelas pengajian di PITI Medan. Mereka yang terlibat seramai 90 orang meliputi pelbagai status sosial. Kepelbagaian status sosial masyarakat Tionghoa yang menganut agama Islam adalah hasil minat mereka yang ingin memeluk Islam di Medan kerana mereka mendapati kemudahan dari segi birokrasi dan kebajikan dalam mendalami Islam.

Responden diajukan pelbagai bentuk soalan yang memfokuskan kepada jantina, umur, status, pekerjaan, pendidikan, pendapatan, asal-usul dan asal agama.

Jadual 5.1. Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	42	47
Perempuan	48	53
Jumlah	90	100




Rajah 5.1. Jantina Responden

Etnik Tionghoa yang memeluk Islam dan berurusan dengan PITI serta mengikuti pengajian agama adalah terdiri daripada dua jantina. Daripada 90 responden yang terlibat, 42 orang adalah lelaki (47 %) manakala 48 orang perempuan (53 %). Data yang diperolehi menunjukkan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki.

Secara umum jumlah peserta pengajian yang diselenggarakan PITI cukup signifikan dan hampir berimbang antara jumlah pria dan wanita. Kerana memang peserta pada umumnya pasangan suami istri dan anak. Mengingat jumlah peserta pengajian, PITI sentiasa berupaya memperbaiki materi, metod, kemudahan dan penyediaan sumber daya manusia yang handal sebagai guru pengajar dalam program pengajian. Kerana PITI harus menjaga kualiti program tersebut untuk lebih menarik daya minat peserta. Hal itu pula yang menjadi masalah dan tantangan bagi PITI agar program dakwahnya dapat berterusan dan diterima, diminati dan memberikan pengaruh kepada kaum Tionghoa lainnya untuk mempelajari Islam.

Jadual 5.2. Usia Responden

Umur	Kekerapan	Peratus
Kurang dari 20 Tahun	10	11
21-30 Tahun	18	20
31-40 Tahun	23	26
41-50 Tahun	27	30
50 Tahun ke atas	12	13
Jumlah	90	100



Rajah 5.2. Usia Responden


Umur merupakan pengukuran tahap kematangan dan baligh seseorang. Begitu juga dengan etnik Tionghoa yang telah memeluk Islam tergolong dalam berbagai peringkat umur. Daripada 90 responden yang terlibat terdapat 10 orang (11%) sahaja yang berumur kurang daripada 20 tahun, sebanyak 18 orang (20%) yang berumur antara 21-30 tahun, sebanyak 23 orang (26%) yang berumur 31-40 tahun, seramai 27 orang (30%) yang berumur 41-50 tahun, dan seramai 12 orang (13%) yang berumur 50 tahun ke atas. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa saudara baru yang berumur antara 41-50 tahun merupakan jumlah teramai yang menganut Islam.

Data di atas menunjukkan bahawa fenomena kesadaran untuk memeluk agama Islam dan mempelajarinya lebih ditunjukkan oleh kalangan orang tua (41-50 tahun). Mereka merupakan generasi lapis kedua yang diikuti generasi selanjutnya pada usia

produktif antara 20 hingga 40 tahun dengan jumlah yang lebih besar (46 orang). Ini ertinya perkembangan generasi kaum Tionghoa yang memeluk Islam mengalami peningkatan. Itulah sebabnya PITI semakin dihadapkan kepada cabaran, apatah lagi dalam penyelenggaraan dakwahnya seperti pengajian, seharusnya menyajikan materi yang sesuai dengan kelompok umur peserta.

Jadual 5.3. Status Perkahwinan

Status	Kekerapan	Peratus
Bujang	26	29
Berkahwin	52	58
Lain-lain	12	13
Jumlah	90	100



Rajah 5.3. Status Perkahwinan


Etnik Tionghoa yang berurusan dan mengikuti pengajian di PITI tergolong dalam berbagai peringkat dan status sosial. Daripada 90 orang responden yang terlibat terdapat 26 orang (29%) yang masih belum berkahwin, seramai 52 orang (58%) yang telah berkahwin, manakala 12 orang sahaja (13%) yang lain-lain atau menunjuk kepada mereka yang janda dan duda. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta pengajian di PITI etnik Tionghoa yang telah berkahwin lebih ramai daripada yang belum berkahwin.

Status perkawinan dalam hal ini menunjukkan tingkat kematangan seseorang, kerana itu rasionaliti dan pengalaman hidup menjadi faktor yang boleh membantu kesedaran orang untuk beragama dan menjalani kehidupannya sesuai dengan pedoman hidup yang dipercayainya. Ini ertinya, seseorang yang beragama bukan sahaja kerana doktrin suatu ajaran atau pengaruh seseorang tapi juga kerana pertimbangan-pertimbangan rasional dan pengalaman rohaninya (pengembaraan batin) disamping hidayah dari Allah swt.

Berdasarkan data di atas maka dapat disimpulkan bahawa orang yang telah berkahwin sangat dominan atau majoriti daripada peserta pengajian. Hal itu juga menunjukkan tingkat kesedaran orang-orang yang telah memasuki usia dewasa dan matang untuk menyertai dan menimba ilmu agama. Dengan demikian sebagai cabaran bagi PITI sesungguhnya adalah bagaimana program dakwah dan pengajaran agama dapat disesuaikan dengan keperluan peserta mengikut tingkat kematangan dan rasionaliti peserta. Ertinya dakwah yang disampaikan sentiasa dituntut untuk lebih berkualiti dan dapat memberikan kepahaman serta kesedaran peserta pengajian. Jadi materi dakwah bukan sekedar disampaikan secara tekstual dan doktrin. Disinilah nampaknya PITI dihadapkan kepada permasalahan yang sangat krusial iaitu penyediaan sumberdaya manusia sebagai guru atau da'i, bahkan PITI sangat kesusahan untuk mencari guru atau da'i dari kalangan mereka sendiri. Itulah sebabnya PITI sering menghadirkan tenaga dari luar (out source), dan tentunya harus disertai dengan penyediaan biaya yang cukup tinggi. Dengan kata lain, PITI dihadapkan kepada cabaran mengenai penyediaan sumber daya yang berkualiti dari kalangan mereka dan cabaran dalam sistem pelapisan.

Jadual 5.4. Pekerjaan

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Bekerja sendiri	39	44
Profesional	10	11
Pegawai Negeri	13	14
Swasta	16	18
Lain-lain	12	13
Jumlah	90	100




Rajah 5.4. Pekerjaan

Kedudukan etnik Tionghoa Muslim di Medan telah melibatkan diri dengan berbagai pekerjaan bagi menampung keperluan harian dalam kehidupan mereka. Dari seramai 90 responden, terdapat 39 orang (44%) adalah mereka yang bekerja sendiri, manakala 13 orang (14%) yang bekerja dengan kerajaan sebagai pegawai negeri, seramai 16 orang (18%) yang berkerja swasta, 10 orang (11%) yang bekerja sebagai profesional, dan yang termasuk dalam kategori lain-lain seperti ibu rumah tangga dan sebagainya seramai 12 orang (13%). Data yang diperolehi menunjukkan bahawa saudara baru rata-rata sudah memiliki pekerjaan untuk menghidupi diri dan keluarganya sendiri. Ertinya, secara ekonomi mereka tidak lagi bergantung kepada belas kasih orang untuk memenuhi keperluan hidup mereka.

Jadual 5.5. Pendidikan

Pendidikan	Kekerapan	Peratus
SMP	15	17
SMA	32	36
Sarjana (S1)	20	22
Master (S2)	8	9
Doktoral (Ph.D)	3	3
Lain-lain	12	13
Jumlah	90	100




Rajah 5.5. Pendidikan

Etnik Tionghoa Muslim adalah masyarakat yang mempunyai peluang mendapat pendidikan yang sama seperti masyarakat Indonesia lainnya. Dari seramai 90 orang responden terdapat 3 orang (3%) yang berkelulusan Ph.D, 8 orang (9%) yang berkelulusan Master (S2), sedangkan yang berkelulusan S1 seramai 20 orang (22%), sedangkan yang berkelulusan SMA (Sekolah Menengah Atas) adalah seramai 32 orang (36%), berkelulusan SMP (Sekolah Menengah Pertama) seramai 15 orang (17%), namun begitu terdapat juga di kalangan mereka yang berkelulusan tidak sampai kepada peringkat yang lebih baik daripada yang dikutip iaitu seramai 12 orang (13%). Data yang diperolehi menunjukkan bahawa etnikTionghoa Muslim merupakan orang yang berkelulusan dan berpendidikan SMA adalah yang teramai.

Latar belakang pendidikan peserta pengajian yang berbeza pada prinsipnya menjadi masalah tersendiri bagi PITI dalam mengelompokkan peserta pengajian. Kelompok graduation (siswazah-sarjana) seharusnya terpisah dengan kelompok pelajar remaja yang masih duduk di tingkatan (menengah) PITI dalam pengelompokkan peserta dakwah tidak menggunakan sistem seleksi per kemampuan peserta, terutama dari aspek pengetahuan agama. PITI hanya melakukan pengajian secara kolektif dengan menghadirkan guru (ustaz/ustazah) untuk berceramah dan diikuti oleh peserta dengan latar belakang pendidikan yang berbeza. Itulah sebabnya cabaran di masa hadapan, PITI perlu melakukan seleksi peserta dakwah agar materi dakwah dan metodenya bersesuaian dengan kemampuan peserta. Selanjutnya PITI juga sudah seharusnya menyelenggarakan pengajian melalui sistem klasikal secara lebih ketat lagi dengan pengelompokkan peserta sesuai dengan kemampuan, pendidikan dan umur. Hal ini penting untuk efektiviti dakwah, maka secara implisit hal itu juga mengharuskan PITI untuk mengelola dakwahnya secara profesional dan melibatkan sistem kepengurusan, kepemimpinan dan pentadbiran administrasi dakwah yang lebih berkualiti.

Jadual 5.6. Pendapatan

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
Kurang dari Rp. 1 juta	24	27
Rp. 1 – 2 juta	35	39
Rp. 2 – 3 juta	20	22
Rp. 4 – 5 juta	8	9
Rp. 5 juta ke atas	3	3
Jumlah	90	100



Rajah 5.6. Pendapatan

Pendapatan merupakan satu keperluan sama ada tetap atau tidak, namun etnik Tionghoa muslim rata-rata mempunyai pendapatan secara sendiri bagi memenuhi keperluan keluarga mereka sendiri. Dari kalangan 90 orang responden, terdapat 24 orang (27%) yang berpendapatan kurang daripada 1 juta Rupiah. Namun data menunjukkan tidak kurang juga saudara baru yang berpendapatan lebih daripada 1 juta Rupiah di mana 35 orang (39%) berpendapatan antara 1 – 2 juta Rupiah, seramai 20 orang (22 %) berpendapatan 2 – 3 juta Rupiah, seramai 8 orang (9%) berpendapatan 4 – 5 juta Rupiah, dan 3 orang (3%) yang berpendapatan lebih dari 5 juta Rupiah. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah yang berpendapatan 1 - 2 juta Rupiah, apa pun saudara baru masih mempunyai pendapatan tetap bagi menampung perbelanjaan kehidupan keluarga mereka.

Dengan demikian peserta dakwah PITI dari kalangan Muslim Tionghoa pada umumnya adalah mereka yang tergolong orang-orang yang berpenghasilan (produktif), bukan orang pengangguran (jobless). Hal itu jika dikaitkan dengan karakter dan sifat orang Tionghoa memang dapat dikatakan mereka adalah orang-orang yang gigih, pekerja keras, dan pantang mundur. Mereka sentiasa berusaha untuk survive dan maju. Memandangkan aspek ekonomi peserta dakwah yang sangat beragam di atas seharusnya

PITI melihat secara lebih teliti lagi bahwa mereka adalah juga sumber bagi pengelolaan keuangan di lingkungan PITI.


Sistem koperasi misalnya, sudah seharusnya dibina bagi keuntungan bukan sahaja untuk PITI tapi juga peserta dakwah PITI. Penyediaan bahan keperluan asas (sembako) misalnya, boleh diadakan di PITI untuk memenuhi keperluan asas para ahli jama'ah PITI. Selanjutnya, PITI juga sangat berpotensi untuk mendirikan bahagian perkhidmatan lainnya seperti, rumah kedai, properti, dan perkhidmatan angkutan dan travel agensi. Hanya sahaja bagaimana masalah dan cabaran ini dapat dikelola oleh PITI dengan bekerjasama dengan para ahli PITI dalam penyelenggaraan usahanya yang dapat menguntungkan bukan sahaja bagi PITI itu sendiri tapi juga para ahlinya. Bahkan, PITI juga dapat bekerja sama dalam pengembangan sistem ekonominya dengan kerajaan atau jabatan-jabatan lainnya yang dikelola oleh organisasi mahupun persendirian. Inilah cabaran PITI dalam pelannya di masa hadapan yang tentunya PITI juga perlu berkonsolidasi dengan para ahli jama'ahnya dan merancang sistem pengelolaan sistem ekonominya namun tetap dalam konteks dakwah Islam.

5.2.2.2 Asal dan Latar Belakang Memeluk Islam

Dalam bahagian ini analisa akan dibuat berpandukan kepada maklumat latar belakang memeluk Islam etnik Tionghoa untuk melihat secara jelas keadaan mereka selepas memeluk Islam. Saudara baru merupakan aset penting dalam memperkembangkan Islam dan sumber tenaga yang amat bermakna dalam dakwah. Analisa latar belakang memeluk Islam melihat kepada aspek-aspek berikut:

Jadual 5.7. Agama Asal

Agama Asal	Kekerapan	Peratus
Hindu	5	6
Buddha	28	31
Kristian	23	26
Lain-Lain (Kong huchu)	34	37
Jumlah	90	100




Rajah 5.7. Agama Asal

Setiap manusia mempunyai agama dan kepercayaan mereka sendiri. Agama yang mereka amalkan merupakan sistem dan cara hidup mereka yang mereka fikir baik bagi mereka. Begitu juga dengan saudara baru, sebelum mereka memeluk Islam mereka juga mempunyai agama asal di mana mereka terdiri dari berbagai kepercayaan dan agama, di antaranya Hindu, Buddha, Kristian, dan lain-lain. Dari kalangan 90 responden, kedatangan 23 orang (26%) adalah mereka berasal dari agama Kristian, 28 orang (31%) adalah berasal dari agama Buddha, 5 orang (6%) yang berasal dari agama Hindu, dan 34 orang (37%) yang lain-lain adalah merujuk kepada mereka yang beragama Sikh, Animisme, Toisme, dan Tiada agama. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa mereka yang teramai memeluk agama Islam adalah berasal dari orang-orang yang sebelumnya beragama Sikh, Animisme, Toisme, dan atheis (tidak

beragama), iatu sebanyak 34 orang (37%). Hal ini sangat menarik kerana mereka terlahir di lingkungan orang-orang Cina yang telah memiliki kepercayaan. Namun selari dengan tingkat perkembangan intelektual dan perjalanan rohani masing-masing mendorong mereka untuk mencari keyakinan yang sebenar, terutama yang dapat memberikan jawapan terhadap persoalan-persoalan spiritual.

Jadual 5.8. Memeluk Islam

Tempoh Memeluk Islam	Kekerapan	Peratus
Kurang dr 1 thn	12	13
1-2 thn	14	16
3-4 thn	18	20
4-5 thn	21	23
5 thn ke atas	25	28
Jumlah	90	100




Rajah 5.8. Memeluk Islam

Pengislaman saudara baru tidak berlaku secara serentak dan kemasukan mereka berperingkat mengikut keadaan mereka untuk menerima Islam. Pemelukannya ada yang terlalu baru dari segi tempoh malah ada yang sudah memeluk Islam 1-2 tahun, 3-4 tahun, 4-5 tahun, dan ada yang sudah melebihi daripada 5 tahun. Dari kalangan 90 responden terdapat 12 orang (13%) yang telah memeluk Islam kurang dari 1 tahun, 14

orang (16%) telah memeluk Islam antara 1-2 tahun, 18 orang (20 %) telah memeluk Islam antara 3-4 tahun, 21 orang (23%) memeluk Islam selama 4-5 tahun, dan yang telah melebihi 5 tahun memeluk Islam adalah seramai 25 orang (25%). Data yang diperolehi menunjukkan bahawa di kalangan saudara baru yang memeluk Islam lebih dari 5 tahun mempunyai angka yang teramai. Keadaan ini memberi gambaran bahawa Islam sudah lama diterima dan dianuti oleh golongan bukan Islam sebagai agama anutan baru mereka.

Jadual 5.9. Perantara Dalam Mengenal Islam

Faktor Mengenal Islam	Kekerapan	Peratus
Kawan	26	29
Rakan sekerja	20	22
Keluarga	22	24
Pembacaan	14	16
Lain-lain	8	9
Jumlah	90	100




Rajah 5.9. Perantara Dalam Mengenal Islam

Sebelum seseorang menerima dan berpegang kepada sesuatu, ia perlu mengenali sebaik mungkin, mengenali sesuatu lebih awal adalah cara terbaik bagi mendapat maklumat untuk memastikan setiap ada yang diterima pakai akan mendatangkan kebaikan kepada diri kita. Pengenalan awal merupakan faktor pendorong untuk mengenali lebih dalam. Demikianlah dengan saudara baru di mana mereka mempunyai

faktor sampingan yang membawa mereka mengenali Islam. Dari kalangan 90 responden yang memeluk Islam terdapat faktor-faktor yang menyebabkan mereka mengenali Islam. Data menunjukkan bahawa 26 orang (29%) diperkenalkan oleh kawan-kawan untuk mengenali Islam, manakala 20 orang (22%) diperkenalkan oleh rakan sekerja, 22 orang (24%) yang diperkenalkan Islam oleh keluarga mereka sendiri, manakala pembacaan buku dan risalah tentang Islam adalah 14 orang (16%), dan faktor yang lain-lain yang membawa kepada Islam seperti hidayah, mimpi, kemahuan diri dan minat adalah 8 orang (9%). Perangkaan ini menjelaskan bahawa faktor kawan adalah jumlah teramai sebagai pendorong kepada saudara baru untuk memeluk Islam. Faktor ini juga menjelaskan betapa pentingnya cara berkawan bagi menarik orang bukan Islam kepada Islam.

Jadual 5.10. Tempat Mengikuti Pengajian Islam

Tempat Mengikuti Pengajian Islam	Kekerapan	Peratus
Di Masjid	33	37
Di PITI sahaja	37	41
Pejabat Agama	9	10
Lain-lain	11	12
Jumlah	90	100




Rajah 5.10. Tempat Mengikuti Pengajian Islam

Perkembangan Islam melalui berbagai bentuk pengajian bagi mendidik masyarakat Islam hatta saudara baru sekalipun mendalami Islam. Setelah saudara baru memeluk Islam mereka bersungguh-sungguh ataupun memberikan komitmen yang tinggi dalam mendalami Islam bagi menambah dan memantapkan pengislaman mereka. Mereka menerima dan mengikuti pengajian Islam di merata tempat seperti di masjid, pejabat agama dan PITI sendiri sebagai pusat dakwah. Dari kalangan 90 responden yang mengikuti pengajian Islam, 33 orang (37%) mengikuti kelas pengajian yang diadakan di masjid-masjid, 9 orang (10%) yang mengikuti pengajian Islam di pejabat agama, manakala yang mengikuti pengajian di PITI sahaja adalah 37 orang (41%), dan yang mengikuti pengajian di lain-lain merujuk kepada pondok-pondok, pusat dakwah dan organisasi keislaman lainnya adalah 11 orang (12%). Data menunjukkan bahawa PITI merupakan pusat pengajian yang menjadi tumpuan saudara baru bagi mendalami Islam di peringkat awal pemelukan mereka. Komitmen yang baik dari saudara baru memberi nafas kepada PITI untuk terus bergerak menjayakan dakwah kepada masyarakat saudara baru secara berterusan.

Jadual 5.11. Program Meningkatkan Pemahaman Islam

Program Meningkatkan Islam	Kekerapan	Peratus
Ceramah Agama	32	36
Kelas Agama	26	29
Kelas Fardu Ain	22	24
Lain-lain	10	11
Jumlah	90	100




Rajah 5.11. Program Meningkatkan Pemahaman Islam

Setiap masyarakat Islam sama ada yang asal Islam ataupun yang memeluk Islam perlu sentiasa merangka program bagi mengikatkan pengetahuan tentang agama Islam dengan meletakkan program tersebut sebagai landasan untuk meningkatkan Islam di dalam diri. Tidak ketinggalan saudara baru di mana mereka sentiasa berusaha meningkatkan diri mereka dengan pengetahuan Islam melalui berbagai cara. Antara program yang mereka sentiasa ikuti bagi meningkatkan pengetahuan mereka dengan mengikuti ceramah, kelas agama, dan kelas fardu ain. Dari kalangan 90 orang responden terdapat 32 orang (36%) yang lebih senang untuk mengikuti ceramah agama, manakala yang selalu datang kepada kelas agama adalah 26 orang (29%), yang mengikuti kelas fardu ain adalah 22 orang (24%), dan yang mengikuti lain-lain merujuk kepada pengetahuan secara sendiri-sendiri atau kelas tajwid adalah 10 orang (11%). Data yang diperolehi menunjukkan bahawa metode ceramah dalam menyampaikan pengetahuan Islam (berdakwah) lebih banyak peminatnya dibanding dengan metode-metode lain. Metode ceramah tersebut sangat praktikal dalam penyelenggaraannya, tidak terlalu formal dan kadang diselingi dengan canda gurau untuk menghilangkan kebosanan dan meningkatkan daya tarik terhadap program ceramah tersebut.

Jadual 5.12. Pendorong Meminati Islam

Pendorong Meminati Islam	Kekerapan	Peratus
Perkahwinan	18	20
Minat pada ajaran Islam	27	30
Kebaikan penganut Islam	16	18
Kebaikan ajaran Islam	20	22
Lain-lain	9	10
Jumlah	90	100




Rajah 5.12. Pendorong Meminati Islam

Saudara baru merupakan pendatang dalam agama Islam di mana kedatangan mereka diiringi oleh pelbagai faktor pendorong kepada mereka meminati Islam. Kedatangan mereka walaupun diiringi oleh faktor pendorong tetapi ia merupakan satu kebaikan kepada Islam sekiranya mereka menghayati Islam sebagai satu ajaran selepas mereka memeluk Islam. Dari kalangan 90 responden, 16 orang (18%) yang menganut Islam karena ketertarikan kepada kebaikan penganut Islam, manakala 20 orang (22%) menerima Islam karena ketertarikan kepada kebaikan ajaran Islam, 27 orang (30%) menganut Islam sebab minat kepada ajaran agama Islam, 18 orang (20%) karena perkahwinan, dan yang lain-lain merujuk kepada suka akan peraturan Islam adalah 9 orang (10%). Data yang diperolehi menunjukkan bahawa saudara baru teramai dengan

bilangan 27 orang (30%) karena minat kepada ajaran Islam yang mencakupi semua aspek kehidupan. Kehadiran mereka ini memberi nafas kepada Islam untuk terus bergerak merangka program bagi menarik golongan bukan Islam dengan kaedah-kaedah yang berkesesuaian.

Jadual 5.13. Ahli Keluarga Memeluk Islam

Ahli Keluarga Memeluk Islam	Kekerapan	Peratus
Ibu	15	17
Bapak	12	13
Adik	14	16
Abang/Kakak	8	9
Lain-lain	41	45
Jumlah	90	100




Rajah 5.13. Ahli Keluarga Memeluk Islam

Keluarga adalah merupakan perkara utama dalam kehidupan, malah keluarga sebagai pendorong yang kuat dalam apa juga kerja yang dilaksanakan. Saudara baru ada kalanya disokong oleh ahli keluarga malah mereka bukan keseorangan dalam memeluk Islam, ada di kalangan mereka disokong oleh ibu bapak, adik-adik, abang, ahli keluarga lain dan kadang-kadang mereka kesemua keluarga turut sama memeluk Islam. Dari kalangan 90 responden terdapat 15 orang (17%) memeluk Islam bersama mereka terdiri

dari ibu mereka sendiri sama ada memeluk Islam bersama atau lebih awal memeluk Islam daripada mereka. Manakala 12 orang (13%) terdapat bapa mereka yang turut bersama memeluk Islam, 14 orang (16%) adik mereka turut memeluk Islam, 8 orang (9%) abang atau kakak mereka turut bersama memeluk Islam, dan 41 orang (45%) yang lain-lain merujuk kepada saudara baru yang mana kesemua ahli keluarga memeluk Islam. Data menunjukkan bahawa saudara baru yang memeluk Islam diiringi oleh ahli keluarga yang sama-sama memeluk Islam. Adik merupakan jumlah angka yang teramai turut memeluk Islam bersama saudara baru.

Jadual 5.14. Perasaan Setelah Memeluk Islam

Perasaan Setelah Memeluk Islam	Kekerapan	Peratus
Tenang	44	49
Merasa Terbeban Dengan Ibadah	8	9
Gembira	12	13
Murah Rezeki	16	18
Lain-lain	10	11
Jumlah	90	100




Rajah 5.14. Perasaan Setelah Memeluk Islam

Perasaan merupakan suatu perkara yang wujud secara simbolik dalam diri manusia apabila ia mencapai satu kepuasan dalam kerja, tindakan dan keputusan dalam

hidup. Perubahan dalaman akan berlalu apabila seseorang itu menerima sesuatu yang lebih baik dari sebelumnya. Dalam kehidupan seharian setiap individu mempunyai perasaan yang berbeza antara satu sama lainnya. Ada yang merasa tenang, gembira, susah, dan sebagainya. Begitu juga dengan saudara baru, setelah mereka berada dalam Islam, perasan yang baru turut dirasai. Dari kalangan 90 responden, terdapat 16 orang (18%) yang merasa murah rezeki setelah memeluk Islam, manakala 8 orang sahaja (9%) yang merasa berbeban dengan ibadah setelah memeluk Islam. Selain itu, 44 orang (49%) merasa tenang setelah memeluk Islam dan berada dalam lingkungan saudara-saudara Islam lainnya, manakala 12 orang (13%) yang merasa gembira dengan keputusan mereka untuk memeluk Islam dan melaksanakan ajaran-ajaran Islam. Sedangkan 10 orang (11%) merasakan hal lain-lain merujuk kepada perasaan takut dan tidak merasakan apa-apa yang khusus. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa bilangan teramai saudara baru yang merasa tenang setelah memeluk agama Islam.

Jadual 5.15. Hubungan Kekeluargaan Selepas Memeluk Islam

Perkara	Kekerapan	Peratus
Baik	30	33
Tidak baik	17	19
Renggang	15	17
Semakin erat	19	21
Lain-lain	9	10
Jumlah	90	100




Rajah 5.15. Hubungan Kekeluargaan Selepas Memeluk Islam

Dalam keadaan mana sekalipun keluarga adalah merupakan satu aset penting dalam kehidupan. Hubungan kekeluargaan perlu dijaga dan dipelihara sepanjang masa. Perbezaan adat, budaya, dan gama tidak membolehkan seseorang itu memutuskan hubungan kekeluargaan tetapi mestilah berterusan dipupuk dan disemai agar hubungan itu tetap menjadi agenda dalam kehidupan. Setelah saudara baru berada dalam lingkungan Islam, terdapat berbagai reaksi yang berbeza di kalangan mereka dalam menjaga dan membina hubungan dengan keluarga asal. Ada kalanya hubungan di antara mereka berterusan baik, namun di sana ada di antaranya tidak baik dan malah menjadi renggang selepas mereka memeluk Islam. Masalah hubungan kekeluargaan dengan keluarga asal setelah mereka memeluk Islam masih menjadi suatu persoalan yang begitu sinonim dengan masyarakat saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 30 orang (33%) mengakui hubungan dengan keluarga mereka setelah memeluk Islam adalah baik, 17 orang (19%) merasa bahawa hubungan dengan keluarga mereka kurang baik setelah memeluk Islam, 15 orang (17%) yang mengakui bahawa hubungan dengan keluarga mereka menjadi renggang setelah mereka memeluk Islam, manakala 19 orang (21%) yang mengakui bahawa hubungan mereka dengan keluarga mereka semakin dekat selepas mereka memeluk Islam, dan 9 orang (10%) yang mengakui lainnya merujuk kepada mereka yang putus terus, dan berhubung jarang-jarang sahaja. Data

yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai di kalangan saudara baru masih mengakui bahawa hubungan dengan keluarga asal masih baik dan boleh menerima keputusan mereka berpindah agama menjadi agama Islam.

Jadual 5.16. Tekanan Setelah Memeluk Islam

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tekanan Agama	8	9
Tekanan Budaya	13	14
Sikap Masyarakat Sekitar	20	22
Tekanan Keluarga	33	37
Lain-lain	16	18
Jumlah	90	100



Rajah 5.16. Tekanan Setelah Memeluk Islam

Keserasian dan kesesuaian adalah merupakan satu perkara yang menjadi fokus utama apabila kita berada dalam satu-satu keadaan. Apabila tidak ada kesesuaian dan keserasian ia akan menjadi satu tekanan dan bebanan kepada diri dalam meneruskan kehidupan. Dalam konteks agama apabila seseorang baru menerima agama, tekanan merupakan perkara biasa berlaku malah keserasian dalam agama baru merupakan perkara biasa setelah memeluk agama Islam di mana mereka akan berhadapan dengan situasi ini. Tetapi ini adalah satu cabaran yang perlu diterokai oleh saudara baru dalam

meneruskan kesinambungan cita-cita dan harapan. Rata-rata saudara baru berhadapan dengan berbagai tekanan sama da tekanan itu datang dari agama itu sendiri ataupun tekanan budaya, tekanan masyakat sekitar, atau tekanan keluarga. Dari kalangan 90 responden terdapat 8 orang (9%) yang merasakan tekanan dari agama, 13 orang (14%) yang mengalami tekanan dari budaya, 20 orang (22%) yang merasakan tekanan dari sikap masyarakat sekitar, 33 orang (37%) yang menghadapi tekanan dari keluarga mereka sendiri, dan 16 orang (18%) yang menghadapi tekanan dari yang lain merujuk kepada yang tiada tekanan, isteri yang tidak mahu masuk Islam, dan kawan-kawan. Data perangkaan yang dikutip menjelaskan bahawa jumlah bilangan teramai adalah mereka yang mengalami tekanan dari keluarga sendiri yang susah menerima saudara mereka memeluk agama Islam.

Memandangkan keberadaan ahli dan peserta dakwah PITI dari aspek asal-usul dan latar belakang memeluk Islam serta kondisi mereka setelah masuk Islam, maka hal itu menunjukkan peran dakwah organisasi PITI. Sebagaimana ditunjukkan di atas, PITI sangat berpengaruh dalam mengajak orang Tionghoa untuk memeluk Islam, dan bahkan PITI juga berupaya untuk mengisi dan memberikan penerangan mengenai ajaran Islam melalui berbagai programnya hingga upaya menjembatani kerukunan antara para ahli keluarga dengan keluarganya yang bermasalah. PITI juga memberikan pengayoman dan bimbingan para ahlinya untuk sentiasa tetap dalam keadaan Islam sekalipun dihadapkan kepada permasalahan keluarga hingga pekerjaan disebabkan karena perpindahan agama.

Sebagaimana disinggung di di atas, faktor kawan, rekan sekerja dan keluarga merupakan dorongan tersendiri bagi orang-orang Tionghoa untuk masuk Islam selain kesedaran yang datang melalui diri sendiri. Faktor kawan atau rekan sebenarnya adalah mereka yang umumnya telah menjadi ahli pengajian di PITI, maka secara tidak

langsung peran PITI sangat berpengaruh bagi penyebaran dakwah Islam di kalangan Tionghoa. Terlebih-lebih PITI juga membuka pengajian dan kelas-kelas lainnya sekalipun masih sederhana untuk membantu mereka

5.2.2.3 Keberkesanan Program Bagi Saudara Baru

PITI merupakan badan dakwah yang begitu komited dalam menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat non-Muslim atau masyarakat yang baru memeluk Islam. Keutuhan dan kewibawaan PITI dalam dakwah adalah bergantung harap kepada sejauh mana usaha yang dilakukan menepati ciri dan keperluan mad'u. Kecekapan yang maksimum dalam usaha dakwah banyak bergantung kepada cara pendekatan dan metodologi. Tidak ketinggalan dengan dakwah PITI kepada saudara baru di mana tanggungjawab PITI menggunakan kaedah yang terbaik akan memberi impak yang besar dan mendalam kepada kecekapan dakwah malah akan merubah segala corak kehidupan saudara baru terutama dalam aspek pegangan kepada agama dan ajaran Islam. Keseriusan dakwah PITI dalam mengetengahkan metodologi yang terbaik demi mengikat saudara baru kepada kekuatan ajaran agama Islam. Bagi menjelaskan keberkesanan metodologi dakwah PITI kepada saudara baru, penulis akan melihat dari beberapa item antaranya ialah; pengetahuan, silabus, sistem, sikap, dan tenaga pengajar.

Jadual 5.17. Pengetahuan

Bil	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
1	Sangat minat pada kelas	20	61.1	11.1	6.7	1.1
2	Faham semua yang diajar	16.6	57.8	13.4	12.2	0
3	Bertambah kekuatan selepas memeluk Islam	14.5	72.2	10	2.2	1.1
4	Boleh menghayati Islam dengan baik	22.3	63.3	12.2	2.2	0
5	Boleh amalkan selepas Belajar	25.6	62.2	10	1.1	1.1
6	Mendapat banyak perkara selepas pembelajaran	28.8	64.5	5.6	1.1	0
7	Berhadapan dengan masalah dalam ibadah	23.4	60	12.3	2.2	1.1
8	Anda perlu bantuan sampingan selepas belajar	13.3	65.7	6.7	11.1	3.3
9	Memenuhi kehendak anda sebagai saudara baru	26.6	57.8	10	5.6	0

Pengetahuan salah satu daripada alat pengukur dan penilai bagi penulis menentukan sejauh mana keberkesanan metodologi dakwah PITI kepada saudara baru. Untuk mencapai ke arah itu penulis meletakkan beberapa aspek bagi menilai pengetahuan saudara baru semenjak berada di PITI dan mempelajari Islam. Apa yang mereka capai adalah merupakan hasil daripada usaha dan pendekatan yang digunakan kepada saudara baru dalam mendidik dan meningkatkan Islam mereka sekali gus meletakkan mereka adalah di kalangan saudara baru yang dapat berjalan sendiri dalam menunaikan ibadah dan melaksanakan syariat Islam. Terdapat 9 aspek yang diambil dalam menentukan keberkesanan metodologi dakwah PITI.

Aspek yang pertama bagi mengukur dan menilai pengetahuan saudara baru terhadap program-program yang dilaksanakan oleh PITI tentang keberkesanan metodologi dakwah kepada saudara baru ialah Minat saudara baru kepada kelas. Dari

kalangan 90 responden, terdapat 55 orang (61.1%) bersetuju bahawa saudara baru amat berminat dengan kelas yang diadakan. Walaupun begitu terdapat 1 orang (1.1%) responden sangat tidak setuju dan tidak berminat kepada kelas. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah bilangan teramai yang bersetuju menjelaskan tentang saudara baru berminat pada kelas yang diadakan dan ini mewakili bagi keseluruhan saudara baru. Ini menjelaskan bahawa kelas yang diadakan oleh PITI menarik minat saudara baru dan saudara baru memang berminat dengan kelas-kelas yang diadakan.

Aspek yang kedua adalah aspek kefahaman apa yang diajarkan. Ini bagi mengukur pengetahuan saudara baru bagi menilai keberkesanan metodologi dakwah PITI kepada saudara baru. Dari kalangan 90 responden, seramai 52 orang (57.8%) bersetuju dengan apa yang diajar boleh difahami. Manakala 11 orang (12.2%) tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa apa yang diajar boleh difahami dan memahami semuanya. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah bilangan pertama adalah dari kalangan responden yang bersetuju dengan kenyataan bahawa apa yang diajar difahami kesemuanya. Ini menjelaskan tentang pendekatan PITI terhadap saudara baru dalam ini pengajaran mudah dan boleh difahami.

Aspek yang ketiga yang dilihat boleh mengukur tentang pengetahuan saudara bari adalah 'Bertambah kekuatan selepas memeluk Islam'. Dari kalangan 90 orang responden, kedapatan 65 orang (72.2%) bersetuju dengan kenyataan bahawa kekuatan bertambah selepas memeluk Islam. Manakala terdapat 2 orang (2.2%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah bilangan teramai memberi persetujuan yang amat ketara berbanding dengan yang tidak bersetuju terhadap yang mengatakan bahawa kekuatan dalam diri bertambah

selepas memeluk Islam. Keadaan ini menjelaskan bahawa saudara baru merasakan satu kekuatan baru malah semakin bertambah selepas memeluk Islam dan ini juga menggambarkan bahawa metodologi dakwah PITI kepada saudara baru berkesan.

Aspek yang keempat yang boleh dilihat bagi mengukur pengetahuan saudara baru ialah 'Boleh menghayati Islam dengan baik'. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 57 orang (63.3%) bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka boleh menghayati Islam dengan baik selepas memeluk Islam. Manakala 2 orang (2.2%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang dikutip dan perbezaan yang ketara menunjukkan dengan jelas bahawa mereka yang bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka boleh menghayati Islam dengan baik selepas memeluk Islam adalah mempunyai jumlah teramai. Ini sedikit banyak memberi gambaran bahawa PITI begitu berusaha membina saudara baru supaya bukan sekadar Islam pada nama tetapi pengislaman mereka disertai dengan penghayatan.

Dalam menilai aspek pengetahuan saudara baru, aspek pengamalan selepas belajar diambil kira sebagai aspek yang kelima. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 56 orang (62.2%) bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka boleh amalkan apa yang mereka dapat selepas belajar agama Islam. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan perbezaan yang nyata di antara yang bersetuju dan yang sangat tidak bersetuju. Jumlah bilangan teramai adalah dari kalangan mereka yang bersetuju dengan kenyataan bahawa responden boleh mengamalkannya selepas belajar. Kekuatan data yang dianalisis menjelaskan PITI memang memberi sesuatu pengajaran yang mudah dan boleh diamalkan oleh saudara baru selepas mereka belajar melalui keberkesanan metodologi.

Aspek yang keenam bagi menilai dan mengukur pengetahuan saudara baru adalah kedapatan banyak perkara selepas pembelajaran. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 58 orang (64.5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mendapat banyak perkara selepas pembelajaran agama Islam. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang amat ketara berbeza antara bersetuju dan sangat tidak bersetuju ini menunjukkan satu kekuatan dalam penerimaan responden terhadap apa yang dilaksanakan oleh PITI. Juga bilangan terbaik adalah mereka yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menjelaskan keberkesanan metodologi dakwah PITI terhadap saudara baru yang menyebabkan saudara baru yang dapat banyak input setelah mereka belajar.

Dalam aspek yang ketujuh diambil kira bagi mengukur dan menilai pengetahuan saudara baru ialah berkaitan dengan permasalahan yang mereka hadapi selepas memeluk Islam. Dari kalangan 90 responden terdapat 54 orang (60%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka berhadapan dengan masalah ibadah. Manakala terdapat 2 orang (2.2%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan menerima hakikat ibadah adalah sesuatu yang mudah. Data yang diperolehi dan dianalisis begitu mempunyai perbezaan yang ketara dan menunjukkan bahawa saudara baru yang bersetuju dengan permasalahan yang mereka hadapi dalam ibadah mempunyai jumlah bilangan terbanyak. Ini menjelaskan bahawa saudara baru masih perlu kepada penambahan dan pendekatan yang terbaik dalam melaksanakan ibadah.

Pengukuran dan penilaian yang kelapan bagi mengetahui tahap pengetahuan saudara baru ialah dari sudut keperluan bantuan kelas atau pengajian sampingan selepas belajar di PITI. Dari kalangan 90 orang responden, kedapatan 59 orang (65.5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka memerlukan bantuan kelas

sampingan bagi menambahkan ilmu mereka. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Data perangkaan yang dikutip dari responden menunjukkan jumlah bilangan terbanyak adalah dari kalangan mereka yang bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka memerlukan bantuan kelas sampingan selepas belajar bagi meningkat dan menambahkan ilmu mereka berkaitan dengan ajaran Islam. Ini memberi gambaran bahawa PITI perlu melihat cara yang lebih baik dalam menambahkan metodologi supaya lebih berkesan.

Aspek yang kesembilan bagi menilai dan mengukur pengetahuan saudara baru ialah dari sudut segala apa yang diberikan oleh PITI memenuhi kehendak saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 52 orang (57.8%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa segala yang diberikan memenuhi kehendak mereka sebagai seorang saudara baru. Manakala terdapat 10 orang (11.1%) sahaja tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang dikutip dari responden menunjukkan bersetuju dengan pandangan tersebut adalah mempunyai jumlah terbanyak dan perbezaannya amat ketara dengan mereka yang tidak bersetuju. Ini menjelaskan usaha berterusan PITI memenuhi keperluan dan kehendak saudara baru adalah satu dari metodologi dakwah PITI kepada saudara baru.

Jadual 5.18. Silibus

Bil.	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
1	Anda memerlukan pengajian lain selain kelas ini	21.1	64.5	10	3.3	1.1
2	Pembelajaran mengikut silibus	10	65.6	20	4.4	0
3	Isi kandungan menepati keperluan Anda	12.2	67.8	15.6	3.3	1.1
4	Banyak pengajaran yang dapat diambil	23.3	64.5	11.1	1.1	0
5	Silibus yang digunakan Berkesesuaian	18.9	55.6	17.8	5.5	2.2
6	Silibus yang digunakan merangkumi perkara asas yang patut diketahui	22.2	63.4	13.3	1.1	0

Silibus merupakan pendekatan ilmu pembelajaran dan pengisian yang digunakan oleh PITI dalam meningkatkan ilmu Islam saudara baru. Melalui silibus yang baik dan bertepatan dengan keperluan saudara baru akan memberi kemudahan kepada mereka menerima ilmu Islam dan meningkatkan kefahaman mereka berkaitan dengan ajaran Islam. Salah satu metodologi dakwah PITI dalam mendidik saudara baru adalah dengan menggunakan silibus sebagai salah satu cara dan ia merupakan bahan pengajaran bagi mencapai keberkesanan pengajaran sekali gus mencapai keberkesanan metodologi dakwah. Terdapat 6 aspek yang dilihat sebagai tanda pengukuran kepada silibus.

Aspek pertama bagi mengukur dan menilai silibus yang digunakan kepada saudara baru untuk melihat keberkesanan metodologi dakwah ialah keperluan saudara baru terhadap pengajian lain selain dengan kelas yang diadakan PITI. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 58 orang (64.5 %) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka memerlukan pengajian lain selain kelas ini. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang dikutip dari responden menunjukkan perbezaan yang amat ketara antara yang setuju dengan yang amat tidak

setuju. Jumlah bilangan terbanyak adalah mereka yang bersetuju dengan kenyataan bahawa saudara baru memerlukan pengajian lain selain kelas yang dianjurkan oleh PITI. Ini menjelaskan bahawa saudara baru masih memerlukan kelas selain kelas yang dianjurkan oleh PITI.

Pengukuran dan penilaian yang kedua bagi mengetahui sejauh mana pembelajaran mengikut silibus. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 59 orang (65.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa pembelajaran mengikut silibus. Manakala terdapat 4 orang (4.4 %) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang dikutip dari responden menunjukkan bahawa mereka yang bersetuju melangkaui perbezaan yang nyata dari kalangan responden yang sangat tidak bersetuju. Mereka yang bersetuju mempunyai bilangan terbanyak dan perbezaannya amat ketara dengan mereka yang tidak bersetuju. Analisis yang dibuat menjelaskan bahawa PITI menjalankan kelas kepada saudara baru berasakan silibus yang telah dibentuk dan mengikut peringkat yang sepatutnya dilalui oleh saudara baru. Ini menjelaskan PITI menjaga standard metodologi dakwah agar segala yang dirancang akan dicapai dengan baik dan sukses.

Aspek ketiga yang diambil kira sebagai alat pengukur pendekatan PITI dalam penggunaan silibus ialah berkaitan dengan isi kandungan silibus. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 61 orang (67.8%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa isi kandungan menepati keperluan mereka. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang dikutip dari responden mempunyai perbezaan yang jelas. Jumlah bilangan yang bersetuju dengan isi kandungan yang menepati keperluan adalah terbanyak tetapi hanya sedikit sekali bagi yang sangat tidak setuju. Keadaan ini menunjukkan bahawa keperluan yang berkaitan

dengan silibus dan pembelajaran amat dititikberatkan oleh PITI dalam menjayakan metodologi dakwah mereka kepada saudara baru.

Respons dari aspek keempat bagi mengukur silibus yang digunakan oleh PITI dalam mengetengahkan metodologinya ialah berkaitan dengan pengajaran yang dapat diambil oleh saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 58 orang (64.5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa banyak pengajaran yang dapat diambil melalui silibus PITI. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang dikutip dari responden menunjukkan jumlah bilangan teramai adalah mereka yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Analisis ini menyatakan perbezaan yang jelas di antara saudara baru memang mendapat pengajaran daripada silibus yang digunakan oleh PITI. Kenyataan ini memberi gambaran bahawa PITI mempunyai metodologi dakwah yang sangat berguna dan bermanfaat bagi perkembangan keilmuan saudara baru.

Aspek kelima bagi mengukur silibus yang digunakan oleh PITI dalam mengetengahkan metodologinya ialah berkaitan dengan kesesuaian silibus yang digunakan terhadap saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 50 orang (55.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa silibus yang digunakan berkesesuaian dengan mereka. Manakala terdapat 5 orang (5.6%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi memberi perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dengan yang sangat tidak bersetuju. Jumlah bilangan teramai dengan perkara ini adalah mereka yang bersetuju. Penekanan silibus yang diberikan oleh PITI kepada saudara baru adalah sesuai dengan tahap pemikiran dan kemampuan saudara baru.

Aspek keenam bagi mengukur dan menilai silibus yang digunakan kepada saudara baru untuk melihat keberkesanan metodologi dakwah ialah silibus yang digunakan merangkumi perkara asa dalam Islam yang patut diketahui oleh saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 57 orang (63.3%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa silibus yang digunakan merangkumi perkara asas dalam Islam yang patut diketahui oleh saudara baru. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai adalah mereka yang bersetuju dengan kenyataan bahawa silibus yang digunakan merangkumi perkara asas dalam Islam yang patut diketahui oleh saudara baru. Keadaan semasa ini memberi gambaran bahawa PITI senantiasa membentuk silibus bagi pengajaran kepada saudara baru merangkumi perkara-perkara asas yang patut diketahui oleh saudara baru.

Jadual 5.19. Sistem

Bil	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sgt tidak setuju (%)
1	Bilangan bilik kelas diadakan mencukupi	10	24.4	27.8	32.2	5.6
2	Suasana kelas yang menarik/berkesesuaian	6.7	54.4	15.6	23.3	0
3	Hari kelas yang diadakan berkesesuaian	5.5	64.5	15.6	10	4.4
4	Bentuk pengajaran yang dilaksanakan sesuai	15.6	55.6	22.2	5.5	1.1
5	Bahasa yang digunakan mudah difahami	18.9	68.9	8.8	3.3	0
6	Urusan yang digunakan amat mesra	16.6	62.2	12.2	8.9	1.1
7	Sistem yang digunakan untuk menilai tahap kefahaman Memuaskan	18.9	58.9	13.3	7.8	1.1

Dalam mengetengahkan metodologi dakwah terhadap saudara baru PITI sentiasa mencari pendekatan yang terbaik bagi mencapai kepuasan dan kebaikan kepada sasaran. Berbagai pendekatan yang dijalankan untuk mencapai ke arah itu. Bagi penulis, untuk melihat keberkesanan metodologi dakwah PITI, penulis meletakkan sistem adalah antara perkara yang dilihat bagi menentukan keberkesanan metodologi dakwah PITI. Pengukuran dalam item ini akan melihat beberapa aspek yang akan menjadi alat pengukur kepada keberkesanan metodologi dakwah. Terdapat 7 aspek adalah perkara yang paling sesuai telah diajukan kepada saudara baru untuk mendapat respons.

Aspek pertama dalam sistem bagi mengukur keberkesanan metodologi dakwah PITI kepada saudara baru ialah bilangan bilik kelas pengajian yang diwujudkan oleh PITI kepada saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 22 orang (24.4%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa bilangan bilik kelas diadakan mencukupi. Manakala terdapat 29 orang (32.2%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai adalah dari kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa bilangan bilik kelas yang diadakan mencukupi. Kenyataan ini perlu kepada perhatian PITI bagi meningkatkan keberkesanan metodologi dalam dakwah agar saudara baru yang mengikuti pengajian di PITI dapat belajar dengan sempurna.

Aspek yang kedua yang menjadi perhatian penulis bagi mengukur dan menilai sistem yang digunakan kepada saudara baru ialah dari sudut suasana kelas yang kondusif dan menarik. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 49 orang (54.4%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa suasana kelas yang kondusif, menarik dan berkesesuaian. Manakala terdapat 21 orang (23.3%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi daripada analisis menjelaskan bahawa

bilangan responden teramai bersetuju dengan suasana kelas yang diwujudkan PITI dalam mendidik saudara baru amat kondusif, menarik, dan berkesesuaian. Ini satu perkara yang begitu ditekankan oleh PITI bagi mencapai keberkesanan metodologi dakwah kepada saudara baru.

Dalam pembicaraan aspek yang ketiga bagi mengukur sistem adalah melalui soal selidik yang berkaitan dengan kesesuaian hari yang diadakan kelas kepada saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 58 orang (64.5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa hari kelas yang diadakan adalah berkesesuaian. Manakala terdapat 9 orang (10%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi daripada analisis menjelaskan bahawa bilangan responden teramai bersetuju dengan hari kelas yang diadakan PITI dalam mendidik saudara baru adalah berkesesuaian. Ini juga termasuk salah satu perkara yang begitu ditekankan oleh PITI bagi mencapai kejayaan metodologi dakwah kepada saudara baru.

Respons dari aspek yang keempat bagi mengukur dan menilai sistem, penulis mengajukan persoalan yang berkaitan dengan kesesuaian bentuk pengajaran yang dilaksanakan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 50 orang (55.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa bentuk pengajaran yang dilaksanakan sesuai. Manakala terdapat 5 orang (5.6%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan secara jelas perbezaan yang nyata dan jumlah teramai adalah mereka yang bersetuju dengan kesesuaian bentuk pengajaran yang dilaksanakan oleh PITI. Ini mengertikan kedudukan PITI dalam perjalanan dakwah dengan metodologi yang berkesan.

Aspek yang kelima diambil kira sebagai pengukur dalam menilai system adalah melalui aspek yang berkaitan dengan kefahaman terhadap bahasa yang digunakan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 62 orang (68.9%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa bahasa yang digunakan mudah difahami. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa bilangan responden teramai bersetuju dengan kenyataan bahawa bahasa yang digunakan mudah difahami. Ini kerana PITI mengambil kira tingkat pendidikan dan sosial saudara baru.

Aspek yang keenam bagi mengukur sistem yang digunakan oleh penulis ialah cara pengurusan terhadap saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 56 orang (62.2%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa urusan yang digunakan amat mesra. Manakala terdapat 8 orang (8.9%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menjelaskan bahawa bilangan responden teramai adalah mereka yang bersetuju dengan kenyataan bahawa cara pengurusan yang digunakan amat mesra dan boleh diterima oleh saudara baru sekalipun mereka baru memeluk Islam. Ini menunjukkan bahawa pegawai atau pengajar yang terlibat dalam pengurusan PITI bersikap terbuka dan selalu menolong saudara baru dalam menyelesaikan masalah mereka.

Aspek yang ketujuh boleh menilai sistem adalah berkaitan dengan sistem yang digunapakai untuk menilai tahap kefahaman mereka. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 53 orang (58.9%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa sistem yang digunapakai untuk menilai tahap kefahaman memuaskan. Manakala terdapat 7 orang (7.8 %) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi daripada analisis menjelaskan bahawa bilangan responden teramai bersetuju dengan

kenyataan tersebut. Ini memberi satu dimensi baru bagi PITI untuk meneruskan kesinambungan dakwah dengan metodologi yang lebih berkesan.

Jadual 4.20. Sikap

Bil	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
1	Ramai saudara baru yang tidak mengikuti kelas Pengajian	10	25.5	17.8	37.8	8.9
2	Perasaan terhadap ilmu baru bagus	25.5	45.6	14.5	8.9	5.5
3	Respons kepada pembelajaran baik	11.1	65.6	15.5	6.7	1.1
4	Kelas yang diadakan menjemukan	10	25.6	30	28.9	5.5
5	Kehadiran kelas setiap hari	24.4	45.6	15.6	8.9	5.5
6	Suasana kelas begitu menggembirakan	17.8	53.3	15.6	12.2	1.1

Sikap saudara baru merupakan tindak balas perilaku terhadap apa yang mereka hadapi. Ia harus dilihat sebagai tindakan awal seseorang dengan apa yang mereka hadapi sama ada sesuatu yang mereka hadapi itu masalah atau tidak. Apa pun persepsi awal terhadap seseorang menunjukkan sikap yang ada pada mereka. Begitu juga dalam perihal saudara baru mereka menunjukkan sikap tersendiri dalam berhadapan dengan sesuatu bentuk program ataupun perancangan. Sikap adalah salah satu item yang diletakkan oleh penulis bagi mengukur dan menilai keberkesanan metodologi dakwah PITI terhadap saudara baru melalui soal selidik kepada beberapa aspek untuk menentukan sejauh mana sikap yang ada pada saudara baru terhadap apa yang dilaksanakan oleh PITI. Bagi mencapai ke arah itu penulis meletakkan 6 aspek yang boleh dilihat bagi mengukur keberkesanan metodologi dakwah terhadap saudara baru.

Aspek pertama yang diambil kira bagi melihat sikap saudara baru ialah dari sudut kehadiran kelas yang diadakan oleh PITI. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 23 orang (25.5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa ramai saudara baru yang tidak mengikuti kelas pengajian. Manakala terdapat 34 orang (37.7%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi daripada analisis menjelaskan bahawa bilangan responden teramai adalah mereka yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa masih ramai dari kalangan saudara baru yang tidak menghadiri kelas yang dianjurkan oleh PITI. Keadaan ini perlu dilihat dari sudut mungkin saudara baru masih lagi menghadapi masalah untuk mengikuti kelas yang dianjurkan oleh PITI.

Respons yang kedua yang dilihat bagi menilai dan mengukur sikap saudara baru ialah berkaitan dengan perasaan saudara baru terhadap ilmu yang baharu yang mereka terima. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 41 orang (45.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka merasa bagus terhadap ilmu baru mereka dapat. Manakala terdapat 8 orang (8.9%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi daripada analisis menjelaskan bahawa bilangan responden teramai ialah yang bersetuju dengan kenyataan bahawa perasaan bagus terhadap ilmu baru yang mereka terima. Ini menjelaskan tentang sikap saudara baru yang boleh menerima dengan baik apa yang mereka pelajari dan dapati dari program-program PITI.

Respons yang ketiga dari kalangan responden terhadap perkara yang berkaitan dengan sikap ialah respons yang baik terhadap pembelajaran. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 59 orang (65.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa respons kepada pembelajaran adalah baik. Manakala terdapat 6 orang (6.7%) sahaja

yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperoleh menunjukkan perbezaan yang ketara antara mereka yang bersetuju dengan yang sangat tidak bersetuju, namun jumlah bilangan yang bersetuju lebih ramai dibandingkan dengan yang tidak bersetuju. Keadaan ini menjelaskan bahawa saudara baru memberi respons yang baik terhadap pembelajaran walaupun mungkin di sana ada suatu kesukaran berhadapan dengan perkara baru.

Bagi mengukur sikap dalam aspek yang keempat ialah berkaitan dengan keadaan kelas yang menjemukan. Dari kalangan 90 responden, didapatkan 23 orang (25.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa kelas yang diadakan menjemukan. Manakala terdapat 26 orang (28.9%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Namun data menunjukkan bahawa ada di antara saudara baru yang merasa tidak pasti dengan keadaan kelas yang menjemukan ialah seramai 27 orang (30%). Ini menunjukkan bahawa kelas yang diadakan oleh PITI secara umum dapat diikuti oleh saudara baru walaupun mereka ada yang merasa kejemuan dalam mengikuti kelas tersebut. Keadaan ini tidak memberi impak kepada perjalanan kelas dan program PITI kerana saudara baru menunjukkan minat yang mendalam dan boleh menerima kelas dengan baik.

Aspek yang kelima bagi mengukur dan menilai sikap saudara baru terhadap apa yang direncanakan oleh PITI ialah berkaitan dengan kehadiran kelas setiap hari. Dari kalangan 90 responden, didapatkan 41 orang (45.6 %) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka menghadiri kelas setiap hari. Manakala terdapat 8 orang (8.9%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperoleh daripada analisis menjelaskan bahawa bilangan responden teramai bersetuju dengan kenyataan tentang kehadiran kelas setiap hari. Ini menjelaskan bahawa saudara baru memberi

sambutan yang baik terhadap kelas yang diadakan dan kehadiran mereka setiap hari dapat memberi input kepada keberkesanan metodologi dakwah PITI.

Aspek yang terakhir yang dilihat berperanan juga dalam menentukan sikap saudara baru ialah berkaitan dengan suasana kelas yang menggembirakan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 48 orang (53.3%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa suasana kelas begitu menggembirakan. Manakala terdapat 11 orang (12.2%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan satu perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dan yang tidak bersetuju. Dengan kenyataan bahawa mereka yang bersetuju memiliki jumlah yang lebih ramai dibandingkan yang tidak bersetuju. Ini bermakna bahawa saudara baru merasakan satu keseronokan dalam menghadiri kelas dan dapat belajar serta mendalami agama Islam. Apa yang telah berlaku menunjukkan keberkesanan metodologi dalam dakwah PITI kepada saudara baru.

Jadual 5.21. Tenaga Pengajar

Bil	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
1	Tenaga pengajar berkelulusan	31.1	52.3	14.4	1.1	1.1
2	Tenaga pengajar Berpengalaman	22.2	63.4	12.2	1.1	1.1
3	Tenaga pengajar mempunyai pengetahuan yang baik	22.2	67.8	8.9	1.1	0
4	Tenaga pengajar ada sikap baik dan mesra	42.2	48.9	7.8	1.1	0
5	Pertanyaan tentang kefahaman selepas kelas	34.5	52.2	8.9	3.3	1.1
6	Cara pengajar mengajar amat baik dan mudah difahami	35.6	52.2	6.7	5.5	0
7	Memberi galakan kepada saudara baru	31.1	55.6	10	3.3	0

Tenaga pengajar merupakan sumber aspirasi kepada kecapaian saudara baru dalam mendapat pengetahuan tentang agama Islam. Penerimaan dan pengantungan saudara baru berkaitan dengan ajaran Islam adalah bergantung kepada tenaga pengajar. Tenaga pengajar yang baik dan berkemampuan akan dapat memberi impak yang besar terhadap pengislaman saudara baru bagi membina mereka mendapat tempat yang sebaris dengan masyarakat Islam yang lain. Penulis melihat tenaga pengajar adalah elemen penting dalam menentukan keberkesanan metodologi dakwah yang dilaksanakannya. Untuk ke arah itu penulis meletakkan tenaga pengajar sebagai ukuran kepada keberkesanan metodologi malah melihat perkara ini dalam beberapa aspek. Terdapat 7 aspek diambil kira bagi menilai tenaga pengajar seterusnya menentukan keberkesanan metodologi dakwah PITI.

Aspek pertama yang dilihat oleh penulis bagi menentukan keadaan tenaga pengajar yang sebenar bagi mencapai keberkesanan metodologi dakwah PITI ialah dari sudut kelulusan tenaga pengajar. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 47 orang (52.3%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa tenaga pengajar mempunyai kelulusan. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan satu perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dan yang tidak bersetuju. Dengan kenyataan bahawa mereka yang bersetuju memiliki jumlah yang lebih ramai dibandingkan yang tidak bersetuju. Ini bermakna bahawa saudara baru lebih yakin dengan adanya tenaga pengajar yang berkelulusan mengajar mereka. Bagi mencapai keberkesanan metodologi PITI meletakkan spesifikasi tenaga pengajar yang berkelulusan sebagai syarat utama.

Respons yang kedua ialah aspek bagi mengukur tenaga pengajar dalam hal pengalaman tenaga pengajar. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 57 orang (63.3%)

responden bersetuju dengan kenyataan bahawa tenaga pengajar berpengalaman. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan satu perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dan yang tidak bersetuju. Dengan kenyataan bahawa mereka yang bersetuju memiliki jumlah yang lebih ramai dibandingkan yang tidak bersetuju. Ini bermakna bahawa keberkesanan metodologi ini memberi kekuatan kepada saudara baru untuk terus belajar di PITI.

Bagi menentukan keadaan tenaga pengajar dalam mengenal pasti keberkesanan metodologi dakwah PITI ialah melihat kepada aspek yang ketiga yang berkaitan dengan pengetahuan tenaga pengajar. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 61 orang (67.8%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa tenaga pengajar mempunyai pengetahuan yang baik. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa mereka yang bersetuju mempunyai jumlah teramai dibandingkan mereka yang tidak bersetuju. Ini bermakna bahawa PITI memiliki tenaga pengajar yang berkualiti dan memiliki pengetahuan yang luas mengenai agama Islam dan tenaga pengajar dapat menjelaskan perkara-perkara agama dengan baik kepada saudara baru.

Respons dari aspek yang keempat bagi mengukur dan menilai tenaga pengajar ialah berkaitan dengan sikap dan kemesraan mereka ketika mengajar. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 44 orang (48.9 %) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa tenaga pengajar mempunyai sikap baik dan mesra. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan satu perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dan yang tidak bersetuju. Perbezaan ini menjelaskan bahawa saudara baru merasa senang hati dengan

kebaikan dan kemesraan tenaga pengajar dalam melayani mereka sebagai saudara baru yang kurang mempunyai pengetahuan tentang ajaran Islam.

Aspek yang seterusnya dilihat kepada tenaga pengajar bagi menentukan keberkesanan metodologi dakwah PITI ialah berkaitan dengan pengajar yang selalu bertanya kepada saudara baru tentang kefahaman selepas kelas. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 47 orang (52.2 %) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa pengarah senantiasanya akan bertanya mereka tentang kefahaman setiap kali selepas kelas. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan satu perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dan yang tidak bersetuju. Dengan kenyataan bahawa mereka yang bersetuju memiliki jumlah yang lebih ramai dibandingkan yang tidak bersetuju. Ini menjelaskan bahawa pembelajaran saudara baru diambil berat oleh pengajar bagi memastikan apa yang diajar dapat diterima dan difahami oleh saudara baru.

Respons yang keenam bagi mengukur tenaga pengajar untuk menilai keberkesanan metodologi dakwah PITI ialah berkaitan dengan cara mengajar yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 47 orang (52.2%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa pengajar mengajar amat baik dan mudah difahami. Manakala terdapat 5 orang (5.5%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah bilangan terbanyak ialah dari kalangan mereka yang bersetuju dengan pendekatan mengajar sehingga saudara baru mudah memahami apa yang diajar. Keadaan ini menjelaskan di mana saudara baru boleh menerima dengan baik pelajaran yang diajar oleh tenaga pengajar PITI. Ini juga memberi impak kepada keberkesanan metodologi dakwah PITI kepada saudara baru.

Respons yang terakhir bagi mengukur tenaga pengajar dalam menilai keberkesanan metodologi dakwah PITI ialah berkaitan dengan sikap tenaga pengajar yang selalu memberi galakan kepada saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 50 orang (55.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa tenaga pengajar sentiasa memberi galakan kepada saudara baru. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan satu perbezaan yang nyata di antara mereka yang bersetuju dan yang tidak bersetuju. Dengan kenyataan bahawa mereka yang bersetuju memiliki jumlah yang lebih ramai dibandingkan yang tidak bersetuju. Ini menjelaskan bahawa saudara baru sentiasa berada dalam dorongan yang kuat untuk terus mempelajari Islam dan sekali gus menjadi masyarakat Islam yang sebenar.

Jadual 5.22. Kebajikan

Bi l.	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sgt tidak setuju (%)
1	PITI menyediakan sumbangan	16.7	34	33.3	10	5.6
2	Menguruskan perkahwinan atau kemasyarakatan	25.6	44.5	13.3	13.3	3.3
3	Mengadakan keriaan bila memeluk Islam	15.6	35.6	30	15.6	3.3
4	PITI menyediakan bentuk bantuan lain selain kelas	13.3	47.8	15.6	23.3	0
5	Menyediakan tempat tinggal bagi saudara baru	32.2	45.6	11.1	8.9	2.2
6	PITI sentiasa mengadakan kaunseling bagi saudara baru	25.6	56.7	5.5	10	2.2
7	PITI menyediakan bengkel jahitan untuk saudara baru	10	58.9	15.6	12.2	3.3
8	PITI mewujudkan bengkel kraf tangan	13.3	53.3	17.8	14.5	1.1
9	PITI membantu dalam aspek kewangan untuk memulakan perniagaan	24.4	42.2	13.3	15.6	5.5

Kebajikan merupakan salah satu wasilah dan metodologi dakwah PITI kepada saudara baru. Ini juga adalah salah satu item bagi mengukur keberkesanan program yang dilaksanakan oleh PITI. Usaha ini merupakan rentetan daripada apa yang pernah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan saudara baru. Banyak aspek-aspek yang dilihat oleh penulis bagi menjelaskan keberkesanan dakwah PITI, kebajikan salah satu darinya dan usaha ini adalah usaha yang berterusan kepada saudara baru bagi membantu mereka sekadar yang termampu dengan peruntukan yang ada. Bagi menjayakan ke arah itu, penulis telah mengenal pasti beberapa aspek yang perlu dilihat bagi menilai dan mengukur bagaimana respons saudara baru terhadap perkara berikut. Terdapat 9 aspek telah dikenal pasti bagi mengetahui sejauh mana kebajikan yang dilaksanakan PITI tercapai.

Respons terhadap aspek pertama dalam menilai kebajikan PITI terhadap saudara baru ialah penyediaan biasiswa kepada saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 31 orang (34.4%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI menyediakan sumbangan kepada saudara baru. Manakala terdapat 9 orang (10%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju, namun di sana terdapat 30 orang (33.3%) yang tidak tahu akan adanya sumbangan PITI bagi saudara baru. Apa pun keadaan di atas menjelaskan bahawa PITI cuba melaksanakan pemberian sumbangan namun di sana mungkin ada golongan yang dapat dan ada di kalangan mereka yang tidak dapat sumbangan tersebut.

Aspek yang kedua dalam menilai dan mengukur kebajikan PITI terhadap saudara baru ialah aspek pengurusan perkahwinan dan kemasyarakatan selepas mereka memeluk Islam. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 40 orang (44.5%) responden

bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI menguruskan erkahwinan/kemasyarakatan kepada saudara baru. Manakala terdapat 12 orang (13.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi dan setelah dianalisis menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju. Jumlah bilangan teramai ini memberi penjelasan di mana PITI mengambil inisiatif dalam menguruskan ehwal kemasyarakatan saudara baru dalam menunaikan keperluan kebajikan.

Respons terhadap aspek ketiga berkaitan dengan PITI mengadakan keriaan apabila saudara baru masuk Islam. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 32 orang (35.6 %) responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Manakala terdapat 14 orang (15.6%) yang tidak bersetuju. Namun di sana terdapat 27 orang (30%) yang tidak pasti akan adanya kebajikan dari aspek ini. Data yang diperolehi menunjukkan jumlah bilangan yang terbanyak adalah mereka yang setuju dengan kenyataan bahawa PITI meraikan keislaman mereka. Ini menjelaskan bahawa di sana terdapat reaksi yang berbeza tentang perkara ini dan ini menunjukkan kemungkinan PITI sempat meraikan keislaman saudara baru tetapi tidak kepada semuanya.

Respons terhadap aspek keempat dalam menilai kebajikan PITI terhadap saudara baru ialah berkaitan dengan penyediaan bantuan lain selain daripada pengajian. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 43 orang (47.8%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI menyediakan bantuan lain selain kelas agama. Manakala terdapat 21 orang (23.3 %) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju, namun jumlah yang tidak setuju juga tidak sedikit. Apa pun keadaan di atas menjelaskan bahawa PITI telah cuba melaksanakan pemberian bantuan lain selain kelas seperti

kewangan, pekerjaan, dan latihan dalam bentuk bengkel bagi saudara baru bagi membantu mereka selepas memeluk Islam.

Aspek selanjutnya dalam menilai kebajikan PITI terhadap saudara baru ialah penyediaan tempat tinggal kepada saudara baru selepas memeluk Islam. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 41 orang (45.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI menyediakan tempat tinggal bagi saudara baru. Manakala terdapat 8 orang (8.9%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju. Ini kerana bagi memberi perlindungan sementara terutama kepada saudara baru yang datang dari luar daerah ataupun perlindungan daripada tindakan keluarga asal mereka terhadap mereka selepas memeluk Islam.

Respons terhadap aspek keenam dalam menilai kebajikan PITI terhadap saudara baru ialah sentiasa mengadakan kaunseling. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 51 orang (56.7%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI menyediakan kaunseling kepada saudara baru. Manakala terdapat 9 orang (10%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju bahawa PITI mengadakan kaunseling dalam menyelesaikan permasalahan saudara baru. Keadaan ini memberi sedikit gambaran akan tujuan PITI memberi kaunseling sebagai satu usaha memberi kebajikan dalam menunaikan peranan kepada saudara baru bagi membantu dan memberi jalan penyelesaian kepada permasalahan yang mereka hadapi dalam semua aspek yang berkaitan dengan mereka.

Dalam menilai aspek kebajikan yang dilaksanakan oleh PITI ialah bengkel jahitan untuk saudara baru. Bengkel ini merupakan salah satu dari metodologi dakwah PITI dalam aspek kebajikan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 53 orang (58.9%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI menyediakan bengkel jahitan walaupun di sana terdapat dari kalangan mereka yang tidak setuju namun bilangan itu tidak begitu ramai di mana hanya terdapat 11 orang (12.2 %) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan bengkel jahitan yang diadakan oleh PITI. Ini juga menjelaskan bahawa metodologi dakwah PITI kepada saudara baru dalam aspek kebajikan amat berkesan melalui cara ini.

Aspek yang selanjutnya dilihat dari sudut kebajikan sebagai salah satu metodologi dakwah PITI kepada saudara baru ialah dengan mengadakan bengkel kraf tangan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 48 orang (53.3%) responden bersetuju dengan langkah dan apa yang dilaksanakan PITI manakala 13 orang (14.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan adanya bengkel kraf tangan yang diadakan oleh PITI sebagai salah satu metode dakwah kepada saudara baru dalam aspek kebajikan. Jumlah teramai ini juga menunjukkan bahawa metode yang digunakan oleh PITI amat berkesan dalam membentuk jati diri saudara baru.

Respons terakhir dalam menilai kebajikan PITI terhadap saudara baru ialah dengan membantu dalam aspek kewangan dalam membantu saudara baru memulakan perniagaan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 38 orang (42.2%) responden bersetuju dengan cara bantuan yang diberikan oleh PITI manakala terdapat 14 orang (15.6%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data yang diperolehi menunjukkan

bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan adanya bantuan awal kewangan bagi mereka memulakan perniagaan sekalipun PITI sedar cara ini mengundang risiko, namun demi melatih dan memberi semangat kepada saudara baru usaha ini tetap diteruskan walaupun dengan kadar tidak seberapa. Jumlah bilangan yang setuju ini menunjukkan bahawa usaha-usaha dakwah PITI dalam ehwal kebajikan dapat mengingat saudara baru dengan Islam lebih erat dan memberi kesan yang baik bagi mereka.

Jadual 5.23. Bentuk Program atau Aktiviti

Bil	Perkara	Sangat setuju (%)	Setuju (%)	Tidak pasti (%)	Tidak setuju (%)	Sangat tidak setuju (%)
1	PITI sentiasa mengadakan kelas fardu ain	14.5	60	18.9	5.5	1.1
2	Mengajar bidang lain selain ajaran agama	12.2	44.4	15.6	21.1	6.7
3	Banyak bentuk program yang dilaksanakan	13.3	64.5	12.2	7,8	2.2
4	Diadakan ceramah agama bagi menambah ilmu	25.5	54.5	17.8	1.1	1.1
5	Perjumpaan diadakan	23.3	55.6	15.6	3.3	2.2
6	Program yang bersesuaian dengan saudara baru	17.8	65.6	10	5.5	1.1
7	Cara yang dilaksanakan oleh PITI bertepatan	20	62.2	15.6	2.2	0
8	Sambutan baik saudara baru terhadap program PITI	23.3	67.8	5.6	3.3	0
9	PITI dan majlis ke dua hari raya untuk saudara baru	17.8	63.3	7.8	10	1.1

Program dan aktiviti merupakan salah satu daripada cara PITI untuk memenuhi keperluan tanggungjawab terhadap saudara baru. Melalui program dan aktiviti PITI bukan sekadar dapat menambah ilmu saudara baru malah ia juga dapat mengeratkan hubungan sesama saudara baru dan sesama masyarakat Islam lainnya. PITI begitu prihatin dalam memenuhi keperluan tanggungjawab. Penulis melihat bahawa PITI

begitu komited dalam melaksanakan apa yang dianggap sebagai sumbangan bagi membantu saudara baru dan bagi memenuhi keperluan tersebut penulis mengukur satu penilaian bagi mengenal pasti kebertanggungjawaban PITI terhadap saudara baru dari kaca mata aktiviti dan program. Terdapat 8 aspek yang dilihat adalah dikira sesuatu yang relevan bagi mengukur perkara tersebut.

Respons terhadap aspek pertama berkaitan dengan kekerapan kelas yang diadakan oleh PITI. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 54 orang (60%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI sentiasa mengadakan kelas kepada saudara baru. Manakala terdapat 5 orang (5.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan PITI yang sentiasa mengadakan kelas untuk saudara baru. Keadaan ini menggambarkan di sana terdapat kelas sebagai salah satu aktiviti PITI untuk mempertingkatkan Islam saudara baru dan menambah ilmu kepada mereka.

Respons terhadap aspek kedua dalam bidang pengajaran. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 40 orang (44.4%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI tidak hanya mengajar bidang agama, malah menyeluruh bagi perkara-perkara lain. Tetapi terdapat juga 19 orang (21.1%) dari kalangan responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan PITI yang menyentuh bidang lain dalam pengajaran. Ini dilakukan oleh tenaga pengajar PITI kerana melihat keperluan-keperluan semasa saudara baru dalam ilmu dan pengetahuan.

Respons dari saudara baru dilihat dari aspek ketiga yang berkaitan dengan jumlah program yang dilaksanakan. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 58 orang (64.5%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI banyak mengadakan

pelbagai program kepada saudara baru. Manakala terdapat 2 orang (2.2%) sahaja yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan PITI yang mengadakan pelbagai program untuk memberi pendedahan kepada saudara baru mengenai budaya dan cara hidup Islami. Ini dilakukan oleh PITI kerana melihat bahawa saudara baru merupakan generasi baru yang perlu kepada pendedahan tentang budaya dan cara hidup Islam yang lebih terbuka melalui penghayatan yang lebih mendalam dan berkesan.

Respons terhadap aspek selanjutnya berkaitan dengan segi ceramah agama yang diadakan bagi menambah ilmu kepada saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 49 orang (54.4%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa ceramah agama yang diadakan oleh PITI menambah ilmu kepada saudara baru. Manakala terdapat 1 orang (1.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan PITI yang sentiasa mengadakan ceramah agama untuk menambah ilmu saudara baru. Keadaan ini menggambarkan bahawa PITI sentiasa berusaha memberi yang terbaik kepada saudara baru.

Respons terhadap aspek kelima berkaitan dengan kekerapan perjumpaan dengan saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 56 orang (55.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI sentiasa mengadakan perjumpaan dengan saudara baru. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju. Ini sedikit banyak memberi gambaran bahawa PITI begitu komited terhadap saudara baru bagi menjelaskan dan menjayakan program

dan aktiviti serta menunjukkan peranan mereka kepada saudara baru yang amat berkesan.

Antara aspek yang dilihat dan dinilai untuk menentukan peranan yang dimainkan oleh PITI kepada saudara baru melalui program dan aktiviti ialah kesesuaian program dengan saudara baru. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 59 orang (65.6%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa program yang dilakukan oleh PITI kepada saudara baru adalah sesuai. Manakala terdapat 5 orang (5.5%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan kenyataan ini. Data perangkaan juga menjelaskan bahawa PITI begitu memahami keperluan saudara baru dalam mengadakan program dan aktiviti bagi memastikan segala apa yang dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak dan cita rasa saudara baru.

Antara lain bagi aspek yang ketujuh dilihat untuk menentukan peranan yang dimainkan oleh PITI kepada saudara baru melalui program dan aktiviti ialah ketepatan cara yang digunakan olehnya. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 9356 orang (62.2%) responden bersetuju dengan cara yang digunakan oleh PITI bertepatan dengan mereka. Manakala terdapat 2 orang (2.2%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa PITI begitu berusaha mencari cara terbaik dalam mengadakan program dan aktiviti bagi memberi sesuatu yang terbaik kepada saudara baru.

Respons yang kelapan yang dilihat ialah berkaitan dengan sambutan saudara baru terhadap program yang dilaksanakan oleh PITI. Dari kalangan 90 responden, kedapatan 61 orang (67.8%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa saudara baru memberi sambutan amat baik terhadap program dan aktiviti yang dilaksanakan

oleh PITI. Manakala terdapat 3 orang (3.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah teramai ialah mereka yang bersetuju dengan program dan aktiviti yang dilaksanakan PITI untuk saudara baru. Keadaan ini menggambarkan bahawa program dan aktiviti yang dimainkan oleh PITI mendapat sambutan dari kalangan saudara baru kerana mereka sedar kedudukan dari aspek kurangnya pengetahuan dan pengisian ilmu agama, dan PITI merupakan tempat yang tepat untuk mereka berada di sana.

Aspek yang terakhir sekali bagi menilai keberkesanan program yang dilaksanakan oleh PITI ialah aspek sambutan majlis kedua hari raya di mana daripada kalangan 90 responden, kedapatan 57 orang (63.3%) bersetuju dengan kenyataan bahawa PITI mengadakan majlis sambutan kedua hari raya bagi saudara baru. Walaupun begitu terdapat juga 9 orang (10%) yang tidak bersetuju kenyataan tersebut. Data perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah bilangan teramai memberi persetujuan yang amat ketara berbanding dengan yang tidak bersetuju terhadap program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PITI. Ini menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan oleh PITI amat berkesan dan memberi kebaikan kepada saudara baru.

Namun demikian PITI sebagaimana telah disinggung di atas masih perlu meningkatkan lagi penyediaan materi, metoda serta sumber daya manusia (guru/da'i) kerana dinamika organisasi serta tuntutan para ahli atau peserta dakwah sangat signifikan dari bulan ke bulan yang perlu segera dicermati, maka inilah cabaran yang dihadapi PITI agar program dakwahnya sentiasa diminati peserta. Penggunaan media informasi dan teknologi dalam berdakwah tentunya sangat diperlukan di masa hadapan untuk memenuhi tuntutan, maka secara implisit sistem kaderisasi PITI juga perlu mendapat perhatian segera.

BAB VI

PENUTUP

6.1 Kesimpulan

Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Bandar Raya Medan ditubuhkan pada tahun 1961 telah pun mengambil peranan penting dan telah menyumbangkan kesan positif dalam gerakan dakwah di Bandaraya Medan yang mana dakwah Islam yang disampaikan menerusi lembaga itu telah pun diterima di kalangan masyarakat Tionghoa dan masyarakat pada umumnya. PITI adalah merupakan wadah silaturahmi bagi saudara baru, tempat menjalin tali persaudaraan, saling peduli, saling memperkuat spirit/semangat, sosial ekonomi dan saling mendukung di antara Muslim Tionghoa dengan saudara baru dan antara Muslim Tionghoa dengan umat Islam secara amnya sehingga mereka mempunyai identiti yang kuat sebagai bangsa Indonesia yang Muslim dan asal etnik Tionghoa.

PITI di Bandaraya Medan merupakan pertubuhan cawangan yang berpusatkan di Jakarta. Pertubuhan yang ahlinya terdiri dari orang-orang Tionghoa Muslim mengalami pertumbuhan yang pesat dari tahun ke tahun. Mereka terdiri dari berbagai lapisan masyarakat dengan status dan pekerjaan yang berbagai, mulai dari pakar di bidang politik, ekonomi, kebudayaan, niaga (bisnis), pendidikan, kesihatan, sukan dan lain sebagainya. Hubungan PITI pusat dan daerah yang harmonis dan saling membantu memecahkan permasalahan yang dihadapi di tingkat akar umbi menambah kekuatan tersendiri bagi pergerakan PITI di setiap daerah.

Kewujudan PITI sebagai pertubuhan menyelenggarakan program dakwahnya melalui berbagai strategi seperti dakwah *ibda' bi nafsik*, dakwah *bil hal* dan dakwah *fardiyah*. Muhasabah dan evaluasi diri, kesedaran terhadap kewujudan diri dan *muhasabah* merupakan sarana berdakwah mulai dari diri sendiri (*ibda' bi nafsik*). Peningkatan pengetahuan agama dan kesedaran dalam beragama dan ibadah yang dimulai dari diri sendiri adalah fundamen dan kekuatan dalam berdakwah. Apalah ertinya menyeru orang lain kepada kebaikan sementara ianya melupakan dirinya sendiri. Tentu hal sedemikian tidak dibenarkan Islam, seperti disinggung dalam Qur'an, "*kabura maqtan indallahi antaqulu maa laa taf'alun*" (QS: 61: 2-3).

Adapun dakwah *bil hal* adalah paket lanjutan dengan penampilan (*performance*) sebagai seorang Muslim yang berkeperibadian dan berakhlak mulia. Maka dengan kedua pendekatan dakwah *ibda bi nafsik* dan *bil haal*, proses dakwah PITI menekankan kontak secara personal individual yang disebut dakwah *fardiyah*, iaitu penyampaian dakwah secara individu ke individu atau dari keluarga ke keluarga. Disinilah sebenarnya pesan junjungan Nabi Muhammad saw untuk menyampaikan risalah Islam dapat direalisasikan, iaitu seperti dalam hadithnya, "*ballighuu anni walau ayah*" (sampaikan mengenai ajaranku sekalipun hanya sepotong ayat).

Dakwah melalui cara penyampaian sedemikian lebih bersifat membujuk (*persuasive*) dan kekeluargaan serta saling menjaga kerukunan. Bantahan atau *jadal* kerap terjadi namun tetap dalam konteks kekeluargaan dan alasan yang mendasar (*argumentative*) sehingga dakwah dapat disampaikan dengan cara yang bijaksana, tanpa paksaan dan tetap menjaga hubungan keetnisan atau hubungan darah dalam persaudaraan. Dengan demikian PITI tetap dapat memainkan peran dan fungsinya

sebagai pertubuhan dakwah untuk perekat hubungan antara mereka yang telah masuk Islam (*mualaf*) mahupun dengan mereka yang belum Islam.

Pengembangan metod berdakwah sebagaimana tersebut di atas pada dasarnya bersifat bersepadu (*integrated*), iaitu memadukan beberapa metode mengikut tuntutan keadaan pendengar (*audiens*). Kerana memang berdakwah tidak boleh memaksakan kehendak diri pendakwah terhadap *audiens* (*peserta dakwah*), ini ertinya pendakwah mesti profesional, mengenal *audiens* dengan sebenar dan menerapkan suatu metod tertentu yang bersesuaian dengan tuntutan. Dakwah tidak hanya dengan berdebat (*jadal*) tanpa nash yang jelas, tapi juga mesti disampaikan secara bijak dan persuasif (*mebujuk*) dengan menerangkan kenyataan melalui kisah-kisah keteladanan serta hikmah-hikmah di segala balik kejadian.

PITI sebagai pertubuhan berskala nasional juga memainkan peran untuk menjayakan program kerajaan dengan program pembauran atau asimilasinya. Kerjasama PITI dengan lembaga dakwah seperti Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan al-Washliyah adalah merupakan pendekatan tersendiri untuk konsolidasi dan memperkuat keberadaan pertubuhan. Jaringan kerja sedemikian merupakan keperluan yang mustahak di era globalisasi dan arus modernisasi saat ini terutama untuk menangkal unsur-unsur negatif dan memelihara yang positif, atau untuk mengembangkan program kerja bagi peningkatan kualiti umat serta untuk membendung arus budaya asing yang tidak sesuai dan bercanggah dengan visi dan misi dakwah Islam.

Sikap bijak PITI dalam mengembangkan dakwahnya juga sangat baik bagi kelanjutan keberadaan pertubuhan ini. Dakwah dengan cara akomodatif menunjukkan sikap toleransi pada aspek-aspek sosial dan budaya sepanjang ianya tidak bercanggah dengan *syariat* Islam. Hal itu juga tercermin dari sikap keberagamaan PITI yang tidak memihak atau cenderung dalam pemahaman keagamaan misalnya, kepada salah satu pertubuhan agama besar di Indonesia; Muhammdiyah, NU atau al-Washliyah. Kerana mereka pun tidak mempermasalahkan khilafiah seperti *qunut*, *ushalli*, *nisfu Sya'ban* dan lain sebagainya.

PITI dengan pendekatan akomodatif sentiasa menempatkan pertubuhan ini pada posisi yang menguntungkan, kerana ianya dapat diterima oleh berbagai jenis kelompok pertubuhan. Secara tidak langsung PITI menunjukkan sikap toleransi dan menghargai perbezaan sama ada berhubung kait dengan pahaman agama tersebut di atas atau pahaman budaya masyarakat peribumi lainnya. Kerananya juga PITI memiliki pergaulan yang luas dan memudahkannya untuk mengembangkan potensi dakwahnya sama ada dengan mengikuti aktiviti agama pertubuhan lain atau menyampaikan ide-ide dan isu-isu semasa berkenaan dakwah Islam.

Dakwah secara akomodatif seperti ditunjukkan PITI dapat dilihat lebih lanjut melalui pendekatan budaya, iaitu sikap toleran dan menghindari fanatisme baik di lingkungan sesama Muslim Tionghoa seperti mengekalkan budaya pembuatan “kue bulan”. Namun tentunya proses pembuatannya, substansi dan *ingredian* (bahan asasnya) terambil dari barang-barang yang halal yang terpilih, sehingga menjadi “*halal food*”. Budaya pembuatan “kue bulan” tentu memiliki makna tersendiri, kerana ianya bukan hanya terbatas pada substansi wujud kue tersebut, tapi juga terdapat upaya pengkalan

budaya leluhur dengan memasukkan nilai-nilai Islam melalui bahan dasar yang terpilih dan halal. Demikian kemasan dakwah kultural yang perlu dikembangkan pada aspek-aspek lainnya dalam berdakwah.

Begitu pun pertubuhan PITI dalam melaksanakan program dakwahnya tidaklah selancar dan semudah membalik telapak tangan. Sebaliknya, PITI dihadapkan pada permasalahan dan cabaran yang substansial seperti, perubahan sistem pentadbiran dan pengurusan, pelapis, penyediaan sumber daya manusia yang berkualiti, penyediaan sumber keuangan, pengadaaan infrastruktur yang memadai. Sementara upaya-upaya mengatasinya telah pun dirancang untuk melakukan suatu perubahan dan pembenahan agar PITI dapat tetap wujud dan menjalankan misi dakwahnya di tengah-tengah masyarakat yang semakin kompleks dan majemuk.

Pembenahan struktural organisasi dan penguatan bidang ekonomi serta penyediaan sarana dan prasarana infrastruktur nampaknya telah menjadi fokus perhatian PITI. Kerena telah pun disedari bahwa tantangan dakwah di masa hadapan akan lebih kompleks selari dengan semakin banyaknya orang Tionghoa yang masuk Islam yang perlu keikutsertaan PITI dalam menanganinya secara khusus, terutamanya agar keimanan mereka tetap terjaga. Dalam hal ini PITI mengambil berat dan berupaya untuk membantu serta melindungi para *muallaf* dengan cara memberikan pengajaran agama khususnya, nasehat atau konsultasi dalam pengertian yang luas.

Pembenahan struktural yang dimaksudkan adalah melakukan perubahan (*reshaple*) kepengurusan, pergantian pengurus dan pengembangan struktural pertubuhan seperti membuka badan-badan usaha dan penyelenggaraan sekolah sebagai tuntutan

yang mendesak. Para pengurus yang sudah sekian lama berkhidmat mungkin perlu ditukarkan di tempat lain dengan jawatan yang berbeza, atau melakukan regenerasi kepengurusan. Terlebih-lebih kepengurusan di pusat (PITI Jakarta) tengah melakukan perubahan besar dan sedang mengintensifkan hubungan dengan PITI di berbagai daerah dan cawangan di seluruh Indonesia. Salah satu hasil muktamar nasional baru-baru ini yang diadakan di Kalimantan Timur pada tahun 2012 adalah menyangkut perhatian khusus pengembangan PITI di daerah-daerah dan cawangan. Itulah sebabnya PITI di Badaraya Medan juga tengah merancang pembenahan struktural, regenerasi dan pelapis. Perubahan-perubahan tersebut merupakan upaya penyelesaian alternatif untuk mempersembahkan dakwah PITI di masa hadapan agar lebih berkualiti, efektif dan berkesan.

Memandang kepada tuntutan dakwah saat ini yang tentulah pelapis (kaderisasi) dan penyediaan sumber daya manusia menjadi hal yang mustahak dan utama. Namun, justru hal itu pula yang menjadi kelemahan PITI selama ini. Itulah sebabnya program dan perancangan PITI ke depan mencadangkan pembinaan sumberdaya manusia melalui bantuan dan dukungan kepada anak-anak anggota PITI untuk menyelesaikan sekolahnya dalam berbagai bidang. PITI juga mulai merekrut para ahli yang berkebolehan untuk terlibat dalam penyelenggaraan dakwah di lingkungan PITI pada khususnya.

Pengembangan dakwah dengan menggunakan mass media sama ada media cetak atau pun media elektronik juga telah menjadi perhatian PITI, kerana penggunaan media seperti ini sangat mustahak dipergunakan di era sekarang ini. Namun kendalanya kemudian lagi-lagi terletak pada kurang tersedianya tenaga profesional disamping

kekurangan sumber daya keuangan untuk penyediaan barang-barang tersebut yang cukup mahal. Pengelolaan buletin, buku, percetakan dan penggunaan internet serta media informasi dan komunikasi lainnya perlu didukung oleh adanya sumber daya manusia yang berkualii dan profesional.

6.2 Cadangan dan Saranan

Sesuai dengan peran dan fungsinya, PITI berusaha membimbing dan mendorong saudara baru untuk memahami dan mengamalkan Islam dengan lebih sempurna, bahkan sentiasa melindungi mereka daripada agenda kristenisasi ataupun rancangan musuh-musuh Islam yang sentiasa bersedia merosak dan memesongkan akidah umat Islam, maka sepatutnya. Kerana itu kajian ini mengemukakan beberapa cadangan dan saranan untuk dipertimbangkan bagi mempertingkatkan fungsi dakwah PITI agar lebih efektif.

1. Mengintensifkan kelas-kelas pengajaran dan pengajian serta kegiatan-kegiatan akademik maupun kerajinan secara terancang. Kerana itu PITI perlu juga menyediakan buku-buku panduan dan silabus bagi memudahkan proses belajar-mengajar yang dikemas secara sistematik.
2. Saudara baru disarankan supaya mempunyai pembimbing secara individu sekiranya mereka tidak mampu untuk mengikuti kelas-kelas pengajian yang disediakan disebabkan urusan-urusan tertentu atau sebagainya. Justeru itu, saudara baru tidak seharusnya bergantung pada bahan-bahan bacaan semata-mata sama ada dari bahan cetakkan, elektronik atau sebagainya tanpa panduan daripada guru kerana dikhuatiri tidak dapat memahami isi kandungan

maklumat tersebut dan akhirnya akan memesongkan kefahaman mereka daripada akidah sebenar.

3. Menjalinkan kerjasama dengan badan-badan dakwah (NGO) atau peringkat kerajaan dengan mewujudkan satu jawatankuasa dakwah di peringkat global yang dianggotai oleh NGO-NGO dakwah agar gerak kerja dakwah dapat diselaraskan dan dapat merelisasikan gerakan dakwah yang lebih efisien dan berkesan.
4. Proses dan aktiviti pembelajaran hendaklah komitmen dan selari dengan tujuan dakwah dan dijalankan dengan mempelbagaikan metode atau *manhaj* dakwah, kerana berdakwah tidak cukup dengan hanya bergantung pada teknik yang lama sahaja seperti ceramah, forum dan sebagainya, tetapi perlu adanya teknik baru mengikut keadaan sasaran yang boleh menarik minat mereka kepada aktiviti dakwah. Contohnya seperti pendekatan aktiviti dakwah secara non-formal, bersantai dan melalui permainan seperti hacking, out bound dan lain sebagainya.
5. Pihak PITI hendaklah memperbanyak dan mempertingkatkan program-program berkaitan dengan ilmiah, kursus motivasi dan kaunseling kepada saudara baru supaya mereka mendapat menimba ilmu pengetahuan kerana masih ramai lagi mereka yang tidak dapat hadir ke kelas-kelas pengajian. Di samping itu, perlu juga menambah dan melengkapkan koleksi bahan bacaan di sekretariat PITI agar dapat rujukan bagi saudara baru dalam mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu keislaman.
6. Bagi kerajaan atau pemerintah daerah khususnya, hendaklah memberikan dukungannya kepada PITI Medan sama ada secara moril mahupun material agar program-program dakwah yang telah ditetapkan dapat berjalan dengan baik dan membuahkan hasil yang baik dan cemerlang.

Demikian cadangan dan saranan bagi pengembangan dakwah PITI di Bandaraya Medan agar program kerja dan fungsi dakwahnya dapat diselenggarakan secara lebih efektif dan berkesan serta diterima di masyarakat luas.

University of Malaya

RUJUKAN

- Abdul Bagir Zein. *Etnis Cina dalam Potret Pembauran di Indonesia*. Jakarta: Prestasi Insan, 2000.
- Abdul Munir Mulkan. *Ideologi Gerakan Dakwah: Episode Kehidupan M. Nasir dan Azhar Basyir*. Yogyakarta: Sypress, 1996.
- Abdul Rahman. *Masalah Pembauran Masyarakat Etnik Cina di Kota Madya Medan*. Medan: Fakultas Hukum UISU, 1986.
- Abdul Rashid Moten. *A guide to Research proposal and report writing*. Gombak: Research Center, International Islamic University Malaysia, 1998.
- Abdul Rasyad Shaleh. *Managemen Dakwah Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, 1993.
- Abu Urwah. *Risalah al-Usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1986.
- Abdul Munir Mulkan. *Ideologi Gerakan Dakwah: Episode Kehidupan M. Nasir dan Azhar Basyir*. Yogyakarta: Sypress, 1996.
- Afzalurrahman. *Quranic Science: al-Qur'an Sumber Ilmu Pengatahuan*, terj. M. Arifin. Jakarta: PT. Rinica Cipta, 1992.
- Aliyudin. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Jakarta: Gema Insani Pers, 1995.
- Anderson, Benedict, *Komunitas-Komunitas Terbayang*. Yogyakarta: Insis Press dan Pustaka Pelajar, 2001.
- Annemaria Schimmel. *Deciphering the Signs of God A Phenomenological Approach to Islam: Rahasia Wajah Suci Ilahi; Memahami Islam Secara Fenomenologis*, terj. Rahmani Astutu. Bandung: Mizan, 1997.
- Asmuni Syukir. *Dasar-Dasar Strategi Dakwah Islam*. Surabaya: al-Ikhlas, 1983.
- Awang Idris. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2001.
- Barth, Frederic. *Kelompok Etnik dan Batasnya*. Jakarta: UI Press, 1998.
- Benny G. Setiono. "Etnis Tionghoa Adalah Bagian Integral Bangsa Indonesia", Makalah, Diskusi Akbar, Perhimpunan INTI, Jakarta, 27 April 2002.
- Brunner E. *Urbanisation and Ethnic Identity in North Sumatera*. T.tp: American Anthropologist, 1961.
- _____. *The Expression of Ethnicity in Indonesia (Urban Ethnicity)*. London: Tavistock, 1974.
- Burhan Bungin. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Jakarta: Kharisma Putra Utama Offset, 2006.

- Burmadi. "Sejarah Berdirinya PITI (Pembina Iman Tauhid Islam)," dalam *Buletin Pembina Iman Tauhid Islam*. Surabaya: DPW Jawa Timur, 1991.
- Coppel, Charles A. *Indonesia Chinese In Crisis: Tionghoa Indonesia dalam Krisis*, terj. Tim PSH. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1994.
- Collin. *Cobuild English Dictionary* (new edition). London: Harper Collins, 1995.
- Dada Meuraxa. *Sejarah Kebudayaan Suku-suku di Sumatera Utara*. Medan: Sastrawan, 1973.
 _____ . *Kebudayaan Suku-Suku di Sumatera Utara*. Medan: Sastrawan, 1975.
- Danan K. Anwar SB. *Bahaya Loby Cina di Indonesia: Awal Kebangkitan Peribumi Termasuk Peribumi Etnik Cina*. T.tp: PT. Oraita Kurnia dian Kirana, t.t.
- De Greaf, H.J. *Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI: Antara Historisitas dan Mitos*, terj. Alfajri. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya, 1997.
- Djaelani T. Peningkatan Mutu Pendidikan dan pembangunan perguruan agama. (Jakarta: CV Darmaga, 1980)
- Faridi, F.R. "Islamic Research Methodology: Some Reflection." dalam *Research Methodology in Islamic Perspective*, ed. Muhammed Muqim. Kuala Lumpur: Syergy Book International, 1999.
- Fuad Amsyary. *Islam Kaffah Tantangan Sosial dan Aplikasinya di Indonesia*. Jakarta: Gema Insan Press, 1995.
- Gondomono. "Tjong A.Fie Dermawan dari Medan." dalam *Intisari Pelangi Cina Indonesia*. Jakarta: Intisari Mediatama, 2002.
- Habullah. *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan perkembangan*", (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999).
- Hamka. "Antara Fakta dan Khayal' Tuanku Rao'Bantahan terhadap tulisan Ir.Mangaraja Onggang Perlindungan." dalam *Tuanku Rao*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1974.
- Hasjimy. *Dustur Dakwah Menurut Al-Quran*. Jakarta: Bulan Bintang, 1974.
- Heming Wijaya Kesuma. "Pengantar Penyunting." dalam *Kong Yuanzhi, Muslim Tionghoa Cheng Ho, Misreri Perjalanan Muhibah di Nusantara*. Jakarta: Pustaka Populer Obor, 2000.
- Husin Sayuti. *Pengantar Metodologi Riset*. Jakarta: Penerbit Pajar Agung, 1988.
- H.S.Projdokusumo. *Dakwah bi al-Hal sekilas Pandang*, dalam, *Tuntunan Tablig 1*. Yogyakarta: Pustaka Suara Muhammadiyah, 1997.

- John W.C. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*. London: Sage, 2007.
- Joyce M. Hawkins. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. cet. 17. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti. 2000.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Leo Suryadinata. *Kebudayaan Minoritas Tionghoa di Jakarta*. Jakarta: Gramedia. 1988.
- Lubis, M. Rajab. *Pribumi di Mata Orang Cina*. Medan: Pustaka Widyasarana, 1995.
- Masri Singarimbun dan Sofian Effendi. *Metode Penelitian Survei*. Jakarta: LP3ES PT. Midas Surya Grafindo, 1987.
- Patton, Michael Quinn. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Newbury Park, London, New Delhi: Sage publications, International educational and professional Publisher, 1990.
- Marican S. Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia, 2005.
- Mohammad Noer. "Dakwah untuk Umat." dalam *Workshop Program Studi Sejenis Ditjen*, Makalah, Pendidikan Islam Depag RI., 2007.
- Mohd Rozali Agus. *Pembangunan Sosial dan Ekonomi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1998.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*, edisi kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.
- Mohd Taib Hj Dora dan Muhammad dan Muhammad Razali Agus. *Peminggiran Sosial dan Kemeskinan Melayu Bandar*. Kuala Lumpur: UM, 1998.
- Muhammad Arifin. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Bumi Aksara: 1993.
- Moleong, L.J. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Penerbit Rosdakarya, 2005.
- Muhammad Musa et al. *Metodologi Penelitian*. Jakarta: Penerbit Pajar Agung, 1988.
- Muhammad Salleh Lamri. "Mereka yang Terpinggir: Orang Melayu di Sumatera Utara." *Jurnal Antara Bangsa Dunia Melayu*. Jilid 2 Bil. 2. (Desember 2004). Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munzier Suparta dan Harjani Hefni. *Metode Dakwah*. Jakarta: Prenada Media: 2009.
- Nasution, M. Farid et al. *Penelitian Praktis*. Medan: PT. Pustaka Widya sarana dan IAIN Press. 1993.
- Nuh SM. *Startegi dakwah dan pendidikan umat*, cet. 1. (Yogyakarta: Himam Prisma Media, 2004).

- Nurcholis Majid. "Rakaman Tanya jawab seminar" dalam *masalah Peri Dan Non Peri Dewasa ini*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1998.
- Partha Nath Mukherji (ed). *Methodology in Social Reseach: Dilemmas and Perspective*, (Essays in Honour of Ramkrishna Mukherje, New Delhi, Thousand Oak, London: Saye Publications.
- Rafiuddin dan Jalil MA. Prinsip dan startegi dakwah, (Bandung: Pustaka setia, 1997)
- Reid Anthony. *Perjuangan Rakyat, Revolusi dan Hancurnya Kerajaan di Sumatera*. Jakarta: Penerbit Pustaka Sinar Harapan, 1987.
- Ridzuan Abdullah Wu. "Dakwah" dalam *Faces of Islam: Dari Kaca Mata Islam, Perbincangan Tentang Isu-isu Semasa*, ed. Ziaduddin Sardar dan Mery Wyn Davies, terj. Zambry Abd Kadir dan Sabirin Jaafar. Kuala Lumpur: Berita Publishing SDN.BHD, 1990.
- Rizal Bachrum dan Bobby Hartanto. "Krisis Identitas Diri pada Kelompok Minoritas Cina." dalam *Harga yang Harus Dibayar: Sketsa Pergulatan Etnis Cina di Indonesia*, ed. I Wibowo. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2000.
- Riza Sihbudi dan Moch. Nurhasim. *Kerusuhan Sosial di Indonesia. Studi Kasus Kupang, Mataram dan Sambas*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo, Kantor Menteri Negara Riset dan Teknologi RI dan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, 2001.
- Ruedi Hofman S.J. *Gereja dan Mas Media*. Yogyakarta: Kanusius, 1987.
- Ruiter Tiner. *The Karo Batak: Change and Survival in a Malayan Sultanate in Colonial Time*. Amsterdam: Centre for Asian Studies Amsterdam (CASA), 1988.
- Rustam Thoib. "Nasionalisme yang Memudar." dalam *Majalah Tempo*. Jakarta, No.21/1990.
- Sayyid Muhammad Nuh. *Strategi Dakwah dan Pendidikan Umat*. Yogyakarta: Himm Prisma Media, 2004.
- Sayyidiman Suryohadiprojo. "Pri dan Non Pri dalam Perspektif Integrasi Sosial dan Pemerataan Pembangunan." dalam *Pri Non Pri Mencari Format Baru Pembauran*, ed. Mohd M. Sya'dun. Jakarta: Pustaka Cidesindo, 1990.
- Shaleh AR. *Manageman Dakwah Islam*, cet. 3 (Jakarta: Bintang Bulan, 1993).
- Sidi Gazalba. *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam tentang Perubahan Masyarakat*. Jakarta: Pustaka Alhusna, 1983.
- Sijabat WB. *Partisipasi Kristen dalam Nasional Building di Indonesia*. Jakarta: BPK Gunung Jaya, 1968.
- Siraj HH. *Dakwah semasa dan media baru: Satu cabaran*. Makalah Konvesyen Pendakwah Negara 2012, Jabatan Kamajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2012.

- Soerjono Soekanto. *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: CV Rajawali, 1982.
- _____. *Sosiologi Hukum Dalam Masyarakat*. Jakarta: Penerbit CV Rajawali, 1980.
- Subanindyo Hadiluwih. *Perubahan Sosial pada Masyarakat Melayu di Medan (Indonesia) dan Pulau Penang, (Malaysia)*. Medan: Fakultas Hukum UISU, BAPPEDA Sumut, 1988.
- _____. *Plurisme Etnik dan Budaya: Potensi Sekaligus Kendala dalam Membentuk Kesadaran dan Perilaku Masyarakat Terhadap ide Integritas*., Medan: Fakultas Sastra, USU, Jurnal Akademia Vol. 6. No 3. Julai 2002.
- Suharsimi Arikunto. *Manajemen Penelitian*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta, 1990.
- Sumanto al-Qurtuby, *Arus Cina-Islam-Jawa: bongkar sejarah atas peranan Tionghoa dalam penyebaran agama Islam di Nusantara abad XV & XVI*. Yogyakarta: Inspeal & Inti, 2003.
- Suryadinata Leo, *Pribumi Indonesians, the Chinese minority and China*. Singapura: Heineman Asia, 1992.
- Tengku Luckman Sinar. *Sari Sejarah Serdang*. Medan: t.p., 1971.
- Thung Jzu Lan. "Susah Jadi Orang Cina; Kecinaan Sebagai Konstruksi Sosial." dalam *Harga Yang Harus Dibayar, Sketsa Pergulatan Etnis Cina di Indonesia*, ed. I.Wibowo, Jakarta: Gremesia Pustaka Utama, 2000.
- Timur Djaelani. *Peningkatan Mutu Pendidikan dan Pembangunan Perguruan Agama*. Jakarta: CV Darmaga, 1980.
- Toha Yahya Omar, *Ilmu Dakwah*, (Jakarta: Wijaya, 1992).
- Torben Brandy dan Erik Sasono. *Jurnalisme Radio: Sebuah Panduan Praktis*. Jakarta: Unesco dan Kedutaan Denmark, 2001.
- Usman Pelly. *Hubungan Antar Kelompok Etnis: Beberapa Kerangka Teoritis Dalam Kasus Kota Medan*. Medan: Makalah Seminar Sejarah Lokal, 17-20 September 1984.
- _____. *Urban Migration And Adaptation In Indonesia*. Ann Arbor, Michigan. USA, 1983.
- _____. *Dinamika dan Perobahan Sosial, Suara Pendidikan No 11 Tahun VI*. Medan: Badan Penerbit IKIP, 1988.
- Wardi Bachtiar. *Metodologi Penelitian Ilmu Dakwah*. Jakarta: Logos, 1987.
- Winarno Surakhmad. *Pengantar Penelitian Ilmiah*. Bandung: Penerbit Tarsito, 1985.
- Yahya Toha Omar. *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Penerbit Wijaya, 1992.

Yusiu Liem. *Prasangka Etnis Cina, Sebuah Inti sari*. Jakarta: Penerbit Djambatan, 2000.

Zainal Abidin Safarwan. *Kamus Besar Utusan Melayu*. Selangor: Utusan Publication, 1995.

Rujukan Tesis

Agustrisno, "Respon Kultural dan Struktural Masyarakat Tionghoa Terhadap Pembangunan di Kota Medan" Tesis Pasca Serjana USU Jabatan Antropologi Fakulti Sastera, 2007.

Akh. Muzakki, "Cheng Hoo Mosque: Assimilating Chinese Culture, Distancing it from the State" (Kertas Kerja Crise no 71, Januari; Centre for Research on Inequality, Human Security and Ethnicity, Universiti Oxford, Mansfields, 2010).

John R. Clammer, *Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities in Malaysia and Singapore* (Singapura: Singapore University Press, 1980).

Suhaila Abdullah, "Pemikiran Keagamaan dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah" (*Tesis PhD*, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

Zahirah binti Zainuddin, "Unsur-unsur Kebudayaan Melayu di Kalangan Masyarakat Baba Peranakan Melaka" (*Latihan Ilmiah*, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya, 1960).

Rujukan Laman Web dan Temu Bual

M. Alfandi, *Asimilasi Sebagai Strategi Dakwah Etnis Tionghoa Muslim*, <http://fandyiain.blogspot.com>, 10 Mei 2011.

Muhammad Faisal, Pokok-pokok Gerakan Kristenisasi/Pemurtadan, <http://gerakanpelajarantipemurtadan.blogspot.com>, 10 Mei 2011.

http://en.wikipedia.org/wiki/Nahdlatul_Ulama. Retrieved 2014-8-22

http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah.cite_note-tt-11. Retrieved 2014-8-23

Temu bual dengan Bapak Banin Pengamat Masalah Cina

Temu bual dengan Bapak Cai. Pengurus PITI

Temu bual dengan Bapak Mamat, Pengurus PITI Medan, Sumatera Utara.

Temu bual dengan Bapak San, Pengurus PITI Medan Sumatera Utara.

Temu bual dengan Syah, Ajk PITI Medan Sumatera Utara.

Temu bual dengan Bapak Syam. Ketua PITI Medan Sumatera Utara.